

Fihrasat

1. Khutbah Abdul Razak Kashani	3
2. Khutbah Ismail Haqqi	7
3. Muqadimah	12
4. Permata Hikmah Ilahi dalam Kalimat Adam	15
<i>kejamakan Adam sebagai insan kamil dengan tasybih total</i>	
5. Permata Hikmah Inspirasi dalam Kalimat Syith	29
<i>subjektiviti inspirasi ain tsabit</i>	
6. Permata Hikmah Subbuhiah dalam Kalimat Nuh	44
<i>ghalabah tanzih dengan maratib tasybih</i>	
7. Permata Hikmah Quddusiah dalam Kalimat Idris	50
<i>kategorisasi wujud dengan teori nombor .</i>	
8. Permata Hikmah Muhaymin(/Ekstasi) dalam Kalimat Ibrahim.....	56
<i>keakraban jaringan asma mengkayakan mod ekstasi</i>	
9. Permata Hikmah Haqqiah dalam Kalimat Ishaq	60
<i>kesahihan khayal iaitu keaqlian ghaib</i>	
10. Permata Hikmah Aliah dalam Kalimat Ismail	65
<i>syarat ridha dan diridhai dalam ubudiah</i>	
11. Permata Hikmah Ruhani dalam Kalimat Yakub	67
<i>syarat nawafil untuk khawas</i>	
12. Permata Hikmah Nur dalam Kalimat Yusuf	69
<i>teori asbab dan takwil umum</i>	
13. Permata Hikmah Ahadiyah dalam Kalimat Hud	79
<i>tauhid afaal pada mizaj tarakum</i>	
14. Permata Hikmah Futuh dalam Kalimat Salih	87
<i>pengwujudan objek dalam tauhid afaal</i>	
15. Permata Hikmah Qalb dalam Kalimat Syuaib	91
<i>taraqqi dalam bolak balik qalb</i>	
16. Permata Hikmah Kekuatan dalam Kalimat Luth	97
<i>meninggalkan tasaruf alamat kesempurnaan marifat</i>	
17. Permata Hikmah Qadar dalam Kalimat Uzair	101
<i>zauq takwin termasuk sirr qadar</i>	

18	Permata Hikmah Nubuwwah dalam Kalimat Isa	106
	<i>mukjizat hayat kesubugan nubuwwah Isa</i>	
19	Permata Hikmah Rahman dalam Kalimat Sulaiman	116
	<i>penanggungan kerajaan tanpa hisab</i>	
20	Permata Hikmah Wujud dalam Kalimat Daud	124
	<i>wujud yang dikehendaki kekhalifahan Allah</i>	
21	Permata Hikmah Nafas dalam Kalimat Yunus	130
	<i>penghormatan jiwa yang diciptakan atas suwarNya</i>	
22	Permata Hikmah Ghaib dalam Kalimat Ayub	133
	<i>iftiqar harmonis dengan ain qadha</i>	
23	Permata Hikmah Jalal dalam Kalimat Yahya	137
	<i>munzir qahar al Jalal</i>	
24	Permata Hikmah Malik dalam Kalimat Zakariyah	139
	<i>kesungguhan jihad pada usul</i>	
25	Permata Hikmah Uns dalam Kalimat Ilyas	143
	<i>tafaquh aqal mujarrad atas fikir asbab</i>	
26	Permata Hikmah Ihsan dalam Kalimat Lukman	149
	<i>penelitian amalan tidak mensyirikkan Allah</i>	
27	Permata Hikmah Imamah dalam Kalimat Harun	152
	<i>mendirikan millah dengan siasah inklusif</i>	
28	Permata Hikmah Ketinggian dalam Kalimat Musa	158
	<i>lisan umum nubuwwah berganding basirah sirr qadar</i>	
29	Permata Hikmah Samad dalam Kalimat Khalid	171
	<i>jangan mensia2kan syarat</i>	
30	Permata Hikmah Fardiah dalam Kalimat Muhammadiyah	173
	<i>budaya tinggi : nikah batin , hayatun thayyibatun dan solat</i>	

FUSUS AL HIKAM

Ibn Arabi

*dengan petikan daripada syarah Abdul Razak Qashani dan
syarah Ismail Haqqi Bursavi mengikut terjemahan Bulent Rauf*

Khutbah Abdul Razak Qashani

Segala puji bagi Allah yang Ahad pada zatNya dan kibritNya , yang Wahid pada sifatNya dan asmaNya , yang tertinggi daripada berbilang dengan kerana perbilang nisbah dan penentuan . Dia bertajalli dengan ahadiyyahNya dalam suwar akwan/fenomena dan katsrah . Tidak ada katsrah pada mazahir dan asma (sebanyak) katsrahNya dan tidak ada pengulangan dalam sequen tajalliNya .

Dia tajalli dengan zatNya untuk zatNya (maka) ternyata haqaiq dan ayan . Dia menjadikan (ayan dan haqaiq) hijab wajahNya melalui wujudNya . Dia mengajar kami melalui ilmuNya , dengan mempersaksikan kami akan zatNya dengan bersaksikan (Nabi saw) .

Salawat dan salam atas orang yang terhimpun padanya segala martabat wujud secara jumlah , dijadikan pada tangannya kunci2 ghaib dan diwahyukan kepadanya supaya menyebarkannya . Iaitu Nabi Muhammad saw yang telah diberi jawami' kalam supaya dengannya disempurnakan beberapa thaifah umat dan segala ciptaan dapat mengetahui latifah2 hukum .

Dikhatamkan dengannya , apa yang diperletakkan daripada kesempurnaan , akan alam takwin dan ibda' . Didabit dengan wujudnya nizam kulli berkenaan dengan asnaf dan spesis . Juga atas ahlinya , sahabat2nya dan pengikut2nya yang mengkasyafkan hijab daripada jamal wajahNya yang baki . KeagunganNya bergemilangan mencengangkan sehingga hari pertemuan .

Adapun kemudian , sesungguhnya zaman adalah singkat bentangannya dan nyaris tidak terangkat dengan inkisyaf al Haq akan selindungnya . Sedangkan al Haq (senentiasa) bernatiqah pada lisan khalq tentang asrarNya dan yang batil terhapus dengan suluhan anwarNya . Haqiqat menghendaki bahawa dikoyakkan sutrahnya , mencetuskan dalam setiap pendengaran supaya menghadaskan akhbarnya .

Telah menghadap kepada aku satu jemaah daripada kawan2 yang benar dan murni , pemilik futuwah dan penunai janji daripada ahli irfan dan tahqiq . Mereka yang dibantu inayah (Allah) dengan taufiq , khasnya tuan yang mulia , alim , arif , muwahid , muhaqiq , matahari millah dan din , qudwah pemilik yakin , Muhammad ibn Muslih yang masyhur dengan gelaran al Tabrizi (? Syamsudin Tabrizi – guru Rumi) yang telah dikurniakan Allah dengan kerana apa yang ada padanya dan diperlihatkannya beberapa kesembunyianNya , supaya aku syarahkan bagi mereka kitab *Fusus al Hikam* yang dinisbahkan kepada syaikh yang kamil , mukamil , lautan yang amat luas , penghidup millah dan din , Abu Abdullah Muhammad ibn Ali yang dikenal sebagai Ibn Arabi al Tai' al Hatim al Andalusi , moga2 Allah mensucikan ruhnya dan memperbanyakkan dari sisiNya pembukaannya .

Dengan syarat atas aku supaya tidak menyembunyikan sesuatu daripada jauharnya khazanahnya dan menyatakan apa yang mungkin daripada perkara yang sulit dalam selindung dan rumusannya .

Aku telah setuju permintaan mereka dan memalingkan kekangan himmah aku kepada memudahkan pencapaian ilmu bagi mereka , dengan berijtihad dalam menghuraikan lafaz kitab sepadan yang dipermudahkan kepada aku oleh Allah Taala daripada fahaman yang benar dan tepat , dengan berpegang kepada Allah dalam menceburi perkara yang menarik kecenderungan aku . Sesungguhnya ia adalah sepalang payah perkara yang diqasaskan tuntutan manusia , hal keadaan memintainya supaya tidak membiarkan aku pada perkara yang aku minta kepadanya . Dan supaya memelihara aku dengan ilhamNya yang benar daripada tasaruf aqal dan hadas aku . Dan supaya mencampakkan dalam hati aku apa yang Dia telah mencampakkan kepada orang yang Dia mencampakkan . Dan memelihara aku daripada kesilapan dan kegelinciran pada perkara yang aku menuntut daripadanya dan menemuinya .

Aku telah mendahulukan sebelum kalam (syarah) tiga muqadimah yang meliputi usul *Fusus al Hikam* , dan inilah kalimatnya .

Pertama : Pada Tahqiq Haqiqat Zat Ahadiyah

Haqiqat al Haq yang dinamakan dengan zat ahadiyah bukan selain daripada wujud semata2 . Tidak disyaratkan la ta'yin dan tidak disyaratkan ta'yin . Ia pada diriNya adalah tersuci daripada sifat dan asma ; tidak baginya sifat , resam dan asma . Dan tidak juga iktibar katsrah pada mana satu wajah . Ia bukan jauharnya dan bukan aradh , kerana jauharnya mempunyai mahiyah yang bukan wujud yang dengannya ia terbeza daripada selainnya daripada maujudat . Aradh pun sedemikian . Bersama demikian , (jauharnya) berkehendak kepada tempat yang diwujudkan untuk didudukinya .

Apa yang selain daripada al Wajib , maka ia adalah jauharnya ataupun aradh . Wujud yang sebenar bukan daripada selain al Wajib . Setiap daripada wujud muqayad maujud dengan al Wajib , bahkan ia pada iktibar haqiqat lain daripada iktibarnya pada ta'yin . Tidak ada sesuatu selainNya pada haqiqat . Dengan kerana demikian wujudNya adalah ain zatNya dan apa yang selain wujud adalah adam semata2 .

Al Wujud tidak berhajat pada pembezaanNya daripada adam kepada nafi pencegahan perkongsian kedua dalam sesuatu , kerana adam bukan apa2 semata2 dan adam tidak menerima . Jika tidak nescaya selepas penerimaan ia menjadi wujud yang diadamkan . Sepertimana adam semata2 tidak menerima wujud , jika satu daripada keduanya menerima kontranya , nescaya ia menjadi kontranya pada realiti dan demikian adalah mustahil .

Penerimaan mengkehendaki perbilangan dalamnya sedangkan tidak ada perbilangan pada haqiqat wujud . Sebenarnya **yang menerima keduanya adalah ayan dan ahwal ayan yang tsabit pada alam aqli , yang zahir dengan wujud dan terselindung dengan adam .**

Setiap sesuatu yang diwujudkan dengan wujud maka ainnya lain daripada wujudnya dan ia tidak sedia wujud . Jika tidak , maka apabila wujud , maka bagi yang (baru) wujud ada wujud sebelum wujud wujud (baru)nya . Yang wujud pada zatnya senentiasa terwujud dan wujudnya adalah ainnya . Jika tidak nescaya mahiyahnya selain daripada wujud dan ia tidak terwujud . Jika tidak maka apabila ia wujud , nescaya bagi wujud (baru) wujud sebelumnya dan demikian adalah mustahil .

Yang wujud dengan zatnya wajib berwujud dengan ainnya , tidak dengan pewujudan selain daripadanya . Ia mendirikan segala yang wujud selainnya kerana ia terwujud dengan wujud . Jika tidak nescaya ia bukan sesuatu semata2 . Dia terkaya dengan zatnya daripada segala sesuatu dan segala sesuatu iftiqar kepadaNya , al Ahad , al Samad , al Qayyum ; *Apakah tidak cukup bahawa Rabb kamu adalah saksi atas setiap sesuatu .(al Quran)*

Kedua : Pada Bayan Haqiqat Asma dan Ketidak-sudahannya

Ketahuilah bahawa zat al Haq Taala pada dirinya menuntut bahawa ilmuNya tentang zatNya adalah dengan ain zatNya , bukan dengan satu suwar tambahan atas zatNya . IlmuNya tentang zatNya menuntut ilmuNya tentang segala sesuatu , atas apa yang ada padanya dalam zatnya . Demikian tuntutan dinamakan **masyi'ah** . Adakala disebutkannya sebagai iradat , akan tetapi iradat lebih khusus daripadanya . Ini kerana **iradat** adakala tertakluk dengan tambahan dan kekurangan mengikut keadaan hadas , penzahiran dan keliling pada environ penzahiran di alam tinggi dan rendah dalam proses ijad dan i'dam .

Iradat tertakluk dengan ijad dan tidak berlaku iradat melainkan (mengikut) apa yang dituntut masyi'ah awal , sepertimana diisyaratkan kepadanya dalam permata Lokman yang membincang **keumuman masyi'ah dan kekhususan iradat** . Maka nisbah sifat zat ahadiyah kepada suwar ilmiah yang tertentu selepas ta'ayun awal , yang sabit bagi jauhar awal adalah **nisbah asma** .

Ini kerana setiap nisbah adalah sifat , dan zat bersama mana satu sifat adalah asma . Awal2nya adalah nisbah ilmiah yang dengannya tertentulah ayan . Akan tetapi ilmu tidak tergambar melainkan dengan hayat . **Hayat , ilmu , iradat , qudrat , sam' , basar dan kalam adalah sifat2 utama** . Segalanya adalah nisbah zat dan apabila diiktibarkan kepada zat terhasillah asma yang tujuh yang dinamakan Syaikh dalam *al Futuhat al Makiyyah* sebagai imam yang tujuh .

Zat dengan kerana nisbah ini menentukan jauhar awal maka terzhirlah pengwujudan, kepertamaan , penciptaan , keprinsipan , suruhan dan segala asma yang dinisbahkan kepada pemulaan . Asma tujuh yang awal dinamakan asma ilahi , dan yang kedua dinamakan pengikut kerana ia mengikuti yang awal . Terzhirlah dengan ta'ayin jauhar awal yang darinya bercambah haqiqat2 ayan , nisbah zat kepada setiap yang ditentukan secara ilmiah . Berbilangan nisbah adalah kerana berbilangan haqiqat , ahwalnya dan ahkamnya , maka berbilanglah asma dan sifat , iaitu asma rububiah dan hadrat asma pada hadrat wahidiah .

Bagi setiap asma daripada yang tujuh ada satu nisbah kepada setiap ain . Maka bagi zat , berkenaan dengan setiap ain , terdapat satu asma . Demikian ayan juga adalah asma kerana ia ain zat dalam ta'yin . Bagi setiap ain kepada juzuk2nya dalam alam (zahir) ada satu nisbah bersama hadas yang tidak terbilang . Maka asma Allah Taala tidak terbilang . Kerana demikian diwasafkannya sebagai tidak terkira .

Ia menuntut kewujudan alam , bahkan ia adalah malakut alam , yang Allah sebagai al Malik al Haq mentadbirkan muluk alam dengannya . **Setiap asma adalah Rabb malakut yang adalah tuntutan Rabb , yang dengannya Allah Taala mentarbiahkan akwan** . Ketahuilah bahawa asal ini sangat2 bermanfaat untuk menghuraikan kebanyakan fusus dalam kitab . Allah juga yang memberi petunjuk .

Ketiga : Pada Bayan Syaan Ilahi

Ketahuilah bahawa **syaan ilahi dan urusan tadbir adalah perkara yang berdaurah** . Sesungguhnya hadrat ahadiyah apabila ia kehendaki ta'yin awal dan ain wahdah yang dinamakan pada lisan ahli zauq sebagai barzakh antara ahkam wajib dan mungkin yang melengkapi kedua pihak , adalah zat ahadiyah pada iktibar syuun asma pada hadrat ilahiah dan wahidiah .

Demikian ain adalah **al Qalam al A'la** . Bercabang darinya **aqal** yang banyak yang hanya diketahui Allah , kemudian **nufus** dan **aflak** . Berlebih kurang martabat mereka pada pengliputan mengikut berlebih kurang aqal yang darinya mereka dilimpahkan , dan sedikit atau banyak wasithah antaranya dengan zat .

Dinamakan Aqal Awal sebagai al Qalam al A'la , dan dinamakan **Nafs Kulli** sebagai **Lauh Mahfuz** , kerana terukir padanya apa yang dilimpahkan daripada Qalam atasnya daripada ilmu2 dan ukiran yang tercetak dalam aflak . Apa yang padanya terukir suwar hadas juzuk zamani , segalanya adalah **Lauh Qadar** . Ia terhenti pada **anasir** kemudian kembali kepada (barzakh) dengan **tarkib dan mizaj** dalam **suwar mawalid** yang tiga dengan maratibnya , sehingga sampai kepada manusia yang tercelup dengan segala maratib .

Jika manusia meningkat dengan ilmu dan amal dan dia bersuluk sehingga terhenti pada ufuq yang tertinggi dan dia kembali kepada barzakh yang menghimpunkan sepertimana dia telah turun daripadanya , maka dia akan **sampai kepada hadrat ilahi** . Dan bersifat dengan sifat2 Allah mengikut qadar baginya daripada mungkin dan terdahulu ilmu tentangnya pada ketika ta'ayun ainnya .

Dia akan terciir dengan apa yang mengukuhkan daripada asma ilahi yang adalah kunci ghaibNya dan akan menilik pada apa yang terdapat dalam demikian khazanah daripada ilmu . Tidak baki antaranya dan antara hadrat ahadiyah satu hijab , maka dengan ahadiyah jamaknya terhubunglah dia dengan barzakh yang menghimpunkan dan bersambunganlah dia dengan nokhtah ahadiyah dan lengkap baginya dairah wujud . Dia adalah awal pada iktibar haqiqatnya dan akhir dengan terhenti segala ahkam kepadanya . Dia sebahagian dairah , pada kedudukan nokhtah yang terhenti dairah itu dengannya kepada awalnya .

Segala maujudat seumpama satu dairah di mana manusia adalah nokhtahnya yang akhir bersama dia satu juzuk alam . Diserupakan alam sebagai cincin kerana sesungguhnya (alam) adalah satu halaqah . Dari segi manusia daripada jumlah juzuk alam , terukir dengan ukiran ilmu yang terdapat pada Hazirat Ilahi , dijadikan sebagai sirr asmaNya serta sifatNya dan disempurnakan dengannya alam segalanya , ditasybihkan(nya) dengan **permata** cincin .

Al Haq Taala mengikut asmaNya yang baik² **mentadbirkan urusan wujud** dengan kehendak asma² ini akan akwan alam . Dan **mentarbiahkan dengan** asma yang berhubungan , iaitu **asma rububiah** kesemuanya , melalui perkara² yang berhajat kepada asma ini , menuntutnya , mengembangkannya dan menyampaikannya kepada kamalatnya yang adalah makna² asma ilahi dalam insan kamil yang sampai kepada haqiqat ilahi , **kemudian asma ilahi** yang akan mentarbiangkannya sehingga bersifat dengannya .

Idafat dan perkembangan ini adalah **syuun ilahi** . Kemudian dengan zatNya diambil alih rububiah demikian manusia dan dibantunya dengan segala asmaNya . Maka manusia ini akan menyembahNya dengan ibadat yang sebenar dengan ubudiah zati . Tidak ada qurbah di sebalik ibadat kepada Allah .

Ringkasan Khutbah Ismail Haqqi Bursavi

Segala puji dan syukur kepadaNya yang adalah pembuka khazanah rahmat dan kemuliaan . *Dia yang memberi setiap sesuatu tabiatnya kemudian membimbingnya . (al Quran)* **Dia mengkhususkan setiap anbiya dengan permata hikmah dan menjadikan diri mereka saksi , burhan , petunjuk dan nass kepada wahidiah huwiyahNya .**

Dia menjadikan **Adam** mengikut imejNya sebagai ruhnya , iaitu **tempat zahir asma dan kesatuan sifat rububiah** . Melalui Adam muncul penggilap yang lengkap , penggilapan , pensaksian dan burhan kelengkapan dan tafsil , iaitu mula² zahir pada Adam nubuwah yang nyata .

Kemudian , daripada anak cucunya zahir salsilah kenabian bersama syariat mengikut rububiah asma semasa yang mentadbir , yang adalah usulnya . Kemudian apabila **Muhamad saw** **pemilik asma azham termasuk nubuwah amm yang mutlak** ditabalkan mengikut ayat : *Pada hari ini Aku sempurnakan untuk kamu din kamu (al Quran)* ; din , nubuwah , ilmu dan penzahiran telah menemui kelengkapan dan kesudahannya iaitu dikhatam dengan wujud jasmani .

Selepas wafat , beliau tidak berhenti dari membantu pewarisnya daripada kewilayahan mutlaknya bersama ketentuan² berkenaan dengan ahadiah huwiyah serta wilayah dan ilmu yang tergabung dalam rahsia segala syariat . Kemudian muncul Muhamad bin Ali ibn Arabi ra , khatam wilayah Muhamad yang ditunjuk Nabi saw dalam satu mimpi akan kitab *Fusus al Hikam* , dia disuruh menyebarkannya kepada umatnya iaitu mereka yang membenarkan kelengkapan syariat supaya mereka dapat mengambil iktibar daripada cahaya ilmu wilayah mutlak Muhamad .

Tidak mencapai rahsianya melainkan segelintir pewaris Muhamad yang sampai maqam khatam Muhamad dan wahidiah huwiyah segala2 , dan ini hanya mungkin dengan **rabitah (/essential binding)** . Hanya dalam keadaan pewaris dan ubudiah yang lengkap dapat diusahakan syarah kitab ini dalam bahasa Turki untuk manfaat umum . Atas tujuan menjelaskan kitab ini dan menunjuk kepada kompleksiti maknanya didahulukan syarahan dengan dua belas usul .

Usul Pertama : pada menjelaskan bahawa **Syaikh Ibn Arabi adalah khatam wilayah Muhammad** . Ketahuilah bahawa Nabi saw membahagikan ilmu kepada tiga bahagian : (1) Apa yang Allah mengajarnya dan menyuruhnya supaya menyebarkannya (2) Apa yang diturunkan kepadanya mengikut persediaan nubuwahnya tetapi dilarang menyebarkannya (3) **Apa yang tidak diberi kepadanya semasa dakwahnya supaya dia tidak bimbang dengannya , iaitu ilmu qadha , qadar , sirr taqdirdan ilmu tentang wilayah Muhamad yang lengkap .**

Asma berbeza antara satu sama lain . Kehendak **nubuawah adalah zahir** iaitu menerima wahyu daripada Allah melalui perantaraan dan memandang kepada tasybih , katsrah , hujjah dan tarbiah . Kehendak **wilayah adalah batin** dengan menerima daripada Allah tanpa perantaraan . **Menyambungkan kedua asma yang berlawanan adalah khas untuk Allah dan insan kamil** yang menyerupai barzakh antara keduanya .

Tujuan Nabi saw menyuruh Syaikh menyebarkan kitab ini adalah supaya mereka yang terbaik di kalangan umatnya yang mentasdiqkan hukum secara holistik dapat membenarkan kewilayahannya dengan menghimpunkan antara zahir dan batin , mungkin dan wajib , nubuwah dan wilayah ... supaya menjadi insan kamil . Syaikh Ibn Arabi adalah pengikut **usul Muhamad dan hukum Ahmad** , pewaris yang kamil yang menerima ilmu Allah melalui Nabi saw atau secara langsung melalui **perhubungan zati dan satu jihat khas** .

Usul Kedua : pada menjelaskan **alam tanzih** . Ghaib mutlak adalah tanzih daripada segala nisbah yang boleh difahamkan melainkan nisbah kejamakan mutlak yang lengkap . **Ta'ayun awal** adalah kunci hadrat asma . **Ama'** adalah hadrat kejamakan asma dan sifat dan bersifat wahidiah . **Ta'ayun kedua** menjangkau qaus yang wajib iaitu ghalib asma dan nisbah rububiah dan qaus mungkin iaitu ghalib imej mungkin dan haqiqat tasybih . Insan kamil ta'ayun antara kedua bahagian ini dan menghubungkan keduanya . **Awal kemunculan tasybih adalah al Qalam al 'Ala** .

Usul Ketiga : pada menjelaskan **asma dan sifat Allah** . Asma adalah Dia sebagaimana Dia ada namun asma bukan Dia . Antara asma ada yang merujuk kepada huwiyah , sifat dan afaalNya . Allah dan Rahman adalah dua asma yang menyelurui dan mengatasi segala asma yang lain . Segala asma denotasi huwiyah namun tidak secara tepat tanpa insan kamil seperti Nabi saw . Dia denotasi Allah secara tepat sebagai kejamakan segala asma dan tempat zahir segala asma tasybihNya . Sifat Allah adalah jenis wajib ataupun negatif . Sifat wajib terbahagi dua , yang lengkap , menyeluruh dan menghimpunkan segala2 iaitu imam yang tujuh (hayat , ilmu , iradat , qudrat , sama' , basar dan mutakalim) dan yang tidak lengkap seperti khalq dan razik .

Usul Keempat : pada menjelaskan *ayan tsabit* . Ayan tsabit ta'ayun daripada faidh aqdas dalam ilmu Allah dan melalui faidh qudus menjanakan potensi mungkin , yang adalah imej ayan tsabit , bersama mulazim dan objeknya pada zahir . Segala imej tasybih dan mazahir alam mungkin adalah imej ayan tsabit atau imej asma dan sifat . Juga dinamakan awam sebagai *mahiyah* .

Usul Kelima : pada menjelaskan *hadrat yang lima* . Tidak terbilang hadrat ilahi tetapi dari segi ada lima alam maka terdapat lima hadrat . Hadrat ghaib mutlak yang meliputi hadrat ayan tsabit dan haqiqat2 ilmu berlawanan dengan hadrat indera dan syuhud ataupun alam muluk dan tasybih serta kejahatan . Antara keduanya adalah hadrat misal mutlak . Hadrat jabarut adalah antara hadrat misal mutlak dengan hadrat ghaib mutlak . Antara hadrat misal mutlak dan hadrat syuhud adalah hadrat misal relatif atau alam tidur . Hadrat kejamakan kelengkapan insan mengandungi kelima2 hadrat . Hadrat keenam adalah hadrat insan kamil .

Usul Keenam : pada menjelaskan *wujud dan insan kamil* . Wujud adalah ahad dan mazharnya adalah alam . Batinnya adalah asma dan barzakh yang menghubungi asma dengan alam adalah insan kamil . Ada harmoni melalui jihat amm dan tafsil antara huwiyah Allah dengan huwiyah insan kamil dan ilmu Allah dengan ilmu insan kamil . Sebegitu antara al Qalam al A'la dan ruh insan kamil dan lauh mahfuz dan qalb insan kamil . Begitu juga antara Arshy dan jasmani insan kamil dengan Kursi dan nafs insan kamil .

Darjat insan kamil adalah sebagai barzakh antara lautan wajib iaitu asma dan haqiqat rububiah dengan lautan mungkin . Dengan kedudukan ini dia layak sebagai *khalifah* dan *mursyid* . Darjat yang adna (lebih dekat) adalah darjat super-lengkap iaitu hadrat wahidiah yang adalah maqam fana Muhamad . Insan kamil terletak pada darjat nafs natiqah manusia . *Anbiya mempunyai kekuatan ruhani dan awliyah mempunyai kekuatan zauq* .

Usul Ketujuh : pada menjelaskan *huruf dan kalimat* . Kelakuan ilahi dianggap sebagai martabat ta'ayun yang tertinggi dan setiap kelakuan dinamakan huruf al ghaib . Sebelum wujud , jika ditilik kelakuan ini bersama kelazimannya maka dinamakan kalimat ghaib . Jika ditilik penzahiran kelakuan ini tanpa kelazimannya , hanya aposisi kedua dimensi maka dinamakan huruf wujud . Apabila diambil kira kelazimannya maka dinamakan kalimat wujud . Ta'ayun huruf adalah melalui ta'ayun ilmu . Huruf al ghaib adalah permulaan ta'ayun objek .

Usul Kelapan : pada menjelaskan *nubuwah , kerasulan dan wilayah* . Nubuwah terbahagi dua . Yang batin iaitu mengikut sabda Nabi saw : Aku seorang nabi sedangkan Adam antara air dan tanah . Kedua yang zahir , yang terbahagi dua , iaitu nubuwah dengan jalan tertentu dan secara umum . Nubuwah mengikut jalan tertentu terbahagi dua , iaitu dengan membawa jalan baru sebagai rasul atau dengan jalan peribadi .

Kerasulan terbahagi dua iaitu nubuwah yang umum , lengkap dan mutlak dan yang peribadi , tidak lengkap dan berkait . *Kerasulan Muhamad saw adalah umum , lengkap dan mutlak* sedangkan kerasulan dari Adam ke Muhamad adalah berkait . Ini kembali kepada domain asma (semasa yang mentadbir) serta persediaan umat mereka .

Nubuwwah penjelasan terbahagi dua . Pertama secara langsung daripada Allah melalui kewilayahan . Dalam ini tidak ada jalan dan hukum baru . Contohnya nubuwah **Khidr as** yang ta'ayunnya secara wahidiah dan tertutup , antara iman dan nubuwah dengan jalan tertentu . Nubuwwah dengan jalan tertentu terputus tetapi **nubuwwah penjelasan tidak akan terputus** .

Kewilayahan adalah fana hamba dalam wujud Allah . Wali adalah hamba mutlak . Kewilayahan terbahagi dua , yang batin dan lengkap iaitu **wilayah Muhammad** , dan yang zahir . Yang zahir terbahagi dua , yang umum dan peribadi . Yang umum terbahagi dua iaitu kewilayahan anbiya dan rasul sejak Adam as dan kewilayahan aqtab . Kewilayahan peribadi terbahagi dua , wilayah Muhammad yang lengkap dan peribadi , khas kepada Muhammad saw dan pewarisnya . **Aqtab** selepas Nabi saw menghimpunkan wilayah umum yang lengkap dengan wilayah Muhammad yang lengkap dan peribadi .

Insan kamil yang kembali dalam keadaan terjaga adalah pemimpin mengikut ayat : *Inilah jalan aku , aku menyeru kepada Rabb kamu dengan basirah , aku dan mereka yang mengikuti jalan aku... (al Quran)* . **Wilayah umum terkunci dengan Isa as** dan **wilayah peribadi Muhammad** yang taayun pada qaba qausaini terkunci dengan **Mahdi as** sedangkan **wilayah Muhammad yang lengkap** terkunci dengan pewaris Muhammad saw yang paling sempurna , lengkap dan tahqiq pada barzakh iaitu Syaikh Ibn Arabi .

Makna **kekuncian wilayah** adalah zahir kesempurnaan batin dan zahir sintesis serta intipati wilayah dalam kemunculan jasmani manusia dan kemanusiaan . Dan **tidak terputus wilayah peribadi tanpa perantaraan** .

Usul Kesembilan : pada menjelaskan **ilmu zahir dan batin dan keterpaduan keduanya** Apa yang zahir dikenal melalui yang zahir dan apa yang batin melalui yang batin . Ilmu zahir ada dua bahagian . Pertama makna zahir al Quran dan kedua yang terhasil daripada panca indera . Ilmu batin ada dua juga , pertama batin al Quran iaitu tauhid , sirr ilahi dan haqiqat al ghaib . Kedua adalah indera batin dan quwwah ruhani .

Adalah wajib untuk kemunculan manusia , yang diciptakan mengikut imej Allah , bahawa dia mempunyai kejamakan kedua ilmu ini . **Umat Musa as** tidak mensaksikan al Haq dalam penyaksian yang ghaib sedangkan **umat Isa as** tidak mensaksikan al Haq dalam penyaksian yang zahir . **Kesempurnaan Muhammad saw** terletak pada menghimpunkan zahir dan batin pada tahap menghubungkan dua qaus wajib dan mungkin , iaitu pada darjat insan kamil dan khalifah .

Usul Kesepuluh : pada menjelaskan **keutamaan muhabbah** . Hubb Allah mengalir kepada segala maqam dan melaluinya zahir segala sesuatu . Ia adalah asal dan intipati maqam Muhammad yang adalah permulaan ciptaan . Sabda Nabi saw : *Jika kamu kasih kepada Allah , ikutilah aku . Allah mengasihi kamu . (al Quran)* Sepertimana penzahiran adalah melalui muhabbah , kembali juga adalah melalui muhabbah . (komen: dengan muhabbah ciptaan menjadi kemunculan harmonis.)

Usul Kesebelas : pada menjelaskan *tariq salik* , dan *maqam mursyid* . Kesempurnaan manusia tidak terbayang melainkan dengan pensucian hati daripada perkara2 yang tercela dan daripada segala yang berkait dengan tasybih . Jalan lurus yang paling dekat adalah jalan tauhid . Ia hanya tercapai melalui perantaraan wilayah Muhammad yang umum selepas terputus anbiya dan rasul .

Darjat insan kamil adalah pada maqam lebih dekat daripada qaba qausaini diikuti dengan kamalat Muhammad , hadrat wahidiah kemudian wilayah Muhammad . Pada mana satu masa hanya ada seorang yang menjadi mazhar ta'ayun ilahi dan dia adalah qutub segala qutub . Pengikut jalan yang sebenar membezakan antara darjat ahli haqiqat sedangkan zindiq tidak dan kekal dalam hairan . Cubalah mencari jalan dari seorang mursyid yang canggih dan wali yang lengkap . Sembahlah Rabb kamu sehingga kamu sampai kepada yaqin .

Manusia terbahagi tiga . Pertama jenis orang kiri yang hanya mengenali kehidupan dunia . Kedua jenis orang kanan yang berusaha untuk akhirat . Ketiga muqarabun yang menyaksi dengan basirah dan yaqin , zauq dan ikhlas . Mereka tidak terhibah daripada menyaksikan kejamalan ahadiyah dalam menyaksikan imej2 dunia dan akhirat . Khidmat mereka kepada hamba2 Allah adalah atas suruhan al Haq supaya membimbing mereka dan mensucikan mereka sampai maqam tauhid .

Usul Keduabelas : pada menjelaskan bantuan dari azali hingga abadi daripada *haqiqat Muhammad* . Haqiqat Muhammad tidak lain daripada kehimpunan asma Allah . Sebelum kemunculan manusia , dalam kemunculan yang terdahulu , pada hadrat haqiqat dan makna , dan hadrat ruh , haqiqat Muhammad telah menghulur bantuan kepada anbiya dan awliya dan mukmin dengan penjagaan terhadap makna dan ruh .

Kemudian daripada kemunculan Adam as ia telah membangunkan beberapa umat yang berlainan dan mazhar anbiya , mengikut imej hukum din yang berlainan . Dengan kemunculan Nabi saw lengkaplah din Allah pada penzahiran dan kezahiran . Selepas wafatnya para qutub adalah mazhar kelengkapan haqiqatnya dan cermin ruhnyanya yang lengkap sehingga hari qiamat .

FUSUS AL HIKAM

Muqadimah

Segala puji bagi Allah (1) yang telah menurunkan (2) hikam (3) atas qulub kalim (4) melalui thariq ahadiyah yang lurus dan terdekat (5) daripada maqam yang aqdam (6) . Namun berbeza millah dan ideologi kerana perbezaan umat .(7) Bermula selawat Allah atas sumber penghulur himmah (8) daripada khazanah jud (9) dan kemuliaan (10), dengan qaul yang benar dan paling adil (11) , Muhammad dan atas ahlinya dan salam .

(1) IH : kerana telah mengangkat aku kepada maqam Muhammad dan jalan zat beserta kelengkapan ahadiyah(/keunikan) dan kepada asal zauq anbiya yang tersebut dalam *kitab ini yang tajuk besarnya berkenaan dengan wilayah Muhammad yang khas* , untuk menjelaskan *hikmah dan asrar yang dikhususkan kepada anbiya* .

(2) IH: melalui wahyu , ilham , ilqa dan kasyaf

(3) IH : jamak hikmah ; Hikmah mengikut Sadrudin Kunyavi dalam Fukuk adalah jabbar aqal pada perkara2 ilmiah (seperti teori), lengkap dengan kelaziman2nya bersama yaqazah tentang usul2 yang menghadkan ...

(4) IH : jamak kalam , iaitu sirr potensi apa yang wujud , di sini merujuk kepada anbiya . Pewaris anbiya di kalangan pewaris Muhammad senentiasa ada .

(5) IH : thariq ahadiyah adalah thariq pihak peribadi tanpa perantaraan melainkan hubungan dengan zat pada maqam aqdam dengan cara yang peribadi berbanding thariq rububiah dan hadrat uluhiah daripada maqam qadim

(6) IH : iaitu hadrat ahadiyah kesemua hadrat asma dan haqiqat Muhammad

(7) IH : yang ditarbiahkan anbiya mengikut hikmah daripada hadrat asma masing2

(8) IH : qudrat nafs dan ruh dalam menuntut satu kamalat sesuai dengan hal orang yang memerlukan himmah itu

(9) IH : tanpa mengira apakah penerima layak mendapatinya atau meminta

(10) IH : bergantung kepada permintaan dan kelayakan

(11) IH : daripada *qurbah nafilah* dalam sebaik2 bahasa ; qaul merujuk kepada peringkat pra-wujud seperti KUN dalam : ... sesungguhnya qaul Kami apabila Kami menghendaki sesuatu(al Quran); kalam merujuk kepada peringkat wujud ?

Adapun kemudian , maka sesungguhnya aku melihat Rasulullah saw dalam satu mimpi (12) yang berlaku kepada aku pada akhir sepuluh hari Muharam pada tahun 627H di Mahrusah, Damsyiq .

(12) IH : dalam mimpi itu Rasulullah saw menunjuk kepadanya imej misal hikmah yang diturunkan ke dalam hati anbiya dari ahadiyah zat yang mengandungi segala nisbah asma dan sifat . Barangsiapa kurang dalam kepercayaan , ilmu , hal atau maqam tidak menyaksikan Nabi saw melainkan sebagai imej perhubungannya dengan beliau . Jika dalam tindakan dan ilmu dia benar2 mengikuti Nabi saw dan warisan hal dan maqam adalah sempurna maka apa yang dia melihat dalam tidur , tidur mendalam atau antara tidur dengan yaqazah akan sempurna dan benar , lengkap dalam personifikasi dan representasi . Dalam keadaan ini adalah benar dia berkata dia telah melihat Nabi saw . *Penglihatan* meliputi penglihatan melalui mata , khayal , representasi , aqal atau ilmu , iaitu dengan ain al bashirah . *Mubashirah* lebih luas daripada mimpi , termasuk ilqa , deklarasi atau melalui malaikat .

Pada tangan beliau terdapat satu kitab kemudian dia berkata kepada aku : Kitab ini , *Fusus* (13) *al Hikam* (14) . Ambillah ia dan keluar dengannya (15) kepada manusia supaya mereka dapat manfaat dengannya . (16) Aku telah menjawab : Aku dengar dan taat kepada Allah , rasulNya dan ulul amri di kalangan kami . (17)

(13) *IH : tempat2 ukiran simbol asma yang adalah khatam khazanah*

(14) *IH : satu buku yang mengandungi potensi hikmah berhubungan dengan asma yang diturunkan ke dalam hati setiap insan kamil yang tersebut di dalamnya .*

(15) *IH : suruhan ini menunjuk bahawa Syaikh Ibn Arabi adalah pewaris kamal bagi kejamakan khatam wilayah*

(16) *IH : kerana di kalangan manusia ada yang mempunyai potensi kekamalan dan akan mendapat manfaat daripadanya .*

(17) *IH : pada tahun 1003H Ismail Haqqi semasa bertugas sebagai askar memerangi pemberontakan orang Wallachia , Sg Danube , pada satu waktu fajar dia diselubungi tidur dan telah melihat Nabi saw duduk dikelilingi satu kumpulan wali . Tiba2 dia diberi al Quran yang dibukainya dan turut dibacainya di bawah didikan dan pengesahan Nabi saw . Beliau meniup ke dalam hatinya haqiqat al Quran dan sirr dan lataif al Furqan sehingga dia tenggelam dalam ilmu dan dapat menjawab apa yang dipersoalkannya . Kemudian dia telah diberi talkhis al Quran oleh Hazrat Husain . Mengingati tragedi Hadrat Husain dia telah terjaga .*

Aku membenarkan keinginan ini dengan mengikhlaskan niat dan qasad , dan berhimmah semata2 untuk menyatakan kitab ini sepertimana beliau telah menghadkannya kepada aku tanpa tambahan atau pengurangan .(18) Dan aku meminta Allah supaya menjadikan bagi aku dalam usaha ini dan dalam segala ahwal aku daripada hamba2Nya yang syaithan tidak mempunyai sulthan atas mereka .(19)

(18) *IH : himmah yang bersifat unik tanpa hulul campakan syaithan dan tujuan2 nafs*

(19) *IH : mereka yang menghimpunkan kejamakan segala kamalat ilahi dan tasybih , telah melengkapkan dan menghasilkan darjat2 yaqin pada kelengkapan dan kamalat insan dan telah sampai darjat syuhud ... dan kekhalifahan yang tertinggi dalam potensi mereka*

Dan mengkhaskan aku dalam segala yang tanganku merakamkan , lisanku menyebut dan jinanku menyimpan , dengan **campakan yang suci** (20) dan **tiupan ruhani** (21) dalam **rongga nafs** (22) dengan bantuan pada pemegangan (23) sehingga aku menjadi penterjemah (24) bukan penghakim (25) .

(20) *IH : tanzih yang suci daripada jamak hadrat asma*

(21) *IH : daripada hadrat ahadiyah*

(22) *IH : pedalaman nafs dan luar daripada hati , iaitu **tempat hawa nafs dan waswas syaithan***

(23) *IH : dengan pengukuhan pemegangan dan campakan suci , rongga nafs akan menjadi tempat tiupan ruhani . Campakan dan tiupan adalah daripada pedalaman hati dan daripada pedalaman nafs kepada luaran hati .*

(24) *IH : pewaris ilmu*

(25) *IH : mengikut pendapat peribadi*

Supaya sesiapa yang bertumpu kepadanya daripada ahli Allah , sahibul qulub (26) akan yaqin bahawa kitab ini daripada maqam taqdis , dan tanzih daripada aradh nafs yang dimasuki talbis .

(26) *IH : mereka yang mengikuti jalan kejamakan kekamalan ahadiyah , bukan mereka yang tenggelam dalam pembukaan jamal , fana dalam satwah jalal atau mereka yang khusus dengan zauq juz-i asma yang terkait .*

Aku harap bahawa al Haq apabila Dia mendengar doa aku , telahpun menjawab seruan aku , maka tidaklah aku ? menemui melainkan apa yang dicampakkan kepada aku dan aku tidak perturunkan dalam tulisan ini melainkan apa yang diturunkan kepada aku . Bukanlah aku seorang nabi ataupun rasul akan tetapi aku seorang pewaris (27) yang membajak untuk akhiratku .

(27) *IH : ilmu anbiya adalah kurnian Allah . Pewarisan yang sebenar juga melalui kurnian .*

Daripada Allah mereka mendengar dan kepada Allah mereka kembali
Apabila kamu telah mendengarnya simpanlah apa yang Allah memberi kepadamu
Kemudian huraikannya dengan kefahaman
Dalam tuturan yang padat dan terhimpun
Kemudian berilah ia kepada penuntutnya dan jangan mencegah
Inilah rahmat yang meluasi kamu maka luaskanlah . (28)

(28) *IH : ilmu dan hikmah dalam kitab ini adalah sintesis daripada ilmu tauhid berkenaan dengan kategori zauq dan adab insan kamil . Apa yang dikehendaki Allah dengan penghantaran Nabi saw sebagai rahmat sekalian alam adalah untuk membangkitkan manusia daripada dalal kepada haqiqat yang sebenar . Darjat tauhid anbiya berkemuncak dengan kurnian rahmat ini dan termasuk dalam tauhid zat yang dibincang kitab ini .*

Aku berharap daripada Allah bahawa aku antara mereka yang dibantu kemudian terbantu dan membantukan , dan dikaitkan dengan syariat Muhammad yang mensucikan kemudian terkait dan mengkaitkan . Dan supaya kami terhimpun dalam golongannya sepertimana telah dijadikan kami daripada umatnya .

Awal2 apa yang al Malik mencampakkan atas hamba daripada demikian adalah :

Permata Hikmah Ilahi dalam Kalimat Adam (1)
(kejamakan Adam sebagai insan kamil dengan tasybih total)

(1) *IH : Adam menghimpunkan ahadiah kejamakan rububiah dan ketunggalan iaitu penzahiran kamalat insan ilahi pada kejamakan ahadiah . Ilah iaitu penzahiran ahadiah kejamakan ilahi tidak terbenar tanpa sesuatu yang mengenali ilah . Tasybih diciptakan daripada Aqal Kull , maka segala sesuatu hanya mazhar satu asma sehingga sampai kepada manusia . Adam adalah bapa manusia dan khatam suwar segala tasybih . Iaitu **kejamakan suwar asma dalam Aqal Kull yang batin , zahir pada manusia dengan Adam** . Kerana ilah terbenar pada zahir melaluinya , Adam dihaskan dengan hikmah ilahi .*

*Ketahuiilah bahwa basirah ada tiga jenis . Pertama **basirah zat** iaitu pada peringkat taayun awal dalam ahadiah ama' di mana segala tasybih dan nisbah asma fana ... hanya ada Allah dan tidak bersamaNya sesuatu . Kedua **basirah asma** pada alam penzahiran asma . Ketiga **basirah dalam jamak tasybih** yang menghimpunkan kedua basirah di atas . Dengan kerana kejamakan ahadiah asma , lisan al Haq telah berkata : Aku khazanah yang tersembunyi dan Aku kasih bahawa ia dikenali .*

Fadhilat Mazhar

Al Haq Subhanahu berkehendak supaya dilihat ayan asmaNya melalui pihak asmaNya yang baik² yang tidak terbilang , dan jika kamu kehendaki katakanlah : supaya dilihat ainNya , dalam satu kaun yang menghimpunkan (2) yang melengkapi segala urusan (3) kerana ia bersifat dengan wujud (4) , dan menzahirkan melaluinya sirrNya (5) kepadaNya .

(2) *IH : penzahiran bergantung kepada tapak penzahiran dan alam , yang adalah tempat penzahiran tinggi dan rendah ; tanpa Adam , (alam) seumpama badan yang mati dan tidak bersifat wujud total . Tasybih total , kerana kejamakan dan kemutlakannya , adalah sesuai sebagai mazhar asma dan zat .*

(3) *IH : urusan penzahiran ayan asma dan basirah ayan*

(4) *IH : hanya tasybih total disifatkan dengan wujud iaitu insan kamil yang menyeluruhi dan hadir dalam urusan penzahiran .*

(5) *IH : ayan asma dalam ghaib al ghuyub . Ayan asma adalah cermin yang kamal untuk asma dan tempat ukiran nisbah zat . Cermin tasybih total melengkapi segala cermin ayan .*

Sesungguhnya penglihatan sesuatu akan dirinya dengan dirinya tidak seumpama penglihatan dirinya dalam perkara yang lain yang menjadi sebagai cermin baginya .

(6) Sesungguhnya Dia menzahirkan diriNya kepadanya dalam satu suwar yang diolahkan tempat tilik (7) .

(6) *IH : Allah tidak memerlukan mazhar untuk melihat zatNya sendiri . Penglihatan di sini merujuk kepada ayan asma dalam cermin tasybih total .*

(7) *IH : Dia menzahirkan diri dengan satu sifat dalam setiap ain asma dalam cermin tasybih total .*

Ia antara perkara yang belum pernah zahir bagiNya tanpa wujud tempat ini dan tanpa tajalliNya baginya .(8)

(8) *IH : jika tempat zahir mempunyai sifat kejamakan dan ahadiyah seperti tasybih total dan tidak mempunyai kecenderungan tertentu dan jihat khas yang menghuraikan apa yang datang daripada al Haq , maka penzahiran al Haq akan bersifat total , iaitu mengikut suwar al Haq dan kejamakan zat dalam barzakh insan kamil , yang tidak menghalangNya daripada kewajiban haqiqatNya ; kerana (insan kamil)? tidak mempunyai kecenderungan tertentu dan jihat khas , supaya dia zahir dengan suwar jamak asma serta kamalat zat dan suwar asma serta sifat yang sememangnya dalam zat .*

Allah telah mewujudkan segala alam sebagai wujud lembaga yang harmonis tanpa ruh dalamnya , umpama cermin yang tidak gilap .(9) Antara sya'an hukum ilahi bahawa Dia tidak menyediakan satu tempat melainkan semestinya ia menerima ruh ilahi , diibaratkan dengan tiupan ke dalamnya . Ia bukan lain daripada terhasil persediaan (10) demikian suwar yang harmonis untuk menerima limpahan tajalli yang daim yang tidak pernah terhenti dan tidak akan berhenti .

(9) *IH : iaitu tasybih yang tidak total sebelum penerimaan penzahiran total dengan ruh manusia .*

(10) *IH : yang maujud dalam ayan tsabit*

Apa yang baki (untuk bicara) adalah qabil , yang tidak berasal melainkan daripada faidh aqdas (11) . Segala urusan ini adalah daripadaNya , permulaannya dan penghabisannya ; dan kepadaNya kembali segala urusan (11/123) sepertimana ia bermula daripadaNya . (12)

(11) *IH : iaitu tajalli zat . Ayan tsabit dan haqiqat2 ilmu adalah qabil bagi faidh qudus . Marifat ilmu taayun melalui faidh aqdasyang adalah kemunculan al Rahman dalam hadrat ilmu dan syuhud .*

(12) *IH : permulaannya adalah tajalli zat dalam ayan tsabit yang adalah nisbah ilmiah . Kemudian taayun bersama ayan tsabit dan persediaan tempat penzahiran al Haq secara total dan menjadikan alam dengan pembukaan asma . Asma rububiah menentukan tempat penzahiran tasybih .*

Khususiah Adam

Keadaan menghendaki penggilapan cermin alam , maka terjadilah Adam sebagai ain penggilapan demikian cermin (13) dan ruh demikian suwar (14) .

(13) *IH : Adam menghimpunkan dalam dirinya urusan kewajiban dan wujud yang taayun kepada hadrat al Haq dari hadrat kejamakan . Insan kamil sebagai jamak sintesis segala martabat mungkin mengandungi segala taayun mungkin . Kemunculan insan kamil adalah kemunculan yang paling luas dan menghimpunkan , qabil yang paling kamal , dan melaluinya penggilap dan penggilapan yang kamal .*

(14) *IH : Al Haq zahir dengan alam dalam suwar kamal kerana alam mengikuti suwar Adam yang adalah suwar al Haq . Suwar al Haq adalah ruh suwar alam .*

Para malaikat (15) antara sebahagian quwwah demikian suwar , iaitu suwar alam yang diibaratkan pada istilah kaum sebagai **insan kabilah** . Para malaikat baginya seperti quwwah ruhani dan hissi yang terdapat dalam kemunculan insan . (16)

(15) *IH : mereka adalah ruh quwwah yang wujud melalui suwar jasmani hissi dan juga quwwah nafs dan quwwah Aqal Qudus . Mereka menyampaikan taayun rububiah dan kesan al Haq kepada alam jasmani . Apabila ruh ini dikuatkan dengan nur al Haq dan penyampaian dan penzahiran nur serta mencetuskan taayun nisbah rububiah dan asma mereka dinamakan malaikat .*

(16) *IH : iaitu menunjukkan keterhadan martabat malaikat yang bercita2 kepada kekhalifahan . Hanya Adam adalah mazhar suwar al Haq dan cermin kejamakan asma .*

Setiap quwwah daripada suwar ini terhibab dengan dirinya . Ia tidak melihat ada yang lebih utama daripada zatnya .(17) Sesungguhnya padanya (18) ada sangkaan keahlian bagi setiap peranan yang tinggi dan kedudukan yang terangkat di sisi Allah . Ini kerana padanya ada sintesis antara apa yang kembali darinya kepada pihak ilahi dan kepada pihak haqiqat haqaiq dan , dalam kemunculan (insan kabilah) yang mengandungi awsaf ini , kepada apa yang dituntut Tabiat Kull yang mengandungi segala qabilah alam , tinggi dan rendah . (19)

(17) *IH : manusia tidak mengetahui bahawa penzahiran kejamakan al Haq , pembukaan dan taayun padanya adalah mengikut khususnya . Penzahiran total hanya berlaku pada sesuatu yang total . Yang total ada tiga martabat . Pertama kejamakan total dan ahadiyah . Kedua alam termasuk insan kamil . Ketiga ahadiyah kejamakan kemanusiaan total di mana kenampakan kejamakan adalah kamal dengan mengandungi wahyu yang memadukan kejamakan dengan tafsil , qudrat dengan tindakan kerana kejamakan dalam setiap insan kamil berkuasa penuh dan senantiasa aktif penuh mengikut martabat .*

(18) *IH : quwwah suwar alam*

(19) *IH : pihak ilahi adalah hadrat ahadiyah yang adalah asal asma iaitu kejamakan ilahi , yang mutlak , aktif , efektif , tinggi dan wajib pada zat . Haqiqat haqaiq adalah hadrat kemungkinan iaitu kejamakan tasybih , yang relatif , pasif , rendah dan menerima wujud . Tabiat Kull adalah ahadiyah kejamakan ilahi dan tasybih . Kedudukan yang tinggi dalam kejamakan hadrat mungkin bersifat dengan keubudian total di bawah rububiah asma dan menjadi mazhar total untuk asma .*

Ini tidak dikenali aqal melalui jalan banding fikir , bahkan teknik persepsi ini tidak terjadi melainkan dengan kasyaf ilahi , dengannya dikenali apa asal suwar alam yang menerima arwah . (20)

(20) *IH : Tabiat Kull adalah penzahiran haqiqat yang aktif dalam suwar . Ia tidak tertentu kepada jasad dan terlibat suwar aqal , ilmu , khayal , otak , cahaya , ruh dan suwar ilahi . Suwar haqiqat tinggi adalah suwar asma rububiah dan haqiqat kewajiban. Maddah suwar ini adalah ama' Rabb dan apa yang menggerakkan suwar ini adalah ahadiyah kejamakan haqiqat zat dan penzahiran ketunggalan ini adalah Tabiat Kull .*

Suwar tinggi adalah suwar haqiqat ruh aqal , ruh nafs dan ruh malaikat muhaymin dan materianya adalah cahaya wahyu . Suwar rendah adalah suwar haqiqat mungkin dan nisbah tasybih . Ini terbahagi dua . Yang tinggi adalah suwar alam amr alam misal , misal relatif dan alam barzakh . Suwar rendah tasybih adalah suwar alam ajsam . Ini terbahagi dua , yang tinggi adalah suwar Arshy dan Kursi , aflak dan yang rendah adalah jenis dan yang berkait dengan jenis . Ini terbahagi dua . Yang tinggi adalah suwar udara dan api . Yang rendah adalah suwar di mana air dan tanah mengatasi udara dan api . Ini terbahagi tiga iaitu , suwar galian , pokok dan haiwan . Setiap alam ini mempunyai individu yang tidak terbilang . Tabiat adalah satu haqiqat yang mengandungi segala suwar ini sebagai material kepada kesemua suwar ini dan sebagai penggerak segala suwar . Asal suwar alam yang mengandungi alam arwah adalah Tabiat Kull .

*Kasyaf ada beberapa jenis . Jenis **aqli** adalah melalui permata (Hijr baht-Waliyullah?) yang adalah mutlak dalam tarbiah disposisi dan pemikiran . Jenis **nafs** , yang berlaku kepada mereka yang bebas daripada disposisi nafs melalui zuhud dan mujahadah sehingga terkoyak hijab . Jenis **ruhani** , yang berlaku selepas kasyaf aqli dan nafsi . Jenis **rabbani** berlaku melalui wahyu ... jumlah banyaknya mengikut bilangan hadrat asma . Yang tertinggi adalah wahyu bersangkutan dengan zat , yang memberi kasyaf haqiqat haqaiq dengan segala martabatnya , kasyaf nafs al Rahman bersama haqiqat 'ama ... dan kasyaf haqiqat Tabiat Kull . Tabiat Kull adalah mazhar taayun zat ilahi , namun haqiqatnya adalah haqiqat kejamakan ahadiyah suwar aktif dan pasif dalam alam tasybih dan rububiah . Kerana ia payah dikenali , fahamannya hanya berlaku pada kasyaf zat .*

Apa yang disebutkan dinamakan insan dan khalifah . Adapun keinsanannya maka kerana keumuman kemunculannya dan pengliputannya akan segala haqiqat (21) .

(21) *IH : iaitu dia berkenalan (mu'nis) dan intim (ma'nus) dengan jamak haqaiq . Tidak ada sesuatu seumpama insan kerana kemunculannya umum kepada kemunculan total . Tidak ada sesuatu dalam kemunculan alam yang tidak mempunyai asal atau perumpamaannya dalam insan . Penerimaan insan adalah paling total daripada segala jamak penerimaan . Insan terkaya daripada alam dan berdikari sebagai mazhar kejamakan ahadiyah zat dan mazhar keindividuan taayun asma , sedangkan alam tidak berdikari tanpa insan .*

Dia bagi al Haq pada kedudukan pupil kepada mata yang dengannya terjadi penilikan dan inilah dinamakan penglihatan . Sesungguhnya dengannya al Haq menilik makhlukNya dan merahmati mereka .(22) Dia adalah insan yang hadas dan azali (23) . Kemunculannya daim dan abadi .(24) Dia kalimat yang membezakan dan menghimpunkan (25)

(22) *IH : suwar makhluk umpama tidak bernyawa dan mempunyai ruh sebelum zahir insan kamil ; dengannya ia hidup dan wujud .*

(23) *IH : hadas pada jasad atau suwar generik dan azali pada ruh atau suwar ilmiah .*

(24) *IH : haqiqat insan sebagai cermin ain zat al wahid dengan individuasi pada segala martabat . Dia ketunggalan jamak awal , juga keunikan jamak al jamak dan jamak al tafsil*

(25) *IH : antara taayun kewajiban dan taayun mungkin ; Adam sebagai tasybih total adalah sempadan yang membezakan dan menghimpunkan .*

Lengkaplah alam dengan wujudnya . Dia bagi alam seperti permata bagi cincin , iaitu tempat ukiran dan alamat yang dengannya raja mengkhataamkan khazanahnya .(26) Allah menamakannya khalifah kerana ini , kerana dia memelihara makhlukNya sepertimana khatam memelihara khazanah . Selagi kekal khatam raja atas khazanah tidak seorang pun akan berani membukakannya melainkan dengan izinnya . Dia menjadikannya sebagai khalifah untuk memelihara alam , maka alam tidak terhenti daripada pemeliharaan selagi insan kamil ini daim dalamnya . (27)

(26) *IH : Kerana Allah menjadikan Adam mengikut suwarNya , suwar kejamakan asma muncul dalam Adam . Ia juga penentuan maqam Muhammad , yang pada hadrat itu (/suwar kejamakan asma) dan kerana demikian (/kemunculannya pada Adam) menjadi hikmah yang turun . Alamat hikmah ilahi (Adam) adalah keunikan jamak asma , yang menghimpunkan segala asma sokongan dan sifat kontradiksi , dengan kerana serba-kaitan jamak keunikan dan zat .*

(27) *ARK : memelihara dengan hikmah ahadiyah dan wahdaniyah asma . IH : insan kamil pada batin adalah ruh dan asal khazanah alam , dan pada suwar zahir adalah khatam khazanah .*

Tidakkah kamu lihat bahawa apabila dia hilang dan lucut daripada khazanah dunia , tidak akan kekal dalamnya apa yang al Haq telah menyimpan dalamnya dan apa yang terdapat dalamnya akan keluar . Bahagian2nya akan bercampur aduk dan segala urusan akan berpindah ke akhirat . Kemudian dia akan menjadi khatam atas khazanah akhirat secara abadi dan sarmad . (28) Segala apa yang terdapat dalam suwar ilahi daripada asma , zahir dalam kemunculan insan ini . Dia menggabungkan martabat inklusiviti dan sintesis pada wujud ini . (29)

(28) *IH : kemunculan alam ini tidak kekal atau baki . Kemunculan akhirat adalah kekal dan baki kerana terdiri daripada cahaya dan ruh . Ia lebih penuh dan perkasa .*

(29) *IH : penzahiran haqiqat asma mengikut mazhar adalah juz-i , tetapi pada insan kamil penzahiran adalah unik , total dan kamal . Tahap evolusi insan ini terbeza daripada suwar spesies lain dalam alam kerana dia menggabungkan segala suwar tanzih dan tasybih*

Pengajaran daripada Tentangan Malaikat

Dengannya terdirilah hujjah Allah Taala atas malaikat , maka ingatlah .(30) Sungguh Allah memperingatkan kamu melalui selain kamu ; tilik dari mana datang (kebinasaan) ke atas orang yang didatanginya . Sesungguhnya malaikat tidak sedar tentang implikasi kemunculan khalifah ini (31), dan tidak sedar apa yang dituntut kehadiran al Haq daripada **ibadat zat** .(32)

(30) *IH : mereka tidak mengetahui jamak asma , hanya yang khusus kepada mereka .*

(31) *IH : iaitu **zahir khalifah adalah mengikut suwar alam dan batinnya mengikut suwar al Haq** .*

(32) *IH : iaitu ridha kepada hadrat mazhar (kemunculan insan) di bawah rububiah jamak asma selepas asma zahir pada mazhar yang paling kamal . Ibadat zat pada hadrat al Haq adalah khususiah kemunculan insan kamil .*

Sesungguhnya tidak seorang mengetahui daripada al Haq melainkan apa yang diberinya zat (diri)nya . (subjektiviti ilmu) Tidak bagi malaikat sintesis Adam dan mereka tidak sadar tentang asma yang dikhaskan kepadanya , yang dengannya dia memujiNya dan mensucikanNya .

Mereka mengetahui bahawa Allah mempunyai asma yang ilmunya tidak sampai kepada mereka , maka mereka tidak dapat memujiNya dan mensucikanNya dengannya . Apa yang kami sebutkan telah mengatasi mereka dan hal ini telah berhukuman atas mereka sehingga mereka telah berkata tentang kemunculan Adam : *Apakah Kamu akan menjadikan pada bumi sesuatu yang akan merosakkannya .* (2/30) Ini tidak lain daripada tentangan yang berlaku di kalangan mereka .

Apa yang mereka katakan pada haq Adam adalah keadaan apa yang mereka padanya bersama Allah . Jika bukan kerana binaan mereka mendatangkan demikian mereka tidak akan berkata pada haq Adam apa yang mereka telah katakan sedangkan mereka tidak sadar . Jika mereka mengenali diri nescaya mereka akan mengetahui , dan jika mereka mengetahui nescaya mereka akan diperlihora .(33)

(33) *IH : malaikat yang disebutkan ini di bawah malakut Aqal Kull dan Qalam al 'Ala yang memuji Allah dan mensucikanNya dengan asma tanzih , iaitu malaikat tinggi atas daripada tujuh petala langit . Bukan malaikat muhaymin yang luar daripada hukum Aqal Kull dan istihlak dalam Jalal al Jamal . Dan bukan malaikat bumi .*

Mereka tidak akan memperlekehkan sehingga melebihi pada mendakwah apa yang ada pada mereka daripada mentasbihkan dan mensucikanNya . Pada Adam terdapat asma ilahi yang tidak terdapat pada malaikat dan mereka tidak mentasbihkan dan mensucikanNya sebagaimana dilakukan jamiah Adam .

Al Haq telah mewasafkan apa yang telah berlaku untuk kami merenunginya dan mempelajari adab bersama Allah Taala supaya kami tidak mendakwah apa yang kami telah realisasikan dan hanya memperoleh secara berkaitan . Bagaimana kami boleh memutlakkan pada dakwah dan mengammkan pada apa yang tidak dikuasai dan diketahui , nescaya terbuka aib kami . Inilah pengajaran ilahi yang al Haq melatih hambaNya yang beradab , percaya dan khalifah .

Konsep Kulli dan Hubungan al Haq dengan Khalq

Kemudian kami kembali kepada hikmah . Kami kata : Ketahuilah bahawa perkara yang kulli jika sekalipun tidak wujud sebagai objek luaran dengan sendirinya , namun ia boleh ditaaqulkan dan diketahui tanpa syak dalam zihin .(34) Ia adalah perkara batin dan tidak terhenti sebagai objek wujud yang ghaib .(35) Baginya hukum dan kesan atas segala apa yang mempunyai wujud objektif . Bahkan ia adalah sumbernya tidak lain , makna aku , sumber segala yang mempunyai wujud objektif . Ia tidak henti sebagai objek mental pada dirinya . Ia **zahir sebagai objek luaran sepertimana ia batin sebagai objek mental.**

(34) *IH : jika zahir sebagai objek nescaya ia menjadi relatif dan tidak bersifat total dan mutlak .*

(35) *IH : perkara jamak yang mutlak seperti wujud , ilmu dan hayy adalah haqiqat mutlak .*

Sandaran segala objek luaran kepada perkara kulli ini , yang tidak mungkin ditolak daripada aqal dan tidak mungkin wujudnya sebagai objek luaran , adalah sandaran wujud yang dengannya terhentilah perkara kulli ini sebagai objek mental .

Sama saja demikian objek luaran berwaktu atau tidak berwaktu , nisbahnya kepada perkara kulli ini adalah satu .(36) Hukum objek luaran merujuk kepada perkara kulli mengikut apa yang dituntut haqiqat demikian objek sepertimana nisbah ilmu kepada alim dan hayat kepada orang yang hidup . Hayat ada satu haqiqat yang boleh difahamkan dan ilmu satu haqiqat yang boleh difahamkan berlainan daripada hayat , sepertimana hayat berbeza daripada ilmu .

(36) *IH : iaitu penzahiran perkara kulli pada objek adalah mengikut mazhar*

Kemudian kami kata tentang al Haq bahawa Dia mempunyai hayat dan ilmu , iaitu Dia Hayy dan Alim . Dan kami kata tentang malaikat bahawa ia mempunyai hayat dan ilmu , iaitu ia hayy dan alim . Dan kami kata tentang manusia bahawa dia mempunyai hayat dan ilmu , iaitu dia hayy dan alim . Haqiqat ilmu adalah satu dan haqiqat hayat adalah satu dan nisbah keduanya kepada yang berilmu dan hidup adalah sama . Dan kami kata pada ilmu al Haq bahawa ia adalah qadim dan pada ilmu manusia bahawa ia adalah hadas . (37)

(37) *IH : kerana keduanya perkara total dan penzahiran perkara total adalah mengikut mazhar . Ilmu tidak difahamkan melainkan sebagai total dan mutlak .*

Bandingkanlah hukum yang terbit dari kerana (perbezaan) sandaran pada haqiqat ini . Perhatikanklah rabtah antara konsep dan objek luarannya . Sepertimana hukum ilmu atas orang yang mendirikan ilmu bahawa dikatakan padanya bahawa dia alim , hukum atas yang disifatkan dengan ilmu bahawa ilmu itu hadas pada haq hadas dan qadim pada haq qadim . Maka jadilah setiap yang dihukumkan dengannya dihukumkan atasnya .(38)

(38) *IH : ilmu pada objek menghukumkan atas objek sebagai alim , sedangkan ilmu yang dizahirkan objek mengikut objek .*

Maklum bahawa perkara kulli , jika sekalipun maqul namun tidak maujud objeknya tetapi maujud hukumnya , sepertimana dihukumkan atasnya apabila dinisbahkan kepada objek luaran . **Ia menerima hukum objek luar tetapi tidak menerima tafsil dan pembahagian** kerana demikian tidak mungkin baginya . Ia pada zatnya dalam setiap yang disifatkan dengannya seperti kemanusiaan dalam setiap individu daripada spesis yang khas ini . Kemanusiaan tidak berceraian dan berbilang dengan perbilang individu dan tidak lenyap konsepnya . (39)

(39) *IH : makna perkara kull adalah nisbah adam zat objek luaran pada tahap lenyap dalam zat al Haq seperti hayy dan ilmu . Suwar dalam alam misal yang dianggap **para Isra'iqiyun** sebagai perkara total , dikira zahir sebagai objek dalam alam suwar .*

Rabah antara objek luaran dengan yang tidak mempunyai wujud luaran adalah sabit dan ia sesuatu nisbah adam . Rabah antara objek luaran , satu dengan yang lain lebih mudah difahami kerana dalam segala keadaan ada penghimpun iaitu wujud luaran .

Pada sana tidak ada penghimpun namun wujud rabithah tanpa penghimpun maka dengan penghimpun semestinya lebih kuat dan benar . Tidak syak bahawa yang hadas , sabit hadasnya dan iftiqarnya kepada penghadas untuk menghadaskannya kerana ia mungkin pada dirinya . Wujudnya adalah daripada selain dirinya dan ia berabitah kepada penghadasnya dengan rabithah iftiqar . Semestinya yang disandarkan kepadaNya adalah wajib al Wujud pada zatNya , terkaya pada wujudNya dengan dirinya dan tidak beriftiqar . Dialah yang memberi wujud dengan zatNya kepada hadas ini , justeru ia ternisbah kepadaNya . Apabila yang wajib menuntut yang mungkin pada zatnya jadilah mungkin itu wajib . (40)

(40) *IH : kewajiban dan limpahan adalah wajib kerana zatNya . Dalam Futuhat Ibn Arabi berkata : Ketahuilah bahawa al amr adalah al Haq dan khalq dan ia adalah wujud mahd dan daim , mungkin adalah mahd dan daim , adam adalah mahd dan daim . Wujud mahd tidak menerima adam selama2nya dengan tidak terbilang penolakannya , adam mahd tidak menerima wujud , mungkin mahd menerima wujud dengan asbab dan adam dengan asbab selama2nya . Wujud mahd adalah Allah , tidak lain dan adam mahd adalah yang tidak mungkin tidak lain . Mungkin mahd adalah alam tidak lain . Darjat terletak dalam tangan wujud mahd dan adam mahd . Dikaitkan wajib dengan zat kerana selagi zat objek tidak wajib objek itu tidak akan wujud .*

Apabila sandarannya untuk zatnya adalah kepada yang menzahirkannya , maka dituntut bahawa ia adalah atas suwarNya pada segala yang dinisbahkan kepadanya daripada asma dan sifat selain kewajiban pada zat . Sesungguhnya yang demikian tidak sah pada hadas jika sekalipun telah wajib wujudnya . Wujudnya adalah dengan selain dirinya bukan dengan dirinya .

Kemudian ketahuilah kerana urusan itu , sepertimana yang kami telah katakan bahawa penzahirannya adalah dengan suwarNya , Allah Taala telah tunjukkan kami kepada ilmu tentangNya supaya menilik pada hadas dan menyebut bahawa Dia memperlihatkan kami ayat2Nya dalam hadas , maka kami mengambil dalil dengan kami tentangNya . Maka tidak kami wasafkanNya dengan sesuatu melainkan kami juga mempunyainya melainkan kewajiban zat yang khas . Kerana kami mengetahuiNya dengan diri kami dan daripada kami , kami menisbahkan kepadaNya segala apa yang kami nisbahkan kepada kami .

Dengan demikian telah datang khabar ilahi melalui lisan tarjuman kepada kami , di mana Dia telah mewasafkan diriNya kepada kami dengan kami . Apabila kami mensaksikanNya , kami mensaksikan diri kami dan apabila Dia mensaksikan kami Dia mensaksikan diriNya . (41)

(41) *IH : Allah mensifatkan diri kepada kami dengan sifat kami . Kami adalah suwar nisbah asma dan sifat yang mensifatkanNya , yang zahir pada kami seperti hayat , ilmu , iradat dan qudrat .*

Perbezaan al Haq dengan Khalq

Tidak syak bahwa kami ramai pada individu dan spesis , dan kami jika sekalipun pada satu haqiqat yang menghimpunkan kami , namun kami mengetahui secara putus bahawa terdapat pemisah yang dengannya terasing setiap individu daripada yang lain . Jika bukan kerana demikian tidaklah terdapat katarsah dalam satu .

Seperti demikian juga , jika sekalipun kami diwasafkan pada segala wajah dengan apa yang Dia wasafkan diriNya , namun semestinya ada pemisah dan ia tidak lain daripada iftiqar kami kepada wujud dan kebergantungan wujud kami atasNya kerana kemungkinan kami dan kekayaanNya daripada seumpama apa yang kami iftiqar kepadanya .

Maka dengan ini sah bagiNya azali dan qidam yang ternafi darinya keawalan yang baginya pembukaan wujud dari adam . Keawalan ini tidak dinisbahkan kepadaNya bersama keadaanNya al Awal . Dan kerana ini dikatakan padaNya al Akhir . Jika keawalanNya adalah awal wujud kaitan , tidak sah Dia yang akhir bagi (wujud) muqayad kerana tidak ada akhir bagi munkinat yang tidak terbilang . Sesungguhnya **Dia yang akhir kerana kembali segala urusan kepadaNya selepas dinisbahkan demikian urusan kepada kami** . Dia al Akhir dalam ain keawalanNya dan al Awal dalam ain keakhiranNya . (42)

(42) *IH : Dia al Awal dan batin pada la taayin dan al Akhir dan zahir pada taayin .*

Kemudian ketahuilah bahawa al Haq mewasafkan diriNya sebagai zahir dan batin . Dia telah menjadikan alam ghaib dan alam syahadah supaya **kami idrak yang batin dalam ghaib kami dan yang zahir dengan syahadah kami** . Dia wasafkan diriNya dengan ridha dan marah dan mewujudkan alam yang ditakuti dan diharapkan . Maka kami takut kemarahanNya dan harap keridhaanNya . Dia mewasafkan diriNya dengan jamal dan jalal dan menjadikan kami berkeadaan **haibah** dan **uns** .

Seperti demikian segala apa yang dinisbahkan kepadaNya Taala dan dinamakan dengannya . Diibaratkan pasangan2 sifat ini dengan dua tangan yang bertawajuh dariNya kepada menciptakan insan kamil . Dia adalah penghimpun segala haqiqat alam dan ifradnya . Alam adalah syahadah sedangkan khalifah adalah ghaib . (43)

(43) *IH : makna dua tangan adalah suwar al Haq dan suwar alam . **Adam adalah tasybih yang paling total , lengkap dan kamal dan mazhar yang paling besar , umum dan tinggi** . Adalah mustahak bahawa khalifah Allah mengikut suwar Dia yang diwakilinya , dan sama wajib dia mengikut suwar alam yang dia menjadi khalifah atasnya . Adam sesuai sebagai mazhar jamak asma kerana kejamakan ketunggalan ruhnya , dan sesuai dengan alam kerana keperbilangan ketunggalan anggotanya .*

Dengan makna ini al Sulthan terhibab sepertimana disebutkan dan al Haq mewasafkan diriNya dengan hijab zulmani iaitu jisim tabii dan hijab nurani iaitu arwah latif . Alam terdiri daripada yang kasar dan yang halus dan ia sendiri adalah hijab atas dirinya . Ia tidak idrak al Haq seperti idrakNya diriNya dan tidak terhenti dalam hijab yang tidak terangkat bersama ilmunya bahawa ia terbeza daripada pewujudnya kerana iftiqarnya . Tidak ada bahagian baginya dalam kewajiban pada zat yang hanya untuk wujud al Haq yang ia tidak akan idrak selama2nya . Dari segi ini al Haq tidak terhenti daripada tidak maklum pada ilmu zauq dan syuhud kerana tidak ada tapak bagi hadas dalam demikian (kewajiban) .

Allah tidak menghimpunkan untuk Adam dengan kedua tanganNya melainkan untuk pemuliaan . Kerana ini Dia telah berkata kepada Iblis : *Apakah yang mencegah kamu daripada bersujud kepada apa yang Aku telah ciptakan dengan kedua tangan Aku .(38/76)* Adam bukan lain daripada ain penghimpunanNya akan dua suwar iaitu suwar alam dan suwar al Haq , dan keduanya adalah tangan al Haq .(44) Iblis hanya satu juzuk daripada alam . Tidak terhasil baginya kehimpunan ini . (45)

(44) *IH : haqiqat Adam , uns , memerlukan iqtidal dan baik taqwim , kelaziman tidak terkhusus kepada pernyataan sebelah , dan jamak antara tanzih serta keesaan dengan devolusi dan non-devolusi . ?*

(45) *IH : Iblis adalah suwar ananiyyah (keakuan yang bersebelahan) dan berpaling daripada keyaqinan mutlak . Pertentangan ini nyata dalam kemunculan manusia juga dengan pembinaannya lebih bergantung kepada tanah dan air bersamaan haqiqat , suwar , kuasa dan ruhaninya melazimkan samahah , taat , penerimaan , harmonis , kepercayaan , istiqamah , wibawa , khullah , diam , tawadhuk , ubudiah , lawwamah , ilmu dan latif . Pembinaan Iblis lebih daripada api bersamaan haqiqatnya melazimkan besar-diri , kejahatan , tipu , jabbar , kekurangan dan hasad . Haqiqatnya bertentangan menyeluruh dengan sujud .*

Kerana inilah Adam menjadi khalifah . Jika dia bukan pada suwar pihak yang dia menggantikan pada apa yang dia menggantikanNya padanya dia tidak akan layak sebagai khalifah . Jika tidak dalamnya segala apa yang ada dalam alam , dan apa yang dituntut rakyat2 yang dia dijadikan khalifah atas mereka , dia tidak akan menjadi khalifah .

Tidak sah menjadi khalifah melainkan insan kamil , maka Allah telah membina suwarnya yang zahir daripada haqiqat2 alam dan suwar2nya . Dia membina suwarnya yang batin atas suwarNya Taala . Kerana demikian Dia telah berkata tentangnya : Aku adalah pendengarannya dan penglihatannya .(Hadis Qudsi) Dia tidak berkata: Aku matanya dan telinganya . (46)

(46) *IH : insan kamil dinamakan alam saghir dengan merujuk kepada suwar zahirnya bukan suwar batinnya .*

Seperti demikian pada setiap yang wujud dalam alam , (Dia zahir) dengan qadar apa yang dituntut haqiqat demikian maujud . Tidak bagi sesuatu segala apa yang ada pada khalifah dan dia tidak melebihi mereka melainkan kerana keterhimpunannya . Jika bukan kerana siryan al Haq dalam segala maujudat melalui suwarNya , alam tidak akan mempunyai wujud . Sepertimana jika bukan kerana demikian haqaiq iaitu konsep kulli , tidak akan zahir hukum pada objek zahir . Kerana haqiqat ini alam iftiqar kepada al Haq untuk wujudnya . Kesemua iftiqar dan tidak terkaya .

Ini adalah kebenaran apa yang aku telah katakan , bukan kinayah .
Apabila aku menyebut tentang yang terkaya tanpa iftiqar padanya ,
Maka kamu tentu mengetahui siapa yang aku katakan itu .
Segalanya berabitah dengan al Kull dan tidak baginya perpisahan daripadanya .
Peganglah apa yang aku katakan .(47)

(47) *IH : alam iftiqar kepada Allah untuk wujud dan al Haq iftiqar kepada alam bukan untuk wujud tetapi kerana mazhar haqiqat kelaziman dan nisbah rububiah adalah alam , iaitu ada iftiqar kepada asma .*

Ketahuilah , falak ilahi yang total adalah empat : pertama : la taayun , kemudian taayun awal yang nyata pada awalnya dengan Nafs al Rahman . Pada peringkat ini telah ada rabitah jamak kull asma dengan kull haqiqat alam dan jamak kull haqiqat alam dengan jamak kull asma .

Kamu telah mengetahui hikmah kemunculan jasad Adam , maknaku suwarnya yang zahir dan kemunculan ruh Adam , maknaku suwarnya yang batin , iaitu al Haq dan khalq . Dan kamu telah mengetahui pembinaan martabatnya , iaitu kehimpunan yang dengannya dia layak menjadi khalifah .

Adam adalah nafs yang satu yang darinya diciptakan spesies ini , insan kamil .

FirmanNya : Wahai manusia , bertaqwalah kepada Rabb kamu yang telah menciptakan kamu daripada nafs yang satu dan menciptakan daripadanya pasangannya (48) , dan membiakkan daripada keduanya lelaki dan perempuan yang ramai .(4/1)

(48) *IH : Hawa adalah kata jamak kepada hawaya , maknanya bersatu . Dia diciptakan atas suwar Adam mengikut disposisi tabiinya . Dia dari pihak kiri kerana ruh adalah dari pihak kanan , dan berlungkur mengikut haqiqat tabiat .*

Makna firmanNya : *Bertaqwalah kepada Rabb kamu* ialah : jadikan apa yang zahir daripada kamu sebagai perisai bagi Rabb kamu dan jadikan apa yang batin daripada kamu , iaitu Rabb kamu sebagai perisai bagi kamu . Sesungguhnya pada urusan cela dan puji , jadilah perisaiNya dalam pencelaan dan jadilah Dia perisai kamu dalam kepujian supaya kamu menjadi seorang yang beradab dan berilmu .

Kemudian Dia telah memperlihatkan Adam apa yang Dia telah letakkan dalamnya . Demikian dijadikan dalam dua genggamannya . Genggaman yang satu dalamnya alam dan genggamannya yang lain Adam dan anak cucunya dengan menjelaskan martabat2 mereka dalamnya .

Kalimat Hikmah Anbiya

Apabila Allah Taala memperlihatkan aku pada sirr aku atas apa yang Dia telah letakkan dalam imam ini , bapa yang terbesar , aku telah menjadikan dalam kitab ini sebahagian apa yang Dia telah menghadkan kepada aku . Bukan segala apa yang aku alami , kerana demikian tidak termuat dalam kitab bahkan dalam alam yang wujud sekarang pun . Maka antara apa yang aku saksikan daripada apa yang aku telah letakkan dalam kitab ini , sepertimana dihadkan oleh Rasulullah saw , adalah hikmah ilahi dalam kalimat Adam iaitu bab ini .

Kemudian hikmah **inspirasi dalam kalimat Syith** merujuk kepada kurnian ilahi dan ilmu yang ditanamkan dalam lubuk hati Syith , iaitu perkembangan Nafs al Rahman atas mahiyah dan kepenerimaan .

Kemudian **hikmah subbuhiah dalam kalimat Nuh** yang dengan ghalabah sifat subbuh telah menjadi rasul yang pertama . Dia menuntut umatnya supaya mentauhidkan

Allah dan mentanzihkannya daripada sebarang syirik . Zauq Nuh adalah aqal dan nafs .

Kemudian **hikmah quddusiah dalam kalimat Idris** yang *zauqnya aqal quddus . Dia bersih daripada alam mizaj dan bergaul dengan malaikat dan arwah , dan wujud sebelum Nuh .*

Kemudian **hikmah muhaymiyah (ekstasi) dalam kalimat Ibrahim** yang *senantiasa mencari jamal al Haq . Dia fana daripada dirinya dalam nur anwar Allah dengan tajalli jamal al Jalal . (Evolusi manusia) bermula dengan Adam yang menjamakkan segala asma , kemudian Syith dengan kurniaan (perkembangan) pada zat dan asma , kemudian kurniaan tajrid (Idris) dan tanzih (Nuh) . Kemudian Ibrahim sebagai cermin pertama zahir sifat tsubutiah untuk menyempurnakan ilmu . Namun khillahnya masih mempunyai hijab .*

Kemudian **hikmah kebenaran dalam kalimat Ishaq** iaitu dengan perkembangan alam khayal yang benar . *Dia menyerupai doa untuk ilmu asrar asma .*

Kemudian **hikmah ketinggian dalam kalimat Ismail** kerana dia menyerupai doa yang mengandungi kelengkapan Muhammad .

Kemudian **hikmah ruhani dalam kalimat Yakub** iaitu mengandungi ketentuan din yang mempunyai dua wajah . Satu politik untuk memelihara fungsi alam dengan baik dan tadbir mengikut urusan umum . Yakub menyerupai contoh kebersihan yang layak untuk Arshy .

Kemudian **hikmah nur dalam kalimat Yusuf** menjelaskan haqiqat alam misal mutlak dan perkembangan nurnya . Ia taayun antara wujud mutlak dan adam . Nur adalah sifat ainnya . Bentangan alam misal mutlak atas hadrat khayal pada haqiqatnya adalah sejenis nur . Nur adalah sesuatu yang tidak difahami tetapi dengannya difahami sesuatu , berbanding diya' . Alam misal mutlak adalah zauq dan kasyaf Yusuf dan dia diberi ilmu takwilnya .

Kemudian **hikmah ahadiyah (/keunikan) dalam kalimat Hud** . Ahadiyah mempunyai tiga darjat . Pertama ahadiyah zat iaitu ahadiyah mutlak sepertimana dalam : *Qul Huwa Allahu Ahad . (al Quran)* di mana ahadiyah adalah zat . Kedua ahadiyah asma dan sifat , di mana ahadiyah adalah sifat bukan zat . Ketiga ahadiyah afaal atau ahadiyah rububiah yang dikhaskan kepada Hud .

Kemudian **hikmah futuh (/pembukaan) dalam kalimat Soleh** . Keesaan rububiah membawa kepada futuh zat ahadiyah .

Kemudian **hikmah qalb dalam kalimat Syaib** iaitu seruan kepada keadilan yang zahir pada hati . Ia suwar kejamakan ketunggalan antara zahir dan batin . Iqtidal jasad dan keadilan nafs datang darinya .

Kemudian **hikmah penguasaan dalam kalimat Lut** supaya dia bertindak dengan himmah dan tasaruf .

Kemudian **hikmah taqdir dalam kalimat Uzair** yang minta diperkenalkan **sirr qadar** . Seseorang akan mengenal hikmah qadar dan sirrnya hanya selepas dia bersandar kepada rukun yang kukuh iaitu berpegang dengan Allah dan wujud dengan wujud Allah . Uzair mengenal sirr qadar selepas mati dan kembali hidup semula .

Kemudian **hikmah keterangan dalam kalimat Isa** yang membersihkannya daripada kaitan tasybih dan menghidupkan nisbahnya dengan Allah . Isa mengenal sirr qadar, bahkan dia menghidupkan yang mati dengan sandaran qadar . Mengenal sirr qadar adalah satu antara tangga keterangan Isa dan padanya zahir keterangan sepenuhnya .

Kemudian **hikmah rahmat dalam kalimat Sulaiman** yang diberi Allah tasaruf atas segala alam bersama kebesaran , dominasi dan kefahaman yang menyeluruh . Ini kerana padanya dilengkapi asrar rahmat yang peribadi dan umum . Hanya seorang yang telah diangkat Allah dan sampai kepada **pertemuan dua qaus** layak zahir dengan kekhalifahan dan taayun seperti Sulaiman .

Kemudian **hikmah wujud dalam kalimat Daud** kerana wujud lengkap dalam suwar manusia sebagai khalifah . Kekhalifahan Adam tidak termasuk kerasulan . Daud adalah orang pertama selepas lengkap syarat maqam kamal , yang dilengkapi tashkir dan kekhalifahan serta diberi mulk , hikmah dan nubuwwah . Asbab wujud adalah perkembangan Nafs al Rahman .

Kemudian **hikmah nafs dalam kalimat Yunus** yang adalah mazhar sifat kelengkapan . Sifat ini milik kesemua manusia . Nafs manusia dalam lautan jenis berhubungan dengan nafs haiwan jenis ikan .

Kemudian **hikmah ghaib dalam kalimat Ayub** iaitu hatinya ghaib daripada alam indera dan memasuki hadrat ghaib uluhiah . Seorang yang mencapai darjat **Nafs Kull** mengetahui asrar alam ghaib .

Kemudian **hikmah jalal dalam kalimat Yahya** . Zahir padanya haibah , limpahan , zuhud daripada dosa dan segala yang tidak bersih kerana ghalabah atasnya jalal . Hikmah ghaib membawa kepada kesedaran jamal dalam jalal . Kepada sesiapa yang mengenal semua ini akan ditajalli kepadanya satwah (kekuasaan) , azamah (keagungan) dan jalal sepertimana ditajalli kepada Yahya jalal dalam jamal .

Kemudian **hikmah pemilikan dalam kalimat Zakariya** , iaitu diperkuatkan himmahnya . Sebab batin adalah lebih kuat pada makna dan hukum . Penghuni alam amar lebih lengkap , kuat dan berkesan daripada penghuni alam khalq . Hanya selepas satwah wahyu menghilangkan haibah dan jalal hamba baru muncul penzahiran sifat uluhiah dan milik melalui kewujudan al Haq .

Kemudian **hikmah uns (intimasi) dalam kalimat Ilyas** yang diangkat kepada malaikat walau berhubungan baik dengan manusia .

Kemudian **hikmah ihsan dalam kalimat Luqman** ,

Kemudian **hikmah keimaman dalam kalimat Harun** iaitu melalui perantaraan berbanding Ibrahim yang dilantik Allah secara langsung . Imam Mahdi juga adalah tanpa perantaraan kerana dia khalifah Allah . (Hadis) . **Visi dan ihsan adalah antara kewajiban imam .**

Kemudian **hikmah uluwiyah dalam kalimat Musa** kerana empat usul . Pertama dia rasul secara langsung kepada ramai manusia . Kedua dia diberi Taurat melalui zatNya tanpa perantaraan . Ketiga dia dekat kepada maqam jamak yang khas dan diberi pengalaman bersama Khidr supaya mengetahui perbezaan **taayun iradat** dengan **taayun nizam** . Keempat kerasulannya mempengaruhi ramai rasul .

Kemudian **hikmah samad dalam kalimat Khalid** kerana umatnya merujuk kepadanya dalam segala urusan yang penting , untuk nasihat dan penanganan . Allah Taala mengangkat bala yang melanda umatnya dengan doanya .

Kemudian **hikmah fardhiah dalam kalimat Muhamad** , iaitu mempunyai sifat jamak dan kefarduan . Ia devolusi pertama zat kefardhuan mengandungi devolusi tanzih , tasybih , maarif dan wujud . Atasnya tidak selain zat ahadiyah mutlak yang tanzih daripada apa2 devolusi .

Permata setiap hikmah adalah kalimat yang dinisbahkan kepadanya . Aku telah ringkaskan apa yang aku sebut dalam kitab ini kepada had apa yang sabit dalam kitab induk . (49) Aku menepati apa yang dirasmikan kepada aku dan berhenti pada apa yang dihadkan kepada aku . Jika sekalipun aku berkehendak tambahan atas demikian tidak akan aku berdaya . Sesungguhnya hadrat mencegah demikian . Allah yang memberi kejayaan , tidak ada Rabb melainkanNya .

(49) *IH : Martabat kitab induk terhimpun dalam lima . Pertama taayun awal . Kedua 'ama rububiah . Ketiga Kitab Mubin untuk al Mudabbir iaitu Aqal Awal dan al Qalam al 'Ala . Aqal Awal adalah Kitab Mubin dan induknya adalah haqiqat haqaiq tasybih , iaitu 'ama rububiah . Keempat adalah Kitab Mufasil , iaitu Lauh Mahfuz pada hukum dan Nafs Kull pada marifat dan taayun . Kelima adalah asma pencipta langit .*

Apa yang tersebut dalam kitab ini adalah apa yang tsabit dalam kitab induk mengikut jalan kefardhuan kejamakan haqiqat Muhammad , tidak sebanyak mana yang terdapat dalam hikmah kitab induk . Martabat ini adalah martabat barzakh azhim , milik khatam anbiya , yang menghadkan apa yang terhad daripada martabat itu kepada wilayah khas .

Permata Hikmah Inspirasi dalam Kalimat Syith *(subjektiviti inspirasi ain tsabit)*

Persediaan untuk Permintaan

Ketahuiilah bahwa pemberian dan penghargaan yang zahir dalam kaun atas tangan hamba atau dari selain tangan mereka terbahagi dua, iaitu pemberian zat atau pemberian asma (1) dan terbeza pada sisi ahli zauq. Ada antaranya yang diminta secara tertentu, ada yang diminta tidak secara tertentu dan ada yang tidak diminta, sama saja pemberian itu pada zat atau asma.

(1) IH : pemberian al Haq apabila diiktibarkan dari segi sumbernya dinamakan pemberian zat, dan apabila diiktibarkan dari segi perbilangan suwar pemberian dalam penerima dan dari kerana penerima dinamakan pemberian asma.

Ada yang tertentu seperti seorang berkata : Wahai Rabb, berilah aku sedemikian. Iaitu dia menentukan sesuatu perkara dan tidak terlintas baginya selain itu. Yang diminta secara tidak tertentu seperti seorang berkata : Berilah aku apa yang Kamu tahu padanya ada kebaikan bagi aku; tanpa menentukan setiap juzuk zat yang diminta apakah pemberian itu halus atau kasar. (2)

(2) IH : yang halus adalah jenis ruhani dan yang kasar adalah jenis jasmani atau nafsani. ARK : pemberian zat adalah tanpa wasithah

Peminta terbahagi dua. Satu grup terbangkit untuk meminta kerana tabiat bergesa2 : *sesungguhnya manusia diciptakan bergesa2. (17/11)* (3) Grup yang lain terbangkit untuk meminta kerana mengetahui bahawa di sana ada beberapa perkara di sisi Allah yang terdahulu ilmuNya tentangnya bahawa ia tidak tercapai melainkan dengan meminta. Mereka berkata : Mudah2an apa yang kami minta daripada Yang Terpuji adalah sebegini. (4)

(3) IH : mereka tidak mengetahui kecenderungan mereka pada mana satu waktu

(4) IH : mereka meminta dengan sikap berjaga2, boleh dikeluarkan makna bahawa kecenderungan grup ini sesuai dengan hal mereka dan mereka mengetahui kecenderungan mereka.

Permintaannya adalah sesuatu pengawasan atas munajat kerana dia tidak tahu apa yang ada dalam ilmu Allah dan apa yang ada padanya daripada persediaan untuk penerimaan. (5) Antara pengetahuan yang paling rumit adalah bertepatan pada setiap saat tentang persediaan seseorang pada demikian saat. (6) Namun jika orang itu tidak diberi persediaan untuk meminta nescaya dia tidak akan meminta. (7)

(5) IH : jika yang mencetuskan permintaan itu adalah daripada tabiat gesa2 persediaannya mungkin harmonis atau tidak. Jika harmonis, adalah wajib ia berlaku dan jika tidak ia tidak akan berlaku ketika itu. Jika persediaannya yang mencetuskan permintaan, tentu apa yang diminta akan berlaku, dan peminta akan seronok tanpa menyuarakan permintaannya.

(6) IH : hanya mungkin bagi insan kamil

(7) IH : namun seseorang tidak sedar tentang persediaannya pada setiap waktu.

Sejauh pencapaian ahli hudur (yang meminta) yang tidak mempunyai seumpama ilmu ini , bahawa dia mengetahui persediaannya pada ketika pemberian . Sesungguhnya mereka mengetahui dengan hudur mereka apa yang al Haq memberi kepada mereka pada ketika itu dan bahawa mereka tidak menerima melainkan kerana ada persediaan .

Grup ini terbahagi dua : Pertama mereka yang mengetahui daripada penerimaan mereka tentang persediaan mereka . (8) Yang kedua mengetahui daripada persediaan mereka apa yang mereka terima . Bahagian ini lebih lengkap pada marifat persediaan dalam grup ini . (9)

(8) *IH : mereka mengenali persediaan mereka secara umum daripada apa yang datang kepada mereka dan yang mereka terima .*

(9) *IH : ahli hudur mengetahui melalui kasyaf , alam makna dan ain tsabit persediaan mereka secara umum daripada khususnya persediaan asal mereka .*

Antara grup ini ada yang meminta bukan kerana hendak mencepatkan dan bukan kerana ada kemungkinan . Mereka minta hanya kerana mencontohi suruhan Allah dalam firmanNya Taala : *Mintalah kepada Aku , nescaya Aku memperkenankan doa kamu . (40/60)* Dia adalah hamba yang murni . Bagi hamba ini tidak ada apa2 himmah pada apa yang dia minta , yang tertentu ataupun tidak . Hanya sanya himmahnya pada mencontohi suruhan penghulunya .

Apabila halnya menuntut permintaan , dia meminta kehambaan dan apabila dituntut tafwidh dan sukut , dia diam . Sesungguhnya Ayub dan selainnya telah diuji dan mereka tidak memintanya supaya mengangkat apa yang Dia telah melanda mereka dengannya . Kemudian hal mereka pada zaman yang lain menuntut bahawa mereka meminta supaya diangkat yang demikian , lalu Allah pun mengangkatnya . (10)

(10) *IH : iaitu dalam meminta dan diam seorang hamba akan memelihara adab*

Pencepatan apa yang diminta atau perlambatan adalah mengikut qadar yang tertentu bagi permintaan itu di sisi Allah . Jika permintaan itu berkebetulan dengan waktunya dipercepatkan perkenannya . Apabila waktunya ditangguhkan , apakah dalam dunia ataupun di akhirat , ditangguhkan perkenannya . Tetapi tidak (ditangguhkan) perkenan dengan : Labaika ; daripada Allah .(11) Hendaklah kamu memahami .

(11) *IH : jika diketahui bahawa kecenderungan hamba akan zahir satu hari nanti , akan dimulakan persediaan untuk penerimaan yang lengkap bersama sikap .*

Adapun bahagian yang kedua , iaitu mengikut kata kami : antaranya apa yang diberi tanpa permintaan ; maka makna yang dikehendaki dengan meminta adalah dengan lafaz . Sebenarnya semestinya permintaan itu berlaku apakah dengan lafaz , hal ataupun persediaan . (12)

(12) *IH : jika ketiga2 ini berlaku serentak permintaan itu akan sangat2 dipercepatkan . Persediaan ada dua jenis . Persediaan jujuk yang terlatih seperti seorang yang mempunyai penerimaan dan keupayaan yang tinggi untuk sesuatu perkara . Pemberian atas persediaan ini tidak ditangguhkan .*

Permintaan atas persediaan kull yang tidak terlatih seperti penzahiran kelengkapan , kesan atau taayun asma dan seperti wujud kharij bagi ayan tsabit . Ini juga tidak ditangguhkan .

Sepertimana tidak ada puji mutlak semata2 melainkan dalam lafaz , maka puji dengan makna semestinya dikaitkan dengan hal . Yang membangkitkan kamu kepada memuji Allah adalah apa yang dikaitkan kepada kamu dengan asma tindakan atau asma tanzih . Persediaan hamba tidak disedari hamba itu . Dia menyedari hal kerana dia menyedari motifnya iaitu halnya . Persediaan adalah permintaan yang paling tersembunyi . (13)

(13) IH : permintaan dengan lafaz diketahui peminta dan orang lain . Permintaan dengan hal diketahui pemiliknya . Permintaan dengan persediaan tidak diketahui pemiliknya pun , hanya Allah saja yang mengetahui .

Sesungguhnya mereka ini tercegah daripada meminta kerana ilmu mereka tentang keterdahuluan qadha Allah . Mereka telah menyediakan tempat untuk menerima apa yang datang daripadanya . Mereka telah ghaib daripada nafs dan aradh mereka .

Subjektiviti Ilmu

Antara mereka ini , ada yang mengetahui bahawa ilmu Allah Taala tentang segala hal mereka adalah keadaan mereka padanya ketika sabit ain mereka sebelum wujud luaran . Mereka mengetahui bahawa al Haq tidak akan memberinya melainkan apa yang diberi ainnya , dengan kerana ilmuNya tentangnya , iaitu apa yang dia bersedia atasnya dalam keadaan sabitnya . Mereka mengetahui dari mana terhasil ilmu Allah tentang mereka . (14)

(14) IH : iradat al Haq tertakluk dengan ilmuNya . Pada ilmu Allah sesuatu yang tertentu tidak akan taayun melainkan mengikut qadar yang tertentu kepadanya .

Tidak ada grup ahli Allah yang lebih tinggi dan lebih kasyaf daripada grup ini . Mereka adalah grup yang meneliti **sirr qadar** . (15) Satu bahagian mengetahui secara ijmal (16) dan yang lain mengetahui secara tafsil . Yang mengetahui secara tafsil lebih tinggi dan lengkap daripada yang mengetahui secara ijmal . Dia mengetahui apa yang ada dalam ilmu Allah tentangnya , apakah dengan pemberitahuan Allah Taala akannya dengan apa yang ainnya memberi kepadanya (17) atau dengan kasyaf apa yang ada dalam ain sabitnya bersama transformasi hal atasnya yang tidak berhenti2 .(18) Ini lebih tinggi kerana dia pada ilmunya tentang dirinya pada kedudukan ilmu Allah tentangnya kerana pengambilan adalah daripada sumber yang satu .

*(15) IH : **sirr qadar** adalah suwar cara sesuatu diketahui dalam ilmu Allah .*

(16) IH : iaitu dengan iman dan burhan

(17) ARK : dengan campakan subbuhi apa yang ada dalam ainnya sedangkan dia terhibab daripada ainnya

*(18) IH : jika hamba itu seorang nabi dia akan diberitahu malaikat atau diwahyukan ke dalam hatinya sedangkan auliya diberi ilham dalam hati , iaitu dengan inayah pada hadrat ilmu al Haq . Ini berbeza daripada **ilmu yang didapati melalui taraqqi kepada ain tsabit** .*

Jika dia diberi kasyaf jamak ayan tsabit melalui taayun zat al Ghaib , dan melalui ilmu pensabitan kefarduan dalam jamak haq mutlak dan dalam mungkin yang ghaib ; dan dia mengenali ain tsabitnya dan sama2 meneliti pada sumber asal dan martabat wujud dan cara2 syuhud ain tsabitnya bersama hal , mahiyah , mulazim dan aradh dengan segala yang sangkut-paut , bahawa segalanya adalah daripada al Haq di dunia dan di akhirat , bahawa segalanya daripada ain tsabitnya yang adalah sumber ilmu al Haq tentangnya kerana ain tsabit dalam wujud al Haq sama dengan al Haq dan kerana ia bukan lain , dia akan menilik tentang dirinya dan tentang orang lain secara tafsil apa yang tsabit dan apa yang tahqiq dalam wujud mereka dan suasana hidup mereka .

Melainkan bahawa pada pihak hamba ia adalah inayah daripada Allah dari dahulu lagi dan ia adalah antara jumlah hal ainnya yang pemilik kasyaf ini akan mengetahui apabila Allah Taala memperlihatkannya atas demikian , iaitu hal ainnya . Namun bukan dalam keluasan makhluk apabila Allah memperlihatkannya hal ainnya , yang atas ain itu diperlakukan suwar wujudnya , bahawa dia melihat dalam hal ini apa yang al Haq melihat pada ainnya ketika ia adam . Kerana demikian adalah nisbah zat bagi ain yang tidak mempunyai suwar . (19)

(19) *IH : Perbezaan ilmu al Haq dengan ilmu hamba tsabit dengan dua cara . Pertama ilmu hamba adalah inayah daripada al Haq kepadanya dan kedua ilmu ayan tsabit ketika adam khas kepada al Haq .*

Dengan kerana qadar ini , kami kata sesungguhnya inayah Allah telah (tetapkan) terdahulu bagi hamba ini dengan kesamaan ini pada mendapatkan ilmu . Dengan sebab ini firman Allah Taala : ... *sehingga Kami mengetahui (al Quran)* (20) dan ia adalah satu kalimat yang tersangat benar maknanya , tidak sebagaimana diwahamkan oleh mereka yang bukan daripada masyrab ini .

(20) *IH : ilmu berkenaan dengan sifat dan asma , objek dan tafsil adalah mengikut penzahiran semasa yang tidak dikenali melainkan pada ketika penzahiran . Kebaruan ilmu ini tidak melibatkan pembaruan pada ilmu zat . Pada ahadiyah zat , alim, ilmu dan maklum adalah sama . ARK : mutakalim menjadikan yang hadas satu sifat takluk ilmu bukan sifat ilmu .*

Tujuan penanzih bahawa dijadikan demikian hadas pada ilmu kerana takluk . Inilah wajah tertinggi bagi mutakalim dalam taaqul pada masaalah ini . Dia mensabitkan ilmu sebagai tambahan atas zat , kemudian menjadikan takluk kepada ilmu tidak kepada zat .(21) Dengan kerana ini dia terpisah daripada tergolong sebagai muhaqiq ahli Allah yang pemilik kasyaf dan wujud .

(21) *IH : apa yang hadas bertakluk dengan alim , bukan dengan haqiqat ilmu yang adalah sama dengan zat . Ilmu yang zahir daripada ayan tsabit adalah sesuatu yang kembali kepada ilmu yang tsabit pada keadaan ayan tsabit dalam adam , dan ini bukan tambahan atas zat .*

Kemudian kami kembali kepada pemberian dan kami kata bahawa pemberian adalah dari zat atau asma . Tajalli zat tidak melainkan dengan suwar persediaan orang yang ditajalli kepadanya . Selain daripada demikian tidak berlaku . Maka yang ditajalli kepadanya tidak melihat selain suwarnya dalam cermin al Haq , dia tidak melihat al Haq dan tidak mungkin dia melihatNya bersama ilmunya bahawa dia tidak melihat selain suwarnya melainkan dalamNya .

Seperti cermin pada alam nyata apabila kamu melihat satu suwar atau suwar kamu dalamnya kamu tidak melihat cermin , bersama ilmu kamu bahawa kamu tidak akan melihat apa2 suwar atau suwar kamu melainkan dalamnya . Allah menyatakan demikian sebagai misal () ; mendirikannya untuk tajalli zatNya supaya yang ditajalli kepadanya mengetahui bahawa dia tidak melihatNya . Dan pada sana tidak ada contoh atau penyamaan yang lebih tepat bagi penglihatan dan tajalli daripada ini .

Cobalah ketika kamu melihat suwar dalam cermin untuk melihat jirim cermin , kamu tidak akan melihatnya bila2pun . Setengah mereka yang memahami sedemikian berkenaan dengan suwar cermin telah berkata bahawa apa yang dilihat dalam cermin terletak antara penglihat dan cermin . Ini setinggi2 apa yang dikuasai . Yang benar adalah apa yang kami katakan dan kami berpegang dengannya . (22) Telah kami jelaskan ini dalam al Futuhat al Makkiyah .

() *Nett : satu istilah al Quran yang merujuk kepada pembelajaran secara analogikal bukan logikal , sesuatu yang patut didekati dengan langsung dan basirah .*

(22) *ARK : apa yang dilihat dalam cermin al Haq adalah suwar penglihat bukan suwar al Haq jika sekalipun zat al Haq mentajallikan kepada penglihat dengan suwarNya bukan dengan suwar cermin .*

Apabila kamu merasai ini , kamu telah merasai tujuan yang tidak ada tujuan lebih daripadanya pada hak makhluk . Dan jangan kamu tamak dan susahkan diri untuk meningkat kepada yang lebih tinggi daripada darjat ini . (23) Tidak ada usul di sana dan selepasnya tidak ada melainkan adam semata2 . Maka Dia adalah cermin kamu dalam penglihatan kamu akan diri kamu dan kamu cerminNya dalam penglihatan asmaNya . Dan bukanlah asma melainkan ainNya sepertimana kamu ketahui . Ada percampuran dalam perkara ini dan kesamaran . (24)

(23) *IH : darjat tertinggi dalam musyahadah al Haq adalah selepas mengenali ain tsabit kamu . Apabila kamu bersatu dengan ain tsabit kamu , kamu akan melihat al Haq tanpa tafaraqah sebagai individu*

(24) *ARK : apa yang dilihat bukan ain al Haq dalam suwar hamba di mana hamba menjadi cermin al Haq , dan bukan ain hamba dalam suwar al Haq di mana al Haq menjadi cermin hamba .*

Antara kami ada yang jahil tentang perkara ini dalam ilmunya , dan berkata : Kelemahan daripada mencapai fahaman (sebenar) adalah fahaman (yang benar) . Ada yang mengetahui dan tidak berkata demikian dan inilah qaul lebih tinggi . Ilmunya tidak mencetuskan padanya kelemahan , tetapi ia menjadikannya diam , tidak memberinya kelemahan .

Dia adalah alim tentang Allah yang lebih tinggi. Ilmu ini tidak layak melainkan bagi khatam rasul dan khatam awliya . Tidak seorang anbiya dan rasul melihatnya melainkan daripada misykat khatam rasul . Dan tidak seorang wali melihatnya melainkan daripada misykat khatam awliya . (25)

(25) *IH : pewaris maqam ini mensaksi bahawa dia zahir daripada taayun awal dengan segala asma dan sifat rububiahain tsabitnya tidak terkhusus secara juzuk ...dan terhimpun padanya fahaman yang total tentang ahadiah .. segala ayan tsabit harmonis padanya iaitu dia sama dengan kull ayan dan haqaiq al haqiqat . Wahyu yang diturunkan kepadanya dengan penerimaan yang mengikut ain tsabit dirinya dan penerimaan singularnya yang kull mutlak adalah wahyu singulariti kelengkapan kull . Dalam wahyu ini dia menyaksikan dengan zahirnya zahir dan batin Allah , dan dengan batinnya menyaksikan zahir dan batin Allah Dia adalah taayun ahadiah potensi dan tanzih daripada keterhadan . Diberinya fahaman tujuan ilmu , diam dan ketidak-hairanan . Ini khusus dalam azali dan abadi kekamalan haqiqat insan Muhammadi .*

Kull yang ada pada Adam adalah suwar singulariti mazhar jamak anasir dan insan , iaitu suwar kull al kull . Kull selepas tafsil adalah penzahiran insan kamil sebagai anbiya dan awliya sehingga sampai kepada khatam zahir dan batin . Pada martabat ini terdapat kull afaal hamd dan singulariti kull kamalat al Haq dan zat .?

Nubuwwah adalah darjat penzahiran insan kamil dengan darjat singulariti kull ini . *Khatam anbiya* adalah yang mempunyai kamalat totaliti singulariti ini . Jika kull kamalat dan singulariti kull hamd adalah batin maka ia adalah *wilayah* . *Khatam wilayah* mempunyai totaliti kamalat haqiqat makna batin daripada totaliti singulariti haqiqat dan kemakhlukan . *Khatam wilayah Muhammad* yang khas adalah totaliti singulariti yang peribadi . Jika singulariti itu adalah singulariti totaliti alam , iaitu ruh batin totaliti singulariti kamalat insan , maka ia adalah *Isa , khatam wilayah amm* , Ruh Allah dan Kalimat Allah .

Semestinya nama haqiqat totaliti singulariti kamalat insan adalah Muhammad . Suwarnya menghimpunkan ruh dan makna bersama lawazim , khususnya dan aradh dan penghimpunan ini adalah ahadiahnya . Setiap anbiya adalah mazhar satu asma khas . Segala anbiya dan awliya menerima ilmu batin daripada darjat khatam wilayah Muhammad , secara khas dengan binasa segala tasybih dan khatam darjat kull dalam penerimaan . Anbiya menerima nubuwwah daripada darjat qaba qausaini.

Sehingga seorang rasul pun tidak melihat ketika dia melihat melainkan daripada misykat khatam awliya . Sesungguhnya risalah dan nubuwwah , maknaku nubuwwah tasyrik dan risalahnya telah putus keduanya . (26) Tetapi wilayah (IH : Muhammad) tidak terputus selama2nya . Maka rasul2 dari keadaan mereka awliya tidak melihat melainkan daripada misykat khatam awliya maka bagaimana orang yang kurang daripada mereka di kalangan awliya .

(26) *IH : seorang nabi adalah perantara Allah dengan umatnya . Dia mengambil daripada khatam anbiya mutlak apa yang sesuai untuk umatnya , namun melalui kewilayahannya daripada misykat khatam wilayah , dan ini mengikut lima jenis : (A) hikmah khas yang tidak umum pada umatnya (B) hikmah yang berhubungkait dengan umatnya (C) hikmah khas untuk umatnya tetapi tidak umum (D) hikmah*

yang melibatkan umatnya (E) hikmah yang khas untuk umatnya yang tidak menonjol pada nabi itu .

Nubuwwah hukum telah terputus tetapi dari segi wilayah , nubuwwah tahqiq dan penjelasan tidak terputus kerana Allah menamakan diriNya dengan al Wali . Ilmu *sirr qadar adalah daripada wilayah khas Muhammad . Khidr* bukan pada darjat khatam wilayah Muhammad tetapi adalah pada darjat wilayah fard . Antara mazhar wilayah Muhammad , yang paling kamal adalah qutub zamannya , ifrad dan khatam wilayah Muhammad .

Jika sekalipun khatam awliya mengikut pada hukum apa yang didatangkan oleh khatam rasul daripada tasyrik namun demikian tidak mencela maqamnya dan tidak menyalahi apa yang kami pegangi . (27)

(27) IH : khatam wilayah Muhammad bukan al Mahdi dan bukan Isa . *Wilayah umum* bermula dengan Adam dan berakhir dengan Isa . Ada awliya yang mewarisi Ibrahim , Musa dan Isa . *Selepas khatam awliya semua awliya mengambil daripada khatam wilayah Muhammad* . Selepas khatam wilayah umum iaitu Isa tidak akan ada awliya lagi .

Perbezaan hukum Muhammad dengan hukum anbiya yang lain pada darjat al Haq , jika ada , adalah pada keumuman faidh hukum Muhammad , penyerapan dengan khususiah , kebersihan bumi sebagai tempat sujud , jawami al kalim , bantuan melalui makna iaitu targhib kepada jamal , miftah khazanah dan khatam nubuwwah dengan penerimaan hukum anbiya sebelumnya .

Ibn Arabi mengkhabarkan dalam al Futuhat Fasal 65 : Aku berada di Mekkah tahun 599H dan melihat dalam satu mimpi bahawa al Kaabah dibina dengan bata emas dan perak . Aku menghadap pihak dinding Yaman dengan Damsyik . Bangunannya lengkap dan aku sedang memandang jamalnya . Pada penjuru dekat pihak Damsyik ada kekosongan dua bata, satu emas di atas dan di bawah perak . Aku melihat diri mengambil kedua tempat kosong ini sebagai bata emas dan perak

Sesungguhnya dia pada satu wajah lebih rendah sepertimana dia pada wajah yang lain lebih tinggi . (28)

(28) IH : kurang dari segi menerima hukum daripada khatam anbiya . Lebih tingginya dari segi khatam anbiya menerima daripada misykat khatam wilayah . Mazhar khatam wilayah pada darjat kejamakan total tidak ada wujud kharij . Jika Allah hendak menzahirkan ilmu khas kepada khatam anbiya dari segi batinnya Dia akan menzahirkannya melalui suwar khatam wilayah daripada pewaris kamal khatam nubuwwah .

Khatam anbiya semasa berkait dengan nisbah tasybihnya mengambil daripada mazhar ruh tinggi seperti Jibril dan apabila menghadap kepada mazhar suwar misal dan suwar indera , akan menerima wahyu daripada wajah peribadi al Haq di mazhar itu . Dia menyaksikan kemakhlukannya dan haqiqatnya . Dalam syuhudnya hukum mazhar terangkat . Nabi saw tidak pernah terkeluar daripada ubudiah mutlak dan melihat aspek al Haq dalam segala sesuatu .

Telah zahir dalam zahir syariat kami apa yang menguatkan apa yang dipegangi kami , dalam kelebihan Umar ra pada tawanan Badr dalam hukum tentang mereka dan dalam kisah polinasi pokok tamar . Tidak lazim bagi orang kamil bahawa dia terbaik dalam segala sesuatu dan pada setiap martabat . Sesungguhnya yang dipandang mereka adalah kelebihan dalam martabat ilmu tentang Allah , padanyalah tuntutan mereka . Adapun hadas kaun maka tidak ada ketergantungan khathir mereka dengannya .(30) Fahamilah dengan betul apa yang aku katakan .

(30) IH : awliya di bawah jabbar asma al Batin yang mencenderungkan mereka kepada hukum qadha dan qadar dan iradat Allah .

Berkata Khidr as kepada Nabi Musa as : Sesungguhnya aku atas satu ilmu yang Allah telah mengajarkan aku yang kamu tidak mengetahui tentangnya . Dan kamu atas satu ilmu yang Allah telah ajarkan kamu yang aku tidak mengetahui .

Sepertimana Nabi saw telah memberi contoh tembok bata yang sempurna melainkan tempat satu bata dan dia adalah demikian bata . Namun dia tidak melihat ada tempat kosong , melainkan sepertimana dia telah berkata iaitu tempat satu bata saja . Adapun khatam awliya maka semestinya baginya mimpi yang sama , iaitu melihat apa yang Nabi saw telah contohkan dan melihat pada tembok tempat kosong untuk dua bata iaitu bata emas dan perak . Kemudian dia melihat dua bata yang tembok itu kekurangan daripadanya , iaitu bata perak dan emas untuk menyempurnakan tembok itu . Semestinya dia melihat dirinya padan dengan tempat kedua bata . Khatam awliya adalah kedua bata itu yang dengannya disempurnakan tembok . (31)

(31) IH : khatam anbiya tidak dizahirkan dengan hukum wilayah dan bata berkenaan dengan wilayah tidak dipernampakkan kepadanya . Khatam wilayah semestinya dizahirkan dengan asrar zat al Haq dan kewilayahannya menjadi khatam .

Sebab yang mewajibkan dia melihat kedua bata itu adalah bahawa dia pengikut syariat khatam rasul pada zahir , iaitu tempat bata perak dan syariat adalah zahirnya bersama apa yang berikutan daripada hukum . Seperti itu juga dia mengambil langsung daripada Allah dalam sirr apa yang pada suwar zahir harmonis dengan syariat . Ini kerana dia melihat sesuatu sebagaimana ia ada dan semestinya dia melihat sebegini . Dia adalah tempat bata emas pada batin , kerana **dia mengambil daripada sumber yang malaikat mengambil darinya semasa mewahyukan kepada rasul** . Jika kamu faham apa yang aku isyaratkan sungguh telah hasil bagi kamu ilmu yang bermanfaat . *(Komen : Nabi saw lebih banyak menjelaskan zahir syariat kepada umatnya pada zaman kontroversi ilmu zahir dan batin syariat diperjelaskan khatam awliya pada zaman timbul kontroversi tahqiq ilmu batin .)*

Setiap nabi sejak Adam sehingga nabi terakhir , tanpa kecuali , mengambil daripada misykat khatam anbiya saw , jika sekalipun terkemudian wujud jasmaninya . Sesungguhnya Nabi saw wujud dengan sebenarnya , sabdanya : Aku seorang nabi semasa Adam di antara air dan tanah . (Hadis) Selainnya daripada para anbiya tidak menjadi nabi melainkan semasa dibangkitkan .

Sama juga dengan khatam awliya , dia wali semasa Adam antara air dan tanah . Dan selain dia dari kalangan awliya tidak menjadi wali melainkan selepas terhasil syarat2 wilayah pada bersifat dengan akhlak Allah . Ini kerana Allah dinamakan wali yang maha terpuji .

Perhubungan khatam rasul , dari pihak wilayahnya , kepada khatam awliya adalah sama dengan perhubungan anbiya dan rasul kepadanya . Dia wali , rasul dan nabi . Khatam awliyah adalah wali dan waris yang mengambil daripada asal , menyaksikan segala martabat . Dia satu hasanat daripada hasanat khatam rasul Muhammad saw , pendahulu jemaah dan penghulu anak Adam pada pembukaan bab syafaat . (32)

(32) ARK : semasa Nabi saw kekal zahir dengan syariat pada maqam risalah , dia tidak zahir kewilayahannya dengan ahadiyah zat supaya melaksanakan tugas hadi kepada mereka yang layak . Khatam wilayah adalah satu antara hasanat khatam nubuwah , melainkan khatam awliya adalah khalifah Allah bukan khalifah rasul . Syafaat dikhatamkan dengan khatam anbiya kerana tidak ada keperluan orang lain selepasnya .

Dia (Nabi saw) telah menentukan satu hal yang khas bukan umum (33) dan pada hal yang khas ini dia mendahului asma Allah . (34)

(33) ARK : tidak diberi khususiah ini kepada selainnya . IH : (Hadis : aku penghulu anak Adam pada membuka pintu syafaat) iaitu kepenghuluannya merujuk khas kepada pembukaan pintu syafaat bukan dalam semua perkara .

(34) IH : iaitu mengikut tiga cara . Pertama , haqiqat Muhammad pada taayun awal bersama Nafs al Rahman membawa syafaat mengeluarkan haqaiq daripada adam kepada wujud . Kedua , asma dan haqaiq al ghaib memberi syafaat kepada mazahir yang tersimpan dalam Aqal Kull iaitu darjat pertama wujud Muhammadi . Ketiga , kerana wujudnya sama dengan wujud Nafs al Rahman dia memberi syafaat kepada segala alam mengikut darjat kesediaan penerima . Melalui wujudnya kesilapan di tutupi , kebatilan dihilangkan dan kesempurnaan gilap dan penggilapan berlaku . Pintu dakwah dan syafaat dibuka dengan wujudnya dan dalam kemunculan ini pintu dakwah melalui nubuwah ditutup dengannya .

Sesungguhnya al Rahman tidak memberi syafaat di sisi al Muntaqim untuk ahli bala melainkan selepas syafaat pensyafaat .(35) Nabi Mohd saw telah memperolehi kepenghuluhan dalam maqam ini . (36) Sesiapa yang faham tentang martabat dan maqamat tidak payah atasnya kalam seumpama ini .

(35) IH : al Rahman tidak memberi syafaat pada permulaan adalah supaya hukum pensyafaatan asma lain diperlakukan terdahulu . Ini akan menampakkan maratib pensyafaatan .

(36) IH : Qalb Muhamad adalah mazhar Allah dan wujudnya adalah mazhar al Rahman . Rahmat Allah mendahului kemurkaanNya . Telah datang yang haq dan terhapus yang batil .

Anugerah Ilahi dan Anugerah al Rahman

Adapun anugerah asma , ketahuilah bahawa anugerah Allah Taala kepada makhlukNya adalah rahmat dariNya kepada mereka dan segalanya adalah melalui asma . Adapun rahmat yang murni seperti rizqi yang tayyib dalam dunia , ia tidak dihisab pada hari akhirat . Demikian diberi al Rahman dan ia adalah **anugerah rahmani** . Adapun rahmat yang bercampuran seperti minuman ubat yang dibenci yang peminumannya mengakibatkan kesembuhan maka ia adalah pemberian ilahi . (37) Tidak mungkin menyangkut pemberian ilahi kepadaNya tanpa melalui tangan penjaga asma . (38)

(37) *IH : melalui al Hakim yang memandang kepada apa yang paling tepat dan sesuai*

(38) *IH : dinamakan **anugerah ilahi** kerana dipersesuaikan kepada persediaan penerima dengan mengambil kira kelaziman asma . Minuman ubat yang dibenci adalah satu anugerah ilahi bukan anugerah rahmani kerana tercampur dengan disposisi tabii dan anugerah itu tidak murni .*

Adakala Allah memberi kepada hamba melalui tangan **al Rahman** dan dimurnikan untuknya pemberian itu daripada percampuran yang tidak menyenangkan tabiat pada ketika pemberian , ataupun tidak tercapai matlamat dan seumpama demikian . Adakala diberi dari tangan **al Wasi'** maka pemberian itu umum . (39)

Atau dari tangan **al Hakim** maka dilihat kepada apa yang lebih patut pada ketika itu . Atau atas tangan **al Wahib** , maka diberi nikmat tanpa taklif atas orang yang dianugerahi dengan gantian syukur ataupun amal . Atau atas tangan **al Jabbar kerana melihat kepada sekitaran** dan apa yang mustahak bagi penerima .(40)

(39) *IH : mengumumkan segala hal , tabiat , ruh , zahir dan batin penerima .*

(40) *IH : yang membaiki kerosakan , menghilangkan kekurangan dan bala*

Ataupun atas tangan **al Ghaffar** , maka dipandang kepada kedudukan dan keadaan hamba . Jika hamba dalam hal patut seksa dilindunginya daripadanya . Atau dalam keadaan tidak patut seksa , maka dilindunginya daripada hal yang patut seksa . Ini dinamakan **maksum** , diutamakannya dan mahfuz dan selain demikian yang bermakna sama .

Pemberi adalah Allah dari segi Dia adalah menyimpan apa yang ada di sisiNya daripada segala simpanan . Dia tidak mengeluarkannya melainkan mengikut qadar yang diketahui atas tangan asma yang dihaskan untuk demikian urusan . Maka setiap sesuatu diberi ciptaannya atas tangan **al Adil** dan ikhwannya .

Asma Allah tidak terbilang ; ini kerana ia diketahui melalui apa yang muncul daripadanya , dan apa yang muncul tidak terbilang jika sekalipun boleh dikembalikan kepada usul yang terhad . Iaitu asma induk ataupun hadrat asma . (41) Pada haqiqat tidak ada di sana melainkan satu haqiqat saja yang menerima segala nisbah dan idafat ini , yang dikinayahkan dengan asma ilahi .

(41) *IH : dinamakan asma zati seperti Hayy , Alim , Murid , Qabil , Qadir , Jawad dan Soal .*

Namun haqiqat membenarkan bahawa bagi setiap asma , yang zahir tanpa keterbilangan , mempunyai satu haqiqat yang dengannya ia terbeza daripada asma yang lain . (42) Haqiqat yang dengannya terbeza setiap asma adalah referen asma itu sendiri , bukan apa yang padanya jatuh perkongsian .

(42) *IH : perbilangan dalam asma adalah kerana kewajiban zat . Perbezaan haqiqat asma tidak boleh diperhatikan , hanya perbezaan pemberian .*

Sepertimana pada pemberian , di mana setiap pemberian berbeza daripada yang lain dengan keindividuannya jika sekalipun daripada satu usul . Maklumlah bahawa ini bukanlah ini yang lain , dan sebab demikian adalah perbezaan asma . Dan tidak ada dalam hadrat ilahi , dengan keluasannya yang tidak terbanding , sesuatu yang diulangkan pada asalnya . Ini adalah satu kebenaran yang boleh dipegang . (43)

(43) *IH : limpahan ilahi adalah zatiyun bagi al Wajib al Wujud .*

Ilmu anugerah ini adalah ilmu Syith as dan ruhnya berlanjutan kepada setiap orang yang berkata2 tentang seumpama ini daripada segala arwah melainkan ruh khatam kerana dia tidak didatangkan kelanjutan melainkan daripada Allah , tidak daripada mana satu ruh daripada arwah . Bahkan daripada ruhnya dilanjutkan kepada kesemua arwah . (44)

(44) *IH : apabila seorang wali zahir , apakah semasa zaman nabinya atau selepas dan dia tergolong dalam umat nabi yang terkemudian , namun ruhnya adalah terdekat dengan nabi yang dia pewaris asmanya . Syith adalah permulaan anugerah ilahi dan mana satu wali yang sahib ilmu anugerah dibantu daripada ruh Syith , melainkan khatam anbiya dan khatam awliya . Walaupun anugerah ilahi melimpah daripada hadrat ilahi namun ia datang dari darjat ilahi dan hadrat totaliti .*

Dia (/ruh khatam) tidak taaqul demikian tentang dirinya pada zaman tarkib jasad anasirnya . Dari segi haqiqatnya dan martabatnya dia alim berkenaan segala demikian tentang ainnya (45) , tetapi dari segi tarkib anasirnya dia jahil . Dia alim dan jahil , iaitu menerima sifat2 kontra sepertimana asalnya (46) menerima sifat kontra seperti al Jalil , al Jamil , al Zahir , al Batin , al Awal dan al Akhir . Khatam awliya sama dengan al Haq bukan lain pada haqiqat . (47)

(45) *IH : sebagai pembantu ruhani kepada kesemua ruh lain .*

(46) *IH : iaitu huwiyah al Ahad yang menerima sifat kontra , di mana tasybih menjadi mutlak dan kesemua sifat kembali kepada al Haq .*

(47) *IH : dengan perbezaan dari segi mutlak dan relatif .*

Maka dia mengetahui dan tidak mengetahui , mencapai dan tidak mencapai , menyaksi dan tidak menyaksi . Dengan ilmu ini, dia dinamakan Syith yang bermakna pemberian . Pada tangannya kunci pemberian mengikut kepelbagaian grup dan nisbah .(48)

(48) *IH : ilmu inspirasi dan ilmu anugerah mula zahir dengan Syith , juga ilmu persamaan dan perlawanan .*

Sesungguhnya Allah memberikannya kepada Adam sebagai pemberian awal dan Dia tidak memberikan kepada Adam melainkan daripadanya . Anak adalah sirr bapanya , daripadanya dia keluar dan kepadanya dia kembali (49) . Bagi orang yang taaqul daripada Allah , tidak datang kepada Adam sesuatu yang gharib .(50)

(49) *IH : Syith adalah pemberian kepada suwar insan yang pertama . Syith adalah suwar efusi ilahi , satu anugerah inspirasi dan sirr suwar singulariti jamak asma . Dia adalah **sirr kemunculan anasir dan ilahi Adam** .*

(50) *IH : setiap orang hanya mengambil daripada ain tsabitnya dan haqiqat ilmunya tentang kecenderungan asli zatnya ? Syith sebagai anugerah kepada Adam adalah suwar persediaan Adam dan sirr haqiqatnya bukan asing .*

Semua pemberian dalam kaun adalah mengikut gaya ini .(51) Tidak ada dalam seseorang sesuatu daripada Allah , dan tidak dalam seseorang sesuatu daripada selain dirinya .(52)

(51) *IH : wujud yang limpah dari Allah adalah zati bagi wujudNya dan penerimaannya mengikut kecenderungan asal penerima dan khususiah zatnya .*

(52) *IH : kepelbagaian pada penerima bukan kerana hulul . ARK : jika sekalipun suwarnya bermacam2 .*

Tidak setiap orang mengenali ini , dan bahawa segala urusan adalah demikian , melainkan seseorang daripada ahli Allah . Jika kamu menjumpai seorang yang mengenali demikian berpeganglah dengannya . Dia sumber kejernihan tentang khulasah(/intisari) khawas al khawas daripada umum ahli Allah . (53)

(53) *IH : yang **umum** naik saksi tentang tauhid yang mempunyai 36 maqam . Yang **khawas** memandang kepada wahdah . **Khawas al khawas** memandang wahdah dalam katsrah . **Khulasah khawas al khawas** memandang katsrah pada wahdah . Yang paling jernih daripada khulasah memandang **wahdatul wujud** .*

Mana satu pemilik kasyaf yang menyaksi satu suwar yang mempertemukan kepadanya apa yang tidak pernah ada di sisinya maarifnya dan menghadiahkan kepadanya apa yang belum pernah dipeganginya , maka demikian suwar adalah ainnya bukan selainnya . (54) . Daripada pokok nafsnya dia mengutip buah yang dibelanya seperti suwar yang zahir daripadanya ketika berdepanan jisim yang gilap , ia tidak selainnya .

(54) *IH : ain tsabitnya zahir kepadanya dalam cermin al Haq . Suwar yang dilihat bukan Allah kerana yang kull tidak termuat dalam yang juzuk .*

Hanyasanya tempat ataupun hadrat yang dalamnya dia melihat suwar nafsnya mempamerkan kepadanya dengan pembelean pada satu wajah mengikut haqiqat demikian hadrat . Sepertimana objek besar zahir dalam cermin kecil sebagai kecil atau cermin panjang sebagai panjang dan yang bergerak sebagai bergerak .

Adakala diberi akas suwar itu daripada satu hadrat yang khas .(55) Adakala diberi ain apa yang zahir daripadanya di mana kanan suwar membetuli kanan penglihat .(56) Dan adakala yang kanan menepati yang kiri . Inilah yang biasa dengan cermin , iaitu satu adat umum . Adat tercahrik apabila kanan menepati kanan dan zahir akas . (57) Segala ini adalah daripada pemberian haqiqat hadrat , yang ditajallikan dalam hadrat itu yang kami telah reduksi kepada kedudukan cermin .

(55) *IH : seperti seorang melihat suwar mukanya dalam air , iaitu al Haq zahir dalam khalq sebagai khalq .*

(56)

(57) *IH : apabila yang terkait tanzih daripada kaitan , fana daripada dirinya ... dan menyaksikan dirinya dalam yang Mutlak .*

Persediaan dan Penerimaan

Barangsiapa mengenal persediaannya dia akan mengenal penerimaannya , tetapi tidak semua yang mengenal penerimaannya mengenal persediaannya melainkan selepas penerimaan jika sekalipun dia mengenalnya secara ijmal . Namun setengah ahli nazar yang memilik aqal yang daif mengharuskan , dengan kerana sabit di sisi mereka bahawa Allah adalah pelaku apa yang dikehendakiNya , atas Allah apa yang menyalahi hikmah dan ini bukan apa yang sebenar . (58) Kerana ini mereka paling kepada menafikan imkan dan mensabitkan yang wajib pada zat dan wajib kerana yang lain .(59)

(58) *IH : mereka tidak setuju bahawa anugerah ilahi adalah mengikut persediaan . Mereka mahu mentanzihkanNya daripada sebarang kelemahan dan tidak nampak bahawa kehendak Allah bergantung kepada ilmuNya . Iradat Allah adalah mengikut keperluan ilmu dan hikmah .*

(59) *IH : mereka cuba membuktikan bahawa hanya ada yang wajib kerana zat , iaitu wujud Allah dan kerana yang lain , iaitu wujud alam .*

Para muhaqiq mensabitkan imkan dan mengenal hadratnya , apakah perkara yang mungkin , dan dari mana terjadi mungkin kerana ia pada ainnya wajib wujud dengan yang lain .(60) Dia mengenal dari mana sah atas mungkin 'yang lain' yang menuntut kewajiban baginya . Tidak mengetahui tafsil ini melainkan ulama Allah yang khas .

(60) *IH : yang mungkin adalah wujud tertentu dan hadratnya adalah alam intelek . Ia mungkin kerana tertentu dengan nur wujud dan wajib kerana bersama wujud al Haq . **Mungkin dalam intelek adalah mungkin mutlak** . Mungkin dalam wujud adalah satu nisbah yang tidak wujud antara wujud dan tak-wujud .*

Wujud adalah mahd(/mutlak), daim dan tidak berkurangan . Tasybih adalah mungkin mutlak , daim dan tidak berkurangan . Adam adalah mutlak , daim dan tidak berkurangan . Mungkin mutlak dari azali dan abadi menerima wujud kerana satu sebab atau menerima tak-wujud kerana satu sebab .

Allah adalah wujud mutlak dan bersama tasybihNya tidak lain daripada kull juzuk . Dia lain kerana ahadiyah jamak kemutlakanNya tertentu kepadaNya . Wujud muqayyad mungkin sama dengan wujud al Haq . Setiap mungkin adalah mungkin kerana ketentuan individu dan ia wajib dari segi haqiqat huwiyahnya .

Khatam Maulud

Akan dilahirkan orang terakhir daripada spesies manusia mengikut jejak Syith , dengan membawa asrarnya . Tidak ada selepasnya kelahiran untuk spesies ini maka dia adalah khatam maulud .(61)

(61) *IH : iaitu taayun daripada persediaan kamalat anbiya dengan individuasi sebagai insan kamil pada mazhar asma . Taayun pertama adalah pada darjat efusi , dengan aspek zat atau asma . Penzahiran anugerah asma adalah dalam alam ketentuan . Penzahiran zat adalah dalam alam totaliti . Adam adalah mazhar ahadiah jamak asma dan nafs wahid . Syith adalah mazhar ilmu anugerah ruhani dan khatam efusi .*

Selepas darjat efusi , individuasi pada darjat asma jamak insan bermula taayun dengan Nuh bersama taayun pembukaan tanzih . Selepas penzahiran kesemua asrar tasybih kepada perumpamaannya pada darjat Nuh , dia menjadi suwar jamak tanzih ahadiah wahid dan mazhar asma yang memerlukan tanzih . Kemudian darjat quddus berindividuasi pada Idris .

Haqiqat tsubut berindividuasi pada Ibrahim dan zahir singulariti jamak kamalat dalamnya . Keimaman Ibrahim ternyata dalam keturunannya sehingga ke Sulaiman yang mempunyai darjat penzahiran ahadiah kamalat asma . Sulaiman adalah mazhar al Rahman yang pada aspek yang terbaik mewajibkan penzahiran wujud secara umum . Dengan Daud dan Sulaiman kepimpinan disempurnakan .

Selepas Sulaiman darjat jamak batin zahir pada anbiya . Kamalat dakwah batin zahir pada Isa . Kemudian pada darjat jamak asma dan ahadiah jamak zat pada maqam singulariti kamal barzakh , nizam penzahiran lengkap dengan Muhammad .

Kemudian suwar kekamalan dan kelengkapan singulariti kejamakan pada darjat batin dan wilayah bermula dengan Ali Abu Talib yang adalah Adam awliya . Mazhar ahadiah jamak insani, iaitu haqiqat jamak kelengkapan wilayah ilahi dan pewaris Muhammad , zahir pada mazhar ahadiah kull insani kerana wilayah amm telah dikhatam oleh Isa . Darjat khatam anugerah ilahi zahir pada akhir maulud insan jenis ini iaitu akhir mazhar kamalat ilahi insan .

Darjat manusia yang paling rendah bagi manusia adalah qalb , tempat pembukaan ilahi dan mazhar kamalat asma . Manusia yang jatuh daripada darjat ini tidak mempunyai sifat ilahi dan hukum kewajiban . Qalb adalah anak ruh dan khatam segala kemunculan . Darjat khatam kemunculan lebih rendah daripada darjat khatam wilayah mutlak iaitu Isa .

(ARK : qalb adalah tempat tajalli sifat ilahi dan mazhar perbilangan asma yang adalah sumber pemberian . Penerima adalah nafs Syith . Qalb adalah pemeliharaan nafs dan tidak tajarud sungguh daripada takluk badan jika sekalipun tajarud daripada hulul dalamnya , melainkan ia pada martabat ruh . Inilah sebab muncul mazhab tanasukh iaitu maad jasmani pada sahib syariat dan namus Aghaxazimun dan kepada mereka dinisbahkan Isyraqiyun .)

Manusia selepasnya tidak mempunyai pegangan hukum wajib dan sifat ilahi . Mereka dimenangkan sifat nafs dan dominasi hukum mungkin . Khatam bapa pada spesis ini adalah al Mahdi .

Dilahirkan bersamanya seorang kakak yang akan keluar sebelumnya dan dia keluar selepas kakaknya , dengan kepalanya di bawah kaki kakaknya . (62)

(62) *IH : isyarat bahawa mazhar asma adalah zahir pernyataan anugerah . Anugerah asma adalah jamak asma afaal dan penerimaan zati , iaitu pada darjat perempuan . Anugerah zat adalah pada darjat lelaki . Kepalanya , iaitu jamak ahadiyah khalal(/mesra) dengan asma afaal dan penerimaan zati ; juga kekuatan dan ruh asma adalah kerana mesra ini ? Darjat penerimaan taayun sebelum tahqiq darjat afaal .Syarat sifat afaal adalah ahadiyah jamak dan ini tidak berada pada perempuan?*

Namun tidak terhenti anugerah ilahi secara mutlak , kerana Allah senentiasa memberi anugerah . Apa yang terdapat dalam khatam keturunan Syith adalah suwar tasybih ilahi yang adalah terakhir suwar kamalat ahadiyah anugerah ilahi .

Dalam kemunculan insan , anak yang terakhir adalah qalb dan kakaknya adalah nafs haiwani yang adalah tabii kepada badan . Nafs sebagai penerima muncul sebelum qalb yang adalah pelaku . Kepala lelaki iaitu tempat paling kuat haqiqat Syith terletak pada kaki nafs , iaitu tempat paling lemahnya , iaitu keadaan paling harmonis qalb dan nafs . Syith sendiri lahir kemudian sebagai kembar kakaknya .

Dia akan lahir di Sind , bahasanya bahasa negaranya .(63)

(63) *ARK : kalam mereka dan agama mereka adalah pada martabat akhir kumpulan keinsanan, kerana para hakim yang bermazhab tanasukh tidak diambilkira selepasnya .*

Kemandulan akan berleluasa di kalangan lelaki dan perempuan dan banyak berlaku persetubuhan tanpa kelahiran . Dia akan menyeru mereka kepada Allah tetapi tidak dipedulikan . Apabila diangkatkannya dan para mukmin zamannya , orang yang baki akan bertindak seperti binatang , tidak menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang haram . Mereka akan bertindak mengikut hukum tabiat , iaitu syahwat tanpa aqal dan syariat . Atas merekalah akan terdiri qiamat . (64)

(64) *ARK : tidak berdiri qiamat melainkan atas yang sejahat2 manusia .(Hadis) Dia berdakwah kepada ilmu tajalli asma dengan tariqat khas daripada martabat khatam rasul tetapi tidak dijawab kerana terputus faidh ruhani . Namun iman mereka tidak terjejas kerana mereka tidak menolak dan ingkar kerana dakwahnya harmoni dengan pendapat mereka . Ini diisyaratkan dengan – dan para mukmin zamannya . Dia wali yang terkhir dan muncul selepas Isa . Manusia mengambil manfaat dengan kamalatya dan maarifnya .*

Permata Hikmah Subbuh dalam Kalimat Nuh
(ghalabah tanzih dengan maratib tasybih)

Tanzih dan Tasybih

Ketahuilah bahawa tanzih di sisi ahli haqiqat berkenaan dengan Allah adalah sama dengan menghaddkan dan mengkaitkanNya . Orang yang mentanzihkanNya adalah jahil ataupun sahib adab yang buruk apabila dia memutlakkan tanzih bagiNya dan berpegang dengannya .

Orang yang berpegang dengan syariat , yang mukmin apabila dia mentanzihkanNya dan berhenti padanya dan tidak nampak selain daripada demikian , dia telah buruk adab dan membohongi al Haq dan rusul as , sedangkan dia tidak sedar . Dia berkhayal bahawa dia telah berhasil tetapi sebenarnya dia dalam kehampaan . Dia seperti seorang yang beramal dengan setengah dan kafir tentang setengah .

Tentunya diketahui bahawa bahasa syariat ilahi , apabila berkata tentang al Haq Taala dengan apa2 ucapan , akan mendatangkan ucapan itu kepada orang ramai dengan mafhum yang terutama . Setiap mafhum yang lain yang boleh difahamkan daripada wajah2 demikian lafaz akan didatangkan secara khas , dalam mana satu bahasa pun mengikut pengistilahan demikian bahasa .

Al Haq mempunyai penzahiran khas dalam setiap makhluk . Dia yang zahir dalam setiap yang difahamkan dan yang batin daripada setiap fahaman . Melainkan fahaman orang yang berpegang bahawa alam adalah suwarNya dan huwiyahNya iaitu Dia adalah al Zahir .

Sepertimana Dia adalah ruh apa yang zahir iaitu batinnya , maka nisbahNya kepada apa yang zahir daripada suwar alam adalah nisbah ruh yang mentadbirkan suwar . Sepertimana diambilkira dalam hadd insan batinnya dan zahirnya , maka sedemikianlah bagi setiap yang dihaddkan .

Al Haq dihaddkan dengan segala hadd , sedangkan suwar alam tidak dapat didabitkan dan tidak dapat dilingkupi atasnya . Tidak diketahui hadd setiap suwar dalamnya melainkan atas qadar apa yang terhasil pada setiap alam daripada suwar itu . Kerana demikian dijahilkan hadd al Haq . Sesungguhnya tidak diketahui haddNya melainkan dengan ilmu berkenaan hadd setiap suwar . Menghasilkan ini adalah mustahil maka hadd al Haq adalah mustahil juga .

Seperti demikian sesiapa yang mentasybihkanNya dan tidak mentanzihkanNya , maka dia telah mengkaitkanNya dan menghaddkanNya dan tidak mengenaliNya . Sesiapa menghimpunkan dalam marifatnya antara tanzih dan tasybih dan mewasafkanNya dengan dua wasaf ini secara ijmal , dia telah mengenaliNya secara ijmal tidak secara tafsil . Marifat secara tafsil adalah mustahil kerana tidak dapat dilingkupi segala suwar dalam alam . Seperti itu juga dia mengenal diri secara ijmal tidak secara tafsil .

() mizaj tarakum Nuh

Kerana demikian Nabi saw telah mengikatkan marifat al Haq dengan marifat nafs dengan sabdanya : *Barangsiapa mengenal dirinya sesungguhnya dia telah mengenali Rabbnya . (Hadis)* Firman Allah Taala : *Kami akan memperlihatkan mereka ayat2 Kami dalam ufuk (iaitu apa yang terkeluar daripada kamu) dan dalam diri mereka (iaitu ain kamu) sehingga jelas kepada mereka (iaitu penglihat) bahawa ia adalah yang benar(dari segi kamu adalah suwar al Haq dan Dia adalah ruh kamu .)(41/53)*

Kamu bagiNya seperti suwar jasmani bagi kamu . Dia bagi kamu seperti ruh yang mentadbirkan jasad kamu . Hadd ini melengkapi zahir dan batin kamu . Suwar yang kekal apabila ruh yang mentadbirkannya lenyap tidak kekal sebagai insan , tetapi dikatakan padanya bahawa ia satu suwar yang menyerupai suwar insan . Dan tidak ada beza antaranya dengan suwar daripada kayu atau batu dan tidak dikatakan padanya nama insan melainkan secara majaz bukan haqiqi .

Tidak mungkin al Haq lenyap daripada suwar alam bilapun . Hadd uluhiah miliknya secara haqiqi bukan majaz seperti hadd insan apabila dia masih hidup . Sepertimana zahir suwar insan memuji dengan lisannya atas ruh dan nafsnya yang mentadbirkannya , Allah telah menjadikan suwar alam bertasbih dengan memujiNya akan tetapi kami tidak memahami tasbihnya .

Ini kerana kami tidak melingkupi apa yang ada dalam alam daripada suwar . Segala adalah bahasa al Haq yang mengucapkan puji atas al Haq dan kerana demikian mereka berkata : *Segala puji kepada Allah , Rabb sekalian alam .(1/1)* Iaitu kepada Dia kembali segala akibat puji ; Dialah yang memuji dan Dialah yang dipuji .

(1) *ARK : memuji secara tafsil dan dipuji secara jamak*

Jika kamu berkata dengan tanzih kamu telah mengkaitkanNya
Dan jika kamu berkata dengan tasybih kamu telah menghaddkanNya
Dan jika kamu berkata dengan keduanya kamu berkata tepat
Dan kamu adalah imam dalam maarif dan sayyid

Sesiapa yang berkata dengan keduaan dia adalah musyrik
Dan sesiapa yang berkata dengan ifrad dia adalah muwahid .
Jaga2 tentang tasybih jika kamu dualis
Dan jaga2 tentang tanzih jika kamu mufarid

Kamu bukan Dia
Namun kamu juga Dia
Kamu melihatNya dalam ain segala urusan
Bebas dan juga terkait

Seruan Nuh banding Seruan Muhammad

Firman Allah Taala : *Tidak ada sesuatu seumpamaNya , iaitu mentanzihkan , dan Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat (42/21)* iaitu mentasybihkan . Dia mentanzihkan dan menunggalkan . Jika Nuh menghimpunkan antara dua dakwah ini nescaya qaumnya mengikutinya . Dia menyeru mereka secara nyata kepada yang zahir . Kemudian menyeru mereka secara rahsia kepada batin .

Dia berkata kepada mereka : *Mintalah ampun daripada Rabb kamu , sesungguhnya Dia Maha Pengampun (71/10)* dan berkata : *Aku menyeru qaum aku pada malam dan siang , tetapi seruan aku tidak menambahkan pada mereka melainkan lari dari kebenaran .(71/5-6)* Dia menyebut tentang qaumnya bahawa mereka pekak terhadap seruannya ; ini kerana mereka mengetahui apa yang wajib atas mereka daripada menerima seruannya .

Ulama Allah mengetahui perkara yang Nuh mengisyaratkan kepadanya pada hak qaumnya dalam memuji mereka dengan ucapan celaan . Dia mengetahui bahawa qaumnya tidak menjawab seruannya kerana furqan yang terdapat dalamnya , sedangkan keadaan mereka adalah quran (/himpunan) bukan furqan .

Sesiapa yang didirikan dalam quran tidak akan condong kepada furqan jika sekalipun furqan terdapat dalam quran . Sesungguhnya **quran mengandungi furqan tetapi furqan tidak mengandungi quran** . Kerana ini , **tidak dikhususkan dengan quran melainkan Nabi saw dan umat** ini yang adalah sebaik2 umat yang dikeluarkan untuk manusia .

Berpegang dengan : *tidak ada sesuatu seumpamaNya* ; dihimpunkan beberapa urusan dalam satu urusan . Jika Nuh mendatangkan seumpama ayat ini pada lafaz nescaya mereka akan menerima seruannya . Sesungguhnya (Nabi saw) mentasybihkan dan mentanzihkan dalam satu ayat bahkan dalam setengah ayat .

Nuh menyeru qaumnya pada malam dari segi aqal mereka dan ruhani mereka kerana ia ghaib . Dan pada siang hari dia menyeru mereka dari segi zahir suwar dan jasmani mereka . Dia tidak menghimpunkan dalam seruannya seumpama : *tidak seumpamaNya sesuatu* ; maka batin mereka yang enggan furqan ini menjadikan mereka bertambah jauh .

Kemudian Nuh berkata berkenaan dirinya bahawa dia telah menyeru mereka supaya Dia mengampuni mereka , bukan mendedahkan (aib) mereka . Mereka memahami demikian daripadanya dan kerana demikian qaum Nuh telah meletakkan jari mereka pada telinga dan menutupi diri dengan kain mereka . Ini adalah suwar sutrah yang dia menyuruh mereka kepadanya , mereka menjawab dengan tindakan bukan dengan persetujuan .

Dalam : *tidak ada sesuatu seumpamaNya* ; ada pensabitan seumpamaan dan penafiannya . Kerana ini Nabi saw telah sabda tentang dirinya bahawa dia telah diberi jawami' al kalim . Dia tidak menyeru qaumnya malam dan siang , tetapi menyeru mereka kepada malam semasa siang , dan kepada siang semasa malam .

Nuh telah berkata dengan hikmah kepada qaumnya : *Dia akan menghantarkan langit kepada kamu dengan hujan lebat* , iaitu maarif (/ungkapan2) aqli dalam makna dan konsep2 spekulatif , *dan memperkuatkan kamu dengan harta (71/11)* , iaitu dengan apa yang mencenderungkan kamu kepadaNya .

Apabila kamu cenderung kepadanya kamu akan melihat suwar kamu dalam kecenderungan itu . Barangsiapa berkhayal bahawa dia telah melihatNya sesungguhnya dia tidak mengenal , dan sesiapa antara kamu mengenal bahawa dia melihat nafsnya maka dialah yang arif . Dengan ini terbahagi manusia kepada mereka yang alim tentang Allah dan yang tidak alim tentangNya .

(Mereka mengikuti orang yang) anaknya (dan hartanya tidak menambahkan pada mereka melainkan kerugian ..al Quran) adalah natijah yang terhasil bagi mereka daripada nazar fikir mereka . Sedangkan ilmu tentang perkara yang mustahak terhenti atas musyahadah dan ini jauh daripada natijah fikir . Perniagaan mereka tidak membawa untung kepada mereka . Apa yang ada pada tangan mereka yang dikhayal bahawa ia milik mereka hilang .

Tetapi ia (iaitu ilmu) sabit pada pengikut Muhammad ; dan disuruh mereka menafkahkan daripada apa yang Dia menjadikan mereka khalifah atasnya . Dengan Nuh , disuruh kaumnya supaya jangan mengambil selain Dia sebagai wakil , iaitu Dia mensabitkan milik bagi mereka tetapi perwakilan padanya diserahkan kepada Allah . Pengikut Muhammad menjadi pengganti kepada kaum Nuh . Milik adalah bagi Allah dan Dia tetap wakil mereka . Milik demikian itu adalah milik sebagai khalifah . Dengan ini al Haq menjadi raja segala kerajaan , seperti dikatakan Tirmizi .

IH : mereka layak menjadi khalifah kerana sedar tentang kebergantungan milik mereka . (komen:perkembangan kompleksiti konsep milik)

Dan mereka melakukan satu tipu daya yang amat besar (71/22) Dakwah kepada Allah adalah satu keperdayaan terhadap yang didakwahkan kerana Dia tidak adam pada permulaan sehingga perlu dinyatakan tujuan : *aku menyeru kepada Allah* , ini diri keperdayaan : *atas basirah* . Dengan ini Nabi saw telah memperingatkan bahawa segala urusan kembali kepadanya . Kaum Nuh telah menjawabnya dengan tipu daya sebagaimana dia menyeru mereka .

Kemudian datanglah umat Muhammad dan dia ketahui bahawa **dakwah kepada Allah bukan dari segi huwiyahNya tetapi dari segi asmaNya** . Firman Allah Taala : *Hari Kami menghimpunkan mereka yang bertaqwa kepada al Rahman beramai2 . (19/85)* Dia telah mendatangkan huruf halatuju (kepada) dan menghubungkannya dengan asma . Kami pun telah mengetahui bahawa alam terletak di bawah selenggaraan satu asma yang mewajibkan atas mereka supaya bertaqwa .

Kaum Nuh telah berkata dalam keperdayaan mereka : *Jangan kamu tinggalkan tuhan2 kamu . Jangan tinggalkan Wadd , Suwa' , Yaghuts , Ya'uq dan Nasr .(71/22)* Sesungguhnya apabila mereka meninggalkannya mereka akan jahil tentang al Haq seqadar apa yang mereka tinggalkan daripada demikian . Kerana bagi al Haq dalam setiap yang disembah ada satu wajah yang dikenali sesiapa yang mengenalinya , dan jahil tentangnya sesiapa yang jahil .

Pada pengikut Muhammad : *dan Rabb kamu telah qadha bahawa kamu tidak menyembah melainkan Dia* , iaitu Rabb kamu telah menghukumkan . Si alim mengetahui siapa yang disembah dan dalam mana satu suwar Dia zahir sehingga disembah . Sesungguhnya perpisahan dan perbilangan seperti anggota dalam suwar indrawi dan seperti quwwah maknawi dalam suwar ruhani . Maka tidak disembah selain Allah dalam setiap yang disembah .

Martabat Sembahan

Yang terendah adalah orang yang mengkhayalkan ketuhanan pada objek sembahannya . Jika bukan kerana khayalan ini dia tidak akan menyembah batu dan tidak selainnya . Kerana ini firmanNya : *Katakanlah kepada mereka : Namakanlah mereka yang kamu sembah (13/33)* Jika mereka menamakannya nescaya mereka akan menamakannya sebagai batu , pokok atau bintang . Jika ditanya mereka : Siapa yang kamu sembah ? Nescaya mereka akan menjawab : Tuhan . Mereka tidak akan berkata : Allah atau tidak ada Tuhan .

Orang yang tertinggi tidak berkhayal bahkan berkata : Ini adalah tempat tajalli ilahi , adalah patut dibesarkannya dan tidak cuai . Yang terendah , iaitu sahib khayal berkata : *Tidak kami sembah mereka melainkan untuk mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat2nya .(39/3)* Yang tertinggi yang alim berkata : *Sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan yang satu , maka serahkan diri kepadaNya (22/34)* di mana Dia zahir . Dan berilah berita gembira kepada mukbit , iaitu mereka yang telah memadamkan api tabiat mereka .

Mereka berkata : Tuhan ; mereka tidak berkata : Tabiat . *Sesungguhnya mereka telah menyesatkan ramai (71/24)* , iaitu mengherankan mereka dengan memperbilangkan Yang Esa melalui wajah dan nisbah . *Dan janganlah Kamu menambahkan bagi orang zalim* , iaitu para pengikut Muhammad yang menzalimkan diri daripada jumlah yang terpilih yang diwariskan al Kitab , satu golongan yang didahulukan atas golongan yang sederhana dan mereka yang berlumba2 pada kebajikan , *melainkan kesesatan* , iaitu melainkan keheranan Muhammadi .

(Para Muhammadi berkata): Tambahkan bagi aku keheranan(3) dalam Kamu (Hadis) . *Setiap kali ia berterangan untuk mereka , mereka berlaluan dalamnya , dan apabila gelap atas mereka , mereka berdiri .(2/20)* Orang yang heran perpusing2an . Gerakan berpusing2 adalah sekeliling qutub , tidak terlepas daripadanya .

(3) *Nett: keadaan di mana penuntut mendapati jalan2 pemikiran saling bercanggahan yang menyebabkan dalam penuntut satu kesungguhan yang mematah-luhkan perkotak-katikan pemikiran sehingga membawa kepada jamak dan tajalli al Haq .*

Adapun sahib thariq yang berpanjangan , bercondong luar daripada maqsud dengan menuntut apa yang dia berkhayalkan sebagai jalan kepadaNya . Baginya ada (permulaan) "daripada " dan "kepada " dan apa yang antara keduanya . Sedangkan sahib pusingan tidak ada permulaan yang melazimkan "daripada" dan tidak juga penghujung sehingga ter hukum atasnya "kepada" . Baginya wujud yang lengkap . Dialah yang diberi jawami' kalam dan hukum .

Dengan kerana kesilapan mereka (al Quran) , dan ia adalah apa yang tertulis bagi mereka , mereka tenggelam dalam lautan ilmu berkenaan dengan Allah , iaitu keheranan . Mereka dimasukkan ke dalam api dalam air . Firman Allah pada pengikut Muhammad : *apabila lautan dipanaskan (al Quran) ...kemudian mereka tidak mendapati penolong selain Allah (71/25)* . Dari dulu lagi Allah penolong mereka , kemudian mereka binasa dalamNya selama2nya . Jika Dia mengeluarkan mereka kepada pantai , iaitu pantai tabiat , nescaya mereka akan diturunkan daripada darjat yang terangkat ini . Dari dulu lagi segalanya milik Allah dan denganNya , bahkan ia Dia juga .

Nuh telah menyeru dengan : Rabb . Dia tidak berkata : Tuhan . Bagi Rabb ada kesabitan . Sedangkan tuhan berubah mengikut asma . *Setiap hari Dia dalam urusan (55/29)* . Dikehendaki dengan Rabb pensabitan talwin kerana tidak sah selainnya . *Jangan Kamu tinggalkan atas muka bumi (al Quran)* ; dia berdoa atas mereka supaya termasuk dalam perut bumi . Bagi pengikut Muhammad : Jika kamu melepaskan satu tali ke dalam perut bumi nescaya ia akan jatuh atas Allah . (Hadis)

BagiNya apa yang ada dalam langit dan apa yang ada dalam bumi .(al Quran) Jika kamu ditanamkan dalamnya , kamu dalamnya dengan Dia sebagai zharaf kamu . Kami akan kembalikan kamu ke dalamnya dan daripadanya kamu akan dikeluarkan kali yang lain (20/55) , untuk (mengalami) perbezaan wujud .

Orang kafir menutup diri dengan pakaian mereka dan mensumbatkan jari2 mereka ke dalam telinga mereka kerana menuntut sutrah ; kerana dia menyeru mereka supaya Dia mengampunkan mereka dan pengampunan itu sutrah . *(Jangan tinggal atas muka bumi) seorang pun , sehingga ada manfaat umum sepertimana dakwah pun telah menjadi umum .*

Sesungguhnya jika Kamu tinggalkan mereka , iaitu Kamu menyeru mereka kemudian meninggalkan mereka nescaya mereka akan menyesatkan hamba2 Kamu dengan mengherankan mereka . Kemudian mereka akan terkeluar daripada ubudiah kepada apa yang ada dalam diri mereka daripada **asrar rububiah** . Mereka akan melihat diri sebagai rabb selepas selama ini melihat diri sebagai hamba . Mereka hamba yang bersifat rabb.

Mereka tidak akan melahirkan (al Quran), iaitu tidak akan menghasilkan dan menzahirkan melainkan kefujuran ; menzahirkan apa yang terselindung dan kafir iaitu melindungi apa yang zahir selepas penzahirannya . Mereka menzahirkan apa yang terselindung kemudian melindungkannya selepas penzahirannya .

Orang yang memandang menjadi heran dan tidak mengenali qasad si fajir dalam kefujurannya dan si kafir dalam kekafirannya , sedangkan hanya satu orang . *Wahai Rabbku , ampunilah aku (al Quran)* iaitu selindunganlah aku dan selindungan kerana aku , supaya dijahilkan maqam aku dan qadar aku sepertimana dijahilkan qadar Allah dalam firman Kamu : *dan mereka tidak mengqadarkan Allah dengan qadar yang sebenar (6/91)*

(Dan selindungkanlah) kedua ibu bapa aku , yang aku adalah natijah daripada keduanya iaitu aqal dan tabiat , dan sesiapa yang memasuki rumah aku , iaitu hati aku hal keadaan mukmin , membenarkan apa yang ada dalamnya daripada akhbar ilahi . Ia adalah apa yang nafs mereka menghadaskan . (Selindungkanlah juga) para mukmin yang berbangsa aqal dan mukminat yang berbangsa nafs .

Dan janganlah Kamu menambahkan bagi orang zalim daripada zulmat ahli ghaib yang terkepong belakang hijab zulmani , melainkan kebinasaan , supaya mereka tidak mengenal diri mereka dan kerana menyaksikan wajah al Haq depan mereka . Bagi pengikut Muhammad : *Setiap sesuatu binasa melainkan wajahNya (28/88)*

Sesiapa berkehendak mengetahui asrar Nuh maka atasnya meningkat dalam falak Nuh (4). Ia terdapat dalam kitab kami *Tanazulat Mosul* .

(4) *Nett: falak matahari*

Permata Hikmah Qudus dalam Kalimat Idris

Ketinggian Tempat dan Martabat

Ketinggian mempunyai dua nisbah : ketinggian tempat dan ketinggian martabat . Adapun ketinggian tempat : *Kami mengangkatannya kepada tempat yang tinggi . (19/57)* Tempat tertinggi yang sekelilingnya berpusing (tanggungan) alam aflak adalah falak matahari . Padanya adalah maqam ruhani Idris as .

Di bawahnya ada tujuh aflak dan di atasnya tujuh aflak ; ia adalah yang kelima belas . Yang atasnya adalah falak yang merah iaitu Marikh (/Mars) , falak Musytari (/Jupiter), falak Kahiwan (/Saturn) , falak Manazil , falak Atlas , falak Buruj , falak Kursi dan falak Arshy . Yang di bawah adalah falak Zuhrah (/Jupiter) , falak Katib (/Mercury) , falak Bulan , sfera atsir , sfera hawa , sfera air dan sfera tanah . Dari segi ia adalah qutub segala aflak ia adalah pada tempat yang terangkat .

Adapun ketinggian martabat , maka ia adalah untuk kami , makna aku pengikut Muhammad . Firman Allah Taala : *kamu adalah yang tertinggi dan Allah bersama kamu (47/35)* pada tempat tinggi ini . Dia tertinggi daripada tempat tetapi tidak daripada martabat . Pada ketika takut para pengawal dari kalangan kami , Dia telah mengiringkan kebersamaanNya dengan firman : *dan Dia tidak akan mengurangkan kamu pada pahala amalan kamu (al Quran)*.

Amalan menuntut tempat sedangkan ilmu menuntut martabat , maka Dia telah menghimpunkan untuk kami dua keterangan , ketinggian tempat dengan amalan dan ketinggian martabat dengan ilmu . Kemudian untuk mentanzihkan perkongsian kebersamaanNya , Dia berfirman : *Sucikanlah nama Rabb kamu yang Maha Tinggi (87/1)* daripada perkongsian yang maknawi ini .

Antara perkara yang sangat ajaib adalah keadaan insan sebagai objek yang tertinggi , iaitu insan kamil . Tetapi tidak dinisbahkan ketinggian kepadanya melainkan secara berikutan kepada tempat atau martabat tinggi iaitu satu manzilah . Ketinggiannya bukan kerana zatnya . Dia tinggi kerana ketinggian tempat dan ketinggian martabat . Ketinggian adalah kerana kedua ini .

Ketinggian tempat seperti firmanNya : *Al Rahman bersemayam atas Arshy (7/54)* Dan ia adalah setinggi2 tempat . Adapun ketinggian martabat , seperti firmanNya : *segalanya binasa melainkan wajahNya (28/88); dan kepada Dia kembali segala urusan (11/123) ; apakah ada tuhan selain Allah ? (al Quran)*

Apabila Allah Taala berfirman : *dan Kami mengangkatannya kepada satu tempat yang tinggi (al Quran)* , Dia telah menjadikan ketinggian sebagai naat kepada tempat . Dan apabila Dia berfirman kepada para malaikat : *Sesungguhnya Aku akan menjadikan di muka bumi satu khalifah (2/30)* maka ini adalah ketinggian martabat .

Dia telah berfirman tentang malaikat (iaitu kepada Iblis) : *apakah kamu takabur atau kamu daripada kalangan yang tinggi2* . (38/75) Dia telah menjadikan ketinggian untuk malaikat . Jika ini adalah kerana keadaan mereka malaikat nescaya kesemua malaikat termasuk dalam ketinggian ini . Maka apabila ini tidak amm bersama perkongsian mereka sebagai malaikat , kami ketahui bahawa ketinggian ini adalah ketinggian martabat di sisi Allah .

Sama juga kekhalfahan di kalangan manusia . Jika ketinggian mereka dengan kekhalfahan satu ketinggian zat nescaya ia adalah untuk setiap insan . Apabila ia tidak amm kami ketahui bahawa demikian ketinggian adalah kerana martabat .

Ketinggian Allah

Antara asmaNya adalah Yang Maha Tinggi . Tinggi berbanding dengan siapa sedangkan tidak ada di sana melainkan Dia ; Dia adalah Maha Tinggi kerana zatNya . Atau berbanding dengan apa , sedangkan ia tidak lain daripadaNya . KetinggianNya adalah kerana diriNya .

Dari segi wujud Dia adalah ain segala yang maujud . Yang dinamakan hadas yang tinggi kerana zatnya , bukan lain melainkan Dia . Dia tertinggi bukan atas ketinggian idhafat . Ayan yang adam , yang sabit dalamNya tidak pernah mengecapi bau wujud , dan ia tetap pada keadaannya bersama perbilangan suwar maujudat . Yang ain adalah satu daripada apa yang terhimpun dalam perhimpunan .

Wujud katsrah dalam asma adalah daripada nisbah yang adalah perkara adam . Tidak ada ain selain ain yang adalah zat . Maka Dia tertinggi kerana diriNya bukan dengan idhafat . Dari segi ini , tidak ada dalam alam ini ketinggian idhafat , tetapi wajah2 wujud yang berbeza keutamaan . Ketinggian idhafat wujud dalam ain yang satu dari segi wajah yang berbilangan . Kerana demikian kamu berkata padanya Dia pada haqiqat dan bukan Dia sekira2 terhad kepada apa yang tertentu , kamu dan bukan kamu .

Berkata Kharraz ra , satu wajah daripada wajah2 al Haq dan satu lisan daripada lisan2 al Haq , ketika berucap dari nafsnya : bahawa Allah tidak dikenali melainkan dengan menghimpunkannya dengan (sifat2) yang berlawanan pada hukum . Dia adalah Yang Awal , Yang Akhir , Yang Zahir dan Yang Batin . Dia ain apa yang zahir dan ain apa yang batin pada ketika penzahirannya . Tidak ada di sana sesiapa yang melihatNya melainkan Dia , dan tidak ada di sana sesiapa yang batin kepadaNya . Dia zahir kepada diriNya , batin daripadaNya . Iaitu yang dinamakan Abu Said al Kharraz dan selain demikian daripada nama2 hadas .

Yang batin berkata : Bukan ; apabila yang zahir berkata : Aku . Dan yang zahir berkata : Bukan ; apabila yang batin berkata : Aku . Ini berlaku pada setiap perlawanan , sedangkan yang mengucap adalah satu . Dia adalah ain pendengar , mengikut apa yang disabda Nabi saw : (dan Dia mengampunkan) apa yang dihadap nafs sendiri .(Hadis) Maka nafs yang berhad dan yang mendengar hadisnya , yang mengetahui apa yang ia hadas sendiri .

Ain adalah satu jika sekali berbeza hukum dan tidak ada jalan kepada jahil terhadap misal ini kerana setiap insan mengetahui daripada dirinya . Dia adalah suwar al Haq . Bercampuran segala urusan dan zahir perbilangan dengan yang satu dalam martabat yang maklum . Yang satu telah mewujudkan bilangan dan bilangan mentafsirkan yang satu . Tidak zahir hukum bilangan melainkan dengan yang dibilangkan .

Yang berbilang itu ada yang adam dan ada yang wujud pada luar. Adakala sesuatu adam dari segi indera sedangkan ia wujud pada aqal . Semestinya ada bilangan dan yang dibilangkan . Semestinya ada satu yang mengembangkan pembilangan dan dengannya bilangan berkembang . Setiap martabat bilangan mempunyai satu haqiqat seperti sembilan sebagai contoh dan sepuluh sehingga ke bawah dan ke atas sehingga infiniti , namun haqiqatnya sebagai nombor bukan diri penjumlahan . Tetapi tidak tercerai daripadanya nama perhimpunan mewakili beberapa unggunan .

Dua adalah satu haqiqat tersendiri , dan tiga satu haqiqat dan seterusnya , jika sekalipun segalanya satu (jenis sebagai bilangan) . Tidak ain sesuatu daripadanya ain sesuatu yang lain . Penjamakan (satu2) mencapai haqiqat (bilangan itu) . Dipegang dengan keunikan setiap haqiqat bagi setiap bilangan dan dihukum dengan keunikan jenis atas demikian haqiqat . Dalam pendapat ini zahir dua puluh martabat yang tersusun . Dan kamu tidak terelak daripada mensabitkan ain apa yang dinafikan di sisi kamu dengan kerana zatnya .()

Barangsiapa mengenali apa yang kami tetapkan pada bilangan , bahawa penafian adalah ain pensabitan , mengetahui bahawa **al Haq yang tanzih adalah khalq yang tasybih** , jika sekalipun terbeza khalq daripada al Khaliq . Isunya khaliq yang makhluk dan makhluk yang khaliq . Segala demikian adalah daripada ain yang satu , bukan , bahkan Dia Ain Yang Satu dan Dia uyun yang berbilang .

Renungilah apa yang kamu lihat . Berkata(anak Ibrahim) : *Wahai bapaku lakukanlah apa yang kamu disuruh . (37/102)* Anak adalah ain bapanya , maka dia tidak melihat dia menyembelih selain nafsnya . Dia telah menfidyahnnya dengan sembelihan yang besar dalam suwar kibas tertentu , individu yang zahir dengan suwar insan . Dia zahir dengan suwar anak , tidak bahkan dengan hukum anak , orang yang adalah ain bapa .

Dia telah menjadikan daripadanya pasangannya (4/1) . Maka dia tidak nikah selain daripada nafsnya . Daripadanya muncul sahabat dan anak sedangkan yang berurusan adalah satu dalam bilangan . Sama juga dengan tabiat dan apa yang zahir daripadanya . Kami tidak melihatnya berkurangan dengan kerana apa yang zahir daripadanya dan ia tidak bertambah dengan adam apa yang telah dizahirkan selain daripadanya dan apa yang zahir daripadanya bukan selain dirinya .

Sesuatu ketentuan bukan ain apa yang zahir , kerana perbezaan suwar mengikut hukum atasnya . Yang ini sejuk dan kering dan yang itu panas dan kering . Keduanya terhimpun pada (sifat) kekeringan dan berbeza pada (sifat) selainnya . Bukan , bahkan ain (yang satu) itu adalah tabiat .() Alam tabiat adalah beberapa suwar dalam satu cermin . Bukan , bahkan ia suwar yang satu dalam cermin yang berbagai2 .

() *ARK : penghimpun segalanya adalah tabiat yang memelihara dalam keperbilangan jihat , kejamanan yang unik . Tabiat adalah haqiqat al Haq yang zahir dalam alam aqal dalam suwarnya bersepakaian dengan ta'ayunnya yang kulli .*

Tidak ada di sana melainkan keheranan kerana terpisah2 penilikan . Tetapi sesiapa yang mengenali apa yang kami katakan tidak heran . Jika dia bertambah ilmu , maka ia bukan selain daripada hukum tempat . Tempat adalah ain ayan tsabit dalamnya ?() Dengan kepelbagaian al Haq pada tempat tajalli maka pelbagai hukum atas al Haq yang menerima setiap hukum . Tidak menghukum atas al Haq melainkan ain apa yang Dia tajalli dalamnya . Tidak ada di sana melainkan (proses) ini .

() *ARK : sepertimana dalam :Rabb tambahkanlah aku pada ilmu , tambahkan aku pada keheranan , maka ilmu si arif dalam kedua masyhad sekaligus kembali kepada ain tsabit bukan kepada al Haq .*

Al Haq adalah khalq dengan wajah ini , ambillah iktibar
Dan Dia bukan khalq pada wajah lain , ingatilah
Sesiapa mengetahui apa yang aku kata basirahnya tidak akan lemah
Tidak mengetahuinya melainkan seorang yang mempunyai penglihatan
Jamak dan mufaraqah , ainnya satu ,
Dan ia , perbilangan tidak kekal dan tidak hilang

Yang tinggi dengan sendirinya adalah yang mempunyai kesempurnaan yang melengkapi segala urusan wujud dan nisbah adam di mana tidak mungkin bahawa tidak ada padanya apa2 naat daripadanya , sama sahaja ia terpuji pada uruf , aql dan syariat ataupun tercela pada uruf , aql dan syariat . Demikian tidak melainkan khas untuk yang dinamakan Allah

Apa yang tidak dinamakan Allah secara khas , daripada apa yang adalah tempat tajalli bagiNya atau satu suwar dalam (al Haq) , maka jika ia tempat tajalli semestinya berlaku perbezaan kelebihan antara tempat2 tajalli . Jika ia satu suwar dalam (al Haq) maka demikian suwar adalah ain kesempurnaan zat , kerana ia adalah ain apa yang zahir dalam al Haq . Apa yang dimiliki oleh yang dinamakan Allah adalah yang dimiliki demikian suwar . Tidak dikatakan ia adalah al Haq dan tidak juga dikatakan ia bukan al Haq .

Abu Qasim al Qasiy telah mengisyaratkan dalam *Khila' Na'layn* kepada ini dengan katanya : Sesungguhnya setiap asma ilahi dipernamakan dengan segala asma ilahi dan berna'at dengan na'atnya . Demikian di sini , bahawa setiap asma menunjuk kepada zat dan kepada makna yang terletak baginya , dan demikian makna menuntut demikian asma .

Dari segi ia petunjuknya kepada zat ia menunjuk kepada kesemua asma dan dari segi petunjuknya kepada makna yang ia bertunggalan dengannya , ia terbeza daripada selainnya seperti Rabb dan Khaliq , Musawir dan seterusnya . Asma adalah ain yang dinamakan dari segi zat , dan asma bukan zat dari segi makna yang khas kepadanya yang terletak baginya .

Apabila kamu telah faham ketinggian yang kami telah sebutkan , kamu akan mengetahui bahawa ia bukan ketinggian tempat ataupun ketinggian martabat . Ketinggian martabat khas kepada wilayah urusan seperti sultan , hakim , wazir , qadhi dan segala yang dijawatkan , tidak kira apakah penjawat mempunyai kelayakan atau tidak untuk demikian jawatan .

Ketinggian kerana sifat bukan sedemikian . Adakala sepaling alim manusia dihukumkan atasnya orang yang mempunyai jawatan penghakiman jika sekalipun dia sejahil manusia . Ini adalah ketinggian martabat dengan kerana hukum mengikut tempat , bukan ketinggian pada dirinya . Apabila terpecat , hilanglah keterangkatannya sedangkan yang alim tidak sedemikian .

Permata Hikmah Muhaymin/Ekstasi dalam Kalimat Ibrahim

Sesungguhnya dinamakan Ibrahim sebagai khalil kerana dia ditembusi dan dikawali dengan segala sifat zat ilahi . Berkata penyair :

Kamu telah tembuskan tempat perjalan ruh aku

Kerana demikian dinamakan khalil sebagai kawan yang rapat .

Sepertimana warna menembusi objek yang berwarna dan menjadi aradh kepada jauharnya . Ia bukan seperti tempat dan objek pada tempat itu . Atau tembusan al Haq akan wujud suwar Ibrahim .

Setiap hukum sah dari kerana demikian seperti telah disebutkan . Sesungguhnya setiap hukum mempunyai mauthin yang menzahirkannya dan hukum tidak melampaui mauthinnya . Tidakkah kamu melihat bahawa makhluk zahir dengan sifat al Haq , dari yang awal kepada yang akhir . Segala (sifat al Haq) itu benar pada objek sepertimana sifat muhadas benar kepada al Haq .

Segala puji bagi Allah , akibat puji pemuji dan yang dipuji kembali kepadaNya . Dan kepadaNya kembali segala urusan , iaitu mengumumkan yang tercela dan yang terpuji , dan tidak ada di sana melainkan yang terpuji dan yang tercela .

Ketahuilah sesungguhnya tidak sesuatu menembusi sesuatu yang lain melainkan ia termuat dalamnya . Yang menembus iaitu nama bagi pelaku , terhiab dengan yang ditembusi , nama bagi penerima . Yang ditembus adalah zahir dan pelaku adalah batin dan terselindung . Yang menembus adalah makanan bagi yang ditembusinya , seperti air yang meresap dalam bulu biri2 kemudian ia membesar berkembang .

Jika al Haq adalah zahir , maka makhluk terselindung dalamNya dan yang makhluk adalah segala asma al Haq , pendengarannya dan penglihatannya dan segala nisbah dan idrakNya . Jika makhluk adalah zahir , maka al Haq terselindung dan batin dalamnya . Al Haq menjadi pendengaran makhluk , penglihatannya , tangannya , kakinya dan segala quwwahnya sepertimana datang dalam khabar sahih .

Jika zat tertanggalan demikian nisbah ia tidak menjadi tuhan . Nisbah ini dihadaskan ayan (tsabit) kami dan kami menjadikannya , kerana (sikap) mempertuhankan kami , sebagai tuhan . Dia tidak akan dikenal sehingga kami dikenali . Sabda Nabi saw : *Sesiapa mengenali dirinya sesungguhnya dia mengenali Rabbnya (Hadis)* , dan dia makhluk yang paling alim tentang Allah .

Setengah hakim termasuk Abu Hamid al Ghazali mendakwah bahawa dikenali Allah dengan tanpa tilik kepada alam dan ini adalah ralat . Betul kamu mengenali zat yang qadim dan azali tetapi kamu tidak mengenali bahawa ia adalah tuhan sehingga kamu mengenali apa yang dipertuhankan kerana ia dalil kepadaNya .

Kemudian selepas ini , dalam hal yang kedua Dia memberi kamu kasyaf bahawa al Haq sendiri adalah ain dalil atas diriNya dan kepada uluhiahNya . Dan alam bukan selain tajalliNya dalam suwar ayan mereka yang tsabit , yang mustahil wujud zahir tanpanya . Dan bahawa al Haq berbagai2 dan tasawur mengikut haqiqat ayan tsabit ini dan halnya . Ini selepas ilmu tentangNya daripada kami bahawa Dia adalah tuhan kami .

Kemudian datang kasyaf yang lain dan zahir kepada kamu suwar kami dalam al Haq . Kemudian setengah kami zahir kepada setengah kami dalam al Haq , dan setengah kami mengenali setengah yang lain dan terbeza setengah kami daripada yang lain .

Antara kami ada yang mengenali bahawa marifat ini berlaku untuk kami melalui kami dalam al Haq . Dan ada yang jahil tentang hadrat yang padanya berlaku marifat ini melalui kami . *Aku berlindung dengan Allah daripada termasuk dalam golongan jahil . (2/67)*

Dengan kedua kasyaf bersama , Dia tidak menghukum atas kami melainkan melalui kami . Bukan bahkan kami yang menghukum atas kami melalui kami tetapi dalamNya . Dengan kerana demikian firmanNya : *Allah mempunyai hujjah yang terlengkap (6/149)* iaitu atas orang yang terhibab apabila mereka berkata kepada al Haq : Kenapa Kamu melakukan demikian dan demikian dengan kami ; terhadap apa yang tidak muafakat dengan tujuan mereka .

Maka dikasyafkan dengan mereka pada betis , iaitu urusan yang para arifin mengkasyafkannya di sini . Mereka melihat bahawa al Haq tidak melakukan ke atas mereka apa yang mereka dakwahkan Dia melakukan . Bahawa demikian adalah daripada mereka kerana Dia tidak mengetahui tentang mereka melainkan sebagaimana mereka berada . Gugurlah hujjah mereka dan kekal hujjah Allah yang terlengkap .

Jika kamu berkata : Apakah faedah dalam firmanNya : *jika Dia kehendaki nescaya Dia memberi petunjuk kepada sekalian kamu (6/149)* . Kata kami , jika di sini adalah huruf pencegahan kerana ada pencegah (sedia ada) . Maka Dia tidak berkehendaki melainkan urusan yang sedia ada .

Ain mungkin menerima sesuatu dan kontranya dalam hukum dalil aqal . Yang mana satu antara dua hukum akan berlaku , demikian adalah apa yang tersedia dalam yang mungkin dalam keadaan tsabitnya . Makna : nescaya Dia memberi petunjuk kepada sekalian kamu ; adalah menerangkan kepada kamu . Tidak semua mungkin dalam alam dibukakan mata basirahnya untuk idrak apa yang pada nafsnya sebagaimana ia ada . Antara mereka yang alim dan yang jahil . Allah tidak berkehendak (dulu kala) , maka Dia tidak memberi petunjuk kepada semua , dan Dia tidak berkehendak (sekarang) dan pada masa akan datang . Bagaimana Dia berkehendak sesuatu yang tidak akan jadi .

KehendakNya adalah ahadiah (/keunikan) ketergantungan . Ia satu nisbah yang mengikuti ilmu . Ilmu adalah satu nisbah yang mengikut yang maklum dan maklum adalah kamu dan ehwal kamu . Ilmu tidak berkesan atas maklum (secara ijmal) , bahkan maklum memberi bekas atas ilmu . Maklum memberi ilmu daripada dirinya tentang apa yang ada dalam ainnya .

Sesungguhnya khitab ilahi datang mengikut apa yang sesuai dengan kumpulan sasaran khitab dan apa yang spekulasi aqal membenarkan . Khitab tidak datang mengikut apa yang ditunjuki kasyaf . Kerana demikian orang mukmin ramai dan yang arif sedikit , iaitu ahli kasyaf .

Tidak di antara kami melainkan dia mempunyai maqam yang maklum . Ia adalah keadaan kamu dalam tsubut kamu yang kamu zahirkan akannya dalam wujud kamu . Ini jika tersabit bagi kamu wujud . Jika sabit wujud untuk al Haq bukan bagi kamu , maka hukum adalah kepunyaan kamu tanpa syak dalam wujud al Haq .

Jika sabit bahawa kamu diwujudkan maka hukum adalah kepunyaan kamu tanpa syak. Jika penghakim adalah al Haq maka (hukumnya) bukan melainkan limpahan wujud ke atas kamu . Maka jangan memuji melainkan diri kamu . Dan jangan mencela melainkan diri kamu .

Tidak baki bagi al Haq melainkan puji melimpahkan wujud kerana demikian adalah kepunyaanNya bukan kepunyaan kamu . Kamu makananNya sebagai (mazhar) hukum dan Dia makanan kamu dengan memberi wujud . Ta'ayun atasNya apa yang ta'ayun atas kamu . Urusan adalah daripadaNya kepada kamu , dan daripada kamu kepadaNya melainkan kamu dinamakan mukalaf iaitu yang dipertanggungjawabkan . Dia tidak mempertanggungjawabkan kamu melainkan dengan apa yang hal kamu minta kepadaNya untuk ditaklifkan dan dengan apa yang sedia ada pada kamu .

Dia tidak dinamakan mukalaf , iaitu dipertanggungjawabkan , kerana tidak ada tanggungan atasNya sepertimana kamu tidak dinamakan yang mempertanggungkan .

Dia memuji aku dan aku memujiNya
Dia menyembah aku dan aku menyembahNya
Dalam satu hal aku mendekatiNya
Pada ayan aku mengingkariNya
Dia mengenali aku sedangkan aku mengingkariNya
Dan aku mengenaliNya kemudian mensaksikanNya
Bagaimana dengan keterkayaan
Sedangkan aku membantuNya dan menggembirakanNya
Kerana demikian al Haq mewujudkan aku
Kemudian aku mengenaliNya dan mewujudkanNya
Dengan demikian datang hadis berkenaan kami
Dan tercapai maqsudNya pada aku .

Sunnah Menjamu Tetamu

Dengan kerana Ibrahim as mempunyai martabat ini , yang dengannya dinamakannya sebagai khalil , dia telah mensunnahkan menjamu tetamu . Ibn Masarra telah menghubungkannya dengan Mikail untuk urusan rizqi . () Dengan rizqi diberi makan orang yang menerima rizqi . Rizqi menembusi zat yang diberi rizqi , di mana tidak kekal sesuatu dalamnya melainkan ia menembusinya , kerana makanan mengalir kepada segala bahagian yang diberi makan , kesemuanya .

() : *IH : Arshy ditanggung pentadbir , iaitu Adam dan Israfil untuk suwar , Jibril dan Muhammad untuk ruh , Mikail dan Ibrahim untuk rizqi , Malik dan Ridhwan untuk perjanjian dan apa yang dijanjikan .*

Di sana (iaitu pada al Haq) tidak ada bahagian2 maka semestinya Ibrahim menembusi segala maqamat ilahi yang diibaratkan dengan asma dan terzahir dengannya zatNya Jalla wa Ala .

Kami milikNya sepertimana tersabit dalil kami
Dan kami juga milik kami
Tidak bagiNya selain kejadian aku
Maka kami bagiNya sepertimana kami bagi kami
Bagi aku dua wajah , Dia dan aku
Dan tidak bagiNya Aku dengan aku
Akan tetapi pada aku satu mazharNya
Maka kami bagiNya seperti bekas .

Allah yang berfirman apa yang benar dan Dialah yang menunjuk jalan .

Permata Hikmah Haqqiah dalam Kalimat Ishaq

Keutamaan Ta'bir Mimpi

Tebusan nabi dengan sembelihan (haiwan) sebagai qurban
bagaimana embekan kibas sebanding riuh manusia
Allah yang Maha Agung telah membesarkannya sebagai inayah
KepadaNya ataupun kepada kami , aku tidak mengetahui mana satu

Tidak ada syak bahawa lembu dan unta lebih berharga
Tetapi ia ke bawah daripada sembelihan kibas sebagai qurban
Alangkah baiknya aku tahu bagaimana ganti
Zat diri kibas akan khalifah al Rahman

Tidakkah kamu tahu bahawa dalam suruhan (qurban) tersusun
Perlunasan yang membawa keuntungan dan kekurangan yang membawa kerugian
Tidak ada khalq lebih tinggi daripada jamad
Kemudian pokok atas qadar wazannya

Kemudian yang memiliki hawass selepas pokok dan kesemuanya arif
Dengan khaliqnya melalui kasyaf atau keterangan burhan
Adapun yang dinamakan Adam maka dia muqayad
Dengan aqal dan fikir dan kalung iman

Dengan ini berkata Sahlun dan muhaqiq seperti kami ()
Kerana kami dan mereka pada manazil ihsan
Sesiapa yang menyaksikan perkara yang aku telah saksikan
Akan berkata seperti kata aku dalam sembunyi atau terang

() *Nett: bahawa yang jamad lebih besar irfannya dan taatnya kepada Allah .*

Jangan kamu pedulikan kata yang menyalahi kata kami
jangan kamu tanamkan benih dalam bumi yang kontang
Mereka yang pekak dan kelu yang didatangkan berkenaan mereka
untuk pendengaran kami oleh yang maksum dalam nas al Quran .

Ketahuiilah , moga2 Allah membantu kamu dan kami , bahawa Ibrahim as telah
berkata kepada anaknya : *Sesungguhnya aku telah melihat dalam mimpi bahawa
aku menyembelih kamu . (37/102)* **Mimpi adalah hadrat khayal** kemudian dia pun
tidak menta'birkannya . Apa yang zahir dalam suwar anak Ibrahim dalam mimpi
adalah kibas dan Ibrahim membenarkan mimpinya .

Maka Rabbnya telah menebuskan anaknya daripada waham Ibrahim dengan
sembelihan yang besar yang adalah ta'bir mimpinya di sisi Allah yang Ibrahim tidak
sedar . Tajalli suwar dalam hadrat khayal berhajat kepada ilmu yang lain .
Dengannya diidrakkan apa yang dikehendaki Allah dengan demikian suwar .

Tidakkah kamu melihat bagaimana Nabi saw telah bersabda kepada Abu Bakar dalam ta'bir mimpi : Kamu telah betul sebahagian dan salah sebahagian . Kemudian Abu Bakar telah mintanya memberitahunya apa yang tepat dan apa yang salah , tetapi Nabi saw tidak berbuat begitu .

Firman Allah Taala kepada Ibrahim as semasa menyerunya : *Wahai Ibrahim , kamu telah membenarkan mimpi itu . (37/105)* Dia tidak berfirman : Kamu telah benar pada mimpi itu bahawa ia adalah anak kamu . Ini adalah kerana dia tidak menta'birkannya . Bahkan dia memegang dengan zahir apa yang dia lihat sedangkan mimpi menuntut ta'bir . Kerana demikian al Aziz telah berkata : *jika kamu dapat menta'birkan mimpi . (12/43)*

Makna ta'bir adalah perpindahan yang harus daripada suwar yang dilihat kepada perkara yang lain . Lembu merupakan bilangan tahun dalam susah dan senang . Jika benar dalam mimpi nescaya dia telah menyembelih anaknya . Sesungguhnya dia telah membenarkan mimpi itu bahawa demikian (suwar) adalah ain anaknya . Tetapi pada sisi Allah ia bukan melainkan sembelihan yang besar dalam suwar anaknya .

Kemudian Dia telah menebuskannya apabila berlaku dalam zihin Ibrahim as apa yang menjadi tebusan sebenarnya di sisi Allah . **Hawass telah tasawurkan sembelihan dan khayal telah mentasawurkan anak Ibrahim as** . Jika dia melihat kibas dalam khayal , nescaya dia menta'birkan dengan anaknya atau dengan perkara lain .

Kemudian Dia telah berfirman : *Sesungguhnya ia benar2 satu ujian yang nyata . (37/106)* iaitu satu ujian dalam ilmu , apakah dia mengetahui apa yang dituntut mauthin mimpi daripada ta'bir atau tidak . Dia mengetahui bahawa mauthin khayal menuntut ta'bir tetapi dia telah lupa dan tidak menunaikan haq mauthin dan sebab itu telah membenarkan mimpi itu .

() *fungsi khayal Ibrahim tidak begitu cekap kerana dia pelopor mizaj aqrabiah . Hubungan dengan satu peristiwa yang emosi menguatkan tarbiah mengawasi ghalabah khayal .*

Sepertimana telah dilakukan oleh Taqi ibn Mukhallad , sahib Musnad . Dia telah dengar dalam khabar yang sabit di sisinya bahawa Nabi saw telah bersabda : Sesiapa melihat aku dalam tidur sesungguhnya dia telah melihat aku dalam jaga . Sesungguhnya syaithan tidak dapat mencontohi suwar aku .(Hadis) Dia telah melihat Nabi saw dalam satu mimpi memberinya minum susu . Dia telah membenarkan mimpinya dan cuba memuntah kemudian terus memuntah susu . Jika dia menta'birkan mimpinya nescaya dita'birkan ilmu . Maka Allah telah haramkan atasnya banyak ilmu atas qadar apa yang dia telah minum .

Tidakkah kamu lihat bahawa Nabi saw telah didatangkan dalam mimpi dengan satu bekas susu . Sabdanya : Kemudian aku telah minumannya sehingga ia keluar daripada kuku aku . Kemudian aku telah memberi yang berlebihan kepada Umar . Dikatakan : Wahai Rasulullah , apakah yang kamu takwilkan akannya . Sabdanya : Ilmu . (Hadis) Dia tidak tinggalnya sebagai susu mengikut suwar yang dia melihat kerana ilmunya tentang mauthin mimpi dan apa yang dituntut daripada ta'bir .

Sesungguhnya diketahui bahawa suwar Nabi saw yang disaksikan hawass tertanam di Medinah dan bahawa suwar ruhnyanya dan lathifahnyanya tidak disaksikan seorang pun melalui orang lain dan tidak juga dirinya . Setiap ruh begitu juga . Ruh Nabi saw berjasad kepadanya dalam tidur dengan suwar jasadnya pada masa dia mati . Tidak dikurangkan daripadanya sesuatupun . Dia adalah Muhammad saw yang dilihat dari segi ruhnyanya , dalam suwar jasad yang menyerupai apa yang terkubur .

Tidak mungkin bagi syaithan bertasawur dengan suwar jasadnya sebagai satu pemeliharaan daripada Allah kepada penglihat . Kerana ini , sesiapa melihatnya dengan suwar ini mengambil daripadanya segala apa yang disuruhnya , dilarangnya atau mengkhabarkan kepadanya sepertimana dia mengambil daripadanya dalam kehidupan dunia pada hukum . Iaitu mengikut petunjuk lafaz apakah ia nas , zahir , mujmal atau apa saja .

Jika dia memberinya sesuatu , maka demikian sesuatu harus dita'birkan . Jika berlaku pada hawass sepertimana dalam khayal maka demikian mimpi tidak ada ta'bir . Dengan qadar ini dan atasnya Ibrahim dan Taqi ibn Mukhallad telah berpegang .

Keutamaan Tajalli Aqal

Kerana mimpi mempunyai dua wajah ini Allah telah memberitahu kami , pada apa yang Dia lakukan kepada Ibrahim dan pada apa yang Dia firman kepadanya , akan adab semasa Dia mengurniakanmaanya maqam nubuwwah . Kami mengetahui bahawa dalam mimpi kami akan al Haq Taala dalam suwar yang ditolak dalil aqal bahawa ia mesti dita'birkan dengan haq syariat , apakah pada haq hal penglihat ataupun haq tempat yang dia melihatNya ataupun keduanya . Jika dalil aqal tidak menolak suwar itu kami kekalkannya pada apa yang kami lihat sepertimana kami melihat al Haq dalam akhirat , sama saja apa suwar pun .

Bagi al Wahid al Rahman pada setiap mauthin
Suwar , apakah yang tersembunyi dan yang zahir
Jika kamu kata : inilah al Haq ; kamu telah berkata benar
Jika kamu kata : perkara lain ; kamu penta'bir .
HukumNya bukan pada satu mauthin dan tidak pada yang lain .
Tetapi ia membawa al Haq kepada khalq
Apabila Dia tajalli kepada mata
Aqal menolak dengan burhan berturut2

**Namun diterima apabila tajalli pada aqal dan
Dalam apa yang dinamakan khayal dan visi yang sah**

Berkata Abu Yazid ra pada maqam ini : Jika Arshy dan apa yang dikandungnya digandakan seratus juta kali , terletak dalam satu hujung daripada hati si arif , dia tidak akan merasainya . Ini menunjukkan keluasan Abu Yazid terhadap alam ajsam . Bahkan aku kata : Jika apa yang tidak terbilang wujudnya ditaqdirkan terhadap wujudnya dari kerana ain (tsabit) yang mewujudkannya , dan ia terletak dalam satu hujung hati si arif , dia tidak akan merasainya .

Sesungguhnya telah sabit bahawa hati meluasi al Haq tetapi ia tidak disifatkan sebagai terpenuh . Jika ia diisikan nescaya ia akan terpenuh . Abu Yazid pun pernah kata demikian dan kami telah memperingatkan dengan kata kami :

Wahai Pencipta benda2 dalam diriNya
Kamu menghimpunkan segala yang kamu ciptakan
Kamu menciptakan apa yang tidak terbilang wujudnya
Dalam Kamu , maka Kamu yang Sempit dan yang Luas
Alangkah apa yang Allah telah ciptakan (dalam hati aku)
Tidak singsing kecemerlangan fajarnya
Sesiapa yang meluasi al Haq , dia tidak sempit terhadap khalq
Maka bagaimana urusan ini wahai yang mendengar .

Pemeliharaan Himmah

Dengan waham setiap insan menciptakan dalam quwwah khayalnya apa yang tidak ada wujud baginya melainkan dalam khayal . Ini satu perkara umum . **Arifin menciptakan dengan himmah apa yang ada wujud luaran , pada tempat himmah .**

Akan tetapi himmah itu tidak boleh berhenti memeliharanya dan lemah daripada menanggung pemeliharaan apa yang diciptakan . Bilamana berlaku atas si arif lupa memelihara apa yang dia ciptakan , demikian makhluk akan hilang . Melainkan si arif itu telah **mendabitkan segala hadrat** maka **dia tidak akan lupa secara mutlak** bahkan semestinya ada satu hadrat yang dia mensaksikannya .

Apabila si arif mencipta apa yang dia ciptakan dengan himmahnya dan dia mempunyai kelengkapan ini , zahir demikian **makhluk dengan suwarnya dalam kesemua hadrat** dan jadilah suwar itu **saling memelihara** . Apabila dia lupa akan satu hadrat atau beberapa hadrat sedangkan dia masih saksi satu hadrat dengan memelihara apa yang ada padanya daripada suwar yang diciptakannya , terpeliharalah segala suwar dengan kerana pemeliharaan suwar yang ada pada hadrat yang tidak dilupainya . Ini kerana lupa tidak meratai bilamanapun , tidak pada umum ataupun khas .

Sesungguhnya aku telah menjelaskan di sini satu rahsia yang ahli Allah tidak berhenti cemburu atas seumpamanya daripada ditilik , dengan apa yang ada dalamnya yang menyalahi dakwah mereka bahawa mereka al Haq . Sesungguhnya **al Haq tidak lupa sedangkan hamba semestinya lupa** sesuatu ini ataupun sesuatu yang lain . Dari segi pemeliharaan atas apa yang dia ciptakan , adalah baginya untuk berkata : Aku al Haq . Akan tetapi pemeliharaannya terhadap ciptaannya tidak seperti pemeliharaan al Haq .

Kami telah pun menjelaskan perbezaannya . Dari segi kelupaannya tentang suwar dan hadratnya , terbeza hamba daripada al Haq . Semestinya juga ada perbezaan apa yang kekal pemeliharaannya dengan pemeliharaan satu hadrat daripada hadrat yang tidak dilupai . Ini **pemeliharaan secara keterkandungan** . Pemeliharaan al Haq atas apa yang Dia ciptakan tidak begitu . Bahkan **pemeliharaanNya atas setiap suwar adalah secara ta'yin** .

Masalah ini yang aku khabarkan tidak pernah ditulis seorang dalam kitab , tidak aku dan selain aku , melainkan dalam kitab ini . Ia adalah **satu keunikan untuk waktu sekarang** . Dan janganlah lupaannya .

Sesungguhnya hadrat yang padanya kamu kekal hadir dalamnya bersama suwar umpamanya seumpama al Kitab . Firman Allah tentangnya : *Kami tidak meninggalkan sesuatu pun daripada al Kitab (6/38)* iaitu ia menghimpunkan apa yang telah berlaku dan yang belum berlaku . Tidak akan mengenali apa yang kami katakan itu melainkan dia seorang quran dalam dirinya .

Sesungguhnya orang yang bertaqwa kepada Allah , dijadikan baginya furqan . Ia seumpama apa yang kami katakan dalam masalah ini pada apa yang membezakan hamba dengan Rabb. Furqan ini yang paling tertinggi sekali .

Ada waktu hamba menjadi Rabb tanpa syak
Dan ada waktu hamba menjadi hamba sebenarnya
Jika dia hamba dia menjadi luas dengan Allah
Jika menjadi Rabb dia berkehidupan terhimpit

Dari keadaannya hamba dia melihat ain nafsnya
Dan cita2nya meluas daripadanya tanpa syak
Dari keadaannya Rabb dia melihat khalq kesemuanya
Menuntut daripadanya daripada hadrat muluk dan malak

Dia lemah daripada (memberi apa yang) mereka tuntutan dengan zatnya
Kerana demikian kamu melihat setengah arifin menangis
Jadilah hamba Rabb jangan jadi Rabb hambaNya
Kemudian kamu terbawa tergantung dalam api dan leburan

Permata Hikmah Aliah dalam Kalimat Ismail

Ridha dan Diridhai

Ketahuilah bahawa yang dinamakan Allah adalah ahad/uniti pada zat dan kull/total pada asma . Tidak ada bagi setiap maujud daripada Allah melainkan apa yang menjadi Rabbnya yang khas , dan mustahil bahawa dia mempunyai Rabb yang adalah al Kull .

Adapun ahadiyah ilahiah maka tidak ada bagi sesuatu dalamnya apa2 bahagian , kerana tidak dikatakan bagi sesuatu dalamnya sesuatu dan kepada yang lain dalamnya sesuatu , kerana ahadiyah tidak menerima pembahagian . AhadiyahNya adalah satu jamak kesemua secara potensi .

Yang bahagia adalah orang yang diridhai di sisiNya . Dan tidak ada di sana melainkan orang yang diridhai di sisi Rabbnya , kerana rububiahNya kekal kerananya. Maka dia diridhai di sisiNya dan bahagia .

Kerana ini Sahlun telah berkata : Sesungguhnya bagi rububiah satu sirr . Ia adalah kamu , iaitu tertuju kepada semua ayan . Jika ia zahir nescaya rububiah menjadi batal . Dia telah menggunakan huruf : jika , satu huruf yang menunjukkan pencegahan kerana ada satu pencegah lain . Maka sirr itu tidak akan zahir dan tidak akan batal rububiah , kerana tidak ada wujud untuk ain melainkan dengan Rabbnya . Ain senentiasa diwujudkan maka rububiah senentiasa tidak batal .

Setiap yang diridhai dikasihi . Setiap yang dilakukan yang dikasihi dikasihi . Maka kesemuanya diridhai kerana tidak ada perbuatan bagi ain , bahkan perbuatan itu adalah kerana Rabbnya dalamnya . Ain bertenangan kerana disandarkan perbuatan itu kepadanya . Ia ridha dengan apa yang zahir dalamnya dan padanya daripada perbuatan Rabbnya hal keadaan diridhai demikian perbuatan .

Ini kerana pelaku dan tukang (sesuatu adalah) orang yang ridha terhadap perbuatannya dan krafnya . Sesungguhnya perbuatannya dan krafnya menunaikan haq ainnya . FirmanNya : *Dia memberi setiap sesuatu bentuk kejadiannya , kemudian memberinya petunjuk (20/50)* . Iaitu Dia menjelaskan bahawa Dia telah memberi setiap sesuatu bentuk kejadiannya , dan ia tidak menerima kurang .

Ismail as dengan perjumpaannya akan apa yang kami telah sebut , diridhai di sisi Rabbnya . Seperti demikian setiap maujud diridhai di sisi Rabbnya . Tidak lazim bahawa setiap maujud yang diridhai mengikut apa yang kami telah terangkan , diridhai di sisi Rabb hamba yang lain .

Dia tidak mengambil rububiah melainkan daripada yang Kull/Total tidak daripada yang Wahid asma . Tidak ta'ayun baginya daripada yang Kull melainkan apa yang munasabah dengannya iaitu Rabbnya . Tidak seorang mengambil dari segi ahadiyahNya , kerana itu ahli Allah dicegah daripada tajalli dalam ahadiyah .

Jika kamu melihatNya denganNya , maka Dialah yang melihat diriNya dan Dia tidak berhenti daripada melihat diriNya dengan diriNya . Jika kamu melihat dengan diri kamu maka akan hilang ahadiah kerana kamu . Jika kamu melihat Dia dengan Dia dan dengan kamu , akan hilang ahadiah juga , kerana kamu bukan ain yang dilihat kepadanya . Semestinya wujud satu nisbah yang menuntut dua perkara , iaitu penglihat dan yang dilihat . Maka hilanglah ahadiah .

Jika sekalipun Dia tidak melihat melainkan diriNya dengan diriNya dan maklum dalam waqaf ini bahawa Dia adalah penglihat dan yang dilihat , namun tidak sah bagi yang diridhai bahawa dia diridhai secara mutlak , melainkan apabila segala apa yang zahir padanya adalah daripada perbuatan yang diridhai padanya .

Kelebihan Ismail atas selainnya daripada ayan adalah dengan apa yang al Haq mena'atkannya dengannya , iaitu keadaannya diridhai di sisi Rabbnya . Seperti demikian setiap nafs yang muthmainnah , dikatakan kepadanya : *kembalilah kepada Rabb kamu* . Ia tidak disuruh kembali melainkan kepada Rabbnya , yang menyerunya dan dia mengenaliNya daripada al Kull , hal keadaan : *meridhai dan diridhai* , dan *masuklah ke dalam golongan hamba Aku (89/28)* dari segi apa yang ada pada mereka daripada maqam ini .

Hamba yang disebut di sini adalah setiap hamba yang mengenali Rabbnya Taala dan tertumpu kepadaNya dengan tidak menilik kepada Rabb (orang) lain , bersama ahadiah ain dan semestinya demikian . *Dan masuklah syurga Aku* , yang adalah sutrah Aku . Syurga Aku bukan lain daripada kamu dan kamu menjadi sutrah Aku dengan zat kamu .

Aku tidak dikenali melainkan dengan kamu sepertimana kamu tidak wujud melainkan dengan Aku . Siapa yang mengenali kamu mengenali Aku . (Namun) Aku tidak dikenali (dengan sebenarnya) maka anta pun tidak dikenali .

Apabila kamu masuk syurga kamu telah memasuki diri kamu dan kamu mengenali diri kamu dengan pengenalan lain , bukan pengenalan ketika kamu mengenal Rabb kamu dengan marifat kamu akan nafs kamu . Kamu menjadi sahib dua marifat , marifat tentangNya dari segi kamu dan marifat tentangNya dengan kamu dari segi Dia bukan dari segi kamu .

Kamu hamba dan kamu rabb kepada Dia
Yang kamu kepadaNya dan dalamNya adalah hamba
Kamu adalah rabb dan hamba
Kepada Dia yang kepadaNya ada perjanjian dalam khithab
Setiap aqad yang dipegang seseorang
Dihuraikan aqad daripada selainnya

Allah ridha dengan hambanya dan mereka diridhai dan meridhaiNya . Kedua hadrat saling menghadapi dengan dua penerimaan yang seumpama . Namun yang seumpama adalah berlawanan kerana dua perumpamaan pada haqiqat tidak berhimpun , jika tidak keduanya tidak akan terbeza . Tidak ada di sana melainkan apa yang terbeza . Tidak ada di sana seumpamaan , tidak dalam wujud seumpamaan dan tidak dalam wujud perlawanan . Sesungguhnya wujud adalah satu haqiqat dan sesuatu itu tidak akan menyalahi dirinya

Tidak kekal melainkan al Haq , tidak kekal segala kejadian
Tidak ada di sana yang dihubungkan dan tidak di sana yang dipisahkan
Dengan demikian telah datang kenyataan burhan , maka tidak aku melihat
Dengan mata aku melainkan ainNya apabila jelas persaksian aku

Demikian adalah untuk orang yang takut akan Rabbnya ; (iaitu saling ridhai meridhai) adalah kerana ilmu hamba tentang perbezaan (hamba dengan Rabb) Kejahilan tentang ayan dalam wujud menunjuk kami kepada perbezaan ini menurut apa yang didatangkan orang alim .

Sungguh berlaku perbezaan antara hamba dan berlaku perbezaan antara Arbab . Jika tidak berlaku perbezaan , nescaya asma ilahi yang satu akan boleh ditafsirkan pada segala wajahnya dengan apa yang mentafsirkan asma yang lain . Sedangkan yang Maha Memperkasakan tidak ditafsirkan dengan Yang Menghinakan dan seumpama demikian .

Akan tetapi Dia adalah Dia dari wajah ahadiyyah , sepertimana kamu berkata pada setiap asma bahawa ia menunjuk kepada zat dan kepada haqiqatnya sendiri sedangkan yang dinamakan adalah satu . Yang Maha Memperkasakan adalah Yang Menghinakan dari segi apa yang dinamakan , tidak dari segi dirinya dan haqiqatnya . Sesungguhnya mafhum berbeza dalam fahaman pada setiap satu daripada keduanya .

Jangan kamu tilik kepada al Haq
Dan ceraikanNya daripada khalq
Dan jangan kamu menilik kepada khalq
Dan pakaikannya dengan selain al Haq .

TanzihkanNya dan tasybihkanNya
Berdirilah pada tempat kebenaran
Jadikan diri dalam jamak jika kamu kehendaki
Dan jika kamu kehendaki dalam perpisahan

Kamu akan memenangi kesemua sekalipun semua menyatakan kejayaan
Kamu tidak akan fana dan baqa
Dan tidak akan memfanakan dan membaqakan .
Tidak disampaikan kepada kamu wahyu
dalam keterlainan dan kamu tidak menyampaikan

Rahsia Memuji

Puji adalah atas kebenaran janji bukan kebenaran ancaman . Hadrat ilahi menuntut pujian yang terpuji kerana zat . Maka dipuji atasnya dengan kebenaran janji bukan kebenaran ancaman bahkan dengan menjangkau ancaman . FirmanNya : *Dan jangan kamu sangka Allah menyalahi janjiNya kepada rasulNya .(14/47)* Dia tidak berfirman : dan ancamanNya ; bahkan berfirman bahwa Dia menjangkau kejahatan mereka bersama Dia mengancam terhadap demikian . Dia memuji Ismail kerana dia benar pada janji . Sesungguhnya gugur yang mungkin dalam haq al Haq () kerana pada mungkin ada tuntutan pemberat .

() ARK : *wajib Dia benar pada janji*

Tidak kekal melainkan ketunggalan yang benar pada janji
Dan tidak bagi ancaman al Haq ain untuk menilik
Jika mereka memasuki kediaman kesengsaraan
Sesungguhnya mereka berlazat2an dengan nikmat yang berbeza
Daripada syurga yang selama2nya , namun urusannya adalah satu
Antara keduanya ada perbezaan tajalli
Dinamakan azab kerana kemanisan rasanya
Demikian adalah seperti kulit , di mana kulit adalah pelindung.

() Nett: Rububiah berkenaan dengan kehidupan semulajadi , yang jauh lebih kompleks daripada sains ekoloji . Konsep tenaga hayat , menangani proses / kaitan dengan perubatan Islam /Cina

Permata Hikmah Ruhani dalam Kalimat Yakub

Mendirikan Din

Din ada dua , din di sisi Allah dan di sisi orang yang mengenali al Haq Taala dan orang yang kenal orang yang mengenali al Haq . Dan din di sisi khalq yang Allah mengambil kira akannya .

Din di sisi Allah Taala adalah din yang dipilihNya dan ia diberiNya martabat yang tinggi atas din khalq . Firman Allah Taala : *dan Ibrahim telah mewasiatkan dengan din kepada anak2nya , demikian juga Yakub : Wahai anak2 aku , sesungguhnya Allah telah memilih untuk kamu din ini , maka jangan kamu mati melainkan kamu orang Islam (2/132) , iaitu tunduk kepadaNya .*

Istilah din didatangkan dengan alif dan lam yang bermaksud definisi dan keterkenalan . Maka ia satu din yang terkenal , iaitu firmanNya Taala : *sesungguhnya din di sisi Allah adalah Islam . (3/19)* iaitu ketundukan , maka din adalah ibarat ketundukan kamu . Din di sisi Allah adalah syarak yang kamu tunduk kepadanya . Din adalah ketundukan dan namus adalah syarak yang Allah Taala telah syariatkan .

Sesiapa yang bersifat dengan tunduk kepada apa yang Allah telah syariatkan untuknya maka dialah yang berdiri dengan din dan mendirikanNya , iaitu mengembangkannya sepertimana kamu mendirikan solat .

Hamba adalah tempat mengembangkan din . Al Haq adalah peletak hukum . Ketundukan adalah ain perbuatan kamu dan din adalah daripada perbuatan kamu . Kamu tidak berbahagia melainkan dengan apa yang adalah daripada kamu . Sepertimana perbuatan kamu mensabitkan bagi kamu kebahagiaan , sebegitu juga asma ilahi tidak mensabitkan melainkan perbuatanNya . Ia adalah kamu dan segala hasad . Dengan kerana keberkesananNya dinamakan ilah dan dengan kesan kamu , kamu dinamakan berbahagia .

Allah Taala meletakkan kamu pada manazilNya apabila kamu mendirikan din dan tunduk kepada apa yang Dia syariatkan untuk kamu . Aku akan membentang pada demikian insya Allah Taala secara yang memberi faedah selepas menjelaskan din di sisi khalq yang Allah mengambil kira juga . *Dan din itu semata2 untuk Allah . (8/39)* Kesemuanya daripada kamu bukan daripadaNya melainkan asalnya .

Firman Allah Taala : *dan rahbaniah , mereka mengada2kannya (57/27)* iaitu **nawamis hikmah** yang tidak didatangkan rasul yang terkenal pada umumnya , **adalah dari sisi Allah mengikut thariq khas** , yang terkenal pada uruf . Apabila muafakat hikmah dan masalah yang zahir dalamnya dengan hukum ilahi pada maqsud perletakan syariat ilahi , Allah akan mengambilkirakannya sepertimana diambilkiraNya akan apa yang Dia syariatkan di sisiNya . Namun Allah tidak menuliskannya atas mereka .

Allah membuka antaraNya dengan hati mereka pintu inayah dan rahmah dari pihak yang mereka tidak sedari . Dia menjadikan dalam hati mereka sikap membesarkan apa yang mereka syariatkan , dan menuntut dengan demikian keridhaan Allah , tambahan atas tariq nubuwwah yang dikenali dengan definisi ilahi .

FirmanNya : *dan mereka tidak memeliharanya* , iaitu mereka yang mensyariatkannya, dan disyariatkan bagi mereka , *dengan sebenarnya ; melainkan untuk mencari keridhaan Allah .(57/27)* Demikian adalah apa yang mereka iktiqadkan .
Kemudian Kami memberi kepada yang beriman daripada mereka pahala mereka tetapi kebanyakan mereka , iaitu mereka yang disyariatkan kepada mereka ibadat ini *adalah orang fasiq* , terkeluar daripada tunduk kepadanya dan mendirikan haqnya . Sesiapa yang tidak tunduk kepadanya tidak tunduk kepadaNya , pensyariatnya dengan apa yang diridhaiNya , sedangkan perkara itu menuntut ketundukan .

Penjelasannya bahawa mukalaf bertunduk dengan muafakat atau menyalahi . Adapun yang muafakat dan taat , maka tidak ada bicara padanya kerana cukup jelas . Adapun yang menyalahi , sesungguhnya dia menuntut dengan khilafnya , penghakiman atasnya daripada Allah dengan satu antara dua perkara . Apakah menjangkauinya dengan maaf atau membalas demikian , dan semestinya berlaku satu antara kedua ini , kerana perkara itu benar pada dirinya . Maka dalam mana satu keadaan pun sah bahawa al Haq menunduk kepada hambaNya mengikut perbuatannya dan hal yang ada pada hamba . Iaitu hal mempunyai pengaruh .

Dari demikian din menjadi pembalasan iaitu gantian dengan apa yang menggembirakan dan apa yang tidak menggembirakan . *Allah meridhai mereka dan mereka ridha denganNya (97/8;58/22)* ini balasan yang menggembirakan . *Sesiapa yang zalim daripada kamu , Kami akan merasakannya azab . (25/19)* ini balasan yang tidak menggembirakan . Dan Dia juga menjangkau kejahatan mereka ; ini balasan mereka . Maka sah bahawa din adalah balasan .

Sepertimana din itu adalah Islam dan Islam adalah ain ketundukan , maka dia telah tunduk kepada apa yang menggembirakan dan apa yang tidak menggembirakan . Ini adalah percakapan ahli zahir dalam bab ini .

Adapun sirrnya dan batinnya , maka (hamba) adalah satu tajalli dalam cermin wujud al Haq . Tidak kembali kepada munkinat daripada al Haq melainkan kontribusi zat mereka kepada hal mereka . Sesungguhnya bagi hamba dalam setiap hal satu suwar , suwarnya berbeza mengikut hal dan tajalli berbeza mengikut hal . Kesan atas hamba mengikut apa yang sedia ada .

Tidak yang memberi hamba kebaikan melainkan dia sendiri , dan tidak yang memberi hamba apa yang tidak baik melainkan dia sendiri . Bahkan dialah pemberi nikmat zatnya dan pengazabnya . Jangan dia mencela melainkan dirinya dan jangan dia memuji melainkan dirinya . *Bagi Allah hujjah yang kemuncak (6/149)* dalam ilmuNya tentang mereka , kerana ilmu mengikuti (objek yang) maklum .

Kemudian sirr yang atas daripada ini dalam seumpama masaalah ini bahawa munkinat pada asalnya adalah daripada adam . Tidak ada melainkan wujud al Haq dengan suwar hal ehwal apa yang ada pada munkinat pada dirinya dan ain tsabitnya . Sesungguhnya kamu mengetahui siapa yang berlazatan dan siapa yang berkesakitan . Aqibat yang mengikuti setiap hal dinamakan balasan (/uqubah) dan kesudahan (/i'qab) . Ia dipakai pada yang baik dan yang buruk , melainkan pada uruf dinamakan pada yang baik sebagai pahala dan pada yang buruk sebagai seksa .

Dengan kerana ini dinamakan atau disyarahkan din dengan adat , kerana kembali kepada hamba apa yang dikehendaki dan dituntut halnya . Maka din adalah adat . Berkata seorang penyair : seperti din kamu dengan ibu Harith yang kecil , iaitu seperti adat kamu .

Apa yang difahamkan daripada adat adalah bahawa dikembalikan sesuatu perkara kepada halnya (yang terdahulu) . Dan ini tidak berlaku pada sana (iaitu pada din) . Sesungguhnya adat adalah pengulangan dan ia (kekal) satu konsep , sedangkan yang berlaku adalah penyerupaan dalam suwar . ()

() *ARK: tajalli2 yang serupa kepada satu haqiqat , bukan pengulangan tajalli*

Kami mengetahui bahawa Zaid sama dengan Umar dalam keinsanan , tetapi keinsanan tidak berulang . Jika ia berulang nescaya ia akan berbilang sedangkan ia satu haqiqat saja dan yang satu tidak menjadi berbilang dengan sendirinya . Dan kami mengetahui bahawa Zaid bukan Umar pada personaliti . Diri Zaid bukan diri Umar . Daripada kesedaran wujud personaliti pada keduanya , kami kata pada indera telah berulang persamaan ini . Dan kami kata pada hukum yang sah : tidak berulang.

Tidak ada di sana pengulangan balasan pada satu wajah dan ada di sana pengulangan pada satu wajah . Sepertimana di sana ada balasan pada satu wajah dan di sana tidak ada balasan pada satu wajah . Sesungguhnya balasan juga satu hal mungkin . Ulama yang mengkaji bidang ini lalai tentang masaalah ini . Sesungguhnya ia daripada sirr qadar yang mengerasi segala khalq .

Hukum Iradat

Ketahui bahawa sepertimana dikatakan pada tabib bahawa dia khadam tabiat . Seperti itu juga dikatakan pada rasul dan pewarisnya bahawa mereka khadam suruhan ilahi pada umum . Namun secara realiti mereka khadam kepada ahwal mungkin . Khidmat mereka adalah antara jumlah ahwal mereka yang sedia ada semasa sabit ayan mereka . Renungilah keajaiban ini

Melainkan bahawa khadam yang dituntut di sini adalah mereka yang terhenti pada apa yang dirasmikan tuannya apakah secara hal atau dalam percakapan . Sesungguhnya sah dikatakan tentang tabib bahawa dia khadam tabiat jika dia bertindak atas hukum membantunya . Adakala tabiat mendatangkan dalam jisim pesakit mizaj yang khas baginya dinamakan penyakit . Jika tabib membantu tabiat nescaya bertambah sakit si pesakit . Sesungguhnya tabib mencegah tabiat kerana menuntut kesihatan .

Kesihatan juga daripada tabiat dengan mengembangkan mizaj lain yang menyalahi mizaj ini . Maka tabib bukan khadam tabiat tetapi berkhidmat untuk tabiat dari segi (bagi tabib) jisim pesakit tidak sihat dan dia tidak dapat mengubah mizaj pesakit melainkan dengan tabiat juga . Maka pada haq tabiat , tabib berusaha dengan wajah khas bukan umum , kerana apa yang umum tidak sah/sihat dalam seumpama masaalah ini . Tabib menjadi khadam tetapi bukan kepada tabiat .

Seperti demikian rasul dan pewaris dalam khidmat mereka kepada al Haq . Al Haq mempunyai dua wajah pada hukum dalam ahwal mukalaf . Berlaku urusan hamba mengikut apa yang dituntut iradat al Haq . Dan tergantung iradat al Haq terhadap urusan itu mengikut apa yang dituntut ilmu al Haq .

Tergantung ilmu Allah tentang urusan itu mengikut apa yang diberitahu objek daripada zatnya . Maka tidak zahir objek melainkan dengan suwar (zatnya) . Rasul dan pewaris adalah khadam suruhan ilahi dengan iradat (umum) , bukan khadam iradat Allah (yang khas) Dia menolak suruhan ilahi , dalam menuntut kebahagiaan untuk mukalaf . Jika dia berkhidmat kepada iradat ilahi (khas) nescaya dia tidak memberi nasihat , dan dia tidak akan bernasihat dengan iradat (umum) .

Rasul dan pewaris adalah tabib akhirat kepada nafs yang tunduk kepada suruhan Allah apabila disuruhnya . Dia melihat kepada suruhanNya Taala dan melihat kepada iradatNya Taala , dan dia melihatNya adakala menyuruhnya dengan apa yang menyalahi iradatNya . Dan tidak akan berlaku melainkan apa yang dikehendakiNya .

Suruhan pun begini . Dia berkehendak apa yang Dia suruh dan ia berlaku . Dia tidak kehendak berlaku apa yang Dia suruh akannya pada orang yang disuruh , maka tidaklah ia berlaku padanya . Ini dinamakan mukhalafah dan maksiat .

Rasul adalah mubaligh . Kerana ini Nabi saw telah bersabda : *Beruban aku dengan kerana Surah Hud dan ikhwannya . (Hadis)* kerana apa yang berkenaan dengannya daripada firmanNya : *beristiqamah , sepertimana kamu disuruh . (11/112)* Dia tidak tahu apakah dia disuruh dengan apa yang bermuafakat iradat maka ia akan berlaku , atau dengan apa yang tidak bermuafakat iradat maka ia tidak akan berlaku .

Tidak seorang mengetahui hukum iradat melainkan selepas berlaku apa yang dikehendaki . Melainkan orang yang Allah telah mengkasyafkan mata basirahnya dan dia mencapai ayan munkinat dalam keadaan sabitnya dengan sebenarnya . Kemudian dia menghukum mengikut apa yang dia melihat . Ini adakala berlaku kepada satu2 manusia pada beberapa waktu , tidak secara berturutan . Sabda Nabi saw : *Tidak aku mengetahui apa yang akan dilakukan dengan aku dan dengan kamu . (Hadis)* Dia telah menyatakan ada hijab , maqsudnya bahawa dia menilik kepada urusan yang khas () tidak lain .

() *ARK : seperti marifat Allah , tauhid , perkara2 akhirat seperti qiamat , kebangkitan dan balasan .*

Permata Hikmah Nur dalam Kalimat Yusuf

Prinsip Wahyu

Hikmah nur ini membentangkan **nurnya** pada **hadrat khayal** .() Ia **adalah awal prinsip wahyu** di kalangan ahli inayah . Berkata Aisyah ra : Awal apa yang berlaku kepada Rasulullah saw daripada wahyu ialah **mimpi yang benar** . Dia tidak melihat mimpi melainkan ia datang **seumpama singsingan subuh** Tidak ada ketersembunyian padanya .

() *ARK : ada lima hadrat untuk al Haq dalam pembukaanNya , iaitu : hadrat zat , hadrat sifat dan asma iaitu hadrat uluhiah , hadrat afaal iaitu hadrat rububiah , hadrat misal dan khayal , hadrat hawass dan musyahadah*

Kepada sini sampai ilmunya , tidak lebih . Panjang masa Nabi saw dalam demikian adalah enam bulan , kemudian datang malaikat . Aisyah tidak mengetahui bahawa Nabi saw telah berkata : *Sesungguhnya manusia tertidur , apabila mereka mati mereka akan terjaga .(Hadis)* Setiap apa yang dilihat Nabi saw dalam keadaan **yaqazah adalah daripada demikian jenis** sekalipun berbeza halnya . Aisyah ra berkata enam bulan , bahkan sepanjang umurnya di dunia adalah dalam demikian perpekstif . Sesungguhnya ia mimpi dalam mimpi .

Setiap apa yang datang dari perspektif ini maka ia adalah apa yang dinamakan alam khayal . Kerana ini ia dita'birkan , iaitu perkara yang pada dirinya mempunyai suwar sedemikian zahir dengan suwar yang lain . Maka penta'bir berpindah daripada suwar yang dilihat pemimpi kepada suwar yang sebenarnya jika dia tepat . Sepertimana ilmu zahir dalam suwar susu , maka dipindah dalam takwil daripada suwar susu kepada suwar ilmu , iaitu tempat takwil suwar susu adalah suwar ilmu .

Pada kebiasaannya Nabi saw ketika diwahyu kepadanya , dia diangkatkan daripada hawass , diselindungi dan **ghaib daripada para hadirin** . Apabila berlalu dia kembali sediakala . Maka dia tidak idrak wahyu melainkan dalam hadrat khayal tetapi dia tidak dikatakan tertidur .

Ta'bir Khayal

Seperti demikian apabila malaikat bermisalan lelaki , demikian daripada hadrat khayal , kerana ia bukan lelaki tetapi malaikat . Ia masuk suwar manusia dan dita'birkan oleh penilik yang arif hatta dia sampai kepada suwar yang sebenarnya . Sabdanya : *Ini Jibril , dia datang kepada kamu untuk mengajar kamu din kamu . (Hadis)* Dia pernah bersabda : *Pergi panggil lelaki itu kembali . (Hadis)*

Dia menamakannya lelaki dengan kerana suwar yang dia zahir dalamnya untuk mereka . Kemudian dia bersabda : *Ini Jibril .(Hadis)* Iaitu dia mengambil iktibar suwar yang adalah tempat kembali ta'bir lelaki ini . Dia benar dalam kedua qaul . Benar tentang objek pada mata hawass dan benar bahawa ini adalah Jibril , kerana dia adalah Jibril tanpa syak .

Berkata Yusuf as : *Sesungguhnya aku melihat sebelas kawakib , matahari dan bulan . Aku melihat mereka sujud kepada aku . (12/4)* Dia melihat saudara lelakinya sebagai

kawakib dan melihat bapanya dan emak saudaranya dalam suwar matahari dan bulan . Ini dari pihak Yusuf .

Jika dari pihak yang dilihat , nescaya penzahiran saudaranya dalam suwar kawakib dan bapa dan emak saudaranya dalam suwar matahari dan bulan diperlihatkan kepada mereka . Mereka tidak mempunyai ilmu tentang apa yang dia lihat , kerana idrak Yusuf adalah dalam khazanah khayalnya . Yakub mengetahuinya ketika dia ceritakan kepadanya , dengan berkata : *Wahai anakku , jangan kamu menceritakan mimpi kamu kepada saudara kamu , nanti mereka merancang satu komplot terhadap kamu . (12/5)*

Kemudian dia telah melepaskan anak2nya daripada komplot dan menyangkutkannya dengan syaithan . Ini bukan melainkan satu komplot juga . Dia berkata: *Sesungguhnya syaithan adalah terang2 musuh manusia .(12/5)* iaitu dengan permusuhan yang zahir . Kemudian Yusuf berkata pada akhir urusan : *Ini adalah takwil mimpi aku dari dahulu . Sesungguhnya Rabb aku telah menjadikannya benar (12/100)* iaitu menzahirkannya ke dalam alam hawass selepas berada dalam suwar khayal .

Sabda Nabi saw tentang perkara ini : *Manusia tidur sungguh .(Hadis)* Kata Yusuf : *Sesungguhnya Rabb aku telah menjadikannya benar . (12/100)* adalah pada manzil orang yang melihat dalam tidurnya bahawa dia telah jaga daripada mimpi yang dia melihat kemudian dia menta'birkannya sedangkan dia tidak tahu bahawa dia masih dalam tidur , mata pun tidak terbuka lagi . Kemudian apabila dia benar2 bangun dia berkata : Aku melihat sedemikian dan sedemikian . Seolah2 aku terjaga dan mentakwilkannya dengan sedemikian .

Ini seumpama yang demikian . Renung bagaimana beza idrak Nabi saw dan idrak Yusuf as pada akhir urusannya di mana dia berkata : *Inilah takwil mimpi aku dari dahulu . Sesungguhnya Rabb aku telah menjadikannya benar . (12/100)* Maknanya secara hawass dan memang sediakala pun secara hawass kerana khayal selama2nya tidak memberi melainkan melalui hawass . Tidak bagi khayal selain melalui hawass . Renungi bagaimana mulia ilmu pewaris Nabi saw . Aku akan membincangkan lagi tentang hadrat ini dengan lisan Yusuf al Muhammadi , supaya kamu dapat merenunginya , insya Allah Taala .

Alam sebagai Bayang al Haq

Kami berkata : Ketahuilah apa yang dikatakan tentangnya sebagai selain Allah ataupun yang dinamakan alam , ia pada nisbah kepada al Haq seperti bayang kepada seseorang , iaitu ia adalah bayang Allah . Ia (/Bayang) adalah ain nisbah wujud kepada alam , kerana bayang maujud tanpa syak dalam hawass .

Akan tetapi mesti ada di sana sesuatu yang daripadanya zahir demikian bayang . Sehingga jika ditaqdirkan adam sesuatu yang daripadanya zahir demikian bayang pun , bayang itu boleh dikonsepsikan walaupun tidak wujud pada hawass . Bahkan ia terdapat sebagai potensi dalam zat al Haq yang dinisbahkan kepadanya bayang itu .

Tempat zahir bayang ilahi yang dinamakan alam sesungguhnya adalah ayan munkinat . Atasnya terbentang bayang ini . Diidrak daripada bayang ini mengikut apa yang terbentang atasnya daripada wujud zat ini . () Tetapi ia diidrak melalui asma nur . Terbentang bayang ini atas ayan munkinat dalam suwar ghaib yang majhul .

() *ARK : zat mutlak*

Tidakkah kamu lihat bahawa bayang condong kepada kegelapan menunjuk kepada apa yang ada padanya daripada ketersembunyian kerana jauh munasabah antaranya dengan individu yang ia menjadi bayangnya . Jika sekalipun individu itu putih bayangnya jenis gelap juga . Tidak kamu lihat gunung apabila jauh daripada mata penglihat , ia zahir sebagai hitam . Adakala warna ainnya lain daripada warna yang diidrakkan hawass . Dan tidak ada di sana melainkan illat kejauhan .

Dan seperti kebiruan langit . Ini apa yang dinatijahkan oleh kejauhan di dalam hawass pada jisim yang tidak bersinar . Seperti demikian , **ayan munkinat tidak bersinar** kerana ia ma'dum jika sekalipun bersifat dengan tsubut . Ia tidak bersifat dengan wujud kerana wujud itu nur .

Namun pada jisim yang bersinar , kejauhan menjadikannya kecil pada hawass juga . Ini kesan yang lain daripada kejauhan . Hawass tidak idraknya melainkan sebagai objek kecil sedangkan ia pada ainnya lebih besar daripada demikian qadar , bahkan banyak kali lagi . Sepertimana diketahui dengan dalil bahawa matahari seumpama bumi pada jirim sebanyak seratus enam puluh enam kali sedangkan pada hawass ia hanya seqadar jirim pelampung sebagai contoh , dan ini kesan kejauhan juga .

Maka tidak diketahui tentang alam melainkan seqadar apa yang diketahui daripada bayang . Dan dijahilkan tentang al Haq seqadar kejahilan tentang individu yang daripadanya muncul demikian bayang . Maka dari segi alam adalah bayang kepada al Haq , al Haq dikenali , dan dari segi dijahilkan tentang apa yang ada dalam demikian bayang daripada suwar individu yang mana , bayang itu terbentang daripadanya , maka dijahilkan tentang al Haq .

Kerana demikian kami kata : al Haq maklum kepada kami dari satu wajah dan majhul kepada kami dari satu wajah . FirmanNya : *Tidakkah kamu melihat kepada Rabb kamu bagaimana Dia membentangkan bayangan , jika Dia kehendaki nescaya dijadikannya terhenti (25/45)* iaitu alam berada dalamNya sebagai potensi .

BerfirmanNya : al Haq tidak semestinya tajalli kepada munkinat sehingga menzahirkan bayangan . Dan ia akan seperti baki munkinat yang tidak zahir baginya ain/objek dalam wujud . *Kemudian Kami menjadikan matahari sebagai dalil atas bayang* , iaitu asmaNya al Nur , yang kami telah sebutkan . () Dan hawass mensaksikan kedalilan matahari kerana bayangan tidak mempunyai ain tanpa nur .

Kemudian Kami menggengamkannya balik kepada Kami dengan genggamannya yang mudah . () Sesungguhnya Dia menyimpankannya balik kerana ia bayanganNya dan zahir daripadanya . *dan kepadanya kembali segala urusan . ()* Maka alam adalah Dia bukan lain . Segala apa yang kamu idrakkannya maka ia adalah wujud al Haq dalam ayan munkinat . Dari segi huwiyah al Haq , alam adalah wujud al Haq . Dan dari segi perbezaan suwar dalam alam , alam itu ayan munkinat .

Sepertimana tidak hilang daripadanya bersama perbezaan suwar , nama bayangan , seperti itu juga tidak hilang daripadanya bersama perbezaan suwar nama alam atau selain daripada al Haq . Dari segi ahadiyah (/keunikan) keadaannya sebagai bayangan ia adalah al Haq kerana ia adalah satu yang unik . Dari segi berbilang suwar ia adalah alam . Cuba fahami dan memastikan apa yang aku telah jelaskan kepada kamu.

Justeru urusan itu adalah sebagaimana aku telah sebut kepada kamu , maka alam adalah sesuatu yang diwahamkan dan tidak mempunyai wujud haqiqi . Ini adalah makna khayal iaitu terkayal kepada kamu bahawa ia adalah satu perkara yang tambahan yang berdiri dengan sendirinya luar daripada al Haq . Tetapi ia bukan sedemikian sebenarnya .

Tidakkah kamu melihat bayangan pada hawass , yang bersambungan dengan objek yang ia terbentang daripadanya . Adalah mustahil bagi bayangan bercerai daripada demikian perhubungan kerana adalah mustahil sesuatu bercerai daripada zatnya . Maka kenalilah ain kamu , siapa kamu , apakah huwiyah kamu , apakah nisbah kamu kepada al Haq , dengan apakah kamu al Haq dan dengan apakah kamu alam dan lain , bukanNya dan lafaz2 yang sebanding . Pada ini ulama berbeza peringkat , yang alim dan yang lebih alim .

Al Haq apabila dinisbahkan kepada bayangan khas , kecil atau besar , murni atau tersangat murni adalah seperti nur apabila dinisbahkan kepada hijabnya terhadap penglihat , ia berwarna dengan warna hijab sedangkan pada dirinya ia tidak berwarna . Dengan cara ini , kamu boleh melihat(yang atas) sebagai memberi contoh haqiqat kamu dengan Rabb kamu .

Jika kamu kata nur itu hijau kerana kacanya hijau kamu benar dan syahid (/saksi) kamu adalah hawass . Jika kamu kata : Sesungguhnya ia bukan hijau , bahkan tidak mempunyai warna sepertimana dibuktikan dalil , kamu benar . Saksi kamu adalah nazar aqal yang sahih . Nur ini terbentang daripada bayangan iaitu ain kaca maka ia adalah bayangan nurani kerana kemurnian kaca .

Seperti demikian dengan orang kami yang telah mencapai al Haq , zahir suwar al Haq padanya dengan lebih jelas daripada pada orang lain . Antara kami ada yang al Haq menjadi pendengarannya , penglihatannya dan segala quwwahnya dan anggotanya , dengan alamat yang telah dinyatakan syarik yang mengkhabarkan daripada al Haq . Bersama ini maujud ain yang menjadi bayangan . Kata gantinama “nya” kembali kepada bayangan . Hamba lain tidak sedemikian . Nisbah hamba ini lebih dekat kepada wujud al Haq daripada nisbah hamba selainnya .

Kesebaban al Haq

Justeru perkara ini adalah mengikut apa yang kami telah tetapkan , ketahuilah bahawa kamu adalah khayal dan segala apa yang kamu idrak yang kamu katakan bahawa ia bukan kamu adalah khayal . Wujud segalanya adalah khayal dalam khayal .

Wujud al Haq sesungguhnya adalah Allah , al Haq , khasnya dari segi zatNya dan ainNya tidak dari segi asmaNya . Ini kerana asma mempunyai dua rujukan . Satu kepada ainNya iaitu ain yang dinamakan . Kedua apa yang menunjuk kepada sesuatu asma yang menceraikan ia daripada asma yang lain dan membezakan keduanya .

Di mana al Ghafur daripada al Zahir dan al Batin . Dan di mana al Awal daripada al Akhir . Sesungguhnya telah jelas kepada kamu bagaimana setiap asma adalah sama dengan asma yang lain , dan bagaimana ia berbeza daripada asma yang lain . Pada apa yang dengannya satu asma sama dengan yang lain , asma itu adalah al Haq , dan pada apa yang asma berlainan , asma itu adalah al Haq yang dikhayalkan , yang kami sedang membincangkannya .

Maha Suci yang tidak ada dalil kepadaNya melainkan diriNya , yang tidak sabit kaunNya melainkan dengan ainNya . Yang Batin adalah adam semata2 . Sesiapa terhenti bersama perbilangan dia bersama alam dan asma ilahi dan asma alam . Sesiapa berhenti bersama ahadiah dia bersama al Haq dari segi zatNya yang terkaya daripada alam bukan dari segi uluhiahNya dan suwarNya .

Apabila ahadiah zat terkaya daripada alam maka keterkayaanNya sama dengan keterkayaan zat daripada nisbah asma kepadanya kerana asma miliknya . Sepertimana asma menunjuk kepada zat , asma menunjuk kepada yang dinamakan yang lain , yang dinyatakan oleh kesan asma itu .

Katakanlah Allah adalah ahad .(112/1) dari segi ainNya . Allah adalah al Samad (112/2) dari segi sandaran kami kepadaNya . Dia tidak beranak (112/3) dari segi huwiyahNya dan kami , dan Dia tidak diberanakkan (112/3) sama , Dan tidak ada seorang pun yang setara denganNya .(112/4) sama .

Ini adalah naatNya . Dia menunggalkan zatNya dengan firman : *Allah ahad* . Kemudian Dia zahirkan perbilanganNya dengan naatNya yang maklum di sisi kami . Kami beranak dan diberanakkan dan kami bersandar kepadaNya dan setengah kami setara dengan setengah yang lain . Yang Wahid ini tanzih daripada naat ini . Dia terkaya daripadanya sepertimana Dia terkaya daripada kami .

Tidak ada bagi al Haq nisbah melainkan surah ini , iaitu Surah al Ikhlas dan kerana demikian ia diturunkan . Ahadiah Allah dari segi asma ilahi yang menuntut akan (keberadaan) kami adalah ahadiah perbilangan . Ahadiah Allah dari segi keterkayaanNya daripada kami dan asma adalah ahadiah ain dan keduanya dipanggil al Ahad . Ambiltahulah demikian .

Maka Allah tidak mewujudkan bayangan dan menjadikannya sujud bergerak daripada kiri ke kanan melainkan sebagai dalil kepada kamu dan kepadaNya . Supaya kamu mengetahui siapa kamu dan apakah nisbah kamu kepadaNya dan nisbahNya kepada kamu . Sehingga kamu mengetahui dari mana dan dengan mana satu haqiqat ilahi apa yang selain Allah bersifat dengan kefakiran kull kepada Allah , dan dengan **kefakiran relatif** dengan iftiqar setengahnya() kepada setengah .

Dan sehingga kamu mengetahui dari mana dan dengan mana satu haqiqat al Haq bersifat dengan keterkayaan atas manusia dan daripada alam . Dan **alam bersifat dengan keterkayaan** iaitu sebahagiannya terkaya daripada sebahagian yang lain pada wajah yang menjadi ain apa yang ia iftiqar kepada bahagian yang lain lagi . (ortogonaliti alam) **Sesungguhnya alam iftiqar kepada asbab tanpa syak pada zatnya** . Asbab yang paling besar bagi alam adalah **kesebaban al Haq** dan tidak ada kesebaban al Haq yang alam iftiqar kepadanya melainkan asma ilahi .

Seluruh alam iftiqar kepada setiap asma ilahi , apakah daripada alam seperti nya atau ain al Haq . Ia adalah Allah , bukan selain daripadaNya .

Kerana demikian firmanNya : *Wahai manusia , kamulah yang berkehendak kepada Allah , dan Dialah yang Maha Kaya dan Maha Terpuji . (35/15)* Maklum bahawa antara kami setengah iftiqar kepada setengah . Asma kami adalah asma Allah Taala kerana kami iftiqar kepadaNya tanpa syak . Ain kami sebenarnya adalah bayanganNya bukan lain . Dia adalah huwiyah kami (pada wajah ahadiyah) , dan bukan huwiyah kami (pada iktibar ta'ayun dan idhafat) . Sungguhnya kami telah sediakan jalan bagi kamu , maka berilah perhatian .

Permata Hikmah Ahadiah dalam Kalimat Hud

Haq dalam Khalq

Sesungguhnya bagi Allah ada jalan yang lurus
Yang zahir , tidak tersembunyi kepada orang awam
Ainnya terdapat dalam yang besar dan yang kecil
Yang jahil dengannya dan yang alim
Kerana ini , rahmatNya meluasi segala sesuatu ,
Yang amat kurang bernilai dan yang besar nilainya

*Tidak ada suatu yang melata pun melainkan Dialah yang memegang ubunnya ,
sesungguhnya Rabb aku berada pada jalan yang lurus . (11/56) Setiap yang
berjalan berada atas jalan Rabb (1) yang lurus . Dia antara mereka yang tidak
dimarahi , dari wajah ini , dan antara mereka yang tidak sesat .*

*(1) IH : wahdatul wujud ada tiga peringkat : pertama ahadiah zat ataupun keunikan
Allah ; kedua ahadiah asma dengan perbilangan sifat ; ketiga **ahadiah rububiah** atau
tauhid afaal , iaitu tajuk bab ini , yang **berkaitan langsung dengan huwiyah zat** .*

Sepertimana kesesatan adalah aradh , seperti itu juga kemarahan ilahi adalah aradh .
Tempat kembali adalah rahmat yang meluasi segala sesuatu dan ia adalah terdahulu .
Setiap yang bukan al Haq melata dan mempunyai ruh . Tidak ada di sana sesuatu yang
melata dengan sendirinya , sesungguhnya ia melata dengan kerana yang lain . Ia
melata dengan hukum menurut pihak yang berada pada jalan yang lurus . Sesuatu itu
tidak menjadi jalan melainkan dilalu atasnya .

Apabila khalq mendekati kamu
Sesungguhnya al Haq mendekati kamu
Dan jika al Haq mendekati kamu
Sesungguhnya khalq tidak mengikuti
Yaqinilah kata kami padanya
Kata aku kesemuanya adalah benar
Tidak ada kaun sesuatu yang maujud
Yang kamu melihat yang tidak mempunyai ucapan .
Tidak ada khalq yang mata melihat
Melainkan ainnya haq
Akan tetapi secara tersembunyi dalamnya
Kerana ini suwarnya adalah benar .

Ketahuilah bahawa ilmu zauq ilahi yang terhasil bagi ahli Allah berbeza mengikut
perbezaan quwwah yang dengannya terhasil zauq itu , bersama keadaannya kembali
kepada ain yang satu . () Sesungguhnya Allah Taala berfirman: *Aku adalah
pendengarannya yang dengannya dia mendengar , matanya yang dengannya dia
melihat , tangannya yang dengannya dia menghentam dan kakinya yang dengannya
dia berjalan . (Hadis Qudsi)*

(ms566) *IH : ain tsabit seseorang itu , huwiyah zat pada orang itu atau huwiyah
mutlak*

Dia menyebut bahawa huwiyahNya adalah ain anggotanya yang adalah ain hamba . Huwiyah adalah satu sedangkan anggota adalah berbeza . Setiap anggota mempunyai ilmu daripada ilmu zauq yang dikhaskan oleh ain yang satu , yang berbeza mengikut perbezaan anggota . Seperti air yang adalah satu haqiqat yang berbeza pada rasa kerana berbeza tempat takungnya . Antaranya ada yang tawar dan lazat , ada yang masin dan pahit , sedangkan ia air dalam semua keadaan tidak berubah daripada haqiqatnya jika sekalipun berubah pada rasa .

Hikmah Tauhid Afaal

Hikmah ini adalah daripada ilmu kaki . Firman Allah Taala tentang pemakan yang mendirikan kitabNya : *dan daripada bawah kakinya . (5/66)* Sesungguhnya thariq yang adalah jalan yang lurus adalah perlaluan atasnya dan berjalan dalamnya . Usaha tidak terlaksana melainkan dengan kaki . Tidak menatijahkan persaksian ini , atas pengenggaman ubun dengan tangan pihak yang berada pada jalan lurus , melainkan fann yang khas daripada ilmu zauq .

Kami akan menghalau mereka yang durhaka (19/86) iaitu mereka yang berhaq maqam yang mereka dihalau kepadanya dengan angin belakang yang dengannya Allah membinasakan mereka pada nafs . Dia mengenggam ubun mereka sedangkan angin yang menghalau mereka ke jahanam adalah ain hawa yang mereka berbiasa dengannya . Jahanam adalah kejauhan yang diwahamkan mereka .

Apabila mereka dihalau ke sana , terhasil bagi mereka ain qurbah , dan hilang kejauhan yang dinamakan jahanam pada haq mereka . Mereka mencapai nikmat qurbah dari segi keberhakan , atas sebab mereka orang yang berdosa . Dia tidak memberi mereka maqam zauq ini yang lazat dari pihak anugerah , bahkan mereka mengambilnya dengan kerana apa yang dituntut haqiqat mereka berdasarkan amalan yang mereka telah lakukan .

Mereka telah berusaha dalam amalan mereka atas jalan Rabb yang lurus , kerana ubun mereka pada tangan pihak yang mempunyai sifat ini . Mereka tidak berjalan dengan kerana nafs mereka . Sesungguhnya mereka berjalan dengan hukum jabbar () sehingga sampai kepada ain qurbah . *Dan Kami lebih dekat kepadanya , akan tetapi kamu tidak melihat .(56/85)* Sesungguhnya (si mayit) melihat (di akhirat) , kerana dibuka penutup (mata) dan penglihatannya tajam .

(ms567) *IH : jabbar ini merujuk kepada kecenderungan dalam ain mereka*

Tidak dikhaskan satu mayit daripada yang lain , iaitu tidak (dikhaskan mayit sebagai) yang bahagia pada uruf dan yang sengsara . *dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat leher (50/16)* Dan tidak dikhaskan satu manusia daripada yang lain . Adapun qurbah ilahi kepada hamba , ia tidak tersembunyi dalam khabar ilahi . Tidak ada qurbah lebih dekat daripada huwiyahNya menjadi ain anggota hamba dan quwwahnya . Hamba bukan selain daripada anggota dan quwwah ini . Dia adalah satu kebenaran yang disaksikan pada khalq yang diwahamkan .

Khalq adalah sesuatu yang boleh dita'aqulkan dan al Haq dirasai , disaksikan di sisi mukmin dan ahli kasyaf dan wujud . Bagi selain daripada dua golongan ini , al Haq di sisi mereka boleh dita'aqulkan dan khalq disaksikan . Mereka ini adalah pada kedudukan air yang masin dan pahit . Golongan yang pertama pada kedudukan air tawar yang lazat yang senang peminumannya .

Maka manusia terbagi dua golongan . Antara mereka ada yang berjalan atas satu thariq yang dia kenali jalan dan hujungnya .Thariq ini pada haqnya adalah jalan yang lurus . Antara mereka ada yang berjalan atas thariq tetapi jahil tentangnya dan tidak mengetahui hujung jalan . Inilah ain thariq yang dikenali golongan di atas .

Si arif menyeru kepada Allah atas basirah dan yang tidak arif menyeru kepada Allah dengan pengekaitan dan kejahilan . Ini satu ilmu yang khas yang datang daripada serendah2 yang terendah . Ini kerana kaki adalah bahagian bawah pada seorang . Yang lebih rendah daripadanya adalah apa yang di bawahnya dan ia tidak lain daripada thariq .

Maka sesiapa mengenali Allah sebagai ain thariq mengenali masaalah ini dengan sebenarnya . Padanya Jalla wa Ala berlalu dan bermusafir kerana tidak ada yang maklum melainkanNya . Dia ain salik dan musafir ; tidak ada alim melainkanNya . Maka siapa kamu . Kenalilah haqiqat kamu dan thariq kamu Sesungguhnya telah jelas kepada kamu urusan ini atas lisan penterjemah jika kamu faham . Ia adalah lisan yang benar maka tidak akan memahaminya melainkan orang yang berfahaman benar . Sesungguhnya bagi kebenaran banyak nisbah dan wajah yang berbeza2 .

Tidakkah kamu lihat Ad iaitu qaum Hud ; bagaimana mereka berkata : *inilah awan yang akan menurunkan hujan bagi kami (46/24)* Mereka baik sangka terhadap Allah . dan Dia pada zhan hambaNya terhadapNya (*Hadis Qudsi*) Dia memesong mereka daripada qaul ini dan mengkhabarkan mereka apa yang lebih lengkap dan tinggi pada qurbah . Sesungguhnya apabila Dia menurunkan hujan ke atas mereka , demikian adalah huzuz bumi dan pengairan kepada pokok . Maka mereka tidak berhubungan dengan natijah hujan itu melainkan daripada jauh .

Dikatakan kepada mereka : *bahkan ia adalah apa yang kamu tuntutan dipercepatkan .* Dia mentafsirkannya dengan firmanNya : *angin yang dalamnya azab yang amat menyakitkan* . Dijadikan angin sebagai satu isyarat kepada apa yang ada dalamnya daripada kerehatan bagi mereka . Kerana angin ini melegakan ruh mereka daripada haikal yang gelap , tempat perjalanan yang sukar , dan hijab yang hitam pekat .

Dalam angin ini ada azab , iaitu perkara yang mereka menganggap azab apabila mereka merasainya . Hanyasanya ia menyakitkan mereka kerana terpisah daripada apa yang dibiasakan mereka , maka dikhabarkan sebagai azab . Sebenarnya apa yang berlaku kepada mereka lebih dekat daripada apa yang mereka khayalkan .

Yang menghancurkan segala sesuatu dengan perintah Rabbnya , maka jadilah mereka tidak kelihatan lagi melainkan (bekas) tempat tinggal mereka . (46/25) iaitu bangkai mereka yang diimarakan ruh mereka yang sebenar . Maka hilanglah daripada mereka kebenaran nisbah yang khas ini . Mereka kekal atas haikal mereka dalam kehidupan yang diikhaskan kepada mereka daripada al Haq , dengannya kulit , tangan dan kaki berkata2 , bersama azab pukulan dan azab paha yang dihabarkan nas ilahi tentang segalanya .

Namun Allah Taala telah mewasafkan diriNya dengan cemburu . Antara kecemburuanNya adalah pengharaman segala fawahish . Bukan fahishah melainkan apa yang zahir () Adapun perkara keji yang batin maka ia disandarkan kepada orang yang dizahirkannya kepadanya .

() *ARK : daripada apa yang wajib diselindungi ; ia juga daripada jumlah sirr rububiah . Telah dikatakan bahawa membongkarkannya adalah kufur.*

Apabila diharamkan fawahish , iaitu mencegah kamu daripada mengetahui haqiqat apa yang kami sebutkan , bahawa Dia adalah ain segala sesuatu , dirujuk kepadanya dengan cemburu . Keterlinaan (/ghair) adalah kamu dan kecemburuan (/ghirah) adalah kerana ada keterlinaan . Kerana keterlinaan dikatakan : Pendengaran itu adalah pendengaran si Zaid . Tetapi si arif berkata : Pendengaran adalah ain al Haq. Secara demikian apa yang baki daripada quwwah dan anggota . Tetapi tidak setiap orang mengenali al Haq . Manusia berlebih kurang dan terbezalah martabat dan jelaslah siapa yang lebih dan yang kurang .

Kisah Bermimpi Hud

Ketahuilah apabila al Haq menampakkan aku dan mempersaksikan aku akan ayan rasulNya as dan anbiyaNya kesemua mereka , dari Adam sehingga Muhammad saw dalam satu persaksian semasa aku berada di Cordoba pada tahun 586H tidak bercakap dengan aku seorang daripada thaifah itu melainkan Hud as dan dia mengkhabarkan aku sebab mereka berhimpun .

Aku melihatnya seorang lelaki yang besar , segak , lembut bicara dan arif tentang segala suruhan dan kasyaf padanya . Dalil aku atas kasyafnya (syahidnya dengan) firman Allah Taala : *Tidak daripada binatang yang melata melainkan Dia menggenggam ubunnya . Sesungguhnya Rabb aku atas jalan yang lurus (11/56) .* Mana ada satu khabar gembira untuk khalq yang lebih besar daripada ini . Kemudian antara hadiah Allah kepada kami bahawa dihubungkan percakapan ini kepada kami daripadaNya dalam al Quran .

Kemudian penjamak kull , Muhammad saw telah melengkapkannya , dengan apa yang dia telah khabarkan daripada al Haq bahawa Dia adalah ain pendengaran , penglihatan , tangan, kaki dan lisan . Ini semua ain hawass , dan quwwah ruhani adalah lebih qarib daripada hawass . () (Orang yang ingkar) berpada dengan yang lebih jauh dan terhad daripada yang lebih dekat dan majhul pada hadd .

(571) *IH : suruhan yang dilaksanakan adalah terhad , nawafil kerana Allah tidak terhad dan membawa kepada qurbah secara tabii*

Al Haq menterjemahkan bagi kami , percakapan nabiNya Hud kepada qaumnya , sebagai khabar gembira kepada kami . Nabi saw menterjemahkan daripada Allah percakapanNya sebagai khabar gembira kepada kami , maka sempurnalah ilmu dalam dada mereka yang diberi ilmu , *dan tidak ada yang mengingkari ayat2 Kami melainkan qaum kafir . (29/47)* Mereka menyembunyikan ayat2 itu jika sekalipun mengenalinya kerana hasad , hina dan zalim .

Insan Kabir

Kami tidak melihat sama sekali , dari sisi Allah pada haqNya Taala , dalam mana satu ayat yang diturunkanNya atau khabar dariNya yang sampai kepada kami pada perkara yang kembali kepadaNya Taala , melainkan ada pengehadan , menyatakan tanzih atau tidak . Pertama : al A'ma tidak atasnya hawa dan juga tidak bawahnya . Dan al Haq dalamnya sebelum menciptakan apa2 . Kemudian Dia berfirman bahawa Dia bersemayam atas Arshy . Ini juga pengehadan . ()

(571) IH: Ibn Arabi berkata bahawa orang yang mengenali Allah secara tidak lengkap melihat bahawa ketidak terhadan Allah dihadkan . Bahawa di atas al A'ma tidak ada hawa dan tidak juga di bawahnya . Walaupun banyak ayat dalam al Quran merujuk kepada keterhadan Allah namun kita mesti mengatasi fahaman ini .

Kemudian Dia berfirman bahawa Dia turun kepada langit dunia , dan ini pengehadan . Kemudian Dia berfirman bahawa Dia di langit dan bumi dan Dia bersama kami di mana saja kami berada , sehingga Dia mengkhabarkan kepada kami bahawa Dia ain kami . Kami terhad , maka Dia tidak mewasafkan diriNya melainkan dengan hadd .

Dan firmanNya : *laisa kamitslihi syaiun (/tidak seumpamaNya sesuatu)* , adalah satu hadd juga jika kami mengambil kaf sebagai (huruf) tambahan . Sesiapa terbeza daripada yang terhad dia juga terhad kerana dia bukan ain yang terhad itu . ()
Kemutlakan daripada kaitan adalah satu kaitan . Yang mutlak terkait dengan kemutlakan bagi orang yang memahami .

() ARK : kalam ini didatangkan untuk menolak waham tanzih , kerana urusan yang diwasafkan al Haq lebih besar daripada apa yang diwahamkan dalam tanzih wahmi dan lebih luas daripada kaitan fikri . Kerana al Haq dalam tanzih tidak terbeza daripada sesuatu sehingga berhajat kepada pembezaan , dan dalam pengehadan Dia tidak terkait dengan hadd khas sehingga terhimpit dan dihadkan .

Jika kami menjadikan kaf dengan makna umpama , sesungguhnya kami telah mengehadkanNya . Jika kami mengambil : tidak seumpamaNya sesuatu , dengan makna menafikan umpamaan , kami kembali kepada mafhum dan khabar sahih bahawa Dia adalah ain segala sesuatu . Dan ia terhad jika sekalipun berbeza hadd setiap sesuatu . Maka Dia terhad dengan hadd setiap yang mempunyai hadd . ()
Maka tidak dihadkan sesuatu melainkan ia menjadi had kepada al Haq .

() IH : iaitu hadd relatif sedangkan definisiNya sebagai jumlah segala yang terhad bermakna Dia tidak terhad kerana jumlah itu tidak terhad .

Dia nadi segala yang dinamakan makhluk dan ciptaan baru . Jika bukan sedemikian , bagaimana sah suruhan wujud kerana Dia ain wujud . Dia memelihara setiap sesuatu dengan zatNya dan tidak meletihkannya pemeliharaan sesuatu .

PemeliharaanNya akan segala sesuatu adalah pemeliharaanNya akan suwar sesuatu itu supaya ia tidak menjadi lain daripada suwarNya . Dan tidak sah melainkan ini . Dia penyaksi daripada penyaksi , dan yang disaksikan daripada yang disaksikan . Alam adalah suwarNya dan Dia Ruh alam dan pentadbirnya , iaitu **alam adalah Insan Kabir** .

Dia adalah kaun segalanya
Dia adalah al Wahid
Yang mendirikan diri aku dengan diriNya
Kerana demikian aku kata Dia makan
Wujud aku makananNya
Kami meniruNya dalamNya daripadaNya
Jika kamu melihat dari segi perlindungan yang aku mintai

Pengwujudan Alam

Dengan kerana tanggungan ini Dia bernafas dan dinisbahkan nafas itu kepada al Rahman . Dengan al Rahman Dia merahmatkan pengwujudan suwar alam yang dituntut nisbah ilahi , yang kami telah katakan ia adalah zahir al Haq kerana Dia al Zahir . Dia batinnya kerana Dia al Batin . Dia yang awal kerana semasa itu alam belum ada dan Dia yang akhir kerana ain alam hanya semasa zahirnya . Maka **al Akhir adalah ain al Zahir dan al Batin adalah ain al Awal** . Dia mengetahui segala sesuatu kerana Dia alim berkenaan sendiriNya .

Apabila Dia mewujudkan suwar dalam nafas , dan zahir kesulthanan nisbah yang diibaratkan tentangnya dengan asma , sahlah nisbah ilahi bagi alam dan alam ternisbah kepada Allah . FirmanNya : Hari ini Aku gugurkan nisbah kamu dan mengangkat nisbah Aku. Iaitu Aku mengangkat daripada kamu nisbah kamu kepada diri kamu dan memperkukuhkan kamu pada nisbah kepada Aku . Di manakah orang taqwa yang mengambil Allah sebagai pelindung , di mana al Haq adalah penzahir mereka iaitu ain suwar mereka yang zahir . (574 IH) Mereka adalah sebesar2 manusia , paling berhak antara mereka dan paling kuat di sisi sekalian .

(574) *IH : seorang tidak menjadi hamba dengan sifat nafsnya tetapi dengan sifat Rabbnya*

Adakala orang taqwa adalah orang yang menjadikan dirinya sebagai pelindung bagi al Haq dengan suwarNya (575 IH) . Kerana **huwiyah al Haq adalah quwwah hamba** , terjadi apa yang dinamakan hamba sebagai pelindung apa yang dinamakan al Haq adalah pada pensaksian , sehingga terbeza alim dengan yang tidak alim . *Katakanlah , apakah sama mereka yang mengetahui dan mereka yang tidak mengetahui . Sesungguhnya mereka yang ingat adalah ulul albab (39/9)* . Mereka merenung kepada lubb sesuatu , iaitu kepada apa yang dituntut daripada sesuatu .

(575) *IH : hamba melindungi al Haq daripada disifatkan dengan kekurangan*

Orang yang kurang tidak mendahului orang yang cemerlang . Seperti itu orang gaji tidak menyamai hamba . Kerana al Haq adalah pelindung kepada hamba pada satu wajah dan hamba adalah pelindung kepada al Haq pada satu wajah , maka katakanlah tentang kaun apa yang kamu kehendaki . Jika kamu kehendaki katakanlah ia adalah

khalq . Jika kamu kehendaki katakanlah ia adalah al Haq . Dan jika kamu kehendaki katakanlah ia adalah al Haq dan khalq . Jika kamu kehendaki ia bukan haq pada segala wajah dan bukan khalq pada segala wajah . Jika kamu kehendaki katakanlah : Demikian adalah menghairankan .

Sesungguhnya telah jelas apa yang dituntut dengan martabat2 yang kamu tentukan . Jika bukan kerana pengedaran tidaklah para rasul mengkhabarkan tentang perubahan al Haq pada suwar dan mereka tidak mewasafkanNya dengan pengguguran suwar daripada diriNya .

Tidak mata melihat melainkan kepadaNya
Dan tidak jatuh hukum melainkan atasNya .

Kami adalah untukNya , denganNya dan dalam kedua tanganNya . Sesungguhnya dalam setiap hal kami berada di sisiNya . Dengan kerana ini , Dia diingkari , dikenali , ditanzihkan dan diwasafkan . Maka sesiapa melihat al Haq daripada al Haq dalam al Haq dengan ain/mata al Haq maka demikian adalah arif . Sesiapa melihat al Haq daripada al Haq dalam al Haq dengan mata dirinya maka demikian bukan arif . Sesiapa tidak melihat al Haq daripada al Haq dan tidak dalam al Haq dan menunggu untuk melihatNya dengan mata dirinya maka dia jahil dan terhijab .

Kebetulan Aqidah

Pada jumlahnya semesti setiap orang mempunyai aqidah tentang Rabbnya yang dengannya dia kembali kepadaNya dan dia menuntutNya dalamnya . Apabila al Haq tajalli kepadanya dalam aqidah itu dia mengenaliNya dan menetapkanNya . Jika Dia tajalli kepadanya dalam selain aqidahnya dia akan mengingkariNya dan berlingung daripadanya . Sebenarnya dia buruk adab terhadapNya sedangkan dia (merasai) di sisi dirinya bahawa dia telah baik adab .

Pemercaya tidak beriktihad aqidah itu melainkan kerana apa yang dijadikan dalam nafsnya . Ilah dalam iktihad adalah dengan penjadian . Mereka tidak melihat melainkan nafs mereka dan apa yang mereka jadikan dalam nafs .

Tiliklah kepada martabat manusia dalam ilmu mengenai Allah . **Ia adalah ain martabat mereka dalam rukyah pada hari qiamat** . Sesungguhnya aku telah memberitahu kamu sebab yang mewajibkan demikian . Jaga2lah daripada terkait dengan satu aqidah khas dan kafir dengan selainnya kemudian hilang daripada kamu banyak kebaikan . Bahkan hilang daripada kamu ilmu tentang apa yang sebenarnya .

Jadikan diri kamu hayula kepada suwar segala yang diiktihadkan . Sesungguhnya Ilah Tabaraka wa Taala lebih luas dan lebih agung daripada disekat dalam satu aqad dan tidak dalam aqad yang lain . Sesungguhnya Dia berfirman : *Ke mana kamu berpaling , di sanalah wajah Allah (2/115)*

Wajah sesuatu adalah haqiqatnya . Dia memperingatkan hati arifin supaya awarid kehidupan dunia tidak menyibukkan mereka daripada tuntutan kehadiran seumpama ini . Sesungguhnya hamba tidak mengetahui pada mana satu nafas dicabut nyawanya . Adakala dicabutnya semasa lalai , maka tidak jadi dia sama dengan orang yang dicabut nyawa semasa hadir hati .

Sesungguhnya hamba yang kamil , bersama ilmunya tentang ini , lazim baginya dalam suwar zahir dan hal yang berkaitan , tawajuh dalam solat kepada pihak al Masjid al Haram dan beriktihad bahawa Allah pada qiblatnya semasa solatnya . Ia setengah daripada martabat al Haq dalam firmanNya : *maka kemana saja kamu berpaling di sanalah wajah Allah .(2/115)* Pihak al Masjid al Haram antaranya dan dalamnya wajah Allah .

Akan tetapi kami tidak berkata bahawa Dia di sana sahaja . Bahkan teliti apa yang kamu idrak dan lazimkan adab dalam menghadapi pihak al Masjid al Haram . Lazimkan adab dengan tidak mengadakan sekatan wajah hanya pada demikian tempat yang khas bahkan ia antara jumlah ketempatan yang dihadapkan penghadap . Sesungguhnya telah jelas kepada kamu daripada Allah bahawa Dia berada pada ketempatan setiap wajah .

Tidak ada di sana melainkan iktihad dan setiap iktihad adalah betul . Setiap yang betul dibalaskan . Setiap orang yang dibalaskan berbahagia . Setiap orang yang berbahagia diridhai tentangnya walaupun disiksa satu zaman dalam alam akhirat . Sesungguhnya ahli inayah demam dan sakit sedangkan kami mengetahui bahawa mereka ahli haq yang berbahagia dalam kehidupan dunia .

Antara hamba Allah ada yang diheret demikian sakit dalam kehidupan akhirat di satu tempat yang bernama jahanam . Bersama ini tidak seorang daripada ahli ilmu , yang dikasyafkan haqiqat sebenar , meragui bahawa mereka mempunyai nikmat yang khas dalam demikian alam . Apakah dengan hilang sakit yang mereka alami dahulu , kemudian diangkatannya daripada mereka , maka jadilah nikmat mereka kerehatan daripada demikian kesakitan . Atau nikmat yang terasing yang tambahan , seperti nikmat bagi ahli jannah dalam jannah . Allah juga yang lebih mengetahui .

Permata Hikmah Futuh dalam Kalimat Salih

Antara ayat2 adalah ayat2 tunggangan
Demikian adalah kerana perbezaan mazhab
Antara mereka ada yang berdiri bersama tunggangan dengan kebenaran
Antara mereka ada yang menyerbu dengannya melangkahi tanah tandus

Adapun yang berdiri mereka adalah ahli ain
Dan mereka yang menyerbu adalah orang tepian
Datang bagi setiap mereka daripadanya
Pembukaan ghaibnya dari segala pihak

(antara tindakan yang ajaib adalah tindakan tunggangan)

Suruhan Allah atas Kapasiti Wujud Objek

Ketahuilah , moga2 Allah memberi kamu kejayaan , bahawa suruhan ijad terbina atas fardiah (/ketunggalan) . Bagi fardiah ada ketigaan iaitu ia terdiri daripada tiga ke atas . Tiga adalah fardu yang pertama . Atas hadrat ilahi ini wujud alam .

Firman Allah Taala : *sesungguhnya kata Kami tentang sesuatu , apabila Kami menghendaknya , Kami katakan kepadanya KUN maka jadilah ia . (16/40)* Zat ini adalah zat iradat dan qaul . Jika bukan kerana zat ini dan iradatnya , iaitu nisbah tawajuh bersama pengkhususan untuk takwin sesuatu urusan , kemudian firmanNya ketika demikian tawajuh KUN kepada demikian sesuatu , nescaya tidak terjadi sesuatu itu .

Kemudian zahir kefarduan yang bertiga juga dalam demikian objek , dan dengan (ada) kefarduan pada pihak objek sah takwinnya dan pensifatannya dengan wujud . Iaitu keobjektifannya , pendengarannya dan pengikutannya akan suruhan pentakwinnya supaya wujud .

Maka bersetentangan tiga dengan tiga. Pertama zat objek yang tsabit ketika adanya mengimbangi zat penjadinya , pendengarannya mengimbangi iradat penjadinya dan penerimaan objek mengikuti apa yang disuruh atasnya daripada takwin mengimbangi qaulNya : KUN , maka jadilah ia .

Kemudian **dinisbahkan takwin kepada objek** . Jika bukan **dalam kapasitinya ada takwin dengan sendirinya** ketika itu , nescaya objek tidak terjadi . Maka objek , selepas daripada belum ada , tidak menjadikan , ketika suruhan takwin , melainkan dirinya .

Al Haq Taala mensabitkan bahawa takwin sesuatu adalah daripada objek bukan al Haq dan yang **bagi al Haq padanya hanya suruhanNya** secara khas . Kerana ini Dia telah khabarkan tentang diriNya dalam firmanNya : *sesungguhnya kata Kami kepada sesuatu ketika Kami menghendaknya bahawa Kami berkata kepadanya : KUN , maka jadilah ia* . Iaitu dinisbahkan takwin kepada diri sesuatu itu atas suruhan Allah .

Dia benar dalam firmanNya dan inilah fahaman yang sebenar . Berkata seorang pesuruh yang ditakuti dan tidak dilanggar perintahnya kepada hambanya : Berdiri . Kemudian hamba itupun berdiri mencontohi suruhan tuannya . Tuan hamba tidak terlibat dalam berdirinya hamba melainkan pada suruhan kepada hambanya supaya berdiri . Berdiri adalah daripada tindakan hamba bukan tindakan tuan .

Lojik Takwin

Asal takwin terdiri daripada ketigaan , iaitu daripada tiga faktor pada kedua belah pihak , pihak al Haq dan pihak khalq . Sedemikian berlaku pada mengeluarkan makna dalam pembuktian . Semestinya dalam pembuktian bahawa ia dibina atas tiga (faktor) dengan nizam khas dan syarat khas . Ketika terdapat demikian semestinya ada natijah .

Caranya bahawa pemikir menyusun dalilnya daripada dua muqadimah . Setiap muqadimah mengandungi dua fardu , maka jadilah empat fardu . Satu daripada fardu ini diulangkan dalam kedua muqadimah supaya boleh dihubungkan satu muqadimah dengan muqadimah yang lain seperti dalam nikah . Maka jadilah fardu itu tiga tidak lain kerana ada pengulangan satu fardu dalam kedua muqadimah .

Apa yang dituntut akan wujud , apabila berlaku tertib ini dalam wajah yang khas , iaitu rabithah muqadimah dengan yang lain dengan pengulangan demikian fardu yang satu yang sah mempunyai ketigaan . Syarat yang khas adalah bahawa hukum adalah lebih umum daripada illat atau seumpama illat (pada keumuman) . Ketika terdapat ini (natijah) akan benar .

Jika tidak demikian , nizamnya akan mengeluarkan natijah yang tidak benar . Ini terdapat dalam alam , contohnya sandaran perbuatan kepada hamba tanpa apa2 nisbah kepada Allah . Ataupun sandaran takwin yang kami sedang bincangkan kepada Allah semata2 sedangkan al Haq tidak menyandarkannya melainkan kepada sesuatu yang dikatakan kepadanya : KUN .

Contoh (nizam yang sah) , apabila kami berkehendak membuktikan bahawa wujud alam atas asbab , maka kami berkata : Setiap sesuatu yang hadas mempunyai sebab. Iaitu terdapat dua konsep : hadas dan sebab . Kemudian kami katakan dalam muqadimah yang lain : Alam ini hadas . Iaitu telah diulangkan konsep hadas . Konsep ketiga adalah alam . Maka natijahnya adalah bahawa alam mempunyai sebab dan zahirlah dalam natijah apa yang disebutkan dalam muqadimah yang terdahulu iaitu sebab .

Wajah khas adalah pengulangan hadas dan syarat khas adalah keumuman illat . Illat dalam wujud hadas adalah sebab. Ia adalah umum dalam hadas alam daripada Allah , iaitu hukum (sabit sebab untuk kejadian alam) . Maka kami menghukumkan atas setiap hadas bahawa ia mempunyai sebab dalam muqadimah kubra , sama saja demikian sebab sama umum dengan hukum atau hukum lebih umum daripadanya dan sebab dimasukkan dibawah hukum . Natijah dalam kedua kes ini adalah benar .

Bukti Hukum Ketiga

Zahir juga hukum ketiga pada penjadian makna yang dituntut dalam pembuktian . Asal takwin adalah ketiga . Kerana ini , hikmah Salih as dizahirkan Allah dengan mengakhirkan balasan atas qaumnya tiga hari , dengan janji yang tidak akan didustakan . Natijahnya benar , iaitu jeritan yang Allah membinasakan mereka dengannya . *Mereka terpelanting berpagi2 dalam rumah mereka . (11/67)*

Hari pertama wajah qaum menjadi kuning . Pada hari kedua ia menjadi merah dan pada hari ketiga menjadi hitam . Apabila sempurna tiga hari sahlah persediaan dan zahir kejadian fasad pada mereka . Dinamakan demikian penzahiran sebagai kebinasaan .

Kekuningan wajah mereka yang sengsara bersetentangan dengan kecerahan muka mereka yang berbahagia mengikut firman Allah Taala : *wajah2 pada hari itu bercerahan (80/38)* daripada perkataan sulfur iaitu penzahiran . Kekuningan wajah pada hari pertama adalah penzahiran alamat orang sengsara di kalangan qaum Salih .

Kemudian didatangkan bersetentangan dengan warna merah yang ada pada mereka , firman Allah Taala tentang mereka yang berbahagia : *dalam keadaan berketawa (80/39)* . Ini kerana berketawa adalah antara asbab yang melahirkan kemerahan pada wajah dan ia pada orang bahagia adalah kemerahan kedua pipi .

Kemudian dijadikan bersetentangan dengan perubahan kulit orang sengsara menjadi hitam , firman Allah Taala : *dalam keadaan bergembira* . Iaitu kesan yang terdapat pada wajah mereka yang gembira sepertimana kesan kehitaman pada wajah mereka yang sengsara . Kerana inilah Dia berfirman tentang kedua golongan ini dengan perkataan busyhra , iaitu Dia berfirman kepada mereka dengan firman yang berkesan pada kulit mereka , dipalingkan kulit itu kepada warna yang kulit itu belum pernah bersifat dengannya terdahulu .

FirmanNya tentang mereka yang berbahagia : *Rabb mereka mengkhabarkan kepada mereka tentang rahmat daripadaNya dan ridhwan . (9/21)* Dan tentang mereka yang sengsara : *maka Dia mengkhabarkan mereka tentang azab yang pedih (9/34)* . Kemudian berkesan pada kulit setiap golongan ini apa yang terhasil dalam nafs mereka akibat demikian kalam .

Tidak zahir pada luar mereka melainkan hukum apa yang berketetapan dalam batin mereka daripada apa yang difahamkan . Orang selain mereka tidak terkesan sepertimana tidak terjadi takwin melainkan daripada mereka . *Milik Allah juga kemuncak hujjah . (6/149)*

Sesiapa faham hikmah ini dan menetapkannya dalam dirinya dan menjadikannya sesuatu yang disaksinya , dia akan merihatkan dirinya daripada takluk dengan selainnya . Dia mengetahui bahawa tidak datang kepadanya baik ataupun jahat melainkan daripada dirinya sendiri . Maksud aku dengan baik adalah apa yang muafakat dengan tujuannya , yang bersesuaian dengan tabiatnya dan mizajnya . Makna aku dengan jahat adalah apa yang tidak muafakat tujuannya dan tidak sesuai dengan tabiat dan mizajnya .

Sahib pensaksian ini akan mendirikan keuzuran untuk segala yang maujud daripadanya jika sekalipun mereka tidak membuat uzur . Dia mengetahui bahawa segala keadaannya adalah daripada dirinya , sepertimana kami telah sebutkan terdahulu bahawa ilmu adalah mengikuti yang maklum (/objek) . Dia akan berkata kepada dirinya apabila datang sesuatu yang tidak muafakat tujuannya : Genggamkan kedua tangan kamu dan kembongkan kedua pipi kamu . Allah berfirman yang sebenar dan membimbing kepada jalan yang lurus .

Permata Hikmah Qalb dalam Kalimat Syuaib

Keluasan Qalb

Ketahuiilah bahawa qalb , makna aku , qalb para arif tentang Allah adalah daripada rahmat Allah dan ia lebih luas daripada rahmat . Sesungguhnya qalb meluasi al Haq Jalla JalalNya sedangkan rahmatNya tidak meluasiNya . Ini adalah percakapan umum dalam bab isyarat . Sesungguhnya al Haq adalah yang memberi rahmat , bukan yang menerima rahmat , maka tidak ada hukum bagi rahmat dalamNya .

Adapun isyarat dalam percakapan orang khawas , maka Allah telah mewasafkan diriNya dengan Nafs (al Rahman) iaitu daripada pernafasan . Dan bahawa asma ilahi adalah ain yang dinamakan , dan bukan melainkannya . Sesungguhnya asma menuntut sumbangan mereka daripada haqaiq , dan haqaiq yang dituntut asma bukan melainkan alam .

Uluhiyah(1) menuntut sesuatu untuk disembah dan rububiah (2) menuntut yang dijadikan Rabb . Jika tidak maka tidak ada ain bagi (asma) melainkan denganNya pada wujud dan taqdir . Al Haq dari segi zatNya adalah terkaya daripada alam , tetapi rububiah tidak mempunyai hukum ini . Maka kekallah urusan antara apa yang dituntut rububiah dan apa yang patut bagi zat yang terkaya daripada alam . Pada haqiqat dan pensifatan rububiah bukan melainkan ain zat ini .

(1) *ARK : hadrat asma*

(2) *ARK : hadrat afaal daripada asma*

Kerana sesuatu urusan berubah mengikut hukum nisbah , khabar telah mendatangkan apa yang al Haq mewasafkan diriNya dengannya tentang prihatin atas hambaNya . Awal2 apa yang dinafaskan daripada rububiah dengan nafasNya yang dinisbahkan kepada al Rahman adalah dengan penjadian alam yang dituntut oleh rububiah dengan kerana haqiqatnya serta segala asma ilahiah . Maka sabit daripada wajah ini bahawa rahmatNya meluasi segala sesuatu termasuk al Haq iaitu rahmatNya lebih luas daripada qalb atau mengimbanginya dalam keluasan .

Kemudian kamu juga mengetahui bahawa al Haq Taala , sepertimana sabit dalam hadis sahih , berubah pada suwar ketika tajalli . Dan apabila qalb meluasi al Haq Taala , ia tidak meluasi bersamaNya selainNya daripada makhluk , seolah2 Dia memenuhi qalb . Makna ini bahawa apabila qalb melihat kepada al Haq ketika tajalliNya kepadanya tidak mungkin ia melihat kepada selainNya bersamaNya .

Keluasan qalb arifin adalah sepertimana dikatakan Abu Yazid Bisthami : Jika Arshy dan apa yang ia mengandungi diganda sejuta kali dan diletakkan dalam satu penjuru daripada penjuru qalb arifin , nescaya dia tidak akan merasainya . Junaid telah berkata dengan makna yang sama : Apabila hadas dihubungkait dengan al Qadim , tidak berkekalan kesan daripada hadas . Qalb yang meluasi al Qadim bagaimana ia merasai bahawa hadas itu wujud .

Suwar Tajalli pada Qalb

Kerana tajalli al Haq berbeza² dalam suwar , maka secara darurat qalb berkeluasan dan berkesempitan mengikut suwar yang atasnya jatuh tajalli ilahi . Sesungguhnya tidak diutamakan olehnya apa² sesuatu daripada suwar yang padanya jatuh tajalli itu . Sesungguhnya qalb arifin atau insan kamil adalah pada kedudukan permata pada cincin . Permata tidak melebihi cincin bahkan mengikut qadarnya dan bentuknya yang bulatkah , empat segi , enam segi , lapan segi dan selain demikian , kerana tempatnya dalam cincin adalah seumpamanya bukan lain .

Ini sebalik apa yang diisyaratkan kepadanya oleh satu kumpulan yang berpendapat bahawa al Haq bertajalli atas qadar persediaan hamba , ia bukan seperti demikian . Sesungguhnya hambalah yang menzahirkan kepada al Haq atas qadar suwar yang al Haq tajalli kepadanya dalam suwar itu . (Komen: Tajalli al Haq adalah umum , penerimaan hamba adalah mengikut persediaan hamba .)

Penjelasan masalaah ini adalah bahawa Allah mempunyai dua jenis tajalli . Tajalli ghaib dan tajalli syahadah . Antara **tajalli ghaib** adalah pemberian persediaan kepada qalb . Ia adalah tajalli zat yang haqiqatnya adalah ghaib . Ia adalah huwiyah yang patut bagiNya dengan firmanNya tentang diriNya : Dia . Tidak berhenti Dia bagiNya secara berkekalan hingga abadi .

Apabila terhasil bagi qalb persediaan ini ditajalli kepadanya **tajalli syuhudi** dalam (alam) syahadah . Kemudian qalb melihatNya pada suwar apa yang ditajalli kepadanya sepertimana kami telah sebutkan . Maka Dia Taala yang memberi qalb persediaan dengan firmanNya : *Dia yang memberi setiap sesuatu khalqnya kemudian memberi petunjuk . (20/50)* Kemudian Dia mengangkat hijab antaraNya dengan hambaNya dan dia akan melihatNya dalam suwar iktiqadnya tentang al Haq . Dia adalah ain iktiqadnya . Qalb tidak saksi dan juga mata selama2nya melainkan suwar iktiqadnya tentang al Haq .

Suwar al Haq yang terdapat dalam iktiqad adalah apa yang qalb meluasi . Dialah yang tajalli kepada qalb kemudian ia mengenaliNya , maka mata tidak melihat melainkan al Haq yang diiktiqadkan . Tidak ada ketersembunyian dalam kepelbagaian iktiqad . Sesiapa yang mengkaitkanNya mengingkariNya pada selain apa yang dia mengkaitkanNya dengannya dan menetapkanNya pada apa yang dia mengkaitkanNya dengannya apabila Dia tajalli kepadanya .

Sesiapa mengitlakkanNya daripada kaitan tidak memungkirkanNya , dan menetapkanNya pada setiap suwar perubahanNya . Dia memberikannya , daripada dirinya , seqadar suwar apa yang Dia tajalli kepadanya dalam suwar itu , sampai apa yang tidak terhingga . Sesungguhnya suwar tajalli tidak mempunyai hingga yang padanya terhenti (kepelbagaian) .

Seperti demikian ilmu berkenaan dengan Allah . Tidak baginya kesudahan yang padanya terhenti si arif . Bahkan dia si arif dalam setiap zaman/ketika , menuntut tambahan ilmu berkenaan denganNya : *Rabbku tambahkanlah aku pada ilmu . (20/114)* Urusan ini tidak berkesudahan daripada kedua pihak (tajalli al Haq dan tambahan ilmu pada hamba) . Ini (berlaku) apabila kamu berpendapat : haq dan khalq .

Keterkaitan Tajalli

Apabila kamu tilik kepada firmanNya : Aku adalah kakinya yang dengannya dia berjalan , dan tangannya yang dengannya dia memukul dan lisannya yang dengannya dia berkata² (Hadis) dan kepada selain demikian daripada quwwah dan tempatnya iaitu anggota badan yang tidak terpisah² . Kemudian kamu berkata : Urusan ini kesemuanya adalah haq ; atau : urusan ini kesemuanya adalah khalq . Maka ini adalah mengikut satu nisbah dan haq adalah mengikut satu nisbah sedangkan ain adalah satu .

Ain suwar apa yang ditajalli adalah ain apa yang sebelum tajalli itu . Dialah yang bertajalli dan yang ditajallikan kepadaNya . Lihatlah bagaimana ajaib urusan Allah dari segi huwiyahNya dan dari segi nisbahNya kepada alam berkenaan haqaiq asmaNya al Husna .

Siapakah di (peristiwa) sana dan apakah di (peristiwa) sana
Ain (yang wujud) di (peristiwa) sana ia adalah (diri peristiwa) di sana
Sesiapa yang mengumumkanNya telah mengkhususkanNya
Dan sesiapa yang mengkhususkanNya telah mengumumkanNya

Tidak sesuatu ain bukan ain yang lain .
Maka nur ainnya adalah zulmatnya
Sesiapa lalai tentang ini mendapati dalam dirinya duka
Tidak mengenali apa yang kami katakan melainkan hamba yang berhimmah

FirmanNya : *sesungguhnya pada demikian adalah peringatan bagi sesiapa yang mempunyai qalb . (50/37)* iaitu kerana berbolak-baliknya dalam pelbagai suwar dan sifat . Dia tidak berfirman : bagi sesiapa yang mempunyai aqal . Sesungguhnya aqal mengkaitkan dan menghadkan sesuatu urusan ke dalam satu naat . Tetapi haqiqat sebenarnya enggan dihadkan . Maka ia bukan peringatan kepada mereka yang mempunyai aqal . Mereka adalah sahib iktiqad yang mengkafirkan setengah mereka akan setengah . Mereka saling melaknat dan tidak ada pembantu bagi mereka .

Sesungguhnya ilah yang diiktihadkan tidak mempunyai hukum pada ilah yang lain yang diiktihadkan . Sahib sesuatu iktiqad akan mempertahankannya , iaitu pada urusan yang dia iktihadkannya pada ilahnya dan dia akan membantu ilahnya . Tetapi yang dalam iktihadnya tidak membantunya . Kerana ini tidak ada baginya kesan pada iktiqad orang yang bertembung dengannya . Seperti demikian yang bertembung pun tidak mendapat bantuan daripada ilah yang ada dalam iktihadnya dan kesemua mereka tidak mempunyai pembantu .

Al Haq menafikan bantuan kepada ilah iktiqad yang berdasarkan ketunggalan , setiap yang diiktihadkan mengikut sempadannya . Yang dibantu adalah himpunan (pegangan) dan yang membantu adalah himpunan (pemegang iktiqad yang sama) .

Pengetahuan Qalb

Al Haq di sisi arifin adalah yang dikenali , yang tidak diingkari . Ahli kepada yang dikenali di dunia adalah juga ahli kepada yang dikenali di akhirat . Kerana ini Dia berfirman : *kepada sesiapa yang mempunyai qalb . (50/37)* Dia mengetahui perubahan al Haq dalam suwar melalui perubahan alam? dalam bentuk .

Dia mengenali dirinya melalui dirinya dan dirinya tidak selain huwiyah al Haq . Tidak ada sesuatu daripada kaun yang telah jadi ataupun yang akan jadi yang bukan huwiyah al Haq , bahkan ia adalah ain huwiyah . Dia adalah arif , alim dan penatap dalam suwar ini . Dan dia tidak arif dan tidak alim dan dia pengingkar terhadap suwar yang lain . Habuan orang yang mengenali al Haq daripada tajalli dan syuhud dalam ain kejamakan adalah mengikut firmanNya : *bagi sesiapa yang mempunyai qalb* , kepelbagaian dalam bolak-balik (qalb) arif .

Adapun ahli iman , mereka adalah orang taqlid yang bertaqlidkan anbiya dan rasul , pada apa yang mereka khabarkan daripada al Haq , bukan orang yang bertaqlid sahib fikiran yang mentakwilkan akhbar yang diterima dengan menanggungkannya atas dalil aqliahnya . Maka mereka ini yang bertaqlidkan rasul adalah mereka yang dikehendaki dalam firmanNya : *atau dia menumpukan pendengaran (50/37)* , kepada apa yang didatangkan akhbar ilahiah tentang sunnah anbiya .

Mereka yang menumpukan pendengaran adalah saksi yang sedar akan hadrat khayal dan penggunaannya . Sabda Nabi saw tentang ihsan : bahawa kamu menyembah Allah seolah2 kamu melihatNya . (Hadis) dan : Allah berada pada qiblat orang yang solat .(Hadis) . Kerana demikian dia dinamai orang yang bersaksi .

Sesiapa yang bertaqlid sahib tilik dan fikir dan berkait dengannya maka dia bukanlah orang yang menumpukan pendengaran . Sesungguhnya orang yang menumpukan pendengarannya semestinya menjadi saksi kepada apa yang kami telah sebutkan . Selagi dia belum menjadi saksi kepada apa yang kami sebutkan maka dia bukanlah orang yang dikehendaki dalam ayat ini . Bahkan mereka adalah orang yang diperkatakan dalam firmanNya : *ketika mereka yang diikuti melepaskan diri daripada mereka yang mengikut (2/166)* . Sedangkan rasul tidak sekali2 melepaskan diri daripada ikutan orang yang mengikuti mereka .

Sedarilah wahai kawanku apa yang aku telah sebutkan kepada kamu dalam hikmah qalb ini . Adapun pengkhususannya dengan Syuaib , maka ia adalah kerana cabangnya tidak terhad . Setiap iktiqad adalah satu cabang maka kesemua iktiqad adalah cabang .

Semasa terbongkar penutup , apa yang terbongkar adalah mengikut apa yang diiktiqadkan seseorang . Adakala terbongkar apa yang berlainan daripada apa yang diiktiqadkan dalam hukum . FirmanNya : *terdedah kepadanya daripada Allah apa yang mereka tidak pernah mengambil kira (39/47)* . Kebanyakannya berlaku dalam hukum seperti Muktazila yang beriktiqad keterlaksanaan ancaman atas pemaksiat apabila dia mati tanpa taubat . Maka apabila dia mati dan dirahmati di sisi Allah , di mana terdahulu inayat baginya bahawa dia tidak akan diseksa , dia mendapati Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih , *maka terdedah kepadanya daripada Allah apa yang mereka tidak pernah mengambil kira* .

Adapun tentang huwiyah , setengah hamba berjazam dalam iktiqad mereka bahawa Allah sedemikian dan sedemikian . Maka apabila terbongkar penutup dia melihat suwar apa yang diiktiqadkannya . Ia benar dan dia mengiktiqadkannya . Kemudian terburai ikatan dan hilang iktiqad menjadi ilmu tentang apa yang disaksikan .

Selepas penajaman penglihatan tilik yang lemah tidak kembali lagi . Kemudian akan bermula bagi setengah hamba kepelbagaian tajalli dalam suwar semasa rukyah . Ini kerana tajalli tidak berulang , kemudian dia membenarkannya pada huwiyah . Dan terdedahlah kepada mereka daripada Allah melalui huwiyahNya , *apa yang mereka tidak pernah mengambil kira* dalam huwiyahNya sebelum terbongkar penutup .

Taraqqi

Kami telah menyebutkan tentang suwar taraqqi dalam maarif ilahiah selepas maut dalam Kitab Tajalli kami , ketika kami menyebut orang yang kami berhimpun bersamanya daripada kumpulan mereka yang mendapati kasyaf . Dan faedah yang kami memberi kepada mereka dalam masaalah ini , yang tidak berada di sisi mereka . Antara perkara yang sungguh ajaib adalah bahawa **manusia senentiasa dalam taraqqi** . Dan dia tidak sedari demikian kerana kehalusan hijab dan kenipisannya dan lebih kurang kepelbagaian suwar , seperti dalam firmanNya : *didatangkan dengannya secara berkesamaran* . (2/25)

Dia Yang Esa bukan ain Yang Terakhir . Sesungguhnya dua yang kesamaran di sisi arifin adalah dua kesamaran yang berbeza . Sahib realisasi melihat katsrah dalam yang satu , sepertimana dia mengetahui bahawa apa yang ditunjukkan asma ilahiah , jika sekalipun berbeza dan berbilang haqaiqnya , adalah ain yang satu . Ini adalah katsrah yang ditaaqlkan pada ain yang satu . Dalam tajalli ia menjadi banyak dan disaksikan dalam ain yang satu .

Sepertimana hayula yang diperkirakan dalam definisi setiap suwar . Ia bersama banyaknya suwar dan kepelbagaianNya , kembali pada haqiqat kepada jauhar yang satu , iaitu hayulanya . Sesiapa mengenali nafsnya dengan marifat ini sesungguhnya dia telah mengenali Rabbnya . Sesungguhnya Dia menciptakannya atas suwarNya . Bahkan Dia ain huwiyahnya dan haqiqatnya .

Kerana ini tidak seorang ulama pun yang mencapai marifat nafs dan haqiqatnya melainkan rasul yang ilahiyun dan para sufi yang besar . Sahib spekulasi dan pakar logik daripada dahulu dan mutakalim dalam kalam mereka tentang nafs dan mahiyahnya , maka tidak daripada mereka seorang yang mencapai haqiqatnya . Bahkan spekulasi logikal tidak akan menghasilkannya selama2nya .

Sesiapa menuntut ilmu tentangnya mengikut thariq spekulasi logikal , maka sesungguhnya dia hanya membesarkan diri dan bercakap tanpa nyalaan . Semestinya mereka daripada *kalangan yang sesat usaha mereka dalam kehidupan dunia sedangkan mereka mengirakan bahawa mereka sedang melakukan kebaikan* . (18/104) Sesiapa menuntut perkara ini dengan selain thariqnya tidak akan berjaya mencapai haqiqatnya .

Betapa molek apa yang difirman Allah Taala tentang haq alam dan perubahannya bersama anfas dalam kejadian yang baru pada ain yang satu . Dan firmanNya tentang haq sekumpulan , bahkan kebanyakan orang alim : *bahkan mereka dalam keraguan tentang kejadian yang baru* . (50/15) Mereka tidak mengenali pembaruan suruhan pada anfas .

Bandingan Iktiqad

Akan tetapi pengikut Asyaari menemui demikian pada setengah maujudat iaitu yang aradh , sedangkan **para Hisban(/Sofis)** menemui demikian pada seluruh alam . Ahli falsafah menganggap kesemua mereka jahil . Akan tetapi kedua kumpulan telah silap . Adapun kesilapan para Hisban maka kerana mereka tidak menemui ahadiah ain jauhah yang ma'qul (/intelligible) yang mendahului suwar alam walaupun mereka berkata dengan perubahan alam keseluruhannya . Alam tidak dijadikan melainkan atas ahadiah sepertimana ahadiah tidak dapat difahamkan melainkan melalui alam . Jika mereka berkata dengan demikian nescaya mereka akan berjaya mencapai darjat realisasi dalam urusan ini .

Adapun pengikut Asyaari , mereka tidak mengetahui bahawa alam seluruhnya adalah satu perhimpunan aradh dan ia berubah pada setiap zaman , kerana aradh tidak berkekalan dua zaman . Demikian zahir dalam definisi sesuatu kerana apabila mereka mendefinisikan sesuatu adalah jelas dalam definisi mereka keadaan sesuatu itu aradh . Dan bahawa aradh yang disebutkan dalam definisi adalah ain jauhah ini dan haqiqatnya , yang berdikari . Dari segi ia aradh ia tidak berdikari . Sesungguhnya datang daripada satu perhimpunan apa yang tidak berdikari sesuatu yang berdikari .

Seperti ruang zati dalam definisi jauhah yang berdikari dan penerimaan zat terhadap aradh dalam definisi . Tetapi tidak syak bahawa penerimaan adalah satu aradh kerana ia tidak berlaku melainkan dalam penerima kerana penerimaan tidak berdiri dengan sendirinya . Sedangkan mereka menanggapnya zati bagi jauhah . Mengambil ruang adalah aradh dan tidak berlaku melainkan dalam objek beruang , maka ia tidak berdiri dengan sendirinya . Mengambil ruang dan penerimaan bukan tambahan atas ain jauhah yang didefinisikan kerana definisi zati adalah ain yang didefinisikan dan huwiyahnya .

Maka jadilah apa yang tidak berkekalan dua zaman berkekalan dua zaman dan lebih dan apa yang tidak berdikari dikira berdikari di sisi mereka . Mereka tidak sedar tentang (khilaf) dalam landasan mereka . Mereka ini dalam kesamaran tentang kejadian yang baru .

Adapun ahli kasyaf mereka melihat Allah Taala bertajalli dalam setiap nafas dan tajalli itu tidak diulangkan . Mereka juga melihat dengan pensaksian bahawa setiap tajalli membawa satu kejadian yang baru dan mengeluarkan satu kejadian . Pengeluarannya adalah fana ketika tajalli dan apa yang didatangkan tajalli yang lain adalah baqa . Fahamlah baik2 .

Permata Hikmah Kekuasaan dalam Kalimat Luth

Malak adalah kekuatan dan kekuasaan . Malik adalah seorang yang kuat . Dikatakan : Aku kuat menguli tepung apabila aku berkuasa dalam mengulinya . Berkata Qais ibn al Hatim ketika mewasafkan serangannya dengan lembing dalam nizam :

Aku kuat berkuasa (melontar lembing) sehingga melebar lukanya
Orang yang berdiri di depan luka dapat melihat apa yang dibelakang .

Firman Allah Taala tentang Luth as : *jika bagi aku kekuatan terhadap kamu atau aku dapat berlindung pada satu rukun yang kuat . (11/80)* Sabda Nabi saw : Semoga Allah merahmati saudaraku Luth , sesungguhnya dia telah berlindung pada satu rukun yang kuat . (Hadis) Dia telah memberitahu bahawa Luth bersama Allah kerana Dialah yang kuat . Dan apa yang dimaksudkan Luth as adalah qabilah dengan rukun yang kuat dan penentangan , dalam katanya : *jika pada aku kekuatan terhadap kamu ;* iaitu himmah di sini , khas pada basyar .

Maka sabda Nabi saw : daripada demikian waktu , iaitu daripada zaman yang Luth as berkata : *atau aku dapat berlindung pada satu rukun yang kuat ;* tidak dibangkitkan seorang nabi melainkan dia mendapati kekuatan daripada qaumnya . Qabilahnya akan membelanya seperti Abu Thalib bersama Nabi saw .

Maka katanya : *jika bagiku kekuatan terhadap kamu ;* adalah kerana dia telah mendengar Allah Taala berfirman : *Allah yang menciptakan kamu dalam keadaan lemah (30/54)* pada asal kejadian : *kemudian menjadikan selepas kelemahan akan kekuatan* . Didatangkan kekuatan dengan penjadian , maka ia satu kekuatan yang aradh ; *kemudian Dia menjadikan selepas kekuatan akan kelemahan dan uban* .

Penjadian tertakluk dengan uban , dan kelemahan kembali kepada asal kejadiannya . Iaitu daripada : *Dia menciptakan kamu dalam keadaan lemah* . Kemudian dikembalikannya kepada apa yang dia diciptakan daripadanya , sepertimana dalam firmanNya : *dan antara kamu ada yang dikembalikan kepada umur yang jelek ketika mana dia tidak mengetahui pun apa yang dia pernah mengetahui . (16/70)* Disebut bahawa dia dikembalikan kepada kelemahan awal , iaitu hukum syaikh adalah hukum kanak2 dalam kelemahan .

Tidak dibangkitkan seorang nabi melainkan selepas lengkap empat puluh tahun , dan ia adalah zaman bermula kekurangan dan kelemahan . Kerana ini (Luth as) telah berkata : *Jika bagi aku terhadap kamu kekuatan ,* sedangkan keadaan demikian menuntut himmah yang berkesan .

Kelemahan dalam Tasaruf

Jika kamu bertanya : Apakah yang mencegahnya daripada mempunyai himmah yang berkesan sedangkan ia wujud di kalangan salik daripada pengikut (anbiya) dan rasul lebih patut berhak dengannya . Aku kata : Kamu benar , tetapi kamu kurang tentang ilmu yang lain . Demikian adalah bahawa marifat tidak meninggalkan kepada himmah apa2 tasaruf . Setiap kali diketahui marifatnya , menjadi kurang tasarufnya dengan himmah .

Demikian adalah kerana dua wajah . Wajah pertama adalah realisasinya akan maqam ubudiah dan tiliknya kepada asal ciptaan tabiinya . Wajah yang kedua adalah ahadiyah pentasaruf dan yang ditasaruf atasnya . Maka (rasul) tidak melihat ada orang untuk menghantarkan himmahnya , dan demikian mencegahnya .

Dalam pensaksian ini (rasul) melihat bahawa pihak yang melawannya tidak berpaling daripada haqiqatnya yang berada padanya dalam keadaan tsubut ainnya dan keadaan adamnya . Maka tidak zahir dalam wujud melainkan apa yang berada bagi pelawan dalam keadaan adam dalam tsubut . Dia tidak melampaui haqiqatnya dan tidak meninggalkan thariqatnya .

Penamaan demikian sebagai perlawanan adalah sesuatu yang aradh , yang dizahirkan oleh hijab yang berada pada mata manusia . Firman Allah Taala : *akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui . () mereka mengetahui apa yang zahir daripada kehidupan dunia sedangkan mereka lalai tentang akhirat ()* . Penamaan demikian adalah satu keterbalikan . Sesungguhnya (perkara ini) adalah daripada kata mereka : *sesungguhnya qalb kami adalah tertutup ()* iaitu dalam tutupan yang menghadang mereka daripada mencapai apa yang sebenarnya . Ini dan seumpamanya mencegah si arif daripada tassaruf dalam alam .

Berkata Syaikh Abu Abdullah ibn al Qaid kepada Abu Suud ibn al Syibli : Kenapa kamu tidak bertasaruf . Berkata Abu Suud : Aku membiarkan al Haq bertasaruf bagi aku sebagaimana dikehendakiNya . Dia merujuk kepada firmanNya dalam suruhan : *ambillah Dia sebagai wakil .(73/9)* Wakil adalah pihak yang bertasaruf terutama sekali .

Dia pun telah mendengar firmanNya : *belanjakanlah daripada apa yang Dia menjadikan kamu khalifah atasnya . (57/7)* Maka Abu Suud mengetahui dan juga para arifin bahawa perkara yang ada dalam tangannya bukan miliknya , dia hanya khalifah atasnya . Kemudian al Haq telah berkata kepadanya : Inilah perkara yang Aku jadikan kamu khalifah atasnya dan Aku memperkuasakan kamu atasnya . Jadikanlah Aku dan ambillah Aku sebagai wakil padanya . Abu Suud telah mematuhi suruhan Allah dan dia telah mengambilNya sebagai wakil .

Maka bagaimana dapat seorang yang mensaksikan ini mengekali himmah bertasaruf . Himmah tidak bertindak melainkan dengan tumpuan yang tidak mempunyai ruang bagi sahibnya untuk menilik kepada selain apa yang menjadi tumpuan . Marifat ini memisahkannya daripada tumpuan itu . **Arif yang lengkap marifatnya menzhirkan sehabis2 kelemahan dan kegagalan .**

Berkata setengah abdal kepada Syaikh Abdul Razak : Katakan kepada Syaikh Abu Madyan selepas bersalaman dengannya : Wahai Abu Madyan ! Kenapa tidak sulit atas kami sesuatu pun dan ia sulit atas kamu , sedangkan kami beringin mencapai maqam kamu dan kamu tidak beringin kepada maqam kami .

Sedemikianlah , bersama keadaan Abu Madyan mempunyai demikian maqam dan selainnya . Dan kami lebih lengkap pada maqam kelemahan dan kegagalan daripadanya . Bersama ini badal ini telah berkata kepadanya apa yang dikatakan . (Kelemahan pada kami) ini adalah dari pihak (kesempurnaan marifat) juga .

Sabda Nabi saw (semasa) berada pada maqam ini , mengikuti suruhan Allah kepadanya pada demikian : *Aku tidak mengetahui apa yang Dia akan melakukan terhadap aku dan kamu . Tidak aku mengikuti melainkan apa yang diwahyukan kepada aku .* () Maka rasul dengan kerana hukum apa yang diwahyukan kepadanya tidak ada di sisinya melainkan demikian . Jika diwahyukan kepadanya supaya bertasaruf , dia jazam bertasaruf . Jika dilarang dia terlarang dan jika diberi pilihan dia akan memilih meninggalkan tasaruf . Melainkan yang diberi pilih seorang yang kurang pada marifat .

Berkata Abu Suud kepada sahabat2nya yang mempercayainya : Sesungguhnya Allah telah memberi kami tasaruf sejak lima belas tahun dan kami telah meninggalkannya kerana mahu bermanis muka . Ini adalah lisan kemegahan . Adapun kami , kami tidak meninggalkannya kerana mahu bermanis muka , kerana ia juga satu pilihan . Sesungguhnya kami meninggalkannya kerana sempurna marifat . Sesungguhnya marifat tidak menuntutnya melalui hukum ikhtiar . **Apabila arifin bertasaruf dengan himmah dalam alam maka ia adalah atas suruhan ilahi dan jabbar bukan ikhtiar .**

Tidak ada syak bahawa **maqam risalah menuntut tasaruf** supaya diterima risalah yang dia datang dengannya . Allah menzahirkan kepadanya apa yang akan diperbenarkan di sisi umatnya dan qaumnya supaya zahirlah din Allah . Seorang wali tidak (bertugas) seperti demikian .

Bersama ini rasul tidak menuntut tasaruf pada zahir kerana rasul mempunyai kasihan belas terhadap qaumnya . Dia tidak berkehendak berlebih2an dalam menzahirkan hujjah atas mereka kerana pada demikian adalah kebinasaan mereka . Dia mahu mereka berkekalan .

Rasul juga mengetahui bahawa mukjizat apabila zahir kepada satu jemaah , maka antara mereka ada yang beriman ketika demikian dan ada yang mengenalinya namun melawannya . Dia tidak menzahirkan tasdiq terhadap mukjizat itu kerana zalim , elitis dan hasad . Ada yang menghubungkan demikian kepada sihir dan waham .

Apabila rasul melihat demikian (perlawanan) , dan bahawa tidak akan beriman melainkan orang yang Allah telah menyinarkan qalbnya dengan nur iman . Iaitu selagi seorang itu tidak melihat dengan nur yang dinamakan iman , perkara mukjizat tidak akan memberi faedah kepadanya . Himmah para rasul tidak sampai kepada menuntut perkara2 mukjizat kerana kesan mukjizat tidak mengumumkan para pemerhati dan tidak berkesan dalam qalb mereka .

Sepertimana dikatakan pada hak rasul yang paling sempurna , makhluk yang paling berilmu , dan yang paling benar dalam hal : *sesungguhnya kamu tidak dapat memberi petunjuk kepada orang yang kamu sayangi , akan tetapi Allah yang memberi petunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki .* (28/56)

Jika himmah mempunyai kesan semestinya tidak seorang lebih sempurna daripada Nabi saw , lebih tinggi dan lebih kuat himmah daripadanya . Namun himmahnya tidak berkesan untuk mengislamkan Abu Thalib , pamannya dan berkenaan dengannya telah turun ayat yang kami telah sebutkan .

Seperti demikian dikatakan pada Nabi saw : *tidak ditanggung atasnya melainkan penyampaian .(5/99)* Dan firmanNya : *tidak atas kamu petunjuk kepada mereka , akan tetapi Allah yang memberi petunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki . (2/272)* Tambahan dalam Surah al Qisas : *Dia yang lebih mengetahui tentang mereka yang mendapat petunjuk . (28/56)* iaitu tentang mereka yang memberi kepadaNya ilmu tentang hidayat mereka melalui ain tsabit mereka dalam keadaan adam mereka .

Dia mensabitkan bahawa (pencapaian) ilmu mengikuti yang maklum . Sesiapa yang mukmin dalam tsubut ainnya dan keadaan adamnya , akan zahir dengan demikian suwar dalam keadaan wujudnya . Sesungguhnya Allah mengetahui demikian daripadanya bahwa dia akan menjadi sedemikian . Kerana demikian Dia berfirman: *Dia yang lebih mengetahui tentang mereka yang mendapat petunjuk .(28/56)*

Ketika berfirman demikian Dia juga berfirman : *tidak berubah firman di sisi Aku . (50/29)* ; kerana firman Aku berdasarkan ilmuKu tentang makhlukKu ; *dan tidaklah Aku zalim terhadap hamba Aku . ()* Aku tidak mentaqdirkan kufur yang menyengsarakan mereka kemudian Aku tuntutan daripada mereka apa yang tidak dalam kemampuan mereka untuk mendatangkannya . Bahkan Kami tidak beramal atas mereka melainkan mengikut apa yang Kami ketahui tentang mereka . Dan tidak Kami mengetahui tentang mereka melainkan dengan apa yang mereka memberitahu Kami daripada nafs mereka daripada (usul) yang mereka (terbina) atasnya . (komen : kerambangan taqdir dengan kesegeraan ilmu Allah ; lihat *Physics of God*)

Jika mereka biasa berbuat zalim sememangnya mereka orang zalim . Kerana demikian Dia berfirman : *akan tetapi merekalah yang menzalimkan diri mereka , dan Allah tidak menzalimkan mereka . (2/57)* Seperti demikian Kami tidak berkata kepada mereka melainkan apa yang zat Kami memberikan supaya diucapkan kepada mereka . Zat Kami memaklumkan kepada Kami dengan sendirinya supaya Kami berkata sedemikian dan tidak berkata sedemikian . Maka Kami tidak berkata melainkan apa yang Kami ketahui supaya dikatakan . Kami kata : Kata adalah daripada Kami dan bagi mereka ikut atau tidak ikut apa yang mereka dengar .

Segalanya adalah daripada Kami dan daripada mereka
Penerimaan adalah terpulang kepada Kami dan kepada mereka
Jika mereka bukan daripada Kami
Kami , tanpa syak , adalah daripada mereka .

Maka hendaklah kamu merealisasikan wahai saudaraku hikmah kekuasaan dalam kalimat Luth kerana ia adalah **lubb marifat** . Sesungguhnya telah jelas kepada kamu sirr (di sini) dan telah diuraikan urusannya . Sungguh telah dimasukkan ke dalam yang genap apa yang dikatakan ia witr .

Permata Hikmah Qadar dalam Kalimat Uzair

Ketahuiilah bahawa **qadha** adalah hukum Allah pada objek . Dan hukum Allah pada objek mengikut had ilmuNya dengannya dan tentangnya . **Ilmu Allah tentang objek** berdasarkan maklumat yang diberitahu objek tentang apa yang ada pada dirinya .

Qadar adalah perwaktuan apa yang objek terbina atasnya dalam ainnya tanpa tambahan . **Qadha tidak menghukum atas objek melainkan dengan qadar** . Ini adalah ain sirr qadar bagi mereka yang mempunyai qalb atau menumpukan pendengaran sedangkan dia bersaksi bahawa bagi Allah hujjah yang sehabis2 matang .

Para hakim dalam tahqiq hukum mengikut ain masaalah yang dia menghukum atasnya , dengan apa yang dituntut zatnya . Apa yang dihukumkan atasnya , melalui apa yang ada padanya , menghukum atas para hakim supaya dia berhukum atasnya dengan demikian . Setiap penghakim dihukumkan atasnya dengan kerana apa yang dia berhukum dengannya , dan dengan kerana apa yang dia berhukum atasnya , sesiapa saja penghakim itu . Fahamilah betul2 masaalah ini .

Sesungguhnya qadar tidak dijahilkan melainkan kerana tersangat zuhurnya dan belum lagi dikenali . Justeru banyak terjadi tuntutan dan desakan .

Ketahuiilah bahawa para rasul as dari pihak mereka rasul , bukan dari pihak mereka wali dan arifin , beroperasi mengikut martabat umat mereka . Tidak di sisi mereka ilmu ,yang mereka dihantarkan dengannya , melainkan qadar apa yang dihajatkan kepadanya umat demikian rasul , tidak lebih dan tidak kurang .

Umat berlebih kurang , setengah mereka melebihi setengah yang lain , maka para rasul pun berlebih kurang dalam ilmu pengutusan mengikut umat mereka .
FirmanNya : *demikian rasul , Kami melebihkan setengah mereka atas setengah (2/253)* Mereka juga berlebih kurang , pada apa yang kembali kepada zat mereka as , pada ilmu dan hukum mengikut persediaan mereka . FirmanNya : *sesungguhnya Kami telah melebihkan setengah anbiya atas setengah (17/55)* .

Firman Allah tentang haq khalq : *dan Allah melebihkan setengah kamu atas setengah pada rizqi (16/71)* Adapun rizqi , maka ada yang ruhani seperti ilmu dan ada yang indrawi seperti makanan . Al Haq *tidak menurunkannya melainkan pada qadar yang maklum (15/21)* iaitu apa yang patut yang dituntut khalq .

Sesungguhnya Allah memberi setiap sesuatu khalqnya (20/50) dan *Dia menurunkan dengan qadar apa yang Dia kehendaki (42/27)* . Dia tidak berkehendak melainkan apa yang Dia ketahui kemudian Dia menghukum dengannya . Dan Dia tidak mengetahui , sepertimana kami telah sebutkan , melainkan apa yang diberitahuNya oleh objek .

Perwaktuan pada asalnya terpulang kepada maklum , iaitu qadar yang diqadarkan . Qadha , ilmu , iradat dan kehendak mengikuti qadar . **Sirr qadar** adalah dari kerana maklum , dan Allah tidak memahamkannya melainkan kepada orang yang Dia khususkannya dengan marifat yang lengkap . Ilmu tentangnya memberi kerehatan total kepada yang alim tentangnya ; (sirr qadar) juga memberi azab yang pedih . Ia memberi dua yang berlawanan dan dengannya Al Haq mewasafkan diriNya dengan marah dan ridha dan bertentangan asma ilahi .

Maka satu haqiqat (ARK : iaitu sirr qadar) berhukum atas maujud mutlak dan maujud yang berkait . Tidak mungkin bahawa ada sesuatu yang lebih lengkap daripadanya , lebih kuat dan lebih agung kerana keumuman hukumnya yang langsung atau tidak langsung .

Para anbiya as tidak mengambil ilmu mereka melainkan daripada wahyu ilahi yang khas . Qalb mereka bebas daripada spekulasi lojikal kerana ilmu mereka tentang kekurangan aqal pada persepsi kognitifnya dalam mencapai objek atas apa yang ada pada objek . Pengkhabaran juga kurang pada membawa apa yang tidak dapat disedari melainkan dengan zauq .

Tidak ada ilmu yang menyempurnakan melainkan dalam tajalli ilahi . Apa yang dikasyafkan al Haq kepada mata basirah dan penglihatan daripada penutupan kemudian dicapai perkara yang qadim , hadas , adam , wujud , kemustahilannya , kewajibannya dan keharusannya adalah mengikut apa yang ada pada haqiqat dan ain .

Adapun kerana tuntutan Uzair as mengikut thariqat khas , dijatuhkan teguran atasnya seperimana datang dalam khabar . Jika dia menuntut kasyaf yang kami sebutkan , kemungkinan tidak dijatuhkan atasnya teguran . Dalil atas kelurusan hatinya adalah katanya : *bagaimana dapat Allah menghidupkan ini selepas kematiannya . (2/259)* Adapun di sisi kami , suwarnya as dalam katanya ini seumpama suwar Ibrahim dalam firman Allah Taala : *Perlihatkan kepada aku bagaimana Kamu menghidupkan yang mati . (2/260)*

Demikian telah menuntut jawaban dengan tindakan yang dizahirkan al Haq padanya dalam firmanNya : *maka Allah mematikannya seratus tahun kemudian membangkitkannya ()* . Kemudian Dia berfirman kepadanya : *Dan lihatlah kepada tulang , bagaimana kami mengumpulkannya kemudian melapiknya dengan daging . ()* Maka dia melihat dengan mata bagaimana tumbuh jasmani dengan kenalpasti yang tepat . Dia memperlihatkan kepadanya kaifiat (pertumbuhan) .(Komen: tertib fisiologi tumbuhan yang mustahak untuk memajukan ilmu perubatan)

Kemudian dia telah tanya tentang qadar yang tidak tercapai melainkan dengan kasyaf tentang objek dalam keadaan tsbutnya dalam adamnya tetapi dia tidak diberitahu . Demikian adalah antara khususiah tilikan ilahi dan adalah mustahil mengetahuinya melainkan Dia . Sesungguhnya ia adalah kunci terawal , iaitu kunci ghaib yang tidak diketahui melainkanNya . Adakala Allah memperlihatkan sesiapa yang Dia kehendaki dari kalangan hambaNya atas setengah perkara demikian .

Ketahuilah tidak dinamakan sesuatu itu kunci melainkan ketika pembukaan . Hal pembukaan adalah hal yang bertakluk dengan takwin sesuatu , atau katakan jika kamu kehendaki , hal takluk qudrat dengan yang ditaqdirkan . Tidak ada zauq dalam demikian bagi selain Allah . Tidak berlaku dalam takwin tajalli ataupun kasyaf , tidak ada qadar dan tindakan melainkan terpulang kepada Allah secara khas kerana Dialah yang mempunyai wujud yang mutlak yang tidak terkait .

Apabila kami melihat teguran Allah terhadapnya dalam soalan tentang qadar , kami mengetahui bahawa dia menuntut tilik ini . Dia menuntut supaya memiliki qudrat yang takluk dengan apa yang ditaqdirkan . Tidak mengqadha demikian melainkan pihak yang mempunyai wujud mutlak , iaitu dia telah menuntut apa yang tidak mungkin wujud dalam makhluk secara zauq . Sesungguhnya kaifiat tidak tercapai melainkan dengan zauq .

Adapun apa yang kami riwayatkan daripada apa yang Allah mewahyukan dengannya kepadanya : jika kamu tidak berhenti , nescaya Aku akan menghilangkan nama kamu daripada dewan anbiya . Iaitu **Aku akan mengangkatkan daripada kamu thariq pengkhabaran dan memberi kamu (pengetahuan) urusan atas jalan tajalli** . Tajalli tidak berlaku melainkan dengan apa yang kamu ada dalam persediaan (kamu) yang dengannya berlaku idrak zauqi .

Kamu mengetahui bahawa kamu tidak idrak melainkan mengikut persediaan kamu . Lihatlah kepada perkara yang kamu tuntutan itu . Apabila kamu tidak melihatnya kamu ketahuilah bahawa di sisi kamu tidak ada persediaan bagi apa yang kamu tuntutan , dan demikian adalah antara khususiah zat ilahi .

Sesungguhnya kamu ketahui bahawa Allah memberi setiap sesuatu khalqnya . Maka apabila Dia tidak memberi kepada kamu persediaan yang khas ini , maka ia bukan khalq kamu . Jika ia khalq kamu nescaya al Haq akan memberikannya kepada kamu , Dialah yang mengkhabarkan bahawa Dia yang memberi setiap sesuatu khalqnya .

Kamu yang berhenti daripada seumpama permintaan ini daripada diri kamu . Tidak ada hajat padanya kepada larangan yang lain . Ini adalah inayat Allah terhadap Uzair as . Demikian diketahui orang yang mengetahui dan jahil terhadapnya orang yang jahil .

Ketahuilah bahawa wilayah adalah falak umum yang menyeluruhi alam . Kerana ini ia tidak terputus dan baginya pemberitaan yang umum . Adapun nubuwah tasyrik dan risalah maka ia menerima putus . Pada Mohd saw ia telah terputus dan tidak ada nabi selepasnya yakni yang membawa syariat atau disyariatkan untuknya , ataupun rasul iaitu yang membawa syariat .

Hadis ini adalah satu cebisan berkenaan penzahiran awliya Allah kerana ia mengandungi keterputusan zauq ubudiah yang kamil dan lengkap . Tidak akan disebutkan atas ubudiah namanya yang khas (iaitu kenabian) . Sesungguhnya hamba berkehendak bahawa dia tidak bersekutu tuannya iaitu Allah pada nama . Allah pun tidak pernah dinamakan sebagai nabi ataupun rasul . Namun Dia dinamakan sebagai wali . Dia bersifat dengan nama ini dalam firmanNya : *Allah adalah wali mereka yang beriman (2/257)* dan firmanNya : *dan Dia adalah Wali yang Terpuji . (42/28)*

Nama ini kekal dan digunakan bagi hamba Allah di dunia dan akhirat . Tetapi tidak berkekalan nama yang khusus bagi hamba dan tidak al Haq , dengan terputusnya nubuwah dan risalah , melainkan Allah sangat lembut terhadap hambaNya . Maka Dia mengekalkan bagi mereka nubuwah umum yang tidak mempunyai tasyrik padanya .

Dia mengekalkan bagi mereka **tasyrik dengan ijtiha dalam pensabitan hukum** . Dia mengekalkan bagi mereka **pewarisan dalam syariat** . Sabda Nabi saw : Ulama adalah pewaris anbiya .(Hadis) Tidak ada warisan di sana pada demikian melainkan dalam hukum yang mereka mengijtihadkan kemudian mensyariatkannya .

Maka apabila kamu melihat Nabi saw bercakap dengan kalam yang terkeluar daripada tasyrik , maka ia adalah dari pihak dia seorang wali dan arifin . Kerana ini , maqamnya dari segi dia alim dan wali adalah lebih lengkap dan kamal dari segi dia seorang rasul atau pihak yang mempunyai pensyariatan dan syariat .

Jika kamu mendengar seorang daripada ahli Allah berkata atau disampaikan kepada kamu bahawa dia berkata : Wilayah adalah lebih tinggi daripada nubuwah ; maka yang mengatakannya tidak berkehendak melainkan apa yang kami telah sebutkan . Atau dia berkata : Sesungguhnya seorang wali mengatasi nabi dan rasul ; maka sesungguhnya maknanya dengan demikian adalah pada individu yang satu . Iaitu bahawa rasul dari segi dia seorang wali adalah lebih lengkap dari segi dia seorang nabi dan rasul . Bukan bahawa wali yang mengikut nabi lebih tinggi daripada nabinya . Sesungguhnya yang mengikut tidak akan melebihi yang diikuti selama2nya pada apa yang dia mengikutinya . Jika melebihinya tidaklah dikatakan dia mengikutinya . Fahamilah .

Tempat rujuk rasul atau nabi yang membawa syariat adalah kepada wilayah dan ilmu . Tidakkah kamu melihat bahawa Allah telah menyuruhnya supaya menuntut tambahan ilmu bukan lain . FirmanNya kepadanya , iaitu suruhan : *Katakanlah : Wahai Rabb aku tambhilah pada aku akan ilmu (20/114)*

Demikian adalah kerana kamu mengetahui bahawa syariat mentaklifkan amalan yang khas atau larangan daripada perbuatan yang khas . Tempatnya adalah dunia ini , dan (nubuwwah) pun telah terputus . Namun wilayah tidak sedemikian . Jika ia terputus sepertimana terputusnya nubuwah ia akan terputus dari pihak usul . Dan jika terputus dari pihak usulnya nescaya tidak berkekalan baginya asma . Tetapi al Wali adalah satu asma Allah , maka ia adalah untuk hambaNya sebagai model akhlaq untuk direalisasikan dan sebagai pergantungan .

FirmanNya kepada Uzair : *jika kamu tidak berhenti ()* daripada menyoal tentang mahiyah qadar , nescaya Aku akan menghapuskan nama kamu daripada daftar nubuwah . Segala urusan akan datang kepada kamu sebagai kasyaf melalui tajalli dan akan hilang daripada kamu nama nabi dan rasul ; dan dikekalkan baginya wilayahnya .

Melainkan bahawasanya qarinah hal menunjuk bahawa khita ini adalah sebagai ancaman . Orang yang diiringi di sisinya hal ini , bersama khita ancaman tentang terputus baginya khususnya setengah martabat wilayah dalam dunia ini , kerana nubuwah dan risalah adalah martabat khas dalam martabat2 yang terdapat dalam

wilayah , maka diketahui bahawa dia lebih tinggi daripada wali yang tidak mempunyai nubuwwah tasryik dan risalah di sisinya .

Orang yang diiringi di sisinya hal lain yang menuntut juga martabat nubuwwah , maka sabit di sisinya bahawa (khitab) ini adalah janji bukan ancaman . Sesungguhnya soalan (Uzair as) diterima kerana nabi adalah wali yang khas . Dikenali dengan qarinah hal bahawa seorang nabi dari segi dia mempunyai khususiah ini dalam wilayah , maka adalah mustahil bahawa dia mendahului pada apa yang dia mengetahui Allah benci (jika datang) daripadanya . Atau dia meminta apa yang dia ketahui adalah mustahil penghasilannya .

Apabila hal ehwal ini mengiringi semasa berlaku perkara ini kemudian hal itu berketetapan , (al Haq) mengeluarkan khitab ilahi ini di sisiNya dalam firmanNya : nescaya Aku menghapuskan nama kamu daripada daftar nubuwwah ; sebagai janji . Ia menjadi khabar yang menunjuk kepada satu martabat yang berkekalan . Iaitu martabat yang berkekalan atas anbiya dan rasul dalam alam akhirat , yang bukanlah tempat syariat bagi sesiapa pun daripada khalq Allah apakah syurga atau neraka , selepas memasuki keduanya .

Sesungguhnya kami mengkaitkannya dengan kemasukan ke dalam dua tempat , syurga dan neraka kerana apa yang disyariatkan pada hari qiamat untuk sahib fitra , kanak2 kecil dan orang gila . Mereka dihipunkan dalam satu medan untuk mendirikan pengadilan , balasan bagi kesalahan dan pahala amal bagi sahib syurga . Apabila mereka telah berhimpun dalam satu medan terasing daripada manusia lain , dibangkitkan di kalangan mereka seorang nabi daripada yang terulung mereka .

Digambarkan kepada mereka neraka yang dibawa nabi yang dibangkitkan kepada demikian qaum dan dia akan berkata kepada mereka : Aku ada rasul Allah kepada kamu . Kemudian ada yang membenarkannya dan ada yang mendustakannya . Dia akan berkata kepada mereka : Terjun ke dalam api ini dengan sendiri . Sesiapa yang mentaati aku akan terselamat dan akan masuk syurga . Sesiapa yang mendurhakai aku dan menyalahi suruhan aku akan binasa dan dia akan menjadi ahli neraka .

Sesiapa yang mengikuti suruhannya dan melemparkan dirinya ke dalam api itu akan berbahagia dan mencapai pahala dan akan mendapati demikian api sejuk dan selamat . Sesiapa yang menderhakainya berhak uqubah dan akan masuk neraka . Dia turun ke dalamnya kerana amalannya yang menyalahi . Ini supaya terdiri keadilan daripada Allah di kalangan hambaNya .

Seperti demikian firman Allah Taala : *pada hari didedahkan betis (68/42)* iaitu satu perkara yang besar antara kejadian2 akhirat . Kemudian mereka dipanggil supaya bersujud ; dan ini adalah taklif dan tasyrik . Antara mereka ada yang mampu dan antara mereka ada yang tidak mampu . Mereka adalah orang yang Allah berfirman tentang mereka : *Dan mereka disuruh supaya sujud kemudian mereka tidak mampu . ()* ; sepertimana setengah hamba tidak mampu mengikuti suruhan Allah di dunia , contohnya Abu Jahal dan selainnya .

Ini adalah qadar apa yang kekal daripada syariat di alam akhirat pada hari qiamat sebelum masuk syurga atau neraka . Kerana ini kami telah mengaitkannya . Segala puji bagi Allah al Wali .

Permata Hikmah Nubuwwah dalam Kalimat Isa

Kejadian Isa dengan Mukjizat yang Mengiringinya

Daripada air Mariam dan daripada tiupan Jibril
Dalam suwar basyar yang diwujudkan daripada tanah
Ruh berada dalam zat , tersuci daripada tabiat yang dinamakan penjara
Kerana itu , lama kediamannya dalamnya melebihi seribu (tahun) ketentuan
Ruh daripada Allah bukan lain , menghidupkan yang mati dan menciptakan
burung daripada tanah
Adalah sah baginya nasab daripada Allah , dengannya memberi bekas pada
yang tinggi dan rendah
Allah mensucikannya pada jasmani dan mentanzihkannya pada ruh dan
menjadikannya contoh takwin

Ketahuilah antara **khususiah ruh** bahawa ia tidak menyentuh sesuatu melainkan
demikian sesuatu menjadi hidup dan mengalir hayat dalamnya . Kerana ini al Samiri
menyimpan satu genggamannya daripada bekas rasul iaitu Jibril yang adalah ruh . Dia
mengetahui tentang perkara ini dan apabila dia mengenali kedatangan Jibril dia
kenal bahawa hayat telah mengalir dalam apa yang disentuhinya . Maka dia telah
mengambil satu genggamannya daripada bekas rasul , iaitu memenuhi tangannya atau
secubit hujung jarinya , kemudian mencampakkannya kepada patung anak lembu .

Patung itu pun menguak seperti bunyi lembu . Jika bunyi itu didirikan suwar lain ,
akan dinisbahkan kepadanya nama suara bagi demikian suwar seperti gogok bagi
unta , mengembek bagi kambing dan suara bagi manusia ataupun natiq atau kalam .

Demikian qadar daripada hayat yang mengalir dalam objek dinamakan **lahut . Nasut**
adalah tempat yang padanya terdiri ruh hidup , yang menghidupkan tempat itu sebagai
nasut . Adakala dinamakan tempat yang berdiri ruh sebagai ruh secara majaz iaitu
penamaan tempat dengan nama penghuni tempat , seperti rukyah .

Ketika al Ruh al Amin iaitu Jibril menyamarkan diri kepada Mariam as sebagai
basyar yang sempurna bentuk kejadiannya , dia berkhayal bahawa lelaki itu hendak
bersetubuh dengannya . Dia meminta perlindungan dengan Allah daripadanya dengan
segala (himmah)nya iaitu dengan segala wujudnya . Supaya Allah membersihkannya
daripada lelaki itu kerana dia mengetahui bahawa demikian adalah tidak harus .
Terhasil bagilnya hudur yang lengkap bersama Allah iaitu **ruh maknawi** .

Jika ditiup ke dalamnya pada demikian waktu dalam keadaan itu nescaya Isa akan
keluar di mana tidak seorang pun akan menyanggupinya kerana keras khalqnya dari
kerana hal ibunya . Apabila Jibril berkata kepadanya : Sesungguhnya aku adalah
rasul Rabb kamu dan aku datang untuk memberi kamu seorang anak yang suci , dia
telah mengendur daripada demikian kesempitan . Dadanya berlapangan , ketika
demikian Jibril telah meniup Isa ke dalamnya . Jibril hanya pemindah kalimat Allah
kepada Mariam sepertimana rasul pemindah kalam Allah kepada umatnya . *Isa
adalah kalimatNya yang Jibril telah campakkan kepada Mariam dan ruh
daripadaNya .(4/171)*

Kemudian bergerak syahwat dalam Mariam dan diciptakan jisim Isa daripada air yang benar² daripada Mariam dan daripada air yang wahamkan daripada Jibril yang mengalir dalam kebasahan demikian tiupan . Tiupan daripada jisim yang hidup adalah basah kerana terdapat dalamnya rukun air , maka jadilah jisim Isa daripada air yang diwahamkan dan air yang sebenar . Dia lahir dalam suwar basyar dari kerana ibunya dan penyamaran Jibril dalam suwar basyar supaya tidak berlaku takwin dalam spesis manusia ini melainkan atas hukum yang biasa .

Isa mampu menghidupkan yang mati kerana dia ruh ilahi . Yang menghidupkan adalah Allah dan bagi Isa tiupan sepertimana bagi Jibril tiupan dan bagi Allah kalimat . Penghidupan Isa untuk mayit adalah penghidupan yang sebenar , dari segi apa yang zahir daripada tiupannya sepertimana dia zahir daripada suwar ibunya . Penghidupannya juga diwahamkan sebagai daripadanya tetapi sesungguhnya ia daripada Allah .

Dia menghimpunkan melalui haqiqat yang dia diciptakan atasnya , sepertimana kami telah sebut bahawa dia tercipta daripada air yang diwahamkan dan air yang sebenar . Penghidupan dinisbahkan kepadanya dengan thariq tahqiq pada satu wajah dan dengan thariq waham pada satu wajah . Dikatakan padanya secara tahqiq dengan : *kemudian kamu menghidupkan yang mati* . Dan di katakan padanya secara tawaham : *kemudian kamu tiupkan ke dalamnya dan ia pun menjadi burung dengan izin Allah* .
()

Amil terletak dalam “dengan izin” bukan “ kamu tiupkan” . Boleh juga amil ditanggung atas “ kamu tiupkan” maka jadilah ia sebagai burung dari segi suwar jasmaninya . Seperti demikian : *kamu menyembuhkan yang buta dan kusta* , dan segala apa yang dinisbahkan kepada Isa dan kepada izin Allah .

Izin adalah satu kinayah dalam kata : dengan izin aku , dan dengan izin Allah . Apabila digantungkan kepada “ kamu tiupkan” maka peniup telah diizinkan untuk meniup dan jadilah burung itu kerana tiupan dengan izin Allah . Jika peniup meniup tanpa izin jadilah takwin burung sebagai burung dengan izin Allah . Amil pada demikian adalah dalam “menjadi “ . Jika dalam perkara ini tidak ada waham dan tahqiq nescaya suwar ini tidak akan menerima dua wajah ini . Ini kerana konstitusi Isa membenarkan demikian .

Isa menunjukkan tawadhuk sehingga mensyariatkan kepada umatnya supaya memberi jizya dengan tangan mereka dalam keadaan tunduk . Dan jika seorang mereka dipukul pada satu pipi supaya memberi pipi yang lain kepada pemukul , tidak memberontak ataupun menuntut qisas . Ini adalah miliknya dari pihak ibunya kerana bagi perempuan kerendahan dan tawadhuk . Dia di bawah lelaki pada hukum dan fisikal .

Apa yang ada padanya daripada kekuatan menghidupkan dan menyembuh adalah daripada pihak tiupan Jibril dalam suwar basyar . Isa menghidupkan yang mati dalam suwar basyar . Jika Jibril tidak datang dalam suwar basyar , dan datang dalam suwar selain basyar daripada suwar ciptaan anasir seperti haiwan , pokok atau jamad , Isa tidak akan dapat menghidupkan yang mati melainkan semasa bersepakaian dengan demikian suwar dan zahir dalamnya .

Jika Jibril datang dalam suwar nur , iaitu bukan daripada anasir dan rukun , tanpa keluar daripada tabiatnya , nescaya Isa tidak dapat menghidupkan yang mati melainkan dia zahir dalam suwar nur yang bukan anasir , bersama suwar basyar yang datang daripada pihak ibunya .

Dikatakan tentang Isa ketika dia menghidupkan yang mati : Dia , juga bukan Dia . Mereka menjadi hairan menilik kepadanya . Sepertimana berlaku kepada orang yang beraqal ketika tilik fikir apabila melihat seorang basyar menghidupkan yang mati . Sedangkan ia antara khususiah ilahi menghidupkan natiq bukan saja gerakgeri haiwan . Yang menilik kekal hairan kerana dia melihat suwar basyar mengakibatkan kesan ilahi .

Ini membawa setengah mereka kepada pendapat hulul iaitu Isa adalah Allah dengan kerana menghidupkan yang mati . Kerana demikian mereka dinisbahkan kepada kufur , makna penutup iaitu mereka menutup Allah yang menghidupkan yang mati dengan suwar basyari Isa . FirmanNya : *telah kafir mereka yang berkata : sesungguhnya Allah adalah Isa ibn Mariam(5/17)* . Mereka menghimpunkan kesalahan dengan kufur dengan lengkap kalam di atas , tidak dengan berkata : Dia Allah ; dan tidak dengan berkata : anak Mariam . Mereka menyekutukan dengan mempermasukkan Allah , dari segi Dia menghidupkan yang mati, kepada suwar nasut basyari dengan kata mereka : anak Mariam .

Tidak syak bahawa Isa anak Mariam . Pendengar berkhayal bahawa mereka menisbahkan uluhiah kepada suwar dan mereka menjadikan uluhiah ain suwar . Mereka tidak berbuat demikian , bahkan mereka menjadikan huwiyah sebagai prinsip dalam suwar basyar iaitu anak Mariam . Mereka menceraikan antara suwar dan hukum kerana mereka menjadikan suwar sebagai ain hukum .

Sepertimana Jibril menjelma dalam suwar basyar yang tidak meniup . Kemudian dia meniup , iaitu diceraikan suwar daripada tiupan . Tiupan itu daripada suwar , (tetapi) suwar tetap ada tanpa tiupan . Tiupan itu bukan daripada definisi zat suwar .

Kerana demikian telah berlaku khilaf antara ahli ideoloji tentang siapa dia Isa . Sesiapa yang melihatnya dari segi suwarnya yang insan dan basyar berkata dia anak Mariam . Sesiapa yang melihatnya dari segi suwar yang digambarkan sebagai basyar menisbahkannya kepada Jibril . Sesiapa yang melihatnya dari segi apa yang zahir padanya daripada menghidupkan yang mati menisbahkannya kepada Allah dari kerana ruhani dan berkata : Dia ruh Allah , iaitu denganNya zahir hayat pada orang yang dia meniup ke dalamnya .

Maka adakala al Haq diwahamkan padanya , adakala malaikat dan adakala basyar insani . Jadilah dia di sisi setiap penglihat mengikut apa yang termenang atas penglihat . Isa kalimat Allah , ruh Allah dan hamba Allah . Tidak ada sedemikian khilaf pada suwar indrawi bagi selain Isa .

Bahkan setiap individu dinisbahkan kepada bapanya dalam suwar bukan kepada peniup ruhnya dalam suwar basyar . Sesungguhnya apabila Dia menyempurnakan jisim insan sepertimana dalam firmanNya : *dan apabila Aku menyempurnakan kejadiannya (15/29)* Allah Taala akan meniup ke dalamnya daripada ruhNya . Maka dinisbahkan ruh dalam kejadiannya dan ainnya kepada Allah Taala , tetapi

berkenaan dengan Isa bukan sedemikian . Sesungguhnya dilapiskan kejadian jisimnya dan suwar basyarinya dengan tiupan ruhani dan selain daripadanya , sepertimana kami telah sebutkan , tidak seumpamanya .

Segala maujudat adalah kalimat Allah yang tidak berkesudahan kerana ia terjadi daripada Kun dan Kun adalah kalimat Allah . Adakah dinisbahkan kalimat ini kepadaNya mengikut apa yang Dia atasnya sedangkan tidak diketahui mahiyah kalimat . Atau Allah Taala turun kepada suwar pihak yang mengucapkan Kun , maka jadilah perkataan Kun haqiqat demikian suwar yang Dia turun kepadanya dan zahir dalamnya . Setengah arifin memegang pendapat yang satu dan setengah mereka pendapat yang lain . Setengah mereka hairan berkenaan perkara ini dan tidak mengetahui .

Masaalah ini tidak mungkin dikenali melainkan secara zauq . Seperti Abu Yazid ketika dia meniup ke atas semut yang dibunuhnya kemudian ia pun hidup kembali . Dia mengetahui ketika itu bersama siapa dia meniup kemudian dia meniup , iaitu ia adalah satu persaksian Isawi .

Adapun penghidupan maknawi dengan ilmu , maka demikian adalah penghidupan ilahi , yang zati , kekal , tinggi dan nurani yang dikatakan padanya dalam firmanNya : *dan adakah orang yang mati kemudian Kami hidupkannya semula dan Kami jadikan baginya nur yang menerangi , dia berjalan dengan suluhan nur itu dalam masyarakat (6/122)* . Setiap orang yang menghidupkan nafs yang mati dengan kehidupan ilmiah pada satu masaalah khas , tertakluk dengan ilmu berkenaan Allah , sesungguhnya dia telah menghidupkannya dengannya . Baginya nur yang dengannya dia berjalan dalam masyarakat , iaitu di antara mereka yang sama bentuk pada suwar .

Jika bukan kerana Dia dan kerana kami
Tidak terjadi apa yang telah terjadi
Aku menyembah dengan sebenarnya
Sesungguhnya Allah adalah tuan kami
Dan aku ainNya , ketahuilah
Apabila kamu berkata insan
Maka jangan kamu terhibab dengan insan
Dia telah memberi kamu bukti
Jadilah hak dan jadilah makhluk
Dengan Allah kamu akan bersifat dengan rahmat
Berilah makan makhlukNya denganNya
Kamu akan menjadi ruh dan raihan
Kami memberiNya apa yang muncul
dalam kami daripadanya dan Dia memberikan kami
Maka jadilah urusan itu terbahagi
antaraNya dan antara kami
Dia yang mengetahui hatiku
Menghidupkannya ketika menghidupkan kami
Ketika itu kami dalamNya sebagai
Akwan , ayan dan zaman
Ia/Qurbah tidak berkekalan dalam kami
Sesungguhnya demikian berlaku hanya semasa-semasa

Polarisasi dalam Kejadian

Antara apa yang menunjukkan apa yang kami sebutkan , dalam perkara tiupan ruhani bersama suwar anasir basyar , al Haq mewasafkan diri dengan nafas ruhani /rahmani . Semestinya bagi setiap sesuatu yang disifatkan dengan satu sifat bahawa ia mengikuti sifat itu pada apa yang sifat itu melazimkan atasnya . Kamu telah ketahui bahawa nafas adalah apa yang lazim atas pihak yang bernafas .

Kerana demikian nafas ilahi menerima suwar alam dan nafas bagi suwar alam seperti jauhar hayula dan ia bukan melainkan **ain tabiat** . Anasir adalah satu antara suwar tabiat . Apa yang atas daripada anasir dan yang lahir daripadanya maka ia juga antara suwar tabiat . Ini termasuk arwah tinggi sehingga melampaui langit ketujuh . Adapun arwah langit tujuh dan ayannya maka ia adalah daripada anasir kerana ia daripada dukhan anasir , yang lahir daripadanya .

Malaikat yang berada pada setiap langit adalah daripada anasir . Apa yang atas lagi termasuk tabiat . Dengan kerana ini Allah telah mewasafkan mereka dengan sengketa, yakni al Mala al A'la , kerana yang tabiat berpolarisasi . Polarisasi yang terdapat dalam asma ilahi adalah nisbah yang datang daripada nafas rahmani . Tidakkah kamu lihat bahawa zat terkeluar daripada hukum ini , bagaimana baginya kekayaan daripada segala alam . Dengan kerana ini alam keluar dalam suwar pihak yang menjadikannya dan ia bukan melainkan nafas ilahi .

Pada apa yang terdapat dalamnya kepanasan ia akan naik , dan pada apa yang terdapat dalamnya kebasahan dan kesejukan ia akan turun . Pada apa yang terdapat dalamnya kekeringan ia sabit dan tidak bergoncangan/stabil . Presipitasi adalah kerana kebasahan dan kesejukan .

Tidakkah kamu lihat seorang tabib apabila dia kehendaki memberi seorang ubat dia akan meneliti air (kencing)nya dalam botol yang panjang lehernya . Apabila dia melihat ia berpresipitasi dia ketahui bahawa kematangan (penyakit) telah sempurna maka dia pun memberinya ubat untuk mempercepatkan pemulihannya . Sesungguhnya ia berpresipitasi kerana kebasahannya dan kesejukannya yang tabii .

Kemudian individu insan ini , diuli tanahnya dengan kedua tanganNya yang dwipolar . Jika sekalipun kedua tanganNya adalah kanan , (polarisasi) tidak tersembunyi kerana ada furqan antara keduanya . (Furqan) tidak berlaku melainkan berduaan iaitu dua tangan . Sesungguhnya tidak berkesan dalam tabiat melainkan apa yang sesuai dengannya , iaitu polarisasi , maka didatangkan (ibarat) dua tangan .

Apabila dijadikannya dengan kedua tanganNya , dinamakannya basyar kerana mubasyarah (/sentuhan) , yang berpatutan kepada demikian pihak, dengan dua tangan yang diidafatkan kepadaNya . Dijadikan demikian sebagai inayatNya kepada spesis insan ini . Maka dikatakan kepada pihak yang enggan bersujud kepadanya : *Apakah yang mencegah kamu daripada bersujud kepada apa yang Aku telah ciptakan dengan kedua tanganAku . Apakah kamu anggap kamu lebih besar , atas orang yang seumpama kamu , iaitu (diperbuat) daripada anasir , ataupun kamu dari kalangan yang tinggi . (38/75) daripada anasir , sedangkan kamu bukan sedemikian .*

Makna illiyun adalah mereka yang tertinggi zatnya daripada anasir semasa kemunculan nuraninya, jika sekalipun daripada alam tabii. Insan tidak melebihi selainnya daripada pelbagai spesis tabii melainkan dengan keadaannya diciptakan sebagai basyar daripada tanah. Dia spesis yang paling utama daripada segala yang tercipta dengan anasir tanpa mubasyarah dengan dua tangan. Dia pada martabat lebih tinggi daripada malaikat bumi dan langit, tetapi malaikat illiyun lebih baik daripada spesis insan ini mengikut nas al Quran.

Sesiapa berkehendak mengenali nafs ilahi maka hendaklah dia mengenali alam. Sesungguhnya sesiapa yang mengenali dirinya mengenali Rabbnya, yang zahir dalamnya. Alam zahir dalam nafas al Rahman yang Allah Taala menafaskan dengannya atas asma ilahi, segala apa yang (asma) mewujudkan, daripada adam penzahiran kesan (asma) kepada penzahiran kesan (asma).

Dia memperkukuhkan nafasNya dengan apa yang Dia menjadikan dalam nafasNya dan awal2 kesan yang berlaku adalah daripada demikian pihak. (swa-perkukuhan) Kemudian senentiasa turun suruhan dengan pernafasan yang umum sehingga kepada akhir apa yang wujud.

Maka segalanya dalam ain nafas
Seperti cahaya dalam zat kegelapan
Ilmu melalui burhan adalah hasil
Orang yang mengantuk pada akhir siang
Maka dia melihat apa yang aku telah perkatakan
Sebagai rukyah yang menunjukkan kepada nafas
Ia melihatkannya daripada segala kesempitan
Dalam tilawahNya - dia merengut
Sesungguhnya Dia telah bertajalli
Kepada yang datang menuntut api
Dia melihatNya sebagai api
Sedangkan Dia nur bagi raja dan yang mencari2
Apabila kamu telah faham perkataan aku
Ketahuilah bahawa kamu dalam keadaan sedih
Jika (Musa) menuntut selain demikian (api)
Nescaya dia akan melihatNya dalamnya tanpa keterbalikan (makna)

Doa Pengampunan Isa

Adapun kalimat Isawi ini, ketika al Haq mendirikanNya pada maqam: sehingga kami mengetahui dan Dia mengetahui; Isa akan disoal tentang apa yang dinisbahkan kepadanya apakah ia benar ataupun tidak. Sedangkan Dia mengetahui tentangnya terdahulu, apakah berlaku demikian perkara ataupun tidak. Maka Dia berkata kepadanya: *apakah kamu berkata kepada manusia: jadikanlah aku dan ibuku dua tuhan selain dari Allah.* (5/116)

Semestinya pada adab menjawab pihak yang bertanya. Ini kerana ketika Dia tajalli kepadanya pada maqam ini dan dalam suwar ini, hikmah menghendaki jawab dalam keadaan perpisahan daripada ain kejamakan. Dia menjawab dengan mendahulukan tanzih: *Maha Suci Kamu*. Dihaddkan dengan kaf mukhattab, pihak yang menuntut penghadapan dan khitab.

Tidak patut bagi aku , dari segi aku untuk aku bukan Kamu , bahawa aku berkata apa yang aku tidak berhak (mengatakannya) , iaitu apa yang dikehendaki huwiyah aku bukan zat aku . Jika aku berkatanya sesungguhnya Kamu mengetahui , kerana Kamu yang berkata , dan sesiapa yang berkata sesuatu nescaya mengetahui apa yang dia katakan . Kamulah lisan yang aku berkata dengannya , sepertimana Nabi saw telah mengkhabarkan kepada kami dalam khabar ilahi dengan sabdanya : Akulah lisannya yang dengannya dia berkata . (Hadis Qudsi) Dia menjadikan huwiyahNya ain lisan mutakalim tetapi menisbahkan kalam kepada hambaNya .

Kemudian hamba yang soleh melengkapkan jawabnya dengan berkata : *Kamu mengetahui apa yang ada dalam diriku , yang berkata adalah al Haq : dan aku tidak mengetahui apa yang ada dalamnya .* Iaitu , pada ilmu tentang huwiyah Isa dari segi huwiyahNya bukan dari segi al Haq sebagai pengucap dan pembekas . *SesungguhnyaMu , Kamulah ,* iaitu didatangkan dengan katanama terasing secara tegas untuk penerangan dan berpegangan atasnya , kerana tidak mengetahui yang ghaib melainkan Allah . Dia memisahkan dan menghimpunkan , mengesakan dan mempelbagaikan , meluaskan dan mempersempitkan .

Kemudian berkata Isa untuk melengkapkan jawabnya : *aku tidak berkata kepada mereka melainkan apa yang Kamu suruh aku dengannya .* Dia telah nafi awal2 lagi , menunjukkan bahawa dia tidak berada di sana . Bicara itu mewajibkan adab bersama petanya . Jika dia tidak berbuat demikian nescaya dia akan disifatkan dengan adam ilmu tentang haqaiq , dan Isa semestinya terpelihara daripada demikian . Maka dia berkata : *melainkan apa yang Kamu suruh aku dengannya .* Kamulah yang berkata2 atas lisan aku , Kamulah lisan aku . Renungilah pemberitahuan ruhani ilahi ini , betapa halus dan teliti ia .

Sembahlah kamu akan Allah ; dia mendatangkan nama Allah kerana para hamba berbeza dalam ibadat dan berbeza dalam syariat . Dia tidak menentukan satu nama khas mengecualikan nama lain , bahkan nama yang menghimpunkan kesemua . Kemudian dia berkata : *Rabb aku dan Rabb kamu .* Adalah maklum bahawa nisbahNya kepada mana satu maujud pada rububiah tidak sama dengan nisbahNya kepada maujud yang lain . Kerana demikian dia telah membandingkan dengan katanya : *Rabb aku dan Rabb kamu ,* iaitu kinayah mutakalim dan kinayah mukhathab.

Melainkan apa yang Kamu suruh aku dengannya , iaitu mensabitkan dirinya disuruh . Ia bukan selain ubudiahnya kerana seorang itu tidak disuruh melainkan boleh ditasawurkan daripadanya mengikuti suruhan itu , jika sekalipun dia tidak berbuat .

Suruhan turun mengikut hukum martabat dan kerana demikian , terceluplah setiap apa yang zahir dalam mana satu martabat dengan apa yang diberikan haqiqat demikian martabat . Martabat pihak yang disuruh mempunyai hukum yang zahir dalam setiap yang disuruh . Martabat pesuruh mempunyai hukum yang nyata dalam setiap suruhan .

Al Haq berkata : *dirikanlah solat* , maka al Haq adalah pesuruh dan mukalaf yang disuruh . *Wahai Rabbku , ampunilah aku* , maka hamba adalah pesuruh dan al Haq yang disuruh . Apa yang al Haq tuntutan daripada hamba dengan suruhanNya , pada ainnya , adalah apa yang hamba tuntutan daripada al Haq dengan suruhannya (iaitu untuk perkenan doa) . Kerana demikian setiap doa diperkenankan dan semestinya , jika sekalipun diakhirkkan sepertimana setengah mukalaf mengakhirkkan (solat) .

Barangsiapa yang bermukim disuruh mendirikan solat tetapi dia tidak solat dalam waktunya dan mengakhirkkan perlaksanaannya , kemudian solat dalam waktu lain sedangkan dia mampu melakukan demikian , maka semestinya dia menjawab jika sekalipun dengan qasad saja .

Dan aku menjadi pensaksi atas mereka ... , dia tidak berkata : atas diri aku bersama mereka ; sepertimana dia berkata : *Rabb aku dan Rabb kamu ; ... selagi aku diam bersama mereka* . Ini kerana anbiya adalah saksi atas umat mereka selagi mereka diam bersama umat . *Dan apabila Kamu sempurnakan tempoh aku* , iaitu dengan mengangkat aku kepada Kamu dan menghijabkan mereka daripada aku dan menghijabkan aku daripada mereka : *Kamu sendiri yang mengawasi keadaan mereka* , dalam selain maddah aku bahkan dalam maddah mereka , kerana Kamu penglihatan mereka yang menuntut pengawasan . Pensaksian insan akan dirinya adalah pensaksian al Haq atasnya .

Dia berkehendak membezakan antaranya dengan Rabbnya , sehingga diketahui bahawa dia Isa kerana keadaannya hamba dan bahawa al Haq adalah al Haq kerana keadaanNya sebagai rabb baginya . Maka didatangkan untuk dirinya sebagai pensaksi dan untuk al Haq sebagai pengawas . Didahulukan mereka pada hak dirinya dengan berkata : *atas mereka sebagai saksi selagi aku kekal bersama mereka* , menunjukkan pengutamaan mereka dengan disebut terdahulu secara beradab .() Dan pada pihak al Haq diakhirkkan sebutan mereka dalam firmanNya : *Kamu adalah pengawas atas mereka* , iaitu hak rabb didahulukan dengan kerana martabat .

() *ARK: mendahulukan menunjuk kepada pengkhususan iaitu aku menjadi saksi atas mereka secara khas , tidak atas orang lain .*

Ketahui bahawa al Haq mempunyai nama al Raqib yang Isa menggunakan untukNya . Dan Dia adalah al Syahid dalam firmanNya : *atas mereka sebagai saksi* , dan firmanNya : *dan Kamu menjadi saksi atas segala sesuatu* . Dia mendatangkan “segala” yang menunjukkan umum dan “sesuatu” kerana keadaannya yang paling nakirah . (/tidak dikenalpastikan) Dia mendatangkan nama al Syahid , maka Dia adalah saksi atas segala (objek) yang disaksikan mengikut apa yang dikehendaki haqiqat demikian objek .

Dia memperingati bahawa Allah Taala adalah saksi atas qaum Isa ketika berkata : *dan aku menjadi saksi atas mereka selagi aku kekal bersama mereka* . Ia adalah pensaksian al Haq dalam maddah Isawi sepertimana telah sabit (bagi Nabi saw) bahawa Dia adalah lisannya , pendengarannya dan penglihatannya .

Kemudian dia telah bersabda satu kalimat Isawi dan Muhamadi . Adapun keadaannya yang Isawi , maka ia adalah kata2 Isa yang dikhabarkan Allah daripada Isa dalam kitabNya . Dan adapun keadaannya Muhamadi , maka kerana penggunaan kalimat itu oleh Muhammad saw dalam satu peristiwa di mana kalimat itu diucapkan .

Dia telah berdiri satu malam penuh , mengulang2kannya tanpa paling kepada yang lain sehingga naik fajar : *jika Kamu mengazabkan mereka , sesungguhnya mereka adalah hamba2 Kamu ; dan jika Kamu mengampunkan mereka maka sesungguhnya Kamu sahaja yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana .*

“Mereka” adalah gantinama yang menunjukkan orang2 ghaib sepertimana “dia” menunjuk seorang ghaib . FirmanNya : *mereka yang kafir* ; keghaiban menjadi penutup bagi mereka daripada apa yang dikehendaki dengan yang disaksikan orang yang hadir . Kemudian dia bersabda : *jika Kamu mengazabkan mereka* ; dengan gantinama ghaib , iaitu ain hijab yang mereka dalamnya tertutup daripada al Haq .

Nabi telah memperingatkan Allah sebelum kehadiran mereka sehingga apabila mereka hadir pada (Hari Qiamat) ragi telahpun bertindak atas ulian tepung menjadikan tepung seumpamanya . *Sesungguhnya mereka adalah hamba Kamu* ; dia telah mengesakan khitab (iaitu dengan “Kamu”) kerana tauhid yang mereka berada atasnya pada haqiqat .

Tidak ada ketundukan yang lebih besar daripada ketundukan hamba , kerana mereka tidak mempunyai tasaruf atas diri sendiri . Mereka berbuat apa yang dikehendaki tuan mereka dengan mereka dan tidak ada sekutu baginya pada mereka . Sesungguhnya dia bersabda : *hamba Kamu* ; iaitu dengan mengesakan .

Apa yang dikehendaki dengan azab adalah penundukan mereka dan tidak ada yang lebih tunduk daripada mereka kerana mereka adalah hamba . Zat mereka menuntut bahawa mereka orang hina . Kamu tidak menghinakan mereka dengan apa yang lebih rendah daripada keadaan mereka sebagai hamba .

Jika Kamu mengampunkan mereka ; iaitu Kamu menghadang mereka daripada timpaan azab yang patut bagi mereka kerana penyalahan mereka . Iaitu Kamu mengampunkan mereka , menutup mereka daripada demikian dan mencegah mereka daripada azab . *Maka Kamu adalah Yang Maha Perkasa* iaitu Pencegah dan Pelindung . Asma ini , apabila diberikannya al Haq kepada seorang antara hambaNya, dinamakan al Haq sebagai al Muiz dan orang yang diberi nama ini **al Aziz** . Dia menjadi pencegah yang melindungi daripada apa yang al Muntaqim berkehendak dengannya dan Yang Pengazab berkehendak daripada tuntutan balas dan azab . Nabi telah menggunakan gantinama asing dan gantinama sambung untuk penegasan dalam penjelasan .

Juga supaya ayat2 itu semua merupakan satu jujukan : *sesungguhnya Kamu sahaja yang Maha Mengetahui Yang Ghaib ; sesungguhnya Kamu sahaja yang al Raqib atas mereka ; sesungguhnya Kamu sahaja yang Maha Perkasa Maha Bijaksana* . Kalimat yang menjadi permintaan Nabi saw dan desakannya atas Rabbnya , mengulang2kannya semalam penuh sehingga fajar , adalah permintaan yang menuntut jawaban .

Jika dia telah mendengar jawabannya pada awal permintaan nescaya dia tidak mengulangkannya . Al Haq mendatangkan kepadanya secara tafsil apa yang mewajibkan mereka diazabkan . Dia telah bersabda kepadaNya pada setiap aradh dan ain yang didatangkannya secara tertentu : *jika Kamu mengazabkan mereka , maka sesungguhnya mereka adalah hamba2 Kamu . Dan jika Kamu mengampunkan mereka , sesungguhnya Kamu sahaja yang Maha Perkasa Maha Bijaksana .* (Komen: Nabi saw mengetahui rahsia2 sahabat , Hadis/ atsar selepas peristiwa ini perlu dibacakan atas dasar ini , transformasi positif daripada asas2 Isawi kepada syariat Muhamadi .)

Jika dia melihat dalam demikian tonjolan apa yang mewajibkan mendahulukan al Haq dan pemilihan pihakNya nescaya dia akan berdoa atas mereka , tidak untuk mereka . Tidak ditonjolkan kepadanya melainkan apa yang mereka berhak daripada apa yang diberikan ayat ini daripada taslim kepada Allah dan pendedahan kepada kemaafanNya .

Telah datang (dalam hadis) bahawa al Haq apabila Dia gemar mendengar suara hambanya dalam doanya kepadaNya , Dia mengakhirkan jawapan kepadanya sehingga dia mengulang2kannya kerana kasih kepadanya bukan berpaling daripadanya . Kerana itu dia telah menggunakan nama al Hakim , iaitu yang meletakkan segala sesuatu pada tempatnya . Dia tidak berpaling pada tempat , daripada apa yang dikehendaki dan dituntut haqiqat sesuatu dengan sifat2nya . Al Hakim alim tentang tertib .

Nabi saw mengulang2kan ayat ini atas ilmu yang agung daripada Allah . Sesiapa membaca ayat ini maka secara inilah dibacainya . Jika tidak , lebih baik diam . Apabila Allah bermuafakat dengan hamba sehingga dia mengucap sesuatu perkara , maka Dia tidak muafakatnya melainkan dia telah berkehendak menjawabnya pada perkara itu dan qadha hajatnya .

Janganlah seorang berlambat2 pada apa yang terkandung dalam apa yang dimuafakatkan baginya . Hendaklah dia bertekun seperti ketekunan Nabi saw pada ayat ini dalam segala halnya sehingga dia mendengar dengan telinganya atau pendengarannya , ikut sukahati kamu . Ataupun bagaimana saja Allah memperdengarkan kamu jawapan itu . Jika Dia mengharuskan kamu meminta dengan lisan nescaya diperdengarkan kamu melalui telinga kamu . Jika diharuskan kepada kamu makna diperdengarkan kamu dengan pendengaran kamu .

Permata Hikmah Rahman dalam Kalimat Sulaiman

Sesungguhnya ia adalah daripada Sulaiman dan sesungguhnya ia (dimulai) dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih . () Ada setengah manusia kritik didahulukan nama Sulaiman sebelum nama Allah . Tetapi tidak pernah sedemikian . Mereka telah mengatakan pada demikian apa yang tidak patut , yang tidak layak bagi marifat Sulaiman as tentang Rabbnya . Bagaimana dia layak apa yang mereka perkatakan sedangkan Balqis berkata tentangnya : *Sesungguhnya telah disampaikan kepada aku satu surat mulia ()* iaitu yang memuliakannya .

Sesungguhnya mereka terbawa kepada demikian kerana pengkoyakan Kisra akan surat Nabi saw . Dia tidak mengoyakkannya sehingga telah membaca kesemuanya dan mengenali kandungannya . Balqis biasa berbuat demikian ; jika tidak bersesuaian nescaya dia tidak setuju . Dia tidak akan melindungi surat itu daripada dibakar dengan kerana menghormati penulisnya apakah didahulukan sebutan nama Sulaiman as sebelum Allah atau kemudian .

Sulaiman dengan menyebut dua rahmat , rahmat anugerah dan rahmat kewajiban iaitu al Rahman al Rahim . **Allah menganugerahkan dengan al Rahman dan mewajibkan dengan al Rahim** . Kewajiban ini sebahagian daripada anugerah maka termasuk al Rahim dalam al Rahman secara keseluruhan .

Sesungguhnya Dia telah menulis atas diriNya dengan rahmat , Maha Suci Dia ; supaya demikian menjadi bagi hamba , mengikut apa yang al Haq telah sebut tentang amalan yang didatangkan hamba , satu hak atas Allah yang Dia mewajibkan atas diriNya . Dia berhak dengan kerana amalannya akan rahmat ini iaitu rahmat kewajiban . Mana satu hamba yang menyamai ini maka sesungguhnya dia mengetahui siapa yang beramal padanya .

Amalan terbahagi kepada lapan anggota insan . Al Haq telah mengkhabarkan bahawa Dia adalah huwiyah setiap anggota . Amil bukan selain al Haq pada suwar hamba dan **huwiyah dimasukkan secara indiraj ke dalamNya** iaitu asmaNya bukan lain . Ini kerana Allah Taala adalah ain apa yang zahir dan dinamakan khalq . DenganNya nama al Zahir dan al Akhir (menjadi) kepunyaan hamba kerana keadaannya tidak ada kemudian ada . Terhenti penzahirannya atasNya dan kemunculan amalan daripadaNya , justeru kepunyaan hamba nama al Batin dan al Awal . Apabila kamu melihat khalq kamu melihat al Awal , al Akhir , al Zahir dan al Batin .

Marifat ini tidak ghaib daripada Sulaiman as . Bahkan ia adalah antara kerajaan yang tidak patut bagi seorang pun kemudian daripadanya , iaitu penzahiran dengan kerajaan ini dalam alam syahadah . Namun Nabi saw telah diberi apa yang diberi Sulaiman tetapi tidak secara menzahirkan .

Allah telah memperkuatkannya dengan qahar atas Ifrit yang telah datang satu malam untuk menyerangnya . Kemudian dia geram menangkap Ifrit dan mengikatnya pada satu tiang antara tiang2 masjid sehingga subuh supaya kanak2 Madinah dapat bermain dengannya . Kemudian dia telah mengingati doa Sulaiman as , dan Allah telah menghalaukan Ifrit . Maka Nabi saw tidak menzahirkan apa yang dia berkuasa atasnya sedangkan Sulaiman menzahirkan demikian .

Kemudian kata (Sulaiman) “ kerajaan” tidak umum , maka kami mengetahui bahawa dia berkehendak satu kerajaan khas . Kami melihat bahawa (Nabi saw) telah disekutukan dalam setiap juzuk daripada kerajaan yang Allah telah memberikannya maka kami mengetahui bahawa dia tidak dikhususkan melainkan dengan kesemua demikian . Dan dengan hadis Ifrit bahawa dia tidak dikhaskan dengan penzahiran .

Sedangkan Sulaiman dikhaskan dengan kesemua juzuk kerajaan dan penzahiran . Jika Nabi saw tidak bersabda dalam hadis Ifrit : maka Allah telah memperkuasakan aku atas Ifrit ; nescaya kami berkata bahawa ketika dia geram menangkap Ifrit , Allah telah memperingatkannya tentang doa Sulaiman supaya dia mengetahui bahawa Dia tidak memperkuasakannya atas menangkap Ifrit , kemudian Allah menghalaukan Ifrit .

Maka apabila dia berkata : maka Allah telah memperkuasakan aku atas Ifrit ; kami ketahui bahawa Allah Taala telah memberinya taseer atasnya . Kemudian Allah telah memperingatkannya dan dia pun mengingati doa Sulaiman dan beradab bersamanya . Maka kami mengetahui dari ini bahawa tidak patut bagi seseorang daripada khalq selepas Sulaiman penzahiran dengan demikian secara umum .

Tujuan kami dalam masalah ini tidak lain daripada bicara dan peringatan tentang kedua rahmat ini yang disebutkan Sulaiman dengan dua asma itu yang dalam tafsir keduanya dalam lisan Arab adalah al Rahman dan al Rahim . Dia telah mengkaitkan rahmat kewujuban dan mengitlakkan rahmat keanugerahan dalam firmanNya : *dan rahmat Aku meluasi segala sesuatu (7/156)* termasuk asma ilahi iaitu haqaiq nisbah .

Dia menganugerahkan kami atas asma ; kami adalah natijah rahmat penganugerahan dengan asma ilahi dan nisbah rabbani . () Kemudian dia mewajibkannya atas diriNya dengan penzahiran kami untuk kami . Dia memberitahu kami bahawa Dia huwiyah kami supaya kami mengetahui bahawa Dia tidak mewajibkannya atas diriNya melainkan untuk diriNya . Rahmat tidak terkeluar daripadaNya . Maka atas siapakah Dia menganugerahkan sedangkan tidak ada di sana melainkan Dia .

() *ARK : dengan wujud yang sempurna daripada spesies insan*

Bukankah semestinya ada hukum untuk menjelaskan kelebihan apabila zahir perbezaan khalq dalam ilmu . Sehingga dikatakan : Sesungguhnya si anu lebih mengetahui daripada si anu bersama keesaan pada ain . Maknanya pertentangan takluk iradat dengan takluk ilmu . Ini adalah kelebihan dalam sifat ilahi dan kesempurnaan takluk iradat , kelebihanannya dan tambahannya atas takluk qudrat .

Seperti demikian pendengaran ilahi , penglihatan dan segala asma ilahi berbeza pada darjat setengahnya atas setengah . Seperti demikian perbezaan apa yang zahir pada khalq dengan dikatakan si anu ini lebih mengetahui daripada si anu itu bersama keesaan ain . Sepertimana setiap asma ilahi apabila kamu mendahulukannya kamu telah menamakannya dengan segala nama dan naatkannya dengan asma .

Seperti demikian pada apa yang zahir daripada khalq , baginya keahlian setiap apa yang ia dilebihkan atasnya . **Maka setiap juzuk daripada alam adalah satu perhimpunan alam , iaitu ia penerima haqaiq segala ketunggalan alam .**

Kata kami Zaid kurang daripada Umar pada ilmu tidak mencederakan bahawa huwiyah al Haq adalah ain Zaid dan Umar . Dan pada Umar ilmu lebih sempurna daripada pada Zaid , dan dia lebih mengetahui . Sepertimana berlebih kurang asma ilahi sedangkan ia bukan selain al Haq . Maka Dia dari segi Dia Alim lebih umum pada takluk daripada segi Dia Murid dan Qadir , sedangkan Dia masih Dia , bukan selain Dia .

Wahai saudara aku , jangan kamu mengetahuiNya di sini dan jahil tentangNya di sana , dan kamu nafiNya di sini dan sabitNya di sana , melainkan kamu sabitNya dengan wajah yang Dia sabitkan diriNya dan kamu nafiNya dari demikian dengan wajah yang Dia nafi diriNya , seperti ayat yang menghimpunkan nafi dan isbat pada haqNya dalam firmanNya : *tidak ada sesuatu seumpamaNya* , iaitu menafi ; *dan Dia Maha Mendengar , Maha Melihat* , dengan sifat yang mengumumkan kesemua pendengar dan penglihat daripada haiwan .

Tidak ada di sana melainkan haiwan (/yang hidup) , melainkan ia tersembunyi daripada idrak setengah manusia dalam dunia , dan zahir dalam akhirat kepada setiap manusia kerana ia adalah tempat tinggal haiwan . Seperti demikian dunia , melainkan hayatnya tertutup daripada setengah hamba supaya zahir pengkhususan dan kelebihan-kurangan antara hamba Allah mengikut apa yang mereka idrak daripada haqaiq alam .

Sesiapa yang lebih umum idraknya maka al Haq dalamnya lebih zahir pada hukum daripada orang yang tidak ada padanya demikian keumuman . Janganlah kamu terhibat dengan kelebihan-kurangan dan berkata : Tidak sah kalam orang yang berkata bahawa al Khalq adalah huwiyah al Haq . Aku telahpun memperlihatkan kamu kelebihan-kurangan asma ilahi yang kami tidak mengesyaki bahawa ia adalah al Haq . Apa yang ditunjukkan asma adalah apa yang dinamakan dengannya dan ia bukan melainkan Allah .

Kemudian bagaimana Sulaiman mendahulukan namanya sebelum nama Allah sepertimana mereka anggapkan . Sedangkan dia adalah antara jumlah orang yang diwujudkan rahmat rahmaniah . Semestinya didahulukan al Rahman al Rahim supaya sah sandaran pihak yang dirahmati . Mendahulukan orang yang patut dita'khirkan dan menta'khirkan pihak yang berhak didahulukan adalah sebalik haqaiq .

Antara hikmah Balqis dan ketinggian ilmunya adalah taktiknya tidak menyebut siapa yang mencampakkan surat itu kepadanya . Dia tidak berbuat demikian supaya sahabat2nya mengetahui bahawa dia mempunyai hubungan dengan perkara yang mereka tidak mengetahui thariq hubungannya . Ini antara tadbir ilahi dalam muluk .

Apabila dijahilkan thariq pengkhabaran yang sampai kepada raja , ahli daulat akan takut atas diri mereka dalam tasaruf mereka . Mereka tidak akan tasaruf dalam sesuatu perkara melainkan apabila ia sampai kepada sulthan , mereka teraman daripada bahaya demikian tasaruf . Jika dinyatakan kepada mereka atas tangan siapa sampai khabar kepada raja mereka , nescaya mereka akan berpura2 dengannya dan menghulurkan rasuah kepadanya sehingga mereka dapat melakukan apa yang mereka kehendaki tanpa sampai apa2 khabar kepada raja mereka .

Katanya : *Telah dihantarkan kepada aku satu surat yang mulia . ()* Dan tidak dinamakan siapa yang menyampaikannya , sebagai satu siasah daripadanya , yang mewariskan pengawasan terhadapnya di kalangan ahli kerajaannya dan pentadbirnya yang khas . Dengan kerana ini dia berhak didahulukan atas mereka .

Adapun **kelebihan alim dari kalangan insan atas alim dari kalangan jinn adalah pada asrar tasaruf dan kekhususan objek** . Ini dibuktikan dengan qadar zaman . Sesungguhnya kembali palingan mata kepada penglihat lebih pantas daripada kembali dirinya seorang kepada tempat duduknya .

Zaman yang dalamnya mata bergerak adalah ain zaman ia takluk dengan objek penglihatannya tidak kira berapa jauh penglihat daripada objek . Zaman pembukaan mata adalah zaman takluk mata dengan falak kawakib yang tsabit . Zaman kembali gerakan mata kepada penglihat adalah ain zaman tanpa idrak . Berdiri daripada tempat tidak sedemikian , tidak baginya kepantasan ini .

Asif ibn Barkhiyah lebih lengkap dalam amalan daripada jinn . Ain ucapan Asif ibn Barkhiyah adalah ain perbuatan pada zaman yang satu . Maka Sulaiman as melihat dengan matanya pada zaman itu arashy Balqis bertetapan di sisinya , supaya tidak dihayalkan bahawa dia idraknya sedangkan arshy itu pada tempatnya tanpa perpindahan .

Tidak pada sisi kami (pegangan) perpindahan dalam ittihad zaman . Apa yang berlaku adalah peniadaan dan penjadian di mana tidak seorang menyedarinya melainkan sesiapa yang mengenalinya . FirmanNya : *bahkan mereka dalam keadaan keliru tentang penciptaan baru . (50/15)* Tidak berlalu atas mereka satu waktu di mana mereka tidak melihat dalamnya apa yang mereka melihat .

Seperti apa yang aku telah sebut , zaman tiadanya iaitu tiada arshy pada tempatnya adalah ain wujudnya di sisi Sulaiman , dengan kerana pembaruan ciptaan bersama anfas . Tidak ada ilmu bagi sesiapaapun tentang qadar ini . Bahkan manusia tidak menyedarinya berkenaan dirinya , bahawa dalam setiap nafas dia tiada kemudian ada .

Jangan kamu berkata bahawa “ tsumma” menghendaki satu tangguhan zaman . Demikian tidak sahih . Ia mengkehendaki keterdahuluan pada martabat tinggi di sisi orang Arab pada beberapa tempat khas . Seperti kata pensyair : Seperti ayunan Rudayni (akan pedang) kemudian iapun bergetaran . Zaman ayunan adalah ain zaman getaran (pedang) yang diayunkan tanpa syak . Sungguh telah didatangkan “tsumma” tetapi tidak ada tangguhan masa .

Seperti demikian pembaruan ciptaan bersama anfas , zaman tiada adalah ain zaman wujud yang seumpama . Seperti penciptaan baru aradh dalam dalil Asyaari . Sesungguhnya masaaalah keterhasilan arshy Balqis antara masaaalah yang sangat rumit melainkan di sisi orang yang mengenali apa yang kami telah sebutkan tadi dalam kisahnya .

Tidak ada bagi Asif kelebihan dalam demikian melainkan menghasilkan penciptaan baru dalam majlis Sulaiman as . Arshy itu tidak memotong apa2 jarak , bumi tidak dilipatkan baginya dan tidak ada carik adat bumi , bagi sesiapa yang memahami apa yang kami telah sebutkan . Demikian berlaku pada tangan setengah sahabat Sulaiman

supaya lebih membesarkan Sulaiman as kepada para hadirin seperti Balqis dan sahabat2nya .

Sebab demikian adalah keadaan Sulaiman sebagai satu hebah Allah kepada Daud sepertimana dalam firmanNya : *dan Kami telah hebahkan kepada Daud (seorang anak bernama) Sulaiman (38/30)* . Hebah adalah pemberian atas thariq memberi nikmat bukan atas thariq balasan yang patut dan keberhakan . Ia adalah nikmat yang berlimpahan , hujjah yang meyakinkan dan pukulan yang mengalahkan .

Adapun ilmunya , firmanNya : *dan Kami memahamkan Sulaiman akan perkara itu melawan hukum Daud : dan setiap mereka Kami memberi hukum dan ilmu .(21/79)* Ilmu Daud adalah ilmu yang diberi Allah dan ilmu Sulaiman adalah ilmu Allah pada masaalah itu , di mana dia menjadi hakim tanpa wasithah . Iaitu Sulaiman menjadi tarjuman haq pada kedudukan sidiq . (Komen: diketepikan penilaian pasaran semasa , iaitu gantian sertamerta yang konkrit dalam kes penghasilan siklik)

Sepertimana mujtahid yang menepati hukum Allah pada sesuatu masaalah , jika dia menjumpainya dengan sendirinya atau dengan apa yang diwahyukan kepada rasulNya maka baginya dua pahala . Mujtahid yang salah pada hukum tertentu mendapati satu pahala bersama keadaan ijtihadnya (dianggap) ilmu dan hukum . **Diberi kepada umat Muhammad martabat Sulaiman as dalam hukum dan martabat Daud pada hikmah .** Tidak ada umat yang lebih utama . *****

Apabila Balqis melihat arshnya di sisinya , bersama ilmunya tentang jauh jarak dan mustahil pindahannya dalam demikian masa , dia pun berkata : *Seolah2 ia . (28/42)* Dia membenarkan apa yang kami telah sebut tentang pembaruan ciptaan dengan yang seumpama . Ia adalah ia dan perkara itu memang benar . Sepertimana kamu pada zaman pembaruan adalah ain kamu pada zaman yang lalu .

Antara kesempurnaan ilmu Sulaiman adalah peringatan yang disebutkannya tentang perkarangan istana , pada peristiwa dikatakan kepada Balqis : *masukilah perkarangan ini* , yang rata dan tidak ada lengkung pada kacanya . *Apabila melihatnya dia menyangka ia sebuah kolam air , maka diapun menyingsingkan kedua betisnya . (27/44)* supaya air itu tidak kena kainnya . Sulaiman memberitahu Balqis bahawa arshy yang dilihatnya adalah dari pihak demikian , dan ini adalah setinggi2 keadilan .

Sesungguhnya dia memberitahunya tentang demikian kerana ketepatannya dalam firmanNya : *Seolah2 ia ia* . Kemudian dia berkata semasa itu : *Wahai Rabb , aku telah menzalimi diriku , dan aku menyerahkan diri bersama Sulaiman kepada Allah , Rabb sekalian alam* . Dia tidak tunduk kepada Sulaiman , sesungguhnya dia tunduk kepada Rabb sekalian alam . Sulaiman hanya sebahagian alam .

Balqis tidak mengaitkan pada ketundukannya sepertimana para rasul tidak mengaitkan , dalam iktiqad mereka kepada Allah . Berbanding Firaun kerana dia telah mengaitkan : *Rabb Musa dan Harun . (26/48)* Jika sekalipun ketundukan ini berkait dengan ketundukan Balqis pada satu wajah , namun ia tidak kuat .

Balqis lebih faqih daripada Firaun dalam ketundukannya kepada Allah . Firaun di bawah hukum semasa dengan berkata : *Aku percaya bahawa tidak ada tuhan melainkan apa yang dipercayai Bani Israil* , dengan mengkhususkan .

Dia mengkhususkan kerana melihat bahawa para sihir berkata tentang iman mereka : *Rabb Musa dan Harun* . Islam Balqis adalah Islam Sulaiman kerana dia telah berkata : *bersama Sulaiman* , iaitu mengikutinya . Dia tidak memperkenankan sesuatu aqidah melainkan Balqis memperkenankan demikian .

Sepertimana kami berada pada jalan yang lurus , yang Rabb Taala atasnya , kerana keadaan jambul kami dalam tanganNya dan mustahil perpisahan kami daripadanya . Kami bersamanya secara tersimpan dan Dia bersama kami secara ternyata . FirmanNya : *dan Dia bersama kamu di mana sahaja kamu berada .(57/4)* dan kami bersamaNya dengan keadaan Dia memegang jambul kami . Dia bersama diriNya di mana sahaja Dia bersama kami pada jalanNya .

Tidak ada seorang dalam alam melainkan dia berada atas jalan yang lurus , iaitu jalan Rabb Tabaraka wa Taala . Demikianlah apa yang Balqis belajar daripada Sulaiman , maka dia pun berkata : *kepada Rabb sekalian alam ;* tanpa mengkhususkan mana satu alam .

Adapun penundukan yang khusus bagi Sulaiman as , yang dengannya dia mengatasi orang lain , dan ia dijadikan Allah baginya sebagai sebahagian kerajaan yang tidak patut bagi seorang pun selepasnya , maka ia adalah kejadian sesuatu atas suruhannya . FirmanNya : *(dan Kami menundukkan angin) bertiup mengikut suruhannya . (21/81)*

Ia bukan daripada keadaannya satu penundukan .

Sesungguhnya Allah telah berfirman pada hak kami semua tanpa mengkhususkan : *dan Dia menundukkan bagi kamu semua segala apa yang ada di dalam langit dan bumi .(45/13)* Dia juga telah menyebut tentang penundukan angin , bintang dan selain demikian , tetapi bukan atas suruhan kami bahkan atas suruhanNya .

Jika kamu bertaaqul , tidak dikhususkan bagi Sulaiman melainkan suruhan tanpa ketumpuan dan himmah , bahkan dengan semata2 suruhan . Kami mengatakan demikian kerana kami mengetahui bahawa **jirim alam bertindak balas kepada himmah nafs apabila nafs didirikan pada maqam penumpuan** . Kami pernah mengalami demikian dalam thariq ini . Adapun bagi Sulaiman ia hanya daripada melafazkan suruhan semata2 kepada apa saja yang dia kehendaki penundukannya tanpa himmah dan tumpuan .

Ketahuilah , moga2 Allah membantu kami dan kamu dengan ruh daripadanya , bahawa umpama pemberian ini apabila terhasil bagi hamba , mana satu hamba pun , maka demikian tidak akan mengurangkannya pada milik akhiratnya dan tidak dia dihisabkan atasnya , termasuk keadaan Sulaiman as yang menuntutnya daripada Rabbnya Taala . Zauq thariq menunjuk bahawa telah dipercepatkan baginya apa yang tersimpan untuk orang lain maka ia akan diperhitungkan atasnya apabila Dia menghendakinya di akhirat .

Kemudian Allah telah berfirman kepadanya : *Ini adalah pemberian Kami ;* Dia tidak berfirman : bagi kamu , dan tidak juga : bagi selain kamu ; *maka berilah atau tahankan (pemberian) tanpa perhitungan . (38/39)* Kami mengetahui daripada zauq thariq bahawa soalan Sulaiman as akan demikian adalah atas suruhan Rabbnya .

Tuntutan apabila ia dibuat atas suruhan ilahi maka bagi penuntut pahala yang lengkap atas tuntutannya . Al Bari' Taala jika Dia kehendaki akan mengqadhakan hajatnya pada apa yang dituntut daripadanya dan jika Dia kehendaki menahannya .

Sesungguhnya hamba telah menunaikan apa yang Allah mewajibkan atasnya , dalam mencontohi suruhanNya pada apa yang dia minta Rabbnya . **Jika dia meminta demikian daripada nafsnya tanpa ada suruhan Rabbnya kepadanya , nescaya Dia akan menghisabkannya atas itu** . Ini berlaku pada segala apa yang diminta daripada Allah Taala .

Sepertimana Dia berfirman kepada nabiNya saw : *dan katakanlah : Wahai Rabb aku , tambahkanlah aku pada ilmu* . Kemudian Nabi pun mencontohi suruhan Rabbnya dan biasa menuntut tambahan ilmu . Sehingga apabila dihulurkan kepadanya susu dia mentakwilkannya sebagai ilmu . Sepertimana dia mentakwilkan rukyahnya ketika melihat dalam tidur bahwa dibawa kepadanya satu bekas susu kemudian dia meminumnya dan memberi bakinya kepada Umar ibn Khattab . Mereka bertanya : Maka apakah yang kamu mentakwilkannya . Jawabnya : ilmu .

Seperti demikian ketika diisrakkannya , malaikat membawa kepadanya satu bekas yang berisi susu , dan satu bekas lain yang berisi khamar . Dia telah minum susu maka malaikat itu telah berkata kepadanya : Kamu telah memilih fithrah . Moga2 Allah memperbetulkan dengan kamu akan umat kamu . Susu , bilamana zahir maka ia adalah suwar ilmu . Ia adalah ilmu yang digambarkan dalam suwar susu . Seperti Jibril tergambar dalam suwar basyar yang tegap kepada Mariam .

Apabila Nabi saw berkata : Manusia tidur , apabila mereka mati barulah mereka berjaga . **Dia memperingatkan bahawa setiap apa yang manusia lihat dalam kehidupannya di dunia , sesungguhnya ia adalah pada kedudukan rukyah bagi orang yang tidur dan semestinya ditakwilkan** .

Sesungguhnya kaun adalah khayal tetapi ia adalah kebenaran pada haqiqat . Sesiapa yang memahami ini dia telah mencapai asrar thariqah . Nabi saw apabila dihulurkan kepadanya susu akan berdoa : Ya Allah , berkatilah kami padanya dan tambahilah kami padanya . Ini kerana dia biasa melihatnya sebagai suwar ilmu , dan dia telah disuruh menuntut tambahan ilmu . Jika dihulurkan kepadanya selain daripada susu dia akan berdoa : Ya Allah berkatilah kami padanya dan berilah kami makan yang lebih baik daripadanya .

Sesiapa yang Allah memberinya apa yang diberinya dengan permintaan atas suruhan ilahi , maka Allah tidak akan hisabnya di akhirat . Dan sesiapa yang Allah memberinya apa yang diberinya dengan permintaan tanpa suruhan ilahi , maka perkara itu terserah kepada Allah . Jika Dia kehendaki Dia akan menghisabnya dan jika Dia kehendaki tidak dihisabkannya . Aku harap daripada Allah akan ilmu khasnya yang tidak dihisabkan atasnya .

Sesungguhnya suruhanNya kepada Nabi saw supaya tuntutan tambahan ilmu adalah ain suruhanNya kepada umatnya . Firman Allah : *Sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah contoh ikutan yang baik .(33/21)* Contoh apa yang lebih agung daripada penawar ini bagi orang yang bertaaqul dari kerana Allah .

Jika kami membicara tentang maqam Sulaiman dengan lengkap nescaya kamu akan menemui satu perkara yang akan menakutkan kamu apabila kamu melihatnya .
Sesungguhnya kebanyakan ulama thariq ini jahil tentang hal Sulaiman dan kedudukannya , ia bukan apa yang mereka anggapkan .

Permata Hikmah Wujud dalam Kalimat Daud

Sesungguhnya Kami telah memudahkan gunung-ganang turut bertasbih memuji Kami bersamanya , memuji pada waktu petang dan ketika terbit matahari , dan burung terhimpun , setiap satu menurutnya masing2 .(38/18-19) Allah menghimpunkan bagi Daud kerajaan , komunikasi dan nubuwah dalam firmanNya : dan Kami memperkuat kerajaannya dan memberikannya hikmah dan khithab yang terperinci (38/20) . Dia melantiknya sebagai khalifah pada zahir secara nyata .

Adapun kerana tasaruf dalam kerajaan dengan menundukkan adalah satu perkara yang besar dan tidak lengkap mengerjakannya seorang diri , Allah telah mengurniakan Sulaiman dan menyekutukannya dalam demikian dalam firmanNya : *sesungguhnya Kami memberi kepada Daud dan Sulaiman ilmu .* Keduanya telah berkata : *segala puji bagi Allah yang telah mengutamakan kami (27/15) .* FirmanNya : *dan Kami memahamkannya kepada Sulaiman , setiap mereka kami memberikan hukum dan ilmu . ()*

Ketahuiilah bahawa nubuwah dan risalah adalah keistimewaan ilahi maka tidak ada padanya apa2 iktisab . Iaitu nubuwah tasyrik adalah pemberian Allah Taala kepada mereka as sebagai hadiah . Ia bukan balasan dan tidak dituntut daripada mereka balasan . PemberianNya kepada mereka adalah atas thariq penikmatan dan pengutamaan .

FirmanNya : *Dan Kami kurniakan kepadanya Ishaq dan Yakub ()* iaitu kepada Ibrahim al Khalil . Dan tentang Ayub : *dan Kami memberi kepadanya ahlinya dan seumpama mereka bersamaan (38/43)*. Dan pada hak Musa : *dan Kami kurniakan kepadanya daripada rahmat Kami saudaranya Harun sebagai nabi . (19/53)* dan lain2 seumpama demikian . Yang membantu mereka pada awalnya adalah yang membantu mereka pada akhirnya dalam segala hal mereka atau kebanyakannya . Ia bukan melainkan asmaNya al Wahab .

FirmanNya pada hak Daud : *sesungguhnya Kami telah memberi Daud limpah kurnia daripada Kami . (34/10)* Tidak diiringi bersamanya balasan yang dituntut daripadanya dan tidak dikhabarkan bahawa pemberianNya yang disebutkan adalah balasan . Apabila dituntut syukur atas demikian dengan amalan , dituntutnya daripada ahli Daud , dan tidak terpalang kepada menyebut Daud , supaya ahlinya mensyukuriNya atas nikmat yang dikurniakan kepada Daud .

Ia pada hak Daud adalah pemberian nikmat dan pengutamaan dan pada hak ahlinya adalah selain demikian , untuk tuntutan gantian . Firman Allah Taala : *wahai ahli Daud , kerjalah dan bersyukur . Sememangnya sedikit sahaja daripada hamba Aku yang bersyukur . (34/13)*

Jika sekalipun anbiya as telahpun mensyukuri Allah Taala atas apa yang Dia memberikan nikmat dengannya kepada mereka dan mengurniakan mereka , namun demikian bukan atas tuntutan daripada Allah bahkan mereka berbuat demikian secara sukarela .

Sepertimana Nabi saw berdiri malam sehingga bengkok kakinya sebagai syukur kerana Allah telah mengampuninya apa yang terdahulu daripada dosanya dan apa yang terkemudian . Apabila dikatakan kepadanya pada demikian dia bersabda : Tidakkah patut aku menjadi hamba yang bersyukur . FirmanNya tentang Nuh : *sesungguhnya dia seorang hamba yang bersyukur . (17/3)* Yang syukur daripada hamba Allah adalah sedikit .

Awal2 nikmat yang Allah mengurniakan atas Daud bahawa diberinya satu nama yang di dalamnya tidak ada huruf yang bersambungan . Dia memutuskannya daripada alam dengan demikian , sebagai khabar kepada kami daripadanya dengan nama ini semata2 , iaitu dal , alif dan waw .

Dinamakan Nabi saw dengan huruf sambung dan huruf cerai maka disambungkannya dengan alam dan diceraikannya daripada alam . Dihimpunkan baginya antara dua hal dalam namanya sepertimana dihimpunkan untuk Daud antara dua hal mengikut jalan makna saja . Tidak dijadikan demikian dalam namanya . Ini adalah satu keistimewaan Muhammad atas Daud as , iaitu peringatan atas (dua makna sambung dan cerai) dengan nama . Dilengkapkan bagi Nabi saw perkara itu dari segala jihatnya . Seperti demikian juga pada namanya Ahmad . Ini adalah antara hikmah Allah .

Kemudian dikatakan pada hak Daud tentang apa yang diberi kepadanya atas thariq anugerah , pemantulan gunung bersamanya akan tasbih , iaitu gunung bertasbih bersama tasbih Daud supaya bagi dia amalannya , dan seperti demikian dengan burung .

Dia memberinya kekuatan dan dinaatkannya dengannya dalam firmanNya : *dan ingatlah hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan pegangan (38/17)* Dia memberinya hikmah () dan khithab yang terperinci . ()

() *ARK : siasah khalq , tadbir kerajaan dan pengarah kaun kepada tujuannya dengan bantuan ilahi dan suruhan syari'*

() *ARK : penjelasan tentang haqiqat urusan yang sebenar , pemerincian hukum , pemutusan proposisi dengan yaqin tanpa syak dan ragu dan kebimbangan padanya .*

Kemudian kurnian terbesar dan kedudukan rapat yang Allah mengkhaskan Daud dengannya adalah penusunan tentang khilafahnya . Demikian tidak dilakukan bersama mana satu daripada anbiya jenisnya , jika sekalipun di kalangan mereka terdapat khalifah . FirmanNya : *Wahai Daud , sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah di bumi , maka berhukumlah antara manusia dengan benar dan janganlah kamu mengikut hawa nafs , iaitu khathir yang mendatangi kamu dalam hukum kamu tanpa wahyu daripada Aku ; kemudian ia menyesatkan kamu daripada jalan Allah . (38/26)* Iaitu jalan yang Aku wahyukannya kepada rasul2 Aku .

Kemudian Maha Suci Dia telah beradab bersama Daud dengan berfirman : *sesungguhnya mereka yang sesat daripada jalan Allah , bagi mereka azab yang bersangatan dengan kerana melupai hari hisab . ()* Dia tidak mengancamnya dengan berfirman : Jika kamu sesat daripada jalan Aku maka bagi kamu azab yang bersangatan .

Jika kamu berkata : Berkenaan dengan Adam telah dinaskan tentang khilafahnya . Kami berkata : Ia tidak ternas seumpama nas Daud . Sesungguhnya dikatakan kepada para malaikat : *sesungguhnya Aku menjadi di bumi khalifah .(2/30)* dan tidak dikatakan : sesungguhnya Aku menjadikan Adam khalifah . Jika dikatakan demikian pun , ia tidak sama dengan firmanNya : *Sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu khalifah ()* pada hak Daud . Ini sesuatu yang direalisasikan , yang demikian tidak sedemikian .

Penyebutan Adam dalam kisah2 selepas demikian nas tidak menunjukkan bahawa dia ain demikian khalifah yang dinaskan Allah . Tumpukan hati kamu kepada khabar2 al Haq terhadap hamba2Nya apabila dikhabarkan . Seperti demikian pada hak Ibrahim al Khalil as : *Sesungguhnya Aku menjadikan kamu sebagai imam untuk manusia . (2/124)* . Tidak dikatakan khalifah , namum kami mengetahui bahawa keimaman di sini adalah khalifah . Akan tetapi ia bukan seumpamanya kerana tidak disebutkannya dengan nama yang khusus baginya iaitu khalifah .

Pengkhususan kekhalifahan pada Daud as adalah pada menjadikannya khalifah hukum . Demikian hanya dari sisi Allah . Dikatakan kepadanya : *Hukumkanlah antara manusia dengan kebenaran . (5/42)* Kekhalifahan Adam bukan pada martabat ini . Kekhalifahan Daud bahawa dia mengganti orang yang memegang kekhalifahan sebelumnya . Bukan bahawa dia naib bagi Allah di kalangan khalqNya dengan hukum ilahi , tetapi jika keadaan (memerlukan) sedemikian nescaya berlaku .

Namum kalam kami bukan melainkan penususan tentangnya dan penjelasannya . Bagi Allah di bumi ada khalifah daripadanya dan mereka adalah rasul . Kekhalifahan sekarang adalah daripada rasul bukan daripada Allah . Sesungguhnya mereka tidak menghukum melainkan dengan apa yang disyariatkan rasul bagi mereka . Mereka tidak keluar daripada demikian , melainkan di sini ada satu penghalusan yang tidak diketahui melainkan oleh seumpama kami . Demikian berlaku pada pengambilan apa yang mereka hukumkan dengannya , daripada apa yang adalah syariat bagi rasul as .

Khalifah daripada rasul adalah orang yang mengambil hukum secara naqal daripada rasul ataupun secara ijtihaad yang asalnya dinaqalkan daripadanya . Di kalangan kami ada yang mengambil langsung daripada Allah maka dia menjadi khalifah daripada Allah melalui ain demikian hukum . Baginya maddah dari segi mana maddah bagi RasulNya saw , iaitu tempat pengambilan hukumnya adalah hukum Rasulullah saw . Pada zahir dia pengikut kerana tidak menyalahinya pada hukum seperti Isa as apabila dia turun dan menghukum .

Sabda Nabi saw dalam firmanNya : *mereka adalah orang yang Allah telah memberi petunjuk maka ikutilah petunjuk mereka (6/90)* Maka dia , kerana kebenaran apa yang dia kenali daripada suwar pengambilan adalah seorang yang terpilih dan bermuafakat dengan kebenaran itu . Ia pada kedudukan apa yang ditetapkan Nabi saw daripada syariat rasul sebelumnya , dengan kerana dia menetapkannya . Kami mengikutinya dari segi ia ditetapkan Nabi saw bukan kerana ia syariat bagi selainnya sebelumnya .

Seperti demikian pengambilan khalifah daripada Allah adalah ain apa yang dia mengambil daripada Rasulullah saw . Kami berkata tentangnya dengan lisan kasyaf bahwa dia khalifah Allah dan dengan lisan zahir dia khalifah Rasulullah . Kerana ini Rasulullah saw wafat tetapi dia tidak menaskan khalifahnyanya kepada mana satu orang dan tidak menunjukkannya . Dia mengetahui bahawa di kalangan hamba Allah ada yang akan mengambil kekhilafahan daripada Rabbnya , dan dia akan menjadi khalifah Allah bersama muafakat pada hukum yang disyariatkan .

Kerana dia mengetahui demikian dia tidak mengerasi pada perkara itu . Allah mempunyai khalifah yang mengambil daripada sumber Rasul dan rasul2 apa yang diambil rasul2 . Mereka mengenali kelebihan mereka yang terdahulu di sana , kerana Rasul menerima tambahan tetapi khalifah tidak menerima tambahan . Dia tidak diberi ilmu dan hukum pada apa yang dia mensyarahkan melainkan apa yang disyariatkan kepada rasul secara khas . Pada zahir dia mengikut tanpa menyalahi Rasul .

Tidaklah kamu melihat Isa as ketika orang Yahudi berkhayal bahawa dia tidak melebihi Musa , sepertimana kami katakan pada kekhalifahan hari ini , bersamaan rasul mereka beriman dengan Musa dan menetapkannya . Apabila Isa menambahkan hukum dan menasakhkan hukum yang pernah ditetapkan Musa as , kerana Isa adalah seorang rasul , mereka tidak menerima demikian kerana menyalahi iktiqad mereka padanya .

Mereka jahil tentang apa yang sebenarnya dan mereka cuba membunuh Isa . Antara kisahnya adalah apa yang Allah mengkhabarkan kami dalam KitabNya yang Perkasa tentangnya dan mereka . Dia adalah rasul dan menerima tambahan , apakah dengan mengurangkan satu hukum yang telah pun ditetapkan ataupun dengan menambahkan satu hukum , kerana pengurangan adalah penambahan hukum tanpa syak . ()

() ARK : iaitu dengan mensabitkan khilaf hukum yang dimansuhkan)

Kekhalifahan hari ini tidak mempunyai kedudukan ini . Ia mengurangkan atau menambahkan atas syariat yang telah ditetapkan dengan ijihad , bukan atas syariat yang Allah memuliakan Nabi saw dengannya . Adakala zahir daripada khalifah apa yang menyalahi hadis pada hukum dan dia berkhayal bahawa ia daripada ijihad , namun ia bukan demikian .

Sesungguhnya belum sabit di sisi imam ini dari pihak kasyaf bahawa demikian khabar adalah daripada Nabi saw , jika sabit nescaya dia akan menghukum dengannya . Jika thariq padanya adalah (perawi) adil daripada (perawi) adil , namun ia tidak maksum daripada waham dan tidak maksum daripada naqal atas makna . Seumpama ini berlaku dengan khalifah hari ini .

Sedemikian akan berlaku pada Isa as apabila dia turun , dengan mengangkat kebanyakan daripada syariat ijihad yang ditetapkan . Dia akan menjelaskan dengan pengangkatannya suwar al Haq yang disyariatkan yang dipegang Nabi saw , lebih2 lagi apabila hukum para imam bertentangan pada mana satu peristiwa nuzul .

Kamu mengetahui secara putus bahawa jika turun wahyu nescaya ia akan turun mengikut satu antara beberapa wajah , demikian adalah hukum ilahi . Apa yang selainnya , jika ditetapkan al Haq maka ia adalah syarah penetapan , untuk mengangkat kesusahan daripada umat ini dan perluasan hukum di kalangan umat .

Adapun sabda Nab saw : Apabila dibaiatkan dua khalifah maka bunuh yang terkemudian daripada keduanya . (Hadis) Ini adalah pada khilafah zahir yang memegang pedang . Dan jika keduanya serentak semestinya membunuh satu antara keduanya . Berbanding dengan khilafah maknawi , sesungguhnya tidak ada pembunuhan padanya .

Sesungguhnya datang (suruhan) bunuh pada khilafah zahir , jika khalifah zahir (yang kedua) tidak mempunyai maqam (khalifah Allah) dan dia hanya khalifah Rasulullah saw jika adil . Dan (kemestian cegah) daripada hukum asal , kerana dengan (wujud dua khalifah) khayal wujud dua tuhan dari firmanNya : *jika dalam keduanya (iaitu langit dan bumi) ada tuhan selain Allah nescaya keduanya akan rosak* . (21/22) .

Jika berlaku serentak , maka kami mengetahui bahawa jika keduanya ditaqdirkan berikhtilaf nescaya akan termenang hukum seorang mereka . Yang terlaksana hukumnya adalah tuhan pada haqiqat . Yang tidak terlaksana hukumnya bukanlah tuhan . Dari ini kami mengetahui bahawa setiap hukum yang terlaksana hari ini dalam alam adalah hukum Allah , jika sekalipun menyalahi hukum yang ditetapkan pada zahir yang dinamakan syariat , kerana tidak terlaksana satu hukum melainkan kerana Allah sebenarnya .

Perkara yang berlaku dalam alam sesungguhnya adalah atas hukum kehendak ilahi bukan atas hukum syariat yang ditetapkan , jika sekalipun penetapannya daripada kehendak . Kerana demikian terlaksana penetapannya secara khas . Sesungguhnya tidak bagi kehendak (pada hukum syariat) melainkan penetapan , tidak amalan dengan apa yang syariat datang dengannya .

Sulthan kehendak sangat besar . Kerana ini Abu Thalib telah menjadikannya Arshy al Zat kerana **kehendak menuntut hukum pada zatnya** . Tidak berlaku dalam wujud sesuatu dan tidak terangkat daripadanya sesuatu yang terkeluar daripada kehendak .

Sesungguhnya **suruhan ilahi** , apabila disalahi dengan apa yang dinamakan maksiat di sini , maka ia **hanya suruhan melalui perantaraan bukan suruhan takwin** . Tidak sekali2 seseorang menyalahi Allah pada segala yang dilakukannya dari segi suruhan kehendak . Hanya berlaku penyalahan dari segi suruhan perantaraan . Fahamilah .

Pada haqiqat **suruhan kehendak ditumpukan kepada mewujudkan ain perbuatan** bukan kepada orang yang atas tangannya zahir (perbuatan itu) , maka adalah mustahil ia tidak berlaku . Akan tetapi pada tempat ini yang khas , adakala dinamakannya menyalahi suruhan Allah dan adakala dinamakan muafakat dan taat kepada suruhan Allah . Diikutinya dengan puji ataupun cela mengikut apa yang berlaku .

Segala perkara pada dirinya adalah sepertimana kami tetapkan . Kerana demikian tempat kembali khalq kepada kebahagiaan adalah mengikut perbezaan spesiesnya . Diibaratkan tentang maqam ini dengan rahmat yang meluasi segala sesuatu . Sesungguhnya ia mengatasi kemarahan ilahi dan yang teratas didahulukan .

Apabila ini , yang dihukumkan atasnya pihak yang terkemudian , menghubungi tempat kembalinya , pihak yang terdahulu akan menghukum atasnya . Ketika itu rahmat akan mencapainya kerana tidak ada lain yang mendahuluinya . Ini satu makna : terdahulu rahmatNya atas kemarahanNya , sebagai hukum atas orang yang sampai kepadanya . Ia terhenti pada hujung sedangkan kesemua berjalan kepada hujung perjalanan . Maka semestinya ada perhubungan kepada hujung dan semestinya perhubungan dengan rahmat dan berpisah daripada kemarahan . Maka hukum terpulang kepada rahmat , pada setiap sesuatu yang menghubunginya , mengikut apa yang diberi hal pihak yang berhubungan dengannya .

Sesiapa yang mempunyai fahaman akan menyaksi apa yang kami katakan
Jika mereka tidak faham maka hendaklah mereka mengambil dari kami
Tidak ada di sana melainkan apa yang kami katakan , Berpeganglah
dengannya dan jadilah sekarang dalamnya sepertimana kami terdahulu
DaripadaNya kepada kami apa yang kami ucapkan kepada kamu , Dan
daripada kami kepada kamu apa yang kami hebahkan kamu daripada kami

Adapun pelembutan besi , hati yang keras menjadi lembut dengan pencegahan dan ancaman sepertimana api melembutkan besi . Sesungguhnya yang susah adalah hati yang lebih keras daripada batu , kerana api memecahkan atau menghancurkannya tidak melembutkannya .

Tidak dilembutkan besi bagi Daud melainkan untuk membuat baju besi yang mempertahankan , sebagai peringatan daripada Allah bahawa sesuatu itu tidak terlindung melainkan dengan dirinya . Baju besi melindungi daripada lembing , pedang , pisau dan mata panah , iaitu terlindung daripada besi dengan besi . Syariat Muhammad telah mendatangkan : Aku berlindung dengan Kamu daripada Kamu . Renungkanlah . Ini adalah ruh pelembutan besi . Dia Yang Menuntut Balas , Yang Maha Mengasihani . Allah yang memberi kejayaan .

Permata Hikmah Nafas dalam Kalimat Yunus

Ketahuilah bahawa kejadian insan dengan sempurnanya adalah ruh , jasmani dan nafs . Allah Taala telah menciptakannya atas suwarNya . Tidak mampu menangani pembubaran nizamnya (melainkan) pihak yang menciptakanya apakah dengan tanganNya , dan tidak melainkan demikian , ataupun atas suruhanNya .

Sesiapa yang melakukannya tanpa suruhan Allah , sesungguhnya dia telah menzalimkan dirinya dan melampaui batas Allah padanya . Dia telah usaha pada meruntuhkan orang yang Dia telah suruh akan pengimarannya . Ketahuilah bahawa **prihatin terhadap hamba Allah lebih berhak diberi perhatian daripada cemburu kerana Allah .**

Daud as berkehendak membina Bait Maqdis dan telah membinanya beberapa kali . Setiap kali selesai daripada pembinaan ia runtuh . Kemudian dia telah merungut kepada Allah . Allah mewahyukan kepadanya : Sesungguhnya rumah Aku ini tidak terdiri atas tangan orang yang pernah menumpahkan darah . Berkata Daud : Wahai Rabb , bukankah demikian atas jalan Kamu . JawabNya : Bahkan , namun bukankah mereka hamba Aku . Berkata Daud : Wahai Rabb , Jadikanlah pembinaannya atas tangan orang yang berasal daripada aku . Allah telah mewahyukan kepadanya : Sesungguhnya anak kamu Sulaiman akan membinanya .

Tujuan hikayat ini adalah **pemeliharaan organisma manusia ini , bahawa mendirikannya adalah lebih baik daripada menghancurkannya .** Tidakkah kamu melihat tentang musuh din ; Allah telah fardhukan pada mereka jizya dan damai sebagai pengekalan mereka . FirmanNya : *jika mereka cenderung kepada perdamaian, hendaklah kamu cenderung kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah . (8/61)*

Tidakkah kamu melihat orang yang wajib atasnya qisas , bagaimana disyariatkan untuk wali si mayit mengambil diat atau memberi maaf . Jika enggan barulah membunuh . Tidakkah kamu melihatNya Subhanahu , apabila wali2 adalah satu jemaah dan ada seorang antara mereka menyanggupi diat atau memberi maaf dan baki mereka tidak kehendak melainkan bunuh , bagaimana Dia mempertimbangkan orang yang memaafkan dan mengutamakanNya atas orang yang tidak memaafkan , maka tidak jadilah qisas .

Tidakkah kamu melihat Nabi saw bersabda tentang kes tuan punya talipinggang : Jika dia membunuhnya jadilah dia seumpamanya . (Hadis) Tidakkah Allah berfirman : *balasan kejahatan adalah kejahatan seumpamanya . (42/40)* Dia telah menjadikan qisas satu kejahatan iaitu menyamai demikian perbuatan bersama keadaannya sesuatu yang disyariatkan . Sesiapa memaafkan dan berdamai maka balasannya terpulang kepada Allah , kerana manusia (diciptakan) atas suwarNya .

Sesiapa memaafkan (pesalah) dan tidak membunuh (pesalah) maka balasannya adalah atas Dia , yang pesalah diciptakan atas suwarNya . Dia lebih berhak memberi balasan kerana Dia menciptakannya untukNya dan Dia tidak zahir dengan nama al Zahir melainkan dengan wujudnya .

Maka sesiapa memelihara manusia sesungguhnya dia memelihara al Haq . Manusia tidak dicela kerana ainnya , sesungguhnya dia dicela kerana perbuatan daripadanya . Perbuatannya bukan ainnya dan bicara kami pada ainnya . Tidak ada perbuatan melainkan kerana Allah . Bersama ini dicela daripadanya apa yang tercela dan dipuji apa yang terpuji .

Bahasa pencelaan terletak atas tujuan yang tercela di sisi Allah . Tidak sesuatu itu tercela melainkan apa yang syariat mencelakan . Pencelaan syariat adalah kerana satu hikmah yang diketahui Allah atau sesiapa yang Allah memberitahunya . Seperti disyariatkan qisas untuk mengekalkan spesies ini dan menghalang orang melampau batas Allah pada qisas . FirmanNya : *dan bagi kamu dalam qisas ada jaminan hidup wahai orang yang mempunyai lubb . (2/179) Iaitu mereka yang ahli intipati sesuatu yang menjumpai sirr nawamis ilahi dan hikmah .*

Apabila kamu mengetahui bahawa Allah Taala memelihara organisma ini dan memelihara penegakannya maka kamu lebih patut memeliharanya kerana dengan demikian kamu mendapat kebahagiaan . Sesungguhnya selagi manusia hidup diharapkan daripadanya *penghasilan sifat kamal yang dia diciptakan untuknya .* Sesiapa berusaha memusnahkannya sesungguhnya dia telah berusaha mencegah hubungannya kepada apa yang dia diciptakan untuknya .

Alangkah terbaik sabda Nabi saw : Seyogia aku memberitahu kamu apa yang baik bagi kamu dan lebih utama daripada kamu menjumpai musuh kamu kemudian kamu memukul tengkuk mereka dan mereka memukul tengkuk kamu , iaitu zikrullah . (Hadis)

Demikian adalah kerana tidak diketahui qadar organisma manusia ini melainkan orang yang mengingati Allah secara peringatan yang dituntut daripadanya . Sesungguhnya Allah duduk bersama orang yang mengingatiNya , sebagai penduduk yang disaksikan pengingat . Bila pengingat tidak menyaksi al Haq yang adalah penduduk bersamanya , maka dia bukan pengingat .

Sesungguhnya zikrullah mengalir dalam segala juzuk hamba , bukan orang yang zikir pada lisannya saja . Sesungguhnya al Haq pada demikian waktu bukan melainkan penduduk bersama lisan saja . Lisan melihatNya dari pihak manusia tidak melihatNya dengan matanya .

Fahamilah sirr ini berkenaan zikir orang yang lalai . Pengingat yang lalai hadir tanpa syak dan yang diingati adalah penduduk bersamanya . Dia menyaksikannya . Orang lalai , dari segi kelalaiannya , tidak mengingati dan Dia bukan penduduk bersama orang yang lalai .

Kebanyakan manusia hanya satu pada ain tetapi al Haq adalah hadiah pada ain dan banyak pada asma ilahi . Sepertimana manusia banyak dari segi juzuk2nya , tidak lazim daripada zikir mana satu juzuk , zikir juzuk yang lain . Al Haq adalah penduduk bersama juzuk yang mengingati daripada manusia . Juzuk2 lain bersifat dengan lalai daripada zikir .

Semestinya ada pada manusia juzuk yang dia mengingati dengannya dan al Haq menjadi penduduk demikian juzuk maka terpeliharalah juzuk2 yang baki melalui inayah .

Pengurusan al Haq akan kemusnahan organisma ini dengan apa yang dinamakan maut bukanlah dengan meniadakan . Sesungguhnya ia adalah secara perpisahan , iaitu dengan mengambilnya kepadaNya . FirmanNya: *dan kepadaNya kembali urusan segala2nya . (11/123)* Apabila diangkatkannya kepadaNya dikerjakan baginya satu kenderaan , yang lain daripada kenderaan ini , daripada jenis tempat yang dia berpindah kepadanya , iaitu tempat **baqa kerana wujud keseimbangan . Dia tidak mati selama2nya iaitu tidak terpisah bahagian2nya .**

Adapun ahli neraka , maka tempat kembali mereka adalah kepada nikmat akan tetapi dalam api . Kerana semestinya suwar api , selepas berhenti tempo seksa , akan menjadi sejuk dan selamat bagi orang yang berada dalamnya , mengikut hukum rahmat yang mendahului . Ini adalah nikmat mereka .

Nikmat ahli neraka selepas menunaikan segala hak adalah nikmat Khalil Allah ketika dicampak ke dalam api . Sesungguhnya Nabi Ibrahim as disiksa dengan melihatnya dan dengan apa yang kembali kepada ilmunya dan penetapannya bahawa ia satu suwar yang menyakitkan sesiapa yang mendekatinya daripada haiwan . Dia tidak mengetahui kehendak Allah dengan api dan daripada api pada haknya .

Selepas wujud kesakitan dia akan mendapati kesejukan dan keselamatan bersama pensaksian suwar kaun pada haknya sedangkan ia api di mata manusia . Benda yang satu berubah pada modnya di mata penglihat . Tajalli ilahi pun sebegini . Jika kamu kehendak kamu katakan : Sesungguhnya Allah mentajalli umpama urusan ini . Dan jika kamu kehendak kamu kata : Sesungguhnya alam , dalam tilik kepadanya dan ke dalamnya , umpama al Haq dalam tajalli .

Alam berubah mod dalam mata penglihat mengikut mizaj penglihat . Mizaj penglihat berubah mod kerana perubahan mod tajalli . Segala in diperbolehkan dalam haqaiq .

Jika yang terbunuh atau yang mati , tak kira siapa , apabila dibunuh atau mati tidak kembali kepada Allah , maka Allah belum lagi qadha dengan kematiannya dan tidak mensyariatkan pembunuhannya . Kesemua dalam genggamanNya . Tidak ada kehilangan apa2 pada hakNya . Dia mensyariatkan bunuh dan menghukum dengan maut kerana ilmuNya bahawa hambaNya tidak hilang daripadanya dan akan kembali kepadaNya .

Iaitu berdasarkan firmanNya : *kepadaNya kembali segala urusan ()* . DalamNya berlaku tasaruf dan Dia adalah pentasaruf . Tidak keluar daripadanya sesuatu yang bukan ainNya bahkan huwiyahNya adalah ain demikian sesuatu . Dialah yang memberi sesuatu itu kasyaf dalam firmanNya : *dan kepadaNya kembali segala urusan . ()*

Permata Hikmah Ghaib dalam Kalimat Ayub

Ketahuilah bahawa sirr hayat mengalir dalam air . Air adalah asal anasir dan rukun . Kerana ini Allah telah menjadikan daripada air segala sesuatu yang hidup . Tidak ada di sana sesuatu melainkan ia hidup , dan tidak ada di sana daripada sesuatu melainkan ia bertasbih memuji Allah . Akan tetapi tidak tertafauh tasbihnya melainkan dengan kasyaf ilahi . Tidak bertasbih melainkan yang hidup . Segala sesuatu adalah hidup dan segala sesuatu adalah daripada air , iaitu asalnya .

Tidakkah kamu melihat Arshy yang berada di atas air , kerana ia dibentuk daripadanya . Ia memeliharanya daripada bawahnya . Seperti manusia yang Allah menjadikan sebagai hamba . Kemudian dia membesarkan diri terhadap Rabbnya dan meninggikan diri atasNya . Namun Subhanahu memeliharanya dari bawahnya kerana melihat kepada ketinggian hamba ini yang jahil tentang dirinya .

Sabda Nabi saw : Jika kamu menggantungkan satu tali , nescaya ia akan jatuh atas Allah . (Hadis) Dia mengisyaratkan bahawa nisbah bawah (boleh dikaitkan) kepadaNya sepertimana nisbah atas (boleh dikaitkan) kepadaNya dalam firmanNya : *mereka takut akan Rabb mereka yang berada atas mereka .(16/50)* dan firmanNya : *Dia adalah Yang Qahar atas hambaNya . (6/18)* Iaitu bagiNya atas dan bawah . Kerana ini tidak zahir jihat yang enam melainkan dalam nisbah kepada manusia yang (berada) di atas suwar al Rahman .

Tidak ada yang memberi makan melainkan Allah . Dia telah berfirman berkenaan dengan hak satu kumpulan : *jika mereka mendirikan Taurat dan Injil* ; kemudian dinakirahkan dan diumumkan dengan firmanNya : *dan apa yang turun kepada mereka daripada Rabb mereka* ; termasuk dalam firman di atas segala hukum yang diturunkan atas lisan rasul atau mulhim : *nescaya mereka akan makan daripada atas mereka* ; Dia adalah pemberi makan dari atas yang dinisbahkan kepadaNya ; *dan dari bawah kaki mereka* ; Dia adalah pemberi makan dari bawah yang dinisbahkan kepada diriNya atas lisan rasulNya yang menterjemahkan daripadanya .

Jika Arshy bukan terletak atas air tidak terpelihara wujudnya , kerana sesungguhnya hanya dengan hayat terpelihara wujud apa yang hidup . Apakah kamu tidak melihat bahawa yang hidup apabila ia mati maut yang biasa terhurai juzuk2 nizamnya dan ditiadakan quwwahnya daripada demikian nizam yang khas .

Firman Allah Taala kepada Ayub : *Hentakkanlah kaki kamu . Ini adalah air sejuk untuk mandi (38/42)* Iaitu kerana pada Ayub kesangatan panas daripada sakit , maka ditenangkannya dengan kesejukan air . Inilah sebab (/kaedah) perubatan , iaitu mengurangkan apa yang berlebihan dan menambahkan apa yang kekurangan . Tujuannya adalah menuntut keseimbangan , dan tidak ada jalan kepadanya hanya mendekatinya .

Sesungguhnya kami kata bahawa tidak ada jalan kepadanya , iaitu keseimbangan , kerana haqaiq dan syuhud menawarkan takwin bersama setiap nafas secara berkekalan . Takwin tidak berlaku melainkan kerana ada kecenderungan yang dinamakan pada tabiat sebagai penyimpangan atau pereputan dan pada al Haq sebagai iradat , iaitu kecenderungan kepada apa yang dikehendaki yang khas , tidak selainnya . Keseimbangan mengertikan kesamarataan pada keseluruhan dan ini tidak berlaku . Kerana ini kami terlarang daripada hukum keseimbangan (dalam alam ini) .

() *ARK : ketiadaan adalah akibat kecenderungan tabiat kepada kereputan dan penciptaan baru adalah akibat iradat al Haq*

Telah datang dalam ilmu kenabian ilahi bahawa al Haq bersifat dengan ridha dan marah dan lain2 sifat . Ridha menghilangkan marah sedangkan marah menghilangkan ridha daripada apa yang diridhai . Keseimbangan adalah persamaan ridha dan marah . Pamarah tidak memarahi orang yang dimarahi hal keadaan ridha dengannya . Dia tersifat dengan satu daripada dua hukum pada haknya iaitu satu kecenderungan . Al Haq tidak ridha terhadap orang yang Dia ridhai sedangkan Dia marah atasnya . Justeru Dia tersifat dengan satu daripada dua hukum pada hakNya iaitu satu kecenderungan .

Sesungguhnya kami katakan ini dari kerana ada orang melihat berkenaan ahli neraka bahawa Allah tidak henti marah atas mereka , berkekalan selama2nya , pada anggapan mereka . Tidak bagi mereka hukum ridha daripada Allah maka sahlah apa yang dimaksudkan . Tetapi jika sepertimana kami katakan , maka tempat kembali ahli neraka adalah kepada menghilangkan kesakitan , jika sekalipun menghuni api . Demikian adalah ridha kerana hilang marah dengan kehilangan sakit , kerana ain sakit adalah ain marah jika kamu faham .

Orang marah kerana derita dan dia tidak usaha menuntut balas atas yang dimarahinya dengan menyakitkannya melainkan pamarah mendapati kerehatan dengan demikian . Maka terpindahlah kesakitan yang berada padanya kepada yang dimarahi . Jika kamu mengasingkan al Haq daripada alam , Dia menjadi Maha Tinggi dan Maha Besar daripada sifat ini .

Namun kerana al Haq adalah huwiyah alam , maka tidak zahir hukum kesemuanya melainkan dalamNya dan daripadanya . FirmanNya : *dan kepadaNya kembali segala urusan .* () pada haqiqat dan secara kasyaf ; *maka sembahlah Dia dan tawakal kepadaNya .* (11/123) dalam keadaan berhijab dan bersutrah .

Tidak dalam imkan yang lebih patut daripada (apa yang wujud sekarang dalam) alam ini kerana Dia mewujudkannya atas suwar al Rahman . Iaitu zahir wujudNya Taala adalah dengan zahir alam sepertimana zahir manusia dengan wujud suwar tabii . Kami adalah suwarNya yang zahir dan huwiyahNya adalah ruh yang mentadbirkan suwar . Tidak ada tadbir melainkan dalamNya sepertimana tidak ada tadbir melainkan daripadanya .

Dia adalah **Yang Awal pada makna** dan **Yang Akhir pada suwar** . Dia adalah Yang Zahir dengan perubahan ahkam dan ahwal dan Yang Batin dengan tadbir . Dia sangat mengetahui segala sesuatu dan menyaksi segala sesuatu . Dia mengetahui atas pensaksian bukan atas fikir . Seperti demikian Dia mengetahui secaa zauq bukan

dengan fikir dan ini satu ilmu yang sah . Selain darinya maka ia adalah dugaan dan pengiraan bukan ilmu pada asalnya .

Kemudian bagi Ayub demikian air menjadi minuman yang menghilangkan kesakitan dahaga akibat keletihan usaha ; dan azab yang syaithan menyentuhkannya dengannya iaitu kejauhan daripada haqaiq , supaya dia tidak dapat mencapainya sebagaimana ia ada . Dengan mencapai (haqaiq) jadilah dia pada maqam qurbah .

Setiap yang disaksikan adalah dekat kepada mata , jika sekalipun jauh pada jarak kerana penglihatan berhubungan dengannya dari segi pensaksian . Jika tidak demikian dia tidak akan mensaksikannya atau tidak berhubungan apa yang disaksikan dengan penglihatan , tidak kira bagaimana (pensaksian itu diperkatakan) . Objek yang disaksikan adalah dekat antara penglihatan dan penglihat .

() *ARK : Dijibilahkan ain syaithan atas penyimpangan dan cenderung daripada alam aqal kepada alam rendah*

Kerana demikian Ayub telah kinayah dengan sentuhan dan diidhafatkannya kepada syaithan bersama dekatnya sentuhan . Berkata Ayub : Yang jauh daripada aku adalah dekat kerana hukumnya atas aku . Sesungguhnya kamu mengetahui bahawa dekat dan jauh adalah dua perkara idhafi iaitu keduanya adalah nisbah yang tidak mempunyai wujud pada ain bersama sabit hukum keduanya pada yang jauh dan yang dekat .

Ketahui bahawa sirr Allah berkenaan Ayub (yang Dia jadikannya ibarat dalam kitab yang tertulis sekarang , yang umat Muhammad ini baca untuk mengetahui apa yang ada dalamnya , kemudian berdampingan dengan sahib kitab sebagai pemuliaan umat ini) bahawa Allah memuji kesabarannya dan doanya untuk mengangkat mudarat daripadanya .

Maka kami mengetahui bahawa seorang hamba yang berdoa kepada Allah untuk mengangkat mudarat daripadanya tidak tercela pada sabarnya . Bahawa dia masih seorang yang sabar dan hamba yang terpuji . FirmanNya : *dia adalah sebaik2 hamba , sesungguhnya dia selalu kembali (38/44)* iaitu kepada Allah tidak kepada asbab .

Al Haq bertindak pada demikian dengan asbab kerana hamba bersandar kepadanya . Asbab yang menghilangkan sesuatu perkara adalah banyak sedangkan penyebab adalah satu pada ain . Maka kembali hamba kepada ain yang satu yang menghilangkan melalui asbab demikian kesakitan lebih patut daripada kembali kepada sebab yang khas .

Kerapkali (sebab) yang demikian tidak muafakat dengan ilmu Allah tentang hamba maka dia pun berkata : Sesungguhnya Allah belum lagi memperkenankan (doa) aku . Sedangkan (sebenarnya) dia tidak berdoa kepadaNya . Sesungguhnya **dia cenderung kepada satu sebab khas yang tidak dituntuti zaman ataupun waktu** .

Ayub beramal dengan hikmah Allah , kerana dia seorang nabi dan mengetahui bahawa sabar adalah menahan nafs daripada merungut , di sisi satu kumpulan . Namun demikian bukanlah **hadd sabar** di sisi kami . Sesungguhnya haddnya adalah **mencegah nafs daripada merungut kepada selain Allah , tidak kepada Allah** .

Pandangan kumpulan itu telah menghijab mereka berkenaan dengan perungut , dia tercela pada ridha dengan qadha dengan merungut , tetapi ia bukan sedemikian . Sesungguhnya merungut kepada Allah tidak mencela ridha dengan qadha , dan tidak juga (merungut) kepada selainNya . **Sesungguhnya apa yang tercela adalah ridha dengan apa yang diqadhakan** . Kami tidak dipesan ridha dengan apa yang diqadhakan seperti mudarat yang diqadhakan , **kerana ia bukan ain qadha** .

Ayub mengetahui bahawa pada menahan nafs daripada merungut kepada Allah untuk mengangkat mudarat adalah menyalahi qahar ilahi . Ia adalah kejahilan bagi seseorang , apabila Allah mengujinya dengan apa yang menyakitkan nafsnya kemudian dia tidak berdoa kepada Allah untuk menghilangkan demikian perkara yang menyakitkan . Bahkan patut baginya di sisi pentahqiq bahawa dia tadharuk dan meminta Allah supaya menghilangkan demikian daripadanya .

Sesungguhnya demikian menjadi satu penghilangan daripada pihak Allah di sisi arif yang mempunyai kasyaf . Allah telah mewasafkan diriNya disakiti dalam firmanNya : *sesungguhnya mereka yang menyakiti Allah dan rasulNya .(33/57)* Apakah ada azab yang lebih agung daripada diuji Allah dengan bala di sisi kelalaian kamu terhadapNya atau terhadap maqam ilahi yang kamu tidak mengetahui akannya . Kemudian kamu kembali kepadaNya dengan merungut supaya Dia mengangkatnya daripada kamu dan terbenarlah iftiqar yang adalah haqiqat kamu .

Kemudian terangkat daripada Al Haq kesakitan kerana permintaan kamu akanNya pada menolaknya daripada kamu kerana kamu adalah suwarNya yang zahir . Seperti setengah arifin lapar dan dia menangis . Dikatakan kepadanya pada demikian oleh seorang yang tidak mempunyai zauq dalam fann ini sebagai pencelaan terhadapnya . Maka berkata si arif : Sesungguhnya Dia menjadikan aku lapar supaya aku menangis . Sesungguhnya diuji aku dengan mudarat supaya aku mintaNya angkatkannya daripada aku . Demikian tidak mencederakan kesabaran aku .

Maka kami ketahui bahawa sabar adalah mencegah nafs daripada merungut kepada selain Allah . Makna aku dengan selain adalah satu wajah khas daripada wajah2 Allah . Allah telah menentukan satu wajah khas daripada wajah2Nya yang dinamakan wajah huwiyah . Maka dia menyeruNya daripada wajah itu untuk mengangkat mudarat daripadanya , bukan daripada wajah2 lain yang dinamakan asbab . Namun ini bukan selainNya dari segi tafsil perkara ini pada dirinya .

Bagi si arif permintaannya akan huwiyah al Haq untuk mengangkat mudarat daripadanya tidak menghijabkannya daripada (kesedaran) bahawa segala asbab adalah ainNya dari satu pihak khas . Ini adalah satu thariqah yang tidak lazim melainkan bagi para adib daripada hamba Allah yang diamanahkan asrar Allah . Sesungguhnya bagi Allah mereka yang diberi amanah yang tidak dikenali melainkan olehNya . Setengah mereka mengenali setengah yang lain . Kami telah menasihati kamu maka beramallah , dan kepadaNya mintalah .

Permata Hikmah Jalal dalam Kalimat Yahya

Ini adalah hikmah keawalan dalam asma . Sesungguhnya Allah menamakannya Yahya , untuk menghidupkan dengannya peringatan tentang Zakariya . FirmanNya : *Kami tidak pernah menjadikan baginya sebelum itu seorang yang senama . (19/7)* Dihimpunkan antara keterhasilan sifat yang ada pada seorang yang telah lalu yang meninggalkan seorang anak lelaki yang menghidupkan peringatannya , dengan namanya melalui demikian penamaan . Namanya Yahya adalah seumpama ilmu zauq.

Sesungguhnya hidup peringatan Adam as dengan Syith dan hidup peringatan Nuh dengan Sam . Seperti demikian anbiya as . Akan tetapi Allah tidak pernah menghimpunkan bagi sesiapa pun sebelum Yahya nama khas daripadaNya dan sifat melainkan untuk Zakariya sebagai inayah daripadaNya . Ini kerana dia telah berkata : *kurniakanlah kepada aku dari sisi Kamu seorang anak lelaki (19/5)* dengan mendahulukan al Haq sebelum menyebut anaknya . Sepertimana Asiah telah mendahulukan sebutan tetangga atas rumah dalam katanya : *di sisi Kamu sebuah rumah dalam syurga . (66/11)*

Allah telah memuliakannya dengan mengqadha hajatnya dan menamakannya dengan sifatNya sehingga namanya menjadi peringatan kepada apa yang dituntut nabiNya Zakariya daripadaNya . Zakariya memihak kepada kekekalan ingatan kepada Allah kemudian daripada (wafat)nya kerana anak adalah sirr bapanya dengan katanya : *mewarisi aku dan mewarisi ahli Yakub . (19/6)* Tetapi di sana tidak ada yang diwariskan sebagai hak mereka melainkan maqam mengingati Allah dan menyeru kepadaNya .

() ARK : *Zakaria adalah mazhar kamal dan rahmat , dan baginya huzuz yang besar daripada jamal , uns , jalal , qahar dan haibah*

Kemudian Allah Taala telah mengkhabarkan tentang apa yang Dia telah dahulukan baginya dalam firmanNya : *keselamatan atasnya hari dia dilahirkan dan hari dia mati dan hari dia dibangkitkan hidup .(19/15)* Yahya datang dengan sifat kehidupan yang menjadi namanya . Dia memberitahunya tentang keselamatannya daripadaNya . KalamNya adalah benar dan kata putus . Ucapan al Ruh (iaitu Isa) : *dan keselamatan atas aku hari aku dilahirkan dan hari aku mati dan hari aku dibangkitkan hidup (19/33)* adalah lebih sempurna pada ittihad dan iktiqad dan lebih tinggi dalam takwil .

Sesungguhnya perkara yang menyimpang daripada adat pada hak Isa adalah pengucapan . **Aqalnya diberdayakan dan menjadi sempurna pada demikian zaman** yang dalamnya Allah menjadikannya berucap . Tetapi tidak lazim daripada berdaya mengucap dalam apa jua keadaan , kebenaran pada apa yang diucapkan berbanding apa yang disaksikan padanya seperti bagi Yahya . Keselamatan al Haq atas Yahya dari wajah ini lebih mengangkat kesamaran yang berlaku dalam inayah ilahi daripada ucapan keselamatan Isa atas dirinya , jika sekalipun qarinah keadaan menunjukkan qurbahnya kepada Allah pada demikian dan kebenarannya .

Dia telah mengucap dalam memajukan dalil atas kesucian ibunya semasa dalam buaian , iaitu sebagai satu daripada dua saksi . Saksi yang lain adalah pokok tamar

yang kering yang menggugurkan rutab yang segar tanpa ada pokok jantan dan polinasi . Sepertimana Mariam telah melahirkan Isa tanpa laki dan jimak mengikut adat biasa .

Jika seorang nabi berkata : Ayat aku dan mukjizat aku adalah bahawa dinding itu berucap , kemudian dinding itu mengucap dan berkata dalam ucapannya : Kamu berdusta . Kamu bukan rasul Allah . Nescaya sah ayat itu dan sabit dengannya bahawa dia adalah rasul Allah dan tidak dipedulikan apa yang diucapkan . Namun kerana ucapan Isa , ketika ibunya mengisyarat kepadanya semasa dia dalam buaian , termasuk dalam kemungkinan ini , ucapan keselamatan Allah atas Yahya adalah lebih mengangkat dari wajah ini .

Ada ayat yang menunjukkan bahawa dia adalah hamba Allah kerana dikatakan padanya bahawa dia adalah anak Allah . Lengkap dalil dengan semata2 pengucapan . Dia adalah hamba Allah di sisi satu kumpulan yang lain , yang memegang dengan nubuwah . Apa2 tambahan , dalam segala yang dikhabarkannya semasa dalam buaian , baki dalam hukum kemungkinan sebagai spekulasi aqal sehingga zahir pada masa depan kebenarannya . Fahamilah betul2 apa yang kami mengisyaratkan kepadanya .

Permata Hikmah Malik(1) dalam Kalimat Zakariya

Ketahuiilah bahawa rahmat Allah meluasi segala sesuatu pada wujud dan hukum . Wujud marah adalah daripada rahmat Allah melalui marah di mana rahmatNya mendahului marahNya . Iaitu nisbah rahmat kepadaNya mendahului nisbah marah kepadaNya .

() *ARK: rahmat adalah satu sifat zat bagi al Haq sedangkan marah adalah satu hukum negatif, iaitu tidak penerimaan sesuatu akan kesempurnaan zuhur kesan wujud dan hukumnya dalamnya .*

Bagi setiap ain ada wujud yang ia tuntutan daripada Allah , maka kerana demikian rahmatNya mengumumkan setiap ain . Sesungguhnya Dia bersama rahmatNya yang Dia merahmatkan ain dengannya sebelum kegemaran ain kepada wujud ainnya (pun) , kemudian Dia mewujudkan kegemaran itu . Kerana demikian kami kata bahawa rahmat Allah meluasi segala sesuatu pada wujud dan hukum .

Asma ilahi adalah sebahagian benda dan ia kembali kepada ain yang satu . Awal2 apa yang rahmatNya meluasi dari azali lagi adalah kebendaan demikian ain yang mewujudkan rahmat melalui rahmat . Awal2 barang yang rahmat meluasi adalah dirinya , kemudian kebendaan yang telah diisyaratkan kepadanya , kemudian kebendaan setiap yang wujud , yang akan wujud , yang takterbilang , di dunia atau di akhirat , yang aradh atau jauh , yang basith atau murakab .

Tidak diambil kira dalam rahmat apakah terhasil satu tujuan atau keharmonian tabii . Bahkan yang harmoni dan tidak harmoni kesemuanya diluasi rahmat ilahi pada pengwujudan . Kami telah sebut di dalam *al Futuhat al Makkiyah* bahawa **kesan adalah milik ma'dum , bukan milik maujud** . Jika ia milik maujud pun maka dengan kerana hukum ma'dum . Ini satu ilmu yang gharib dan masaalah nadir . Tidak diketahui tahqiq masaalah ini melainkan **ahli waham** dan itupun melalui zauq di sisi mereka .(2) Adapun orang yang tidak terkesan waham padanya , maka dia jauh daripada (merasai) masaalah ini .

(2) mereka menghubungkan waham dengan objek untuk mewujudkannya

Rahmat Allah meresapi segala fenomena
Dalam zat dan dalam ayan ia mengalir
Tempat rahmat yang menjadi contoh
Adalah daripada **syuhud bersama fikir yang tinggi**

Setiap sesuatu yang diingati rahmat maka bahagialah ia , bahkan tidak ada di sana melainkan apa yang diingati rahmat . Ingatan rahmat tentang sesuatu adalah pengwujudannya akan sesuatu itu , iaitu setiap yang maujud adalah sesuatu yang dirahmati . Jangan kamu wahai kawanku terhibah daripada idrak apa yang kami sebutkan dengan apa yang kamu melihat pada sahib bala . Dan apa yang kamu percaya tentangnya daripada seksa akhirat yang tidak terpisah daripada orang yang mengalaminya .

Ketahuiilah pertama sekali bahawa rahmat terdapat dalam pengwujudan umum . Maka pada rahmat dengan seksa diwujudkan seksa . Sesungguhnya rahmat mempunyai kesan pada dua wajah . Kesan pada zat iaitu pengwujudan rahmat akan setiap ain yang maujud . Ia tidak lihat kepada tujuan ataupun ketidak tujuan atau kepada apa yang sesuai dan apa yang tidak sesuai .

Ia melihat kepada ain setiap maujud sebelum wujudnya , bahkan melihatnya dalam ain tsabutnya . Kerana ini ia melihat al Haq yang diciptakan dalam iktiqad sebagai satu ain tsabit di antara segala ayan tsabit . RahmatNya atas diri rahmat adalah dengan pengwujudan . Kerana demikian kami berkata : Al Haq yang diciptakan dalam iktiqad adalah pertama sesuatu yang dirahmati selepas rahmatNya atas diri rahmat dalam menggantungkannya dengan pengwujudan segala yang dirahmati .

Kesan kedua adalah melalui permintaan . Mereka yang terhijab meminta al Haq supaya merahmati mereka dalam iktiqad mereka . Ahli kasyaf meminta supaya rahmat Allah berdiri bersama mereka . Mereka memintanya dengan nama Allah dengan berkata : Wahai Allah , rahmatilah kami . Tidak dirahmati mereka melainkan didirikan rahmat bersama mereka , dan bagi rahmat hukum (keterlaksanaan) . Ini kerana hukum pada haqiqat adalah satu makna yang berdiri pada tempat .

Dialah Maha Pemberi Rahmat pada haqiqat , maka Allah tidak merahmati hambaNya dan prihatin terhadap mereka melainkan dengan rahmat . Apabila rahmat berdiri bersama mereka , mereka akan merasai (kesulthan) hukumnya . Sesiapa yang diingati rahmat sesungguhnya dia telah dirahmati . Nama pelaku adalah Yang Maha Mengasihani dan Yang Maha Pemberi Rahmat .

Hukum (rahmat) ini tidak bersifat penciptaan ; ia satu penumpuan makna kepada zat . Hal adalah sesuatu yang tidak maujud dan tidak ma'dum kerana ia tidak mempunyai ain dalam wujud kerana ia satu nisbah . Tetapi ia tidak ma'dum pada hukum , kerananya pihak yang padanya berdiri ilmu dinamakan alim dan ini satu hal .

Maka si alim adalah satu zat yang disifatkan dengan ilmu . Dia bukan ain zat dan bukan juga ain ilmu . Tidak ada di sana melainkan ilmu dan zat yang padanya berdiri ilmu ini . Keadaannya alim adalah satu hal bagi zat ini kerana bersifat dengan makna ini . Nisbah ilmu hadas pada si alim .

Rahmat pada haqiqat adalah satu nisbah daripada Yang Maha Pemberi Rahmat . Nisbah ini mewajibkan satu hukum iaitu rahmat . Pihak yang mewujudkan rahmat dalam marhum tidak mewujudkannya supaya ia merahmatiNya dengannya . Sesungguhnya Dia mewujudkannya untuk merahmati dengannya pihak yang padanya rahmat berdiri .

Dia , Maha Suci Dia bukan tempat bagi hadas maka Dia bukan tempat pengwujudan rahmat . Dia adalah Yang Maha Pemberi Rahmat dan Dia tidak menjadi pemberi rahmat melainkan dengan pendirian rahmat denganNya . Maka sabitlah bahawa **Dia adalah ain rahmat .**

Sesiapa yang tidak merasai perkara ini , dan tidak baginya tapak dalam perkara ini tidak akan berani berkata : Sesungguhnya Dia ain rahmat atau ain sifat . Dia akan

berkata : Dia bukan ain sifat dan tidak selain daripadanya . Maka sifat al Haq di sisinya , bukanlah ia Dia dan ia bukan selainNya . Ini kerana dia tidak berkuasa menafikan sifat dan tidak berkuasa menjadikannya ainNya . Maka berpalinglah dia kepada ibarat ini .

() *ARK : iaitu fahaman Asyaari*

Ini satu ibarat yang baik , namun ada ibarat lain yang lebih berhak untuk perkara ini daripadanya dan lebih mengangkat kesulitan . Iaitu pendapat yang menafikan bahawa ain sifat wujud dan berdiri pada zat yang disifatkan , hanyasanya ia satu nisbah dan idhafat antara yang disifatkan dengannya dan antara ain sifat yang ditaatulkan .

() *ARK : iaitu pendapat kebanyakan ulama dan Muktazilah*

Jika sekalipun rahmat satu faktor perhimpunan namun nisbahnya kepada setiap asma ilahi adalah berbeza . Kerana inilah , diminta Subhanahu supaya merahmati dengan setiap asma ilahi . Maka rahmat Allah , dan kinayah (menunjukkan) bahawa rahmatNya meluasi segala sesuatu . Kemudian bagi rahmat banyak cabang sebanyak bilangan asma ilahi , tetapi nisbah kepada asma ilahi yang khas tidak umum dalam ucapan peminta : Wahai Rabb , rahmatilah . Dan (sama) pada asma yang lain sehingga al Muntaqim , boleh juga dikatakan : Wahai Muntaqim , rahmatilah aku .

Demikian adalah kerana kesemua asma ini menunjuk kepada zat yang dinamakan dan menunjuk dengan haqaiqnya kepada makna yang berbeza . Mereka menyeruNya dengan asma (tertentu) pada rahmat , dari segi petunjuknya kepada zat yang dinamakan dengan asma itu , bukan lain . Bukan dari segi apa yang ditunjukkan demikian asma yang menceraikannya daripada selainnya dan membezakan . Sesungguhnya ia tidak terbeza dari selainnya sedangkan ia di sisi penyeru (masih) dalil zat .

Sesungguhnya ia terbeza pada dirinya daripada selainnya kerana zat asma itu , kerana apa yang diberi istilah khas dengan apa saja lafaz adalah satu haqiqat yang terbeza pada zatnya daripada selainnya . Jika sekalipun segala asma telah dimajukan untuk merujuk kepada satu ain yang dinamakan , tetapi tidak ada khilaf bahawa setiap asma mempunyai hukum yang tersendiri . Kerana demikian patut juga ia diambil kira sepertimana diambil kira dilalahnya kepada zat yang dinamakan .

Kerana ini Abu Qasim ibn Qasi telah berkata tentang asma ilahi : Sesungguhnya setiap asma , satu persatu , adalah apa yang dinamakan dengan segala asma , kesemuanya , kerana pensifatannya dengan segala asma mendahuluinya dalam sebutan . Demikian adalah kerana dalilnya ke atas ain yang satu jika sekalipun berbilang asma atas ain itu dan berbeza haqaiqnya , iaitu haqaiq demikian asma .

Kemudian rahmat boleh dicapai melalui dua thariq . Pertama thariq wajib dalam firmanNya : *Aku akan menentukannya bagi orang yang bertaqwa dan yang memberi zakat (7/156)* dan apa yang Dia mengaitkan mereka dengannya daripada sifat ilmu dan amal .

Thariq kedua untuk mencapai rahmat adalah thariq anugerah ilahi yang tidak diqarinahkan dengan amalan . Iaitu mengikut firmanNya : *rahmat Aku meluasi segala sesuatu ()*. Antaranya firmanNya : *supaya Allah mengampunkan kamu pada salah silap kamu yang terdahulu dan yang terkemudian (48/2)*. Dan antara firmanNya : *buatlah apa yang kamu kehendaki , sesungguhnya Aku telah mengampunkan kamu* . (Hadis) Ketahuilah demikian .

(Hadis) merujuk kepada Hatib ibn Baltaa yang telah mengirim satu surat kepada Quraishy ketika orang Islam bersedia untuk menyerang Mekkah. Surat itu ditahan dan Umar mahu Hatib dibunuh . Sabda Nabi saw : Wahai Umar , mungkin Allah melihat kepada mereka yang berperang di Badr dan telah memaafkan mereka .

Permata Hikmah Uns dalam Kalimat Ilyas

Ilyas adalah Idris as . Dia seorang nabi sebelum Nuh . Allah telah mengangkatannya kepada satu tempat yang tinggi . Dia tinggal dalam qalb aflak iaitu falak matahari . Kemudian dia telah dihantar kepada satu qaryah bernama Baalbak. Baal adalah nama satu idola , dan Bak adalah sulthan demikian qaryah . Idola ini yang dinamakan Baal dikhususkan dengan milik (dominasi) .

Kepada Ilyas iaitu Idris telah digambarkan terbelahnya gunung yang dinamakan Lubnan , daripada kata : lubanah , iaitu hajat , semasa menunggangi satu kuda daripada api yang kelengkapannya pun daripada api . Apabila dia melihatnya , dia telah menaikinya dan gugurlah daripadanya syahwat . Jadilah dia aqal tanpa syahwat maka tidak kekal baginya takluk dengan apa yang tertakluk dengannya segala tujuan nafsani . Dalamnya al Haq menjadi tanzih , iaitu dia mempunyai setengah daripada marifat tentang Allah .

Sesungguhnya aqal apabila tajarud dengan sendirinya , dari segi pengambilan ilmu daripada nazarnya , maka marifatnya tentang Allah adalah atas tanzih bukan atas tasybih . Apabila Allah memberinya marifat dengan tajalli , sempurnalah marifatnya tentang Allah , maka ia akan mentanzihkannya pada satu tempat dan mentasybihkannya pada tempat yang lain .

Ia melihat aliran al Haq pada wujud dalam suwar tabii dan anasir . Tidak kekal baginya satu suwar melainkan dia melihat ain al Haq sebagai ain suwar itu . Ini adalah marifat yang lengkap dan sempurna yang didatangkan syariat yang turun dari sisi Allah . Segala waham menghukum dengan marifat ini juga .

() ARK: waham melihat kepada apa yang di sebalik apa yang diwajibkan fikiran . Ia tidak respon kepada quwwah aqal dari segi kaitannya secara yang mengeluarkannya daripada itlak . Adakala ia haruskan hukum atas yang mutlak dengan kaitan dan kali lain dengan sebaliknya . Ia tidak berubah pada demikian ?? Ia menghukum dengan syahid atas yang ghaib sekali dan sebaliknya kali lain .

Kerana ini waham lebih kuat sulthannya dalam organisma manusia daripada aqal . Ini kerana orang yang beraqal , jika sekalipun matang aqalnya , tidak terlepas daripada hukum waham atasnya dan pada tasawur apa yang dia mengaqalkan . Waham adalah sulthan yang paling berpengaruh dalam suwar organisma manusia sempurna ini . Melaluinya datang syariat yang diturunkan , dengan tasybih dan tanzih .

Syariat tasyabbuh dalam tanzih dengan waham , dan bertanzih dalam tasybih dengan aqal . Dengan ini dihubungkait kesemua dengan kesemua . Maka tidak mungkin bahawa tanzih kosong daripada tasybih dan tasybih kosong daripada tanzih . Firman Allah Taala : tidak ada seumpamanya sesuatu iaitu dengan tanzih dan tasybih ; dan Dia Maha Mendengar , Maha Melihat (42/11) iaitu dengan tasybih . Ini adalah ayat yang terbesar yang turun berkenaan dengan tanzih , namun bersama demikian ia tidak kosong daripada tasybih dengan Kaf . Dia paling alim tentang diriNya dan Dia tidak mengibaratkan tentang diriNya melainkan dengan apa yang kami telah sebutkan .

FirmanNya : *(akuilah) Kesucian Rabb kamu , Rabb yang Maha Perkasa daripada apa yang mereka sifatkan (37/180)* Mereka tidak mensifatkanNya melainkan dengan apa yang aqal mereka menyatakan . Maka Dia mentanzihkan diriNya daripada tanzih mereka kerana mereka telah menghadkanNya dengan demikian tanzih . Demikian adalah kerana kekurangan aqal daripada idrak umpama ini .

Segala syariat mendatangkan apa yang dengannya waham membuat keputusan secara berdikari . Syariat tidak pernah mensusutkan al Haq daripada satu sifat yang Dia zahir dalamnya . Seperti demikian ucapan syariat dan dengan demikian ia datang . Segala umat beramal atas demikian dan Allah memberi kepada umat2 tajalli . Waris2 akan mengiringi rasul2 dan mereka akan mengucap apa yang diucapkan rasul2 , iaitu : *Allah lebih mengetahui di mana meletak risalahNya (6/124)* .

Allah lebih mengetahui siapa yang tumpu kepadaNya . Wajah ibtida melalui pengkhabaran menunjuk kepada rasul2 Allah , dan wajah : Dia lebih mengetahui di mana meletak risalahNya . Setiap dua wajah ini mempunyai haqiqat, kerana demikian kami katakan bahawa ada tasybih dalam tanzih dan tanzih dalam tasybih .

Selepas ketetapan ini , maka benarkan kami turunkan sutrah dan jatuhkan hijab atas ain para kritik dan pentaklid . Keduanya adalah setengah daripada suwar yang al Haq tajalli dalamnya . Akan tetapi kami telah disuruh menyembunyikan , supaya zahir kelebihan persediaan suwar . Sesungguhnya apa yang bertajalli dalam satu suwar mengikut hukum persediaan demikian suwar . Maka dinisbahkan kepada persediaan apa yang diberi haqiqat suwar dan lawazimnya . Dan semestinya demikian .

Misal orang yang melihat al Haq dalam tidur dan dia tidak ingkari ini , dan bahawa sesungguhnya ia tidak syak adalah al Haq , ainNya . Kemudian diikuti dengan lawazim demikian suwar dan haqaiqnya yang tajalli dalam suwar dalam tidur . Kemudian selepas demikian , diibaratkan iaitu dilangkau daripadanya kepada sesuatu perkara lain yang dituntut tanzih , pada aqal .

Jika pihak yang mengibaratkannya mempunyai kasyaf dan iman , maka dia tidak berpindah daripadanya kepada tanzih semata2 bahkan dia memberinya haqnya daripada tanzih . Antara apa yang suwar itu zahir dalamnya daripada tasybih , maka ia Allah pada tahqiq , satu ibarat kepada sesiapa yang faham isyarat .

*(ARK : waham adalah satu quwwah yang bertindak pada mutakhayal dan ia mencapai makna juzi dalam mahsusat . Kebanyakan hukumnya atas makna juzi daripada mahsusat dan mutakhayal adalah sahih . Adakala ia menghukum pada maqulat dan makna kulli dengan hukum yang kesemuanya rosak melainkan dikehendaki Allah . Tamyiz antara pendapat sahih dan fasad tidak mudah melainkan kepada orang yang Allah ikhlaskannya dengan nur hidayah yang benar dan memberinya taufiq untuk mencapai yang benar dan betul dan menguatkan aqalnya dengan bantuan Ruh al Qudus . Antara kapasiti quwwah ini adalah induksi dan deduksi . Dominasinya atas aqal merosakkan kebanyakan hukum aqal melainkan apa yang telah menjadi **lubb (aqal)** .*

Ruh hikmah ini dan penghuraianya adalah bahawa segala suruhan terbahagi kepada pembekas dan penerima bekas, iaitu dua ibarat. Pembekas dari segala wajah dan atas segala hal dan pada segala hadrat adalah Allah. Penerima bekas dari segala wajah dan pada segala hal dan dalam segala hadrat adalah alam. Maka apabila datang (warid al Haq) ia akan berhubungan dengan setiap sesuatu pada usulnya yang bersesuaian. Sesungguhnya warid itu selama2nya semestinya menjadi furuk kepada satu usul.

Muhabbah ilahi adalah satu furuk kepada nawafil daripada hamba. Ini adalah satu kesan antara pembekas dan penerima. Al Haq menjadi pendengaran hamba, penglihatannya dan quwwahnya atas muhabbah ini. Ini satu kesan yang bertetapan. Kamu tidak berkuasa mengingkarinya kerana ia sabit pada syarak, jika kamu seorang mukmin. Adapun aqal sejahtera maka ia adalah sahib tajalli ilahi dalam satu tempat tajalli tabii dan mengenali apa yang kami katakan. Atau dia seorang mukmin, iaitu seorang muslim yang beriman dengan (tajalli itu) sepertimana datang dalam Sahih Muslim.

Semestinya kesulthanan waham akan menghukum atas orang yang beraqal yang membahas pada apa yang datang dalam suwar ini (iaitu suwar yang dilihat dalam tidur) kerana dia beriman dengannya. Adapun yang bukan mukmin, dia menghukum atas waham dengan waham dan dia berkhayal dengan spekulasi fikirannya bahawa dia telah memindahkan kepada Allah apa yang demikian tajalli dalam mimpi memberikannya.

() ARK : *iaitu memustahilkan pada haq Taala keadaan Dia dalam satu suwar yang berjasad*

Waham pada demikian tidak berpisah daripadanya, dari segi dia tidak sedar kerana lalai daripada dirinya. Daripada demikian firman Allah Taala : *berdoalah kamu kepada Aku nescaya Aku memperkenankan permohonan kamu (40/60) dan firmanNya : Dan apabila hamba2 Aku bertanya kepada kamu mengenai Aku, maka (beritahu mereka) sesungguhnya Aku senantiasa hampir (kepada mereka) ; Aku memperkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada Aku . (2/186)* Dia tidak menjawab melainkan apabila ada orang yang memohon kepadaNya. Jika sekalipun ain pemohon adalah ain penjawab, maka tidak ada khilaf dalam perbezaan suwar, kerana keduanya adalah dua suwar (yang berbeza) tanpa syak.

Kesemua suwar itu adalah seperti anggota bagi Zaid. Termaklum bahawa Zaid adalah satu haqiqat syakhsiah. Tangannya bukanlah kakinya atau kepalanya atau matanya atau bulu keningnya. Maka dia sesuatu yang pelbagai, pelbagai pada suwar dan satu pada ain. Ataupun seperti manusia pada ain adalah satu tanpa syak. Tidak syak juga bahawa Umar bukanlah Zaid, bukan Khalid dan bukan Jaafar. Iaitu individu ain yang satu ini tidak terbilang dalam wujud, maka manusia jika sekalipun satu pada ain adalah pelbagai pada suwar dan individu.

Kamu telah mengetahui secara putus, jika kamu seorang mukmin bahawa al Haq, ainNya akan bertajalli pada hari qiamat dalam satu suwar yang dikenali. Kemudian Dia akan berubah kepada suwar yang lain dan diingkari. Kemudian berubah kepada suwar yang lain dan dikenali. Sedangkan Dia adalah apa yang tajalli, bukan lain, dalam setiap suwar. (hadis dalam Sahih Muslim)

Maklum bahawa suwar ini bukanlah suwar itu yang lain sedangkan ainnya adalah satu , yang berfungsi sebagai cermin . Apabila pencerap melihat ke dalam cermin kepada apa yang diiktigadkannya tentang Allah , dia mengenaliNya dan menetapkanNya . Apabila secara kebetulan dia melihat dalamnya apa yang diiktigadkan selainnya dia akan mengingkarinya , sepertimana dia melihat suwar dirinya atau suwar selainnya dalam cermin . Cermin adalah ain yang satu sedangkan suwar adalah pelbagai dalam mata penglihat dan tidak ada dalam cermin satu jumlah suwar .

Cermin mempunyai kesan atas suwar dari satu wajah dan tidak pada wajah yang lain . Kesan yang dipunyai cermin adalah keadaan ia memantulkan suwar yang berbeza bentuk dengan mengecilkan , membesarkan , memanjangkan dan melebarkan . Iaitu ia mempunyai kesan pada ukuran dan perubahan ukuran kembali kepada cermin . Namun perubahan2 ini adalah daripada cermin kerana perbezaan ukuran cermin .

Tilik dalam misal ini kepada satu cermin daripada pelbagai cermin , jangan tilik kepada kesemuanya . Iaitu tilik kamu dari segi keadaanNya sebagai zat , maka Dia adalah terkaya daripada sekalian alam . **Dan dari segi asma ilahi , maka (pada) demikian waktu Dia seperti cermin yang pelbagai . Maka dalam mana satu asma ilahi nafs kamu menilik atau seseorang menilik , maka sesungguhnya Dia akan menzahirkan dalam penilik itu haqiqat demikian asma . Inilah apa yang berlaku jika kamu faham .**

Jangan kamu gelisah dan jangan kamu takut . Sesungguhnya Allah menggemari keberanian jika sekalipun hanya pada membunuh seekor ular . Ular itu tidak selain daripada nafs kamu . Ular itu hidup dengan sendirinya dalam suwar dan haqiqat . **Sesuatu itu tidak terbunuh dengan sendirinya . Jika suwarnya rosak pada indera , haddnya memperkukuhkan suwar itu dan khayal tidak melenyapkannya .**

Justeru perkara itu begini , maka ini menjadi jaminan kepada zat , keperkasaan dan kekebalan . Sesungguhnya kamu tidak berkuasa merosakkan hudud . Keperkasaan apa yang lebih besar daripada keperkasaan ini . Kamu berkhayal dengan waham bahawa kamu telah membunuh , dan dengan aqal dan waham suwar itu tidak hilang wujudnya dalam hadd .

Dalil kepada demikian dalam firmanNya : *dan bukanlah kamu yang melempar ketika kamu melempar , tetapi Allah juga yang melempar (8/17)*. Mata tidak mencapai melainkan suwar Muhammad yang sabit baginya tindakan ini pada indera . Tetapi ia adalah apa yang Allah menafikan daripada suwar itu pada awalnya , kemudian disabitkan tindakan itu kepada suwar pada pertengahan . Kemudian Dia kembali dengan pembetulan bahawa Allah adalah pelontar dalam suwar Muhammad .

Semestinya beriman dengan ini . Tilik kepada pembekas ini di mana al Haq telah turun kepada suwar Muhammad dan al Haq sendiri telah mengkhabarkan kepada hambaNya mengenai demikian . Tidak seorang kami berkata demikian tentangNya bahkan Dia yang berkata demikian tentang diriNya . Khabarnya adalah benar dan iman dengannya wajib sama sahaja kamu mencapai ilmu apa yang dia katakan atau kamu belum mencapainya , iaitu sebagai alim atau muslim yang mukmin .

Antara apa yang menunjukkan kepada kamu kelemahan spekulasi aqal dari segi fikirnya adalah keadaan aqal menghukum atas illat(/sebab) bahawa ia bukan ma'lul(/kesan) daripada pihak yang memiliki illat . Ini adalah hukum aqal dan tidak ada kesembunyian padanya . Tetapi apa yang ada dalam ilmu tajalli hanya ini , iaitu **illat adalah ma'lul daripada pihak yang memiliki illat** .

Apa yang dihukumkan aqal adalah sah jika bersama pemeriksaan dalam spekulasi . Sejauh aqal pada demikian bahawa ia berkata apabila melihat satu perkara yang melawani apa yang nyata kepadanya daripada dalil spekulatif : Bahawa ain adalah sabit sebagai satu dalam kepelbagaian ini . Dari segi ia illat bagi satu suwar antara suwar2 ini dengan kesannya , illat itu tidak menjadi kesan kepada kesan illat itu , iaitu sehingga kesan illat menjadi illat baginya . Inilah sejauh (pencapaian) aqal apabila ia melihat sesuatu sebagaimana ia ada tetapi belum lagi terpendam dalam spekulasi fikirannya .(kritik konsep tindakbalas)

Kerana perkara kesebaban begini gaya , maka apakah pendapat kamu tentang pengluasan spekulasi aqal pada selain tempat yang sempit ini . Tidak sesiapa yang lebih beraqal daripada rasul as . Mereka datang dengan apa yang mereka datangkan dalam khabar dari pihak ilahi dan mereka mensabitkan apa yang disabitkan aqal .

Mereka menambahkan apa yang aqal tidak berdikari mengidraknya , yang tidak dikhayalkan aqal langsung , dan apa yang mendekatkan seseorang kepada tajalli ilahi . Apabila dia bersendirian selepas tajalli dia akan hairan pada apa yang dia telah lihat . Jika dia hamba Rabb dikembalikan aqal kepadanya . Jika dia hamba spekulasi , al Haq kembali kepada hukumnya . Ini tidak berlaku selagi dia kekal dalam kehidupan dunia terhibab daripada kehidupan akhiratnya di dunia .

Sesungguhnya para arifin zahir di sini seolah2 mereka dalam suwar dunia kerana hukum dunia berlaku atas mereka . Namun Allah Taala telah mengubahkan bathin mereka kepada kehidupan akhirat dengan semestinya . Mereka tidak terkenal pada suwar melainkan kepada orang yang Allah telah kasyafkan mata basirahnya kemudian dia idrak ; *dan penglihatan kamu pada hari ini sangat tajam . (50/22)*

Tidak ada seorang yang arif tentang Allah dari segi tajalli ilahi melainkan dia berada pada kehidupan akhirat . Dia **telah mengalami perhimpunan (mahsyar) semasa dalam dunia dan terbangkit daripada quburnya** . Dia melihat apa yang orang ramai tidak melihat dan menyaksikan apa yang mereka tidak saksi sebagai inayah daripada Allah kepada setengah hambaNya

Sesiapa berkehendak menemui hikmah Ilyas-Idris ini yang Allah Taala telah membangunkannya dua kali , pertama sebagai nabi sebelum Nuh kemudian diangkatkan dan kemudian turun sebagai rasul iaitu menghimpunkan baginya dua kedudukan , maka hendaklah dia turun daripada hukum aqalnya kepada syahwatnya dan menjadi sebagai haiwan mutlak sehingga dikasyafkan apa yang dikasyafkan kepada setiap binatang melata selain daripada jinn dan manusia .

Ketika itu baru dia mengetahui bahawa dia telah mentahqiqkan kehaiwanannya iaitu dengan dua alamat . Pertama kasyaf ini . Maka dia melihat siapa yang disiksa dalam quburnya dan siapa yang diberi nikmat . Dia melihat si mati hidup , yang kelu bercakap dan yang duduk berjalan2 .

Alamat kedua adalah kekeluan , dari segi jika sekalipun dia hendak mengucap tentang apa yang dia telah melihat nescaya dia tidak akan berkuasa . Pada ketika itulah dia akan merealisasikan kehaiwanannya . Ada seorang muridin kami yang telah terhasil baginya kasyaf ini , melainkan tidak terpelihara baginya kekeluan , maka tidak terjadi dia merealisasikan kehaiwanannya .

Apabila Allah Taala mendirikan aku pada maqam ini aku telah merealisasikan kehaiwanan aku dengan sepenuhnya . Aku melihat dan hendak mengucap tentang apa yang aku telah saksikan tetapi aku tidak mampu . Tidaklah aku terbeza daripada orang kelu yang tidak boleh berkata2.

Apabila seorang merealisasikan apa yang kami sebutkan dia akan berpindah kepada menjadi **aqal mujarrad dalam maddah tabii** . Dia akan menyaksi beberapa perkara yang menjadi usul kepada apa yang zahir dalam suwar tabii . Dia akan **mengetahui dari mana keluar sesuatu hukum pada suwar tabii secara zauq** .

() *ARK: iaitu hukum2 yang berbeza dalam suwar tabii adalah makna2 ayan dan haqaiq aqli*

Jika dikasyafkan bahawa **tabiat adalah ain Nafs al Rahman** maka sesungguhnya dia telah diberi kebaikan yang banyak . Jika diringkaskan baginya kepada apa yang kami sebutkan , maka qadar ini daripada marifat yang berpengaruh atas aqalnya mencukupi dan dia tergolong bersama para arifin . Dia mengenali ketika demikian secara zauq firmanNya : *bukanlah kamu yang membunuh mereka akan tetapi Allah yang membunuh mereka .(8/17)*

Tidak yang membunuh mereka melainkan besi , pemukul dan pihak di sebalik suwar ini . Pada jumlahnya berlaku pembunuhan dan lemparan , dan dia menyaksikan perkara ini pada usulnya dan suwarnya , maka ini pensaksian lengkap . Jika dia menyaksikan nafs (al Rahman) maka bersama kelengkapan ada kesempurnaan . Sesungguhnya al Nafs al Rahmani adalah ain faidh wujud dan hayat atas kull , bahkan ia adalah ain tanazul al Haq ke dalam suwar kesemuanya .

Permata Hikmah Ihsan dalam Kalimat Lukman

Apabila Allah mentaqdirkan menghendaki rizqi bagiNya
Maka kaun segalanya adalah makanan
Apabila Allah mentaqdirkan menghendaki rizqi bagi kami
Maka Dia menjadi makanan sepertimana ditaqdirkan
KehendakNya menjadi iradatNya , maka katakanlah dengan kehendak
Dia telah menghendakinya dan yang jadi adalah apa yang dikehendaki
Kehendak bertambah dan berkurangan
KehendakNya hanya kehendak saja
Inilah perbezaan antara keduanya , fahamilah
Tetapi dari satu wajah ain keduanya adalah sama

Firman Allah Taala : *dan sesungguhnya Kami telah memberi Lukman hikmah . (31/12)* dan firmanNya : *sesiapa yang diberi hikmah , sesungguhnya dia telah diberi kebaikan yang banyak . (2/269)* Maka Lukman mengikut nas mempunyai kebaikan yang banyak dengan pensaksian Allah baginya dengan demikian . Hikmah adakala dilafazkan dengannya dan adakala didiamkan tentangnya .

Misal kata Lukman kepada anaknya : *wahai anakku jika ada sesuatu perkara seberat sebiji sawipun , apakah ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau di bumi , nescaya Allah akan mendatangkannya (31/16)* Ini satu contoh **hikmah yang disebutkan** , iaitu dia menjadikan Allah pihak yang mendatangkannya . Allah menetapkan demikian dalam kitabNya , dan tidak ditolak pendapat ini daripada pengucapnya .

Adapun **hikmah yang didiamkan** tentangnya , ia diketahui melalui qarinah , iaitu diam Lukman tentang pihak yang didatangkan kepadanya demikian biji sawi . Dia tidak menyebut siapa ; dia tidak berkata kepada anaknya : Allah akan mendatangkannya kepada kamu , atau , kepada selain kamu . Dia menggunakan pendatangan secara umum dan menjadikan apa yang didatangkan itu dalam langit jika di sana atau dalam bumi sebagai satu peringatan . Iaitu supaya pemerhati akan memerhati firman Allah Taala : *dan Dia adalah Allah dalam langit dan bumi . (6/3)*

Lukman memperingatkan dengan ucapannya dan diamnya bahawa al Haq adalah ain segala maklum . Kerana yang maklum lebih umum daripada yang sesuatu , maka ia adalah paling nakirah . Kemudian dia telah lengkapkan hikmah itu dan cukupkannya supaya binaannya menjadi sempurna dengan berkata : *sesungguhnya Allah adalah latif (31/16)* . Antara kehalusanNya (dalam struktur) dan kelembutanNya (dalam tindakan) bahawa Dia berada , dalam sesuatu yang dinamakan dengan sedemikian dan dihaddkan dengan sedemikian , sebagai ain demikian sesuatu sehingga/tetapi tidak dikatakan pada sesuatu itu melainkan apa yang ditunjuk kepadanya namanya pada penggunaan umum dan istihlah .

Maka dikatakan ini adalah langit , bumi , batu , pokok , haiwan , raja , rizki dan makanan , sedangkan ain adalah satu pada setiapnya dan dalam setiapnya . Sepertimana pengikut Asyaari berkata bahawa alam segalanya seumpama jauhar , iaitu jauhar yang satu . Ia ain kata kami : yang ain adalah satu .

Kemudian mereka berkata bahawa ia berlainan mengikut aradh . Sedangkan kami berkata bahawa ain berlainan dan berbilang mengikut suwar dan nisbah sehingga terbeza . Ada dikatakan : Ini bukan ini dari segi suwarnya atau aradhnya atau mizajnya ; bagaimana kehendak kamu katakanlah . Dan ini adalah ain ini dari segi jauharnya . Kerana ini digunakan ain jauhah dalam hadd setiap suwar dan mizaj .

Kami berkata , sesungguhnya ia bukan selain al Haq . Para mutakalim menganggap bahwa apa yang dinamakan jauhah , jika sekalipun dia benar , bukanlah ain al Haq yang diitlakkan ahli kasyaf dan tajalli . Inilah hikmah keadaanNya latif .

Kemudian dinaatkan dengan katanya : *khafir* iaitu alim melalui pengalaman . FirmanNya : *Kami akan menguji kamu sehingga Kami mengetahui (47/3)* Ini adalah ilmu zauq . Al Haq telah menjadikan diriNya , bersama ilmuNya tentang apa yang sebenarnya , mengambil faedah pada ilmu . Tidak seorang pun berkuasa atas mengingkari apa yang dinaskan al Haq pada hak diriNya . Dia telah memisahkan antara ilmu zauq dan *ilmu mutlak* .

Ilmu zauq berkait dengan quwwah . Dia telah firman tentang diriNya bahawa Dia adalah ain quwwah hambaNya dalam firmanNya : Aku pendengarannya (Hadis) ; ia adalah satu quwwah antara quwwah hamba . Dan penglihatannya , dan ia adalah satu quwwah antara quwwah hamba . Dan lisannya dan ia adalah satu anggota daripada anggota hamba ; dan kakinya dan tangannya . Dia tidak menghadkan dalam takrif hanya kepada quwwah bahkan telah menyebut anggota .

Tidak ada hamba tanpa anggota dan quwwah ini . Ain yang dinamakan hamba adalah al Haq , bukannya ain hamba ; dan Dia adalah Tuan , Pemaaf . Sesungguhnya nisbah adalah terbeza pada zatnya tetapi yang dinisbahkan kepadanya tidak terbeza . Kerana tidak ada di sana melainkan ainNya dalam segala nisbah . Maka Dia adalah ain yang satu yang mempunyai nisbah , idhafat dan sifat .

Antara kelengkapan hikmah Lukman dalam mengajar anaknya , apa yang didatangkan dengannya dalam ayat ini daripada dua asma ilahi ini iaitu latif dan khafir yang dinamakan Allah dengan keduanya . Jika dia menjadikan demikian dalam kaun iaitu pada wujud dengan berkata : kana ; nescaya ia lebih lengkap pada hikmah dan lebih berkesan pada penasihatannya . Allah Taala telah menghidayatkan ucapan Lukman atas makna sepertimana diucapkannya dan tidak ditambahkan atasnya sesuatupun . Dan jika ucapannya : sesungguhnya Allah adalah latif , khafir ; adalah daripada firman Allah nescaya diketahui Allah Taala daripada Lukman bahawa apabila dia mengucapkan dia akan melengkapkan ucapannya selengkap ini .

Adapun ucapannya : *jika ada sesuatu perkara seberat sebiji sawi pun ; iaitu bagi orang yang mengertikannya sebagai makanan , sedangkan ia bukan melainkan atom yang disebut dalam firmanNya : sesiapa yang beramal seberat zarrah kebaikan akan melihatnya dan sesiapa yang beramal seberat zarrah kejahatan akan melihatnya (99/7,8)* .

Biji sawi adalah sekecil makanan , jika ada yang lebih kecil nescaya didatangkannya , sepertimana didatangkan dalam firmanNya : *sesungguhnya Allah tidak malu membuat perumpamaan apakah dengan nyamuk (2/26)* ; kemudian kerana Dia mengetahui bahawa di sana ada yang lebih kecil daripada nyamuk , Dia telah berfirman: *dan apa yang atas daripadanya* ; iaitu dalam kekecilan . Ini adalah firman Allah dan apa yang ada dalam Surah al Zulzilah juga firmanNya , maka fahamkanlah .

Apa yang atas daripada nyamuk pada kekecilan adalah atom . Di sana ada kelatipan yang lain . Demikian adalah bahawa **atom** bersama kekecilannya ia lebih ringan pada timbangan ; juga kerana ia **sesuatu yang hidup** , dan yang hidup lebih ringan daripada yang mati . Maknanya bahawa sesuatu amalan apabila ia seberat atom dalam kekecilan dan keringanan namun semestinya balasannya akan dipernampakkan . Kami mengetahui bahawa Allah tidak menghadkan kepada wazan atom sedangkan ada di sana yang lebih kecil daripadanya . Sesungguhnya Dia mendatangkan demikian atas jalan menegaskan . Allah juga yang lebih mengetahui .

Adapun penggunaan bentuk kecil bagi sebutan anak , maka ia adalah pengecilan yang menunjukkan rahmat . Kerana ini dia telah mewasiatkannya dengan apa yang dalamnya terdapat kebahagiannya apabila diamalkan dengannya . Adapun hikmah wasiatnya dalam melarang anaknya supaya : *jangan kamu mensyirikkan Allah , sesungguhnya syirik adalah kezaliman yang amat besar .(31/13)* maka apa yang dizalimkan adalah maqam .

Iaitu dinaatkanNya dengan pembahagian sedangkan ia adalah ain yang satu . Sesungguhnya tidak bersyirik bersamaNya melainkan ainNya , maka pembahagian adalah sejauh2 kejahilan . Demikian adalah kerana individu yang tidak mempunyai marifat tentang apa yang sebenarnya dan tidak dengan haqiqat sesuatu , apabila berbeza suwar kepadanya dalam ain yang satu sedangkan dia tidak mengetahui bahawa demikian khilaf adalah dalam ain yang satu , dia menjadikan suwar itu sebagai sekutu suwar yang lain pada demikian maqam .

Dia menjadikan bagi setiap suwar satu bahagian daripada demikian maqam . Adalah maklum tentang si sekutu bahwa perkara yang khas kepadanya , antara apa yang berlaku padanya persekutuan , bukanlah ain si sekutu lain yang menyekutukannya , kerana dia adalah sesuatu yang lain .

Namun tidak ada di sana sekutu pada haqiqat . Setiap sesuatu berada pada huzunya daripada apa yang dikatakan padanya bahawa antara sekutu2 ada persekutuan dalamnya . Sebab demikian adalah kerana persekutuan adalah pengumpulan . Jika ia satu pengumpulan maka tasrif sebelah pihak akan menggugurkan pengumpulan . FirmanNya : *katakanlah : serulah kepada Allah atau serulah kepada al Rahman (17/110)* ; inilah ruh masaalah .

Permata Hikmah Imamah dalam Kalimat Harun

Ketahuiilah bahawa wujud Harun as adalah daripada hadrat rahmat dengan firmanNya : *dan Kami kurniakan kepadanya dari rahmat Kami saudaranya Harun dengan pangkat nabi . (19/53)* Maka nubuwahnya adalah daripada hadrat rahmat . Dia lebih tua daripada Musa pada umur tetapi Musa lebih besar daripadanya pada nubuwah . Kerana nubuwah Harun daripada hadrat rahmat dia telah berkata kepada saudaranya Musa as : *Wahai anak ibuku (7/150)*. Dia telah memanggilnya melalui ibunya bukan bapanya kerana rahmat adalah lebih dipunyai ibu daripada bapa pada hukum . Jika bukan kerana demikian rahmat seorang ibu tidak akan sabar atas menangani tarbiah .

Kemudian dia berkata : *jangan kamu merenggut janggutku dan jangan menarik rambutku (20/94)* dan : *jangan memberi peluang kepada pihak musuh bermegahan atasku ()* Ini kesemuanya adalah satu nafas daripada anfas al Rahman . Demikian disebabkan ketak-kukuh pastian dalam penilikan apa yang ada dalam tangannya daripada alwah , yang kemudian telah dicampakkannya daripada tangannya . Jika dia menilik ke dalamnya dengan kukuh pasti nescaya dia akan menjumpai dalamnya petunjuk dan rahmat .

Petunjuk adalah penjelasan apa yang berlaku dalam satu perkara yang menimbulkan kemarahan terhadap Harun yang adalah bebas daripada perkara itu , dan rahmat terhadap saudaranya . Dia tidak biasa merenggut janggut saudaranya dengan kerana apa yang dia melihat pada qaumnya bersama kelanjutan umurnya dan bahawa Harun lebih tua daripadanya . Pada pihak Harun demikian adalah prihatin terhadap Musa kerana nubuwahnya adalah daripada rahmat Allah dan tidak terbit daripadanya melainkan seumpama rahmat ini .

Kemudian Harun berkata kepada Musa as : *sesungguhnya aku takut bahawa kamu akan berkata : Kamu telah memecahbelahkan Bani Israil (20/94)* ; dan kamu menjadikan aku sebab pecahbelah mereka . Sesungguhnya penyembahan patung anak lembu telah memecahbelahkan mereka . Mereka yang menyembahnya mengikut Samiri tanpa persoalan , tetapi ada yang enggan menyembahnya sehingga Musa kembali kepada mereka dan mereka menyoalnya tentang demikian . Harun takut bahawa dinisbahkan demikian furqan kepadanya .

Namun Musa lebih mengetahui tentang perkara itu daripada Harun . Dia mengetahui apa yang disembah ashab patung kerana ilmunya bahawa Allah telah qadha bahawa tidak akan disembah melainkanNya . Allah tidak menghukum sesuatu melainkan ia akan berlaku . Musa menegur saudaranya Harun kerana berlaku ingkarnya dan ketak-keluasan ilmunya . Sesungguhnya si arif adalah orang yang melihat al Haq dalam setiap sesuatu bahkan melihatNya sebagai ain setiap sesuatu . Musa mentarbiahkan Harun dengan tarbiah ilmu jika sekalipun lebih muda daripadanya pada umur .

Kerana demikian , apabila Harun berkata apa yang dia telah berkata , Musa merujuk kepada Samiri seraya berkata kepadanya : *Apa pula hal kamu wahai Samiri (20/95)*. Iaitu apakah yang buat kamu berpaling kepada suwar anak lembu secara khusus .

Apakah ciptaan kamu akan patung itu daripada perhiasan qaum sehingga menawan hati mereka adalah kerana harta mereka .

Sesungguhnya Isa telah berkata kepada Bani Israil : Wahai Bani Israil . Hati setiap insan terletak di mana hartanya ada . Jadikanlah harta kamu dalam langit nescaya hati kamu akan berada di langit . Tidak dinamakan harta harta melainkan keadaan zatnya mencenderungkan hati kepada ibadat . Maka ia adalah satu maqsud yang terbesar yang diperbesarkan dalam hati kerana dalam hati ada iftiqar kepada harta .

Tidak ada kekekalan bagi suwar maka semestinya suwar anak lembu akan hilang walaupun Musa tidak bergesa pada membakarnya . Kemudian cemburu telah mengatasi Musa dan dia telah membakarnya dan menaburkan abu demikian suwar ke dalam laut seraya berkata kepada Samiri : Pandanglah kepada tuhan kamu . Dia telah menamakannya tuhan sebagai cara memperingatkan untuk pengajaran , kerana dia mengetahui bahawa ia adalah setengah tempat tajalli ilahi iaitu : *nescaya aku akan membakarkannya .()*

Sesungguhnya kehaiwanan insan memiliki tasaruf pada kehaiwanan haiwan kerana Allah telah menundukkannya untuk insan , khasnya memandang asal insan bukan haiwan . Justeru itu dia mempunyai peranan yang lebih besar dalam penundukan kerana yang bukan haiwan tidak mempunyai iradat bahkan ia mengikut hukum pihak yang mentasaruf padanya tanpa keengganan .

(ARK : anbiya adalah suwar haqaiq ilahi nurani ruhani dan firaun adalah suwar haqaiq nafsani zulmani . Permusuhan dan perselisihan antara keduanya adalah lazim sepertimana antara aqal dan hawa , ruh dan syaithan . Mereka berbeza dalam ta'yin insan kerana berbeza asma dalam mereka . Perbezaan penerimaan mengikut mizaj dan iktidal insan . Kerana ini berbeza suwar mereka dalam syakl , haiah , dan ta'yin syakhshiah , berbeza nafs mereka pada akhlaq , adat dan zauq dan berbeza ruh mereka dalam ilmu , musyahadah , masyrab dan tajalli . Namun mereka ittihad pada pewajahan , maarif haqqani , tauhid dan usuludin yang qayyim . Mereka pada demikian seperti nafs yang satu atas kekeluargaan yang satu kepada Rabb yang satu iaitu Rabb al Arbab . Yang ghalib atas Musa adalah qahar syuhud tajalli nur sebagai anwar api . Ilmunya furqani . Adapun Nabi saw yang ghalib atasnya adalah hukum wahdah dan syuhud tajalli sebagai nur . Ilmunya qurani .)

Adapun haiwan maka ia mempunyai iradat dan tujuan . Adakala ia menunjukkan keengganan dalam setengah tasrif . Jika padanya ada quwwah menzahirkan demikian ia akan zahir kedegilan terhadap apa yang dikehendaki daripadanya oleh insan . Jika tidak ada padanya quwwah ini , atau kehendak insan berbetulan dengan tujuan haiwan itu , ia akan ikut tunduk kepada apa yang dikehendaki daripadanya .

Sepertimana insan akan ikut dalam satu perkara di mana Allah mengangkatannya dengannya kerana harta yang diharapkannya daripadanya , yang diibaratkan pada setengah hal sebagai akhirat . Dalam firmanNya : *dan Kami mengangkat setengah mereka atas setengah pada darjat , supaya setengah mereka menjadikan setengah mereka ikut tunduk .(43/32)* Orang yang seumpamanya tidak ikut tunduk kepadanya melainkan pada kehaiwanannya bukan pada keinsanannya .

Ini kerana dua yang seumpama mempunyai percanggahan . Yang lebih tinggi pada manazil dengan harta atau kemegahan insani menunduk yang lebih rendah . Dia

tunduk kepadanya kerana takut atau tamak dari kehaiwanannya , tidak pada keinsanannya . Tidak tunduk seorang kepada orang yang seumpamanya . Tidakkah kamu lihat keasak-asakan yang berlaku antara binatang , kerana mereka adalah seumpama . Setiap dua yang seumpama mempunyai percanggahan . Kerana demikian firmanNya : *dan Kami mengangkat setengah mereka atas setengah yang lain* . Tidak seorang itu sama yang lain pada darjatnya maka berlakulah ketundukan dari kerana darjat .

Penundukan ada dua bahagian . Pertama penundukan di mana dikehendaki bagi penunduk itu nama pembuat , pemaksa dalam penundukannya atas orang yang ditundukkan . Seperti penundukan tuan atas hambanya jika sekalipun seumpamanya pada kemanusiaan . Atau seperti sulthan atas rakyatnya jika sekalipun mereka seumpamanya pada kemanusiaan , iaitu menundukkan mereka dengan darjat .

Bahagian yang kedua **penundukan dengan hal** , seperti penundukan rakyat atas raja yang melaksanakan urusan mempertahankan dan melindungi mereka , memerangi musuh , memelihara harta dan jiwa mereka . Kesemua ini adalah penundukan melalui hal daripada rakyat atas raja mereka dan dinamakan pada haqiqat **penundukan martabat** .

Martabat menghukum atas raja dengan demikian . Antara raja ada yang berusaha untuk diri sendiri . Ada yang mengenali keadaan hal dan mengetahui bahawa dia di bawah penundukan rakyatnya kerana martabat . Dia mengetahui qadar mereka dan hak mereka dan Allah membalaskannya atas demikian dengan balasan ulama yang mengetahui hal yang sebenar . Balasan seumpama ini terpulang kepada Allah kerana Dia terlibat dalam urusan hambaNya . **Alam keseluruhannya menundukkan dengan hal akan pihak yang tidak mungkin diitlak atasnya bahawa dia ditundukkan** . Firman Allah Taala : *setiap hari Dia dalam urusan (55/29)* .

Ketiadaan quwwah adalah perisai bagi Harun sebenarnya supaya tidak terlaksana pemerintahan atas patung di kalangan ashab patung , sepertimana pemerintahan Musa atasnya . Ini satu hikmah daripada Allah secara zahir dalam wujud , supaya Dia disembah dalam setiap suwar . Jika sekalipun demikian suwar akan luput namun ia tidak luput melainkan setelah disamakan di sisi penyembahnya dengan ketuhanan . Kerana ini , tidak ada satu spesis melainkan ia akan disembah apakah dengan penyembahan ketuhanan atau dengan penyembahan penundukan (martabat) . Tidak ada pengecualian pada demikian bagi orang yang beraqal .

Tidak disembah sesuatu dalam alam melainkan selepas disepakaikan dengan ketinggian di sisi penyembah dan penzahiran dengan darjat dalam hatinya . Kerana demikian dinamakan al Haq di sisi kami sebagai pengangkat darjat2 ; tidak dikatakan pengangkat darjat , kerana terdapat banyak darjat dalam ain yang satu . Sesungguhnya **Dia telah qadha bahawa kami tidak menyembah melainkan Dia dalam darjat2 yang banyak dan pelbagai . Diberi setiap darjat satu tempat tajalli ilahi untuk disembah dalamnya** .

Tempat tajalli yang teragung disembahNya dalamnya dan yang tertinggi sekali adalah hawa . FirmanNya : *Tidakkah kamu melihat orang yang mengambil hawanya sebagai tuhanNya (45/23)* Ia adalah paling besar sesuatu yang disembah kerana

sesungguhnya tidak disembah sesuatu melainkan melaluiNya . Dan ia tidak disembah melainkan dengan zatNya . Padanya aku berkata :

Yang benar tentang hawa bahawa hawa adalah sebab hawa
Dan jika tidak ada hawa dalam hati tidaklah disembah hawa

Tidakkah kamu melihat betapa sempurna ilmu Allah tentang sesuatu . Bagaimana lengkapnya pada hak orang yang menyembah hawanya dan mengambilnya sebagai tuhan . FirmanNya : *dan Allah telah menyesatkannya atas ilmu (45/23)*. Kesesatan di sini adalah kehairanan . Demikian berlaku apabila penyembah ini melihat bahawa dia tidak menyembah melainkan hawanya dengan tunduk mentaatinya pada apa yang ia menyuruhnya daripada penyembahan orang yang menyembahNya di antara individu2. Sehingga ibadatnya kerana Allah Taala pun daripada hawa juga .

Ini kerana jikalau tidak timbul **hawa** baginya **pada pihak qudus , iaitu iradat muhabbah** nescaya dia tidak menyembah Allah dan tidak memilihNya atas selainNya . Seperti demikian setiap orang yang menyembah mana satu suwar daripada suwar alam dan mengambilnya sebagai tuhan , dia tidak membuat demikian melainkan dengan hawa . Seorang hamba itu senantiasa di bawah **sulthan hawanya** .

Kemudian dia melihat kepelbagaian idola di kalangan para abid . Setiap orang yang menyembah satu perkara akan mengukufkan orang yang menyembah selainnya . Apa yang ada padanya termudah sekali memberi peringatan dan menghairankan kerana itihad dengan hawa bahkan kerana **ahadiyah hawa** sepertimana disebutkan .

Sesungguhnya ia adalah ain yang satu dalam setiap abid , kemudian Allah menyesatkannya , iaitu menghairkannya atas ilmu dari segi setiap abid tidak menyembah melainkan hawanya dan tidak yang memperhambakannya melainkan hawanya , sama sahaja perkara itu membetuli syariat ataupun tidak .

Arif yang sempurna adalah orang yang melihat setiap yang disembah sebagai tempat tajalli bagi al Haq , disembah dalamNya . Kerana demikian mereka menamakannya , kesemua mereka , tuhan bersama namanya yang khas seperti batu , pokok , haiwan , manusia , cakrawala atau malaikat iaitu dengan nama individu .

Ketuhanan adalah satu martabat . Terkhayal abid idola bahawa ia martabat idola . Tetapi sebenarnya ia adalah tempat tajalli al Haq kepada penglihatan abid ini , yang khas, yang beriktikaf pada idola ini dalam tempat tajalli ini yang khas . Kerana ini berkata setengah mereka yang tidak mengenali apa yang dikatakannya kerana kejahilan : *kami tidak menyembah mereka melainkan untuk mendekatkan kami kepada Allah (39/3)* bersama penamaan mereka akan idola sebagai tuhan .

Sepertimana mereka berkata : *apakah dia menjadikan tuhan2 itu tuhan yang satu . Sesungguhnya ini satu perkara yang ajaib .(38/5)* Mereka tidak mengingkariNya hanya merasa ajaib terhadap demikian . Sesungguhnya mereka berhenti pada kepelbagaian suwar mungkin dan nisbah ketuhanan kepadanya . Kemudian datang rasul dan dia menyeru mereka kepada tuhan yang satu yang dikenali tetapi tidak disaksikan dengan persaksian mereka .

Sesungguhnya mereka mensabitkanNya di sisi mereka dan mengiktikadkanNya dalam ucapan mereka : *kami tidak menyembah mereka melainkan untuk mendekatkan kami kepada Allah* . Mereka mengetahui bahawa demikian suwar adalah batu . Kerana demikian telah jatuh hujjah atas mereka dalam firmanNya : *katakanlah (kepada mereka wahai Muhammad): namakan mereka* ; dan mereka tidak menamakan idola mereka melainkan dengan apa yang mereka ketahui , iaitu bahawa demikian nama mempunyai satu haqiqat .

Adapun mereka yang arif tentang apa yang sebenarnya menzahirkan dengan suwar ingkar terhadap suwar² yang disembah . Ini kerana martabat mereka pada ilmu menjadikan mereka supaya berpegang dengan **hukum waktu** . Mereka mengetahui bahawa waktu adalah satu tempat tajalli agung daripada tajalli al Haq , yang bertajalli pada setiap waktu dengan setengah sifatNya . Kerana ini al Dahr adalah satu antara asmaNya Subhanahu . Sabda Nabi saw : Jangan kamu mengata terhadap al Dahr kerana Allah adalah al Dahr . (Hadis)

Pada setiap waktu , manusia dikuasai **hukum wasaf** yang Dia tajalli dengannya pada demikian waktu . Rasul yang dibangkitkan dalamNya adalah mazhar yang teragung demi kesempurnaan demikian wasaf . Dia menyeru makhluk kepada al Haq , yang bertajalli dalamNya , melalui taatnya kepada taat al Haq . Firman Allah Taala : *sesiapa mentaati rasul sesungguhnya dia telah mentaati Allah* . (4/80) Kerana demikianlah diwajibkan beriman dengan rasul dan mentaatinya .

Para arifin mengetahui bahawa penyembah idola tidak menyembah demikian suwar pada ainnya , sesungguhnya mereka menyembah Allah dalamNya dengan hukum sulthan tajalli , yang para arifin mengenalinya daripada mereka . () Orang yang ingkar jahil tentangnya . Dia tidak mempunyai ilmu tentang apa yang Allah tajallikan.

() *ARK: dari kalangan pemyembah suwar*

Si arif yang mukamil daripada nabi , rasul dan pewaris mereka menyembunyikannya . Dia menyuruh mereka supaya tinggal demikian suwar kerana rasul demikian waktu telah meninggalkannya sebagai mengikuti rasul kerana tamak muhabbah Allah kepada mereka , sepertimana dalam firmanNya : *Jika kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku , nescaya Allah mengasihi kamu* .(3/31)

Dia menyeru kepada Tuhan yang digantung segala hajat kepadaNya , yang diketahui secara jumlah , tidak disaksikan dan diidrak dengan penglihatan . Bahkan Dia mengidrak penglihatan(6/103) kerana latifNya dan pengaliranNya dalam ayan segala sesuatu . Penglihatan tidak idrakNya sepertimana ia tidak idrak arwah yang mentadbirkan lembaga mereka dan suwar mereka yang zahir . Dia adalah al Latif al Khabir .

Khibrah (/Pengalaman) adalah satu zauq dan zauq adalah tajalli dan tajalli berlaku pada suwar . Maka semestinya ada suwar dan semestinya ada zauq . Maka semestinya disembahNya sesiapa yang melihatNya dengan hawanya jika kamu telah faham . Atas Allah qasad jalan .

Permata Hikmah Ketinggian dalam Kalimat Musa

Hikmah pembunuhan kanak2 adalah supaya hayat setiap yang dibunuh kerana Musa kembali kepadanya sebagai bantuan , kerana kanak2 itu dibunuh atas anggapan dia Musa . Tidak ada kejahilan di sana maka semestinya hayatnya kembali kepada Musa , iaitu hayat kanak2 yang dibunuh kerananya .

Ia satu hayat thahir yang berada atas fithrah , belum lagi dicemari tujuan nafsani bahkan ia masih dalam keadaan fithrah : *Benar (7/172)*. Musa adalah himpunan hayat mereka yang dibunuh atas anggapan dia Musa . Maka **segala yang disediakan bagi demikian mangsa yang termasuk dalam persediaan ruhaninya terdapat dalam Musa as**. Pengkhususan ilahi bagi Musa ini tidak pernah berlaku kepada sesiapa pun sebelumnya .

Hikmah Musa banyak dan aku insya Allah akan menyatakan daripadanya dalam bab ini atas qadar apa yang berlaku suruhan ilahi tentangnya dalam khathir aku . Dan ini adalah awal apa yang diucapkan kepada aku daripada bab ini .

() *ARK: syarah martabat wujud untuk menjelaskan bantuan arwah mangsa kepada Musa . Arwah anbiya dita'yin secara kulli dan terletak pada saf pertama . Ruh umat mereka , kebanyakan malaikat , arwah , nafs falak adalah seperti quwwah , pembantu dan khadam kepada mereka .*

Musa tidak lahir melainkan sebagai satu himpunan arwah yang ramai . Dia menghimpunkan quwwah aktif yang bertindak atas orang dewasa . Tidakkah kamu lihat bahawa kanak2 bertindak atas orang dewasa kerana khususnya . Yang dewasa turun daripada keketuaannya kepada kanak2 untuk bermain2 dengannya dan mendukungnya . Dia zahirkan kepadanya dengan aqal kanak2 , iaitu turun kepada paras aqal kanak2 . Dia di bawah penundukan kanak2 tanpa sedar . Dia sibuk mentarbiahkannya , melindunginya , mencarikan maslahahnya dan memupuknya sehingga tidak sempit dadanya . Segala ini adalah antara tindakan kanak2 atas orang dewasa dan demikian adalah kerana kekuatan maqam .

Sesungguhnya kanak2 baru saja mengadakan janji dengan Rabbnya kerana baru kejadiannya sedangkan yang dewasa lebih jauh . Sesiapa yang lebih dekat kepada Allah menundukkan orang yang lebih jauh , seperti pasukan elit daripada malaikat yang dekat denganNya menundukkan yang lebih jauh .

Nabi saw biasa mendedahkan diri kepada hujan apabila ia turun . Dia membukakan kepalanya kepada hujan supaya terkena hujan seraya bersabda : Ia baru saja turun daripada Rabbnya .(Hadis) Renungilah marifat ini mengenai Allah daripada nabi ini , tidak ada yang lebih cemerlang , mulia dan jelas . Sesungguhnya hujan telah menundukkan sebaik2 basyar kerana dekatnya kepada Rabbnya . Ia umpama rasul yang turun dengan wahyu kepadanya . Ia menyeru Nabi saw melalui hal zatnya , dan dia mendedahkan diri kepadanya supaya dia terkena daripadanya apa yang ia mendatangkan kepadanya daripada Rabbnya .

Jika tidak terhasil baginya daripada hujan akan faedah ilahi dengan kerana apa yang berlaku padanya, nescaya dia tidak mendedahkan diri kepadanya. Ini adalah risalah air; Allah Taala jadikan daripada air setiap sesuatu yang hidup, maka fahamilah. Adapun hikmah diletak Musa dalam Tabut dan pembubuhannya dalam sungai, maka **Tabut adalah nasut Musa** dan **sungai adalah** apa yang terhasil bagi Musa daripada **ilmu** dengan wasithah jisim ini, daripada apa yang **quwwah fikir spekulatif dan quwwah khayal indrawi** memberikan. Tidak ada sesuatu daripada quwwah2 ini dan seumpamanya untuk nafs insan tanpa wujud jisim anasir.

Apabila terhasil nafs dalam jisim ini dan disuruh supaya tasaruf padanya dan mentadbirnya, Allah menjadikan baginya quwwah ini sebagai alat yang menghubungkan dengannya kepada apa yang Allah kehendaki daripada quwwah dalam tadbir tabut ini yang dalamnya terletak **sakinah Rabb**.

Dicampakkannya ke dalam sungai supaya terhasil bagi quwwah ini akan funun (/tafsil khas) ilmu. Dia memberitahunya dengan demikian bahawa jika sekalipun ruh mudabir adalah raja namun ia tidak dapat mentadbirkan jisim melainkan dengannya. Quwwah yang wujud dalam nasut yang diibaratkan dengan tabut dalam bab isyarat dan hukum mensahabatkan ruh.

Seperti demikian tadbir al Haq akan alam, Dia tidak mentadbirkannya melainkan dengannya atau suwarnya. Iaitu Dia tidak mentadbirkannya melainkan melaluinya sepertimana tergantung kejadian anak atas kejadian bapanya. Apa yang disebabkan bergantung kepada **asbab**nya, dan apa yang disyaratkan bergantung kepada syarat2nya. Apa yang diillatkan bergantung kepada illat(/faktor)nya, derivatif bergantung kepada postulatnya dan apa yang ditahqiqkan bergantung kepada haqaiqnya. Segala demikian adalah daripada alam dan ia juga tadbir al Haq pada alam. Maka Dia tidak mentadbirkan melainkan dengannya.

Adapun sebutan kami: atau dengan suwarnya; makna aku suwar alam. Maknanya al Asma al Husna dan sifat yang tinggi yang dinamakan dan disifatkan al Haq dengannya. Tidak sampai kepada kami satu asma yang Dia dinamakan dengannya melainkan kami mendapati makna demikian asma dan ruhnya dalam alam. Maka tadbirNya akan alam juga tidak melainkan dengan suwar alam.

Kerana demikian, pada ciptaan Adam sebagai model yang menghimpunkan naat **hadrat ilahi**, iaitu zat, sifat dan afaal, sabda Nabi saw: Sesungguhnya Allah menciptakan Adam atas suwarNya. (Hadis) **Suwar Adam** bukan melainkan hadrat ilahi. Dia menjadikan dalam mukhtasar yang mulia ini, iaitu **insan kamil**, segala asma ilahi dan haqaiq apa yang luar daripadanya dalam alam kabir yang berpunca daripada hadrat ilahi.

Dia menjadikannya ruh bagi alam dan menundukkan baginya yang tinggi dan rendah kerana kesempurnaan suwarnya. Sepertimana tidak ada sesuatu daripada alam melainkan ia mengagungkan kepujian Allah, begitulah **tidak ada sesuatu dalam alam melainkan ia ditundukkan kepada insan ini kerana apa yang diberinya haqiqat suwarnya**. FirmanNya: *Dia telah menundukkan untuk kamu apa yang ada di langit dan di bumi, kesemuanya daripadanya.* () Segala apa yang ada di dalam alam di bawah penundukan insan. Orang yang mengetahui demikian daripada ilmunya adalah insan kamil. Orang jahil akan jahil tentangnya dan dia adalah insan haiwani.

Suwar campakan Musa dalam Tabut dan campakan Tabut ke dalam sungai adalah suwar kebinasaan pada zahir . Namun pada batin adalah penyelamatan baginya daripada pembunuhan . Maka dia hidup , sepertimana nafs hidup dengan ilmu , daripada maut kejahilan . FirmanNya : *Adakah orang yang mati (iaitu dengan kejahilan) kemudian Kami menghidupkannya semula (dengan ilmu) dan Kami jadikan baginya nur (iaitu petunjuk) , dengannya dia berjalan dalam masyarakat sama seperti orang yang tinggal dalam zulmat (iaitu kesesatan) yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya . (iaitu tidak mendapat petunjuk selama2nya) (6/122)* Sesungguhnya urusan ini tidak ada penghujung , untuk berhenti padanya .

Petunjuk adalah bahawa insan terbimbing kepada kehairanan supaya dia mengetahui bahawa apa yang disuruh adalah kehairanan . Kehairanan adalah satu kecemasan dan gerakan . Gerakan adalah hayat , bukan diam dan maut , wujud bukan adam . Seperti demikian pada air , yang dengannya hayat bumi dan harakatnya . FirmanNya : *bergeraklah bumi (dan kandungannya) membesar (dan pembiakannya) menumbuhkan segala bagai pasangan yang indah . (22/5)* Ia tidak lahirkan melainkan apa yang menyerupainya , iaitu dengan tabiat seumpamanya . Maka zauj adalah satu kegenapan bagi hayat , dengan kerana biak daripadanya dan zahir atasnya .

Seperti demikian wujud al Haq mempunyai kepelbagaian dan perbilangan asma . Ia seperti ini dan seperti itu dengan kerana apa yang zahir atasnya daripada alam yang menuntut dalam perkembangannya akan haqaiq asma ilahi , iaitu ia dikenakan dengan alam . Dan yang menyalahinya adalah ahadiah kepelbagaian . Ia satu ain pada zatnya seperti jauhar hayulani adalah satu ain pada zatnya tetapi banyak pada suwar yang zahir dalamnya . Ia memuat suwar itu dengan zatnya .

Seperti demikian al Haq dari segi apa yang zahir daripadanya daripada suwar tajalli . Satu tempat tajalli menjadi satu suwar alam bersama mafhum ahadiah . Lihat betapa baik pengajaran ilahi ini yang Allah khaskan pengintaianya kepada sesiapa yang dia kehendaki daripada hambaNya .

Apabila ahli Firaun menjumpainya dalam sungai di tepi pokok Firaun telah menamakannya Musa , iaitu daripada Mu ertinya air dalam Bahasa Qibti ; dan sa , iaitu pokok . Dinamakannya dengan apa yang dijumpai di sisinya . Sesungguhnya Tabut itu terhenti pada sebatang pokok . Firaun hendak membunuhnya tetapi perempuannya merayu . Dia telah mengucap dengan ucapan ilahi pada apa yang dia berkata kepada Firaun kerana Allah telah menciptakannya untuk kesempurnaan . Allah telah firman tentang itu dalam persaksian baginya dan Mariam binti Imran dengan kesempurnaan yang kepunyaan lelaki .

Dia telah berkata pada hak Musa : *semoga dia menjadi sejuk mata bagiku dan bagimu . (28/9)* iaitu pada Musa terdapat sejuk matanya kerana kesempurnaan yang terhasil baginya sepertimana telah disebut kami . Dia juga sejuk mata bagi Firaun dengan iman yang Allah memberikannya ketika tenggelam , lalu dicabut nyawanya hal keadaan suci dan disucikan . Tidak ada dalamnya sesuatu daripada keburukan kerana dia dicabut nyawa ketika dia beriman sebelum iktisab sesuatupun daripada dosa .

Islam menghapuskan apa yang sebelumnya . Allah telah menjadikannya sebagai ayat inayahNya Subhanahu dengan sesiapa yang Dia kehendaki , sehingga tidak ada seorang pun putus asa terhadap rahmat Allah . FirmanNya : *Sesungguhnya tidak putus asa terhadap rahmat dan pertolongan daripada Allah melainkan kaum yang kafir . (12/87)*

Jika Firaun antara orang yang putus asa dia tidak akan segera beriman . Maka Musa adalah sepertimana yang dikatakan perempuan Firaun terhadapnya : *semoga dia menjadi sejuk mata bagiku dan bagimu* ; jangan bunuhnya , mungkin dia akan bermanfaat kepada kami . Telah berlaku seperti demikian , sesungguhnya Allah telah memanfaatkan keduanya dengannya , jika sekalipun keduanya tidak sedar bahawa dia adalah nabi yang pada tangannya kebinasaan kerajaan Firaun dan keluarganya .

Apabila Allah melindunginya daripada Firaun jadilah fuad ibu Musa lapang daripada risau yang dialaminya . Allah telah mengharamkan atasnya penyusuan sehingga menerima tetek ibunya (komen : sensitiviti yang tinggi pada deria ciuman) , kemudian disusui ibunya . Dengan itu Allah menyempurnakan kebahagiaan ibunya dengannya .

Seperti demikian ilmu syariat . FirmanNya : *bagi setiap umat Kami jadikan satu syariat (5/48)* iaitu thariq dan minhaj daripada demikian thariq . Firman ini adalah isyarat kepada asal yang darinya datang Musa , dan ia adalah makanannya , sepertimana dahan pokok tidak makan melainkan daripada batangnya .

Apa yang haram dalam sesuatu syariat menjadi halal dalam syariat yang lain , iaitu halal dalam satu suwar . Sebenarnya ain sekarang bukan ain yang telah lalu kerana yang berlaku adalah penciptaan baru bukan pengulangan (ain) . Kerana inilah kami memperingati kamu . Dikinyah tentang ini pada hak Musa dengan tahrim penyusuan . Tahrim itu sebenarnya adalah atas orang yang menyusu bukan atas orang yang melahirkan .

Ibu yang melahirkan mengandung sebagai amanah dan janin dibentuk dalamnya . Ia makan daripada darah haidhnya tanpa kehendak daripadanya pada demikian , iaitu ibu tidak menganugerah atas janin . Janin tidak makan melainkan apa yang jika ia tidak memakannya , atau ia tidak keluar daripada ibu itu , nescaya ia akan membinasakan ibu itu atau menjadikannya sakit . Bahkan janin adalah anugerah ke atas ibunya dengan kerana memakan demikian darah . Ia memeliharanya daripada mudarat yang dia akan menjumpai jika tertahan demikian darah dalamnya tanpa keluar dan tidak dimakan janinnya .

Penyusuan bukan seperti demikian . Dengan penyusuan diqasatkan hayat bayi dan kekekalannya . Allah telah menjadikan demikian bagi Musa pada ibu yang melahirkannya . Tidak ada perempuan diutamakannya melainkan ibu yang melahirkannya , supaya sejuk matanya dan untuk tarbiahnya dan dia dapat saksi perkembangannya dalam biliknya dan tidak sedih .

Allah telah menyelamatkan Musa daripada kesukaran Tabut dengan menghanguskan zulmat tabiat dengan apa yang diberikannya daripada ilmu ilahi , jika sekalipun tidak keluar daripada tabiat . Dia telah mengujinya pada beberapa tempat yang banyak supaya dia merealisasikan kesabaran dalam dirinya atas ujian Allah terhadapnya .

Ujian pertama Allah atasnya adalah pembunuhan Qibti dengan ilham daripada Allah yang disuaikannya bagi Musa dalam sirrnya , jika sekalipun dia tidak sedar demikian . Dia tidak mendapati dalam dirinya kemurungan dengan pembunuhannya dan tidak bimbang sehingga sampai kepadanya penyelesaian Rabbnya pada demikian . Ini kerana **nabi maksum pada batin dari segi dia tidak sedar sehingga diberitahu** , iaitu dikhabarkan .

Kerana ini Khidir telah menampakkannya pembunuhan seorang pria kemudian Musa telah mengingkari Khidir atas pembunuhannya sedangkan dia tidak mengingati pembunuhannya akan Qibti . Khidir telah berkata kepadanya : *Aku tidak melakukannya atas urusan peribadi . (18/82)* Dia memperingatkannya atas martabatnya sebelum memberitahunya bahawa dia maksum pada tindakan sebenarnya walaupun tidak menyedari demikian .

Dia juga memperlihatkannya penebukan kapal yang zahirnya adalah pembinasaan tetapi batinnya keselamatan daripada tangan perampas . Dia menjadikannya membetuli tabut yang telah dicampakkan ke dalam sungai . Zahirnya pembinasaan tetapi batinnya keselamatan . Ibunya telah melakukan demikian , kerana takut tangan perampas Firaun yang mahu membunuhnya , dengan sabar . Dia melihat kepadanya bersama wahyu yang Allah mengilhamkannya tanpa sedar , dan mendapati dalam dirinya bahawa dia bakal menyusuinya .

Apabila dia merasai takut dia telah mencampakkannya ke dalam sungai , sepertimana dalam perumpamaan : di mana mata tidak melihat hati tidak tergoncang ; maka dia tidak takut terhadapnya ketakutan pensaksian mata dan tidak bimbang terhadapnya kebimbangan penglihatan mata . Termenang atas zhannya bahawa Allah akan mengembalikannya kepadanya kerana baik sangka terhadap Allah .

Dia mendukung zhan ini dalam dirinya dengan harapan yang melawani takut dan bimbang . Dia telah berkata ketika diwahyukan demikian (iaitu mencampakkan Tabut) : Mudah2an ini adalah rasul yang pada tangannya akan binasa Firaun dan Qibti . Dia hidup dan seronok dengan apa yang pada pihaknya adalah tawaham dan zhan tetapi ia adalah ilmu sebenarnya .

Kemudian apabila (pegawai Firaun) mencari Musa dia telah keluar melarikan diri dalam ketakutan pada zahir . Tetapi dalam makna dia kasih kepada keselamatan . Sesungguhnya harakat selama2nya adalah kerana kasih , hanya pemerhati terhibat dengan asbab yang lain yang bukan harakat .

Demikian adalah kerana yang asal adalah harakat alam daripada keadaan diam dalam adam kepada wujud . Kerana demikian dikatakan : Sesungguhnya **prinsipnya adalah harakat daripada diam . Harakat yang mencetuskan wujud alam adalah harakat kasih .** (komen : harmonis) Nabi saw telah memperingatkan demikian dengan sabdanya : Aku satu khazanah yang belum dikenali , maka Aku sukacita bahawa Aku dikenali . (Hadis)

Jika bukan kerana kasih ini , nescaya alam tidak akan zahir dalam ainNya dan harakat alam daripada adam kepada wujud adalah harakat kasih pewujud bagi demikian (pengenalan) . Juga alam kasih menyaksi dirinya dalam wujud sepertimana ia menyaksi dirinya dalam tsubut . Maka setiap wajah harakat daripada adam tsubuti kepada wujud aini adalah harakat kasih dari pihak al Haq dan pihak alam .

Sesungguhnya **kesempurnaan dikasihi kerana zatnya** . Ilmu Allah Taala tentang diriNya dari segi Dia adalah terkaya daripada segala alam . Ia milikNya . Tidak baqi melainkan kelengkapan martabat ilmu dengan ilmu hadas yang daripada ayan ini menjadi ayan alam apabila wujud . Maka zahirilah suwar kesempurnaan **dengan ilmu hadas dan qadim** dan martabat **ilmu menjadi sempurna** dengan dua wajah .

Seperti demikian **kesempurnaan martabat wujud** . Antara wujud ada yang azali dan yang tidak azali iaitu hadas . Wujud azali adalah wujud al Haq dengan sendiriNya . Wujud yang tidak azali adalah wujud al Haq dengan suwar alam yang tsabit . Ia dinamakan hadas kerana setengahnya zahir untuk setengahnya . Dia zahir kepada diriNya dengan suwar alam , maka sempurna lah wujud .

Harakat alam adalah kerana kasih kepada kesempurnaan , fahamilah . Tidakkah kamu lihat , bagaimana dinafaskan daripada asma ilahi , apa yang berada bersamanya sejak daripada adam penzahiran kesannya , ke dalam ain yang dinamakan alam . Nescaya **kerehatan** adalah sesuatu yang dikasihi(nya) . Dan ia tidak akan sampai kepada kerehatan melainkan dengan wujud dalam suwar yang tinggi dan yang rendah . Maka sabitlah bahawa harakah adalah kerana kasih , dan tidak ada harakat dalam fenomena melainkan kerana kasih .

Antara ulama ada yang mengetahui demikian dan antara mereka ada yang terhibab dengan sebab yang terdekat kerana hukumnya pada ketika itu dan penawannya atas nafs . Ketakutan tersaksi pada Musa dengan kerana pembunuhannya terhadap Qibti , namun terkandung dalam ketakutan itu adalah kasih kepada penyelamatan daripada pembunuhan , maka dia telah melarikan diri ketika rasa takut . Sama makna dengan : maka dia melarikan diri ; apabila dia mengasihi penyelamatan daripada Firaun dan amalannya terhadapnya .

Dia telah mengingati sebab yang terdekat yang disaksikannya pada ketika itu , yang adalah seperti suwar jasmani bagi basyar . Kasih kepada penyelamatan terkandung dalamnya seperti pengandungan jasad bagi ruh yang mentadbirkannya .

Anbiya mempunyai lisan yang zahir . Dengannya mereka bercakap untuk penyampaian umum bersama kepercayaan mereka kepada fahaman para alim yang mendengar . Maka rasul tidak mengambil iktibar melainkan orang awam kerana ilmu mereka tentang martabat ahli fahaman . Sepertimana Nabi saw memperingatkan tentang martabat ini pada pemberian dalam sabdanya : Aku memberi kepada orang ini sedangkan orang lain lebih aku kasihi daripadanya , kerana takut Allah menghumbkannya dalam api . (Hadis) Dia memberi pertimbangan kepada mereka yang lemah aqal dan pandangan yang termenang atasnya tamak dan tabiat .

Seperti demikian ilmu yang mereka datangkan , mereka mendatangkannya dalam bentuk fahaman yang termudah sekali . Ini supaya orang yang tidak pandai menyelam boleh berhenti pada bentuk yang mudah seraya berkata : Betapa indah bentuk ini dan dia melihatnya setinggi2 darjat . Sedangkan sahib fahaman yang daqiq , yang menemui permata hikmah yang patut bagi bentuk ini akan berkata : Ini pakaian raja . Dia melihat kepada kualiti dan bahannya . Dengannya dia mengetahui qadar orang yang terselubung dengannya . Kemudian dia akan menemui ilmu yang tidak pernah terhasil kepada selainnya , daripada mereka yang tidak mempunyai ilmu umpama ini .

Kerana anbiya , rasul dan pewaris mereka mengetahui bahawa dalam alam dari kalangan umat mereka ada orang dengan kebolehan ini , mereka berpegang dalam ibarat kepada lisan zahir yang padanya jatuh persekutuan khas dan amm . Orang khas akan faham apa yang difahami orang ramai dan lebih , yang melayakkannya gelaran khas . Dia terbeza daripada yang buta , dan mereka yang telah mencapai ilmu berpuas hati dengan ini . Inilah hikmah dalam ucapannya : *Maka aku telah melarikan diri daripada kamu kerana takut kepada kamu* . Dia tidak berkata : Aku melarikan diri daripada kamu kerana kasih kepada keselamatan dan kesihatan.

Dia telah datang ke Madyan dan berjumpa dua perempuan dan menimba air untuk mereka tanpa upah . Kemudian dia berpaling kepada teduhan ilahi seraya berkata : *Wahai Rabbku , sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang kebaikan yang Kamu turunkan* . (28/24) Dia menjadikan ain amalannya menimba air sebagai ain kebaikan yang Allah turunkan kepadanya , dan mewasafkan dirinya dengan faqir kepada Allah pada kebaikan yang ada di sisiNya .

Khidir telah memperlihatkan Musa pembinaan semula dinding tanpa upah , dan Musa telah menegurnya . Khidir memperingatkannya tentang penimbaan airnya tanpa upah dan lain2 yang tidak disebutkan . Nabi saw telah angan2 alangkah baik Musa berdiam dan tidak menentang , supaya Allah mencerita lebih langsung urusan keduanya .

Khidir telah menyedarkan Musa bahawa segala apa yang telah berlaku atasnya dan yang akan berlaku sesungguhnya adalah daripada suruhan Allah dan iradatNya yang tidak memungkinkan berlaku khilafnya . Ilmu tentangnya adalah antara **khususiah wilayah** . Adapun bagi rasul , sesungguhnya dia tidak biasa memerhatikannya kerana ia **sirr qadar** . Jika dia melihatnya ia mungkin menjadi sebab kelesuannya dalam tabligh apa yang dia disuruh . Allah telah melipatkan demikian ilmu daripada setengah rasul sebagai rahmat daripadaNya kepada mereka . Namun **tidak dilipatkan daripada Nabi saw kerana kekuatan halnya** . Kerana ini sabdanya : *aku menyeru kepada Allah atas basirah* . (75/14)

Dengan demikian kami mengetahui bahawa kejayaan Musa adalah tanpa ilmu daripadanya , jika dia berilmu , nescaya dia tidak mengingkari umpama demikian atas Khidir yang Allah telah saksikan baginya di sisi Musa tentang kebersihan dan keadilannya . Bersama ini Musa telah lupa tentang tazkiyah Allah bagi Khidir dan apa yang disyaratkan atasnya dalam mengikuti Khidir , sebagai satu rahmat bagi kami ketika kami lupa suruhan Allah . Jika Musa mengetahui demikian tidaklah Khidir bercakap kepadanya : *apa yang kamu tidak lengkap ilmu tentangnya* .() Iaitu sesungguhnya aku mempunyai satu ilmu yang tidak terhasil bagi kamu zauqnya sepertimana kamu mempunyai ilmu yang aku tidak mengetahui . Insafilah .

Adapun hikmah perpisahannya , maka Allah telah berfirman tentang rasul : *dan apa yang rasul mendatangkan maka ambillah dan apa yang dia melarang kamu daripadanya maka jauhilah . (59/7)* Ulama Allah yang mengenali qadar risalah dan rasul akan berhenti (dari melampau) pada qaul ini . Khidir mengetahui bahawa Musa adalah rasul Allah , maka dia telah berhati2 melihat apa yang datang daripadanya supaya menunaikan adab hak bersama rasul .

Musa telah berkata kepadanya : *jika aku bertanya kamu tentang sesuatu selepas ini maka kamu tidak perlu bersahabat dengan aku lagi . ()* Dia telah melarang Khidir daripada bersahabat dengannya dan apabila berlaku soalan yang ketiga Khidir telah berkata : *Inilah perpisahan antara aku dan kamu . ()* Musa tidak berkata kepadanya : Jangan berbuat demikian . Dia tidak juga menuntut persahabatannya kerana ilmunya tentang qadar martabat dirinya yang telah mengucap kepada Khidir larangan bersahabat dengannya , maka Musa telah diam dan berlakulah perpisahan .

Lihat kepada kesempurnaan dua lelaki ini dalam ilmu dan penunaian hak adab ilahi . Dan insaf Khidir as pada apa yang diiktirafnya kepada Musa ketika berkata : Aku mempunyai ilmu yang Allah mengajarkan aku yang kamu tidak mengetahuinya dan kamu mempunyai ilmu yang Allah mengajarkan kamu yang aku tidak mengetahui .

Iklan ini daripada Khidir kepada Musa menjadi ubat bagi luka yang terkena pada Musa dalam ucapan Khidir : *bagaimana kamu dapat bersabar atas apa yang kamu tidak lengkap ilmu tentangnya* . Memang Khidir mengetahui ketinggian martabat Musa pada risalah sedangkan demikian martabat tidak padanya .

Zahir demikian dalam umat Muhammad dalam hadis polinasi pokok tamar . Nabi saw telah berkata kepada sahabatnya : Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu . (Hadis) Tidak ada syak bahawa ilmu tentang sesuatu adalah lebih baik daripada kejahilan terhadapnya . Kerana ini Allah telah memuji diri dengan firman bahawa : *Dia maha mengetahui tentang setiap sesuatu* .

Nabi saw telah mengakui bahawa sahabatnya lebih mengetahui tentang masalah dunia mereka daripadanya kerana dia tidak ada pengalaman tentangnya . Ia satu ilmu zauq/pengalaman dan percubaan/ujikaji . Nabi saw tidak terlapang untuk demikian ilmu bahkan **kesibukannya dengan apa yang lebih penting kemudian yang lebih penting** . Sungguh aku telah sedarkan kamu tentang satu adab besar yang kamu akan mendapat manfaat daripadanya jika kamu aplikasi diri kamu kepadanya .

() ARK : **Khidir** adalah suwar asma al Bathin , maqamnya adalah **maqam ruh** , dia mempunyai wilayah , ghaib , asrar qadar , ilmu huwiyah , anniyah dan laduni . Dalam takwilnya kepada Musa tentang tiga perkara itu dia telah mengucapkan: *aku berkehendak mengaibkannya ; kami berkehendak bahawa Rabb kamu menggantikan bagi keduanya ; Rabb kamu berkehendak . Iaitu isyarat daripadanya kepada sirr tauhid dan ahadiyah iradat dan tasaruf* .

Musa as adalah suwar asma al Zahir dan maqamnya adalah **maqam qalb** . Dia mempunyai ilmu risalah , nubuwah , tasyrik , hukum zahir . Mukjizatnya zahir dan jelas . **Allah belum sempurnakan baginya perhimpunan ilmu zahir dan batin** . Inilah sebab ada percanggahan dalam perjumpaan dengan Khidir .

Ucapan Musa : *kemudian Rabbku telah mengurniakan hukum (26/21) dikehendaki kekhalifahan : dan menjadikanku antara para rasul* , dikehendaki risalah . Maka tidak setiap rasul menjadi khalifah . Khalifah adalah sahib pedang , uzlah dan wilayah . Rasul tidak sedemikian . Tugasnya adalah penyampaian apa yang dia dihantarkan dengannya . Jika dia berperang atas itu dan melindunginya dengan pedang maka demikian adalah rasul dan khalifah .

Adapun hikmah soalan Firaun tentang mahiyah ilahi dengan katanya : *Apakah Rabb sekalian alam . (26/23)* maka ia bukan kerana dia jahil . Ia adalah satu ujian untuk melihat apa jawab Musa kerana dia mendakwa sebagai rasul Rabbnya . Firaun mengetahui martabat para rasul pada ilmu tentang Allah maka dia boleh mengambil dalil daripada jawabnya atas kebenaran dakwahnya .

Dia bertanya satu soalan wahaman (komen : leading question , bertanya definisi Rabb seolah2 Rabb boleh didefinisikan) dengan kerana para hadirin untuk memperkenalkan mereka , tanpa kesedaran mereka , dengan apa yang dia sedar dalam dirinya berkenaan soalnya . Musa menjawabnya dengan jawapan orang yang mengetahui apa yang sebenar .

() *ARK : haqiqat basithNya tidak mungkin ditakrifkan melainkan dengan nisbah dan idhafat . Resam yang paling sempurna bagiNya yang paling lengkap adalah nisbah rububiah kepada segala alam*

Firaun menyatakan bantahan untuk mempertahankan pendapatnya bahawa Musa belum lagi menjawab soalnya . (1) Maka ternyata di sisi para hadirin kerana kekurangan fahaman mereka bahawa Firaun lebih tahu daripada Musa . Kerana ini apabila Musa berkata dalam jawab apa yang patut sahaja , yang pada zahirnya memang bukanlah jawab atas apa yang disoalkan , malahan Firaun pun mengetahui bahawa dia tidak akan menjawab melainkan dengan demikian , Firaun telah berkata kepada sahabatnya : Sesungguhnya rasul kamu yang dihantarkan kepada kamu adalah majnun . Iaitu tertutup baginya ilmu tentang apa yang aku soalkannya , kerana tidak tergambar bahawa ia dapat diketahui langsung .

() *ARK : kerana Musa tidak menjawab dengan definisi*

Soalan itu sahih , kerana soalan tentang mahiyah adalah soalan tentang haqiqat apa yang dituntut . Dan semestinya ia mempunyai satu haqiqat tersendiri . Adapun mereka yang menjadikan definisi sesuatu yang tersusun daripada jenis dan fasal maka demikian hanya pada apa yang padanya berlaku persekutuan . Adapun pihak yang tidak mempunyai jenis , tidak lazim tidak mempunyai satu haqiqat tersendiri yang tidak berada pada selainnya . Soalan itu sahih atas mazhab ahli al Haq dan ilmu yang sahih dan ahli aqal sejahtera . Tidak ada jawapan melainkan apa yang dijawab Musa .

Di sini ada satu rahsia yang amat besar . Sesungguhnya dia telah menjawab dengan tindakan kepada orang yang bertanya tentang hadd zat , iaitu dia menjadikan hadd zat ain idhafatNya kepada apa yang Dia zahir dengannya daripada suwar alam , atau apa yang Dia zahir dalamnya daripada suwar alam . Seolah2 dia berkata kepada Firaun dalam jawabnya kepada pertanyaannya : *Apakah Rabb sekalian alam* , dengan jawapan : yang dalamNya zahir suwar alam yang tinggi iaitu langit dan yang rendah iaitu bumi , jika kamu orang yang yaqin ; ataupun , Dia zahir dengan alam .

Apabila Firaun berkata kepada sahabatnya : sesungguhnya dia majnun ; Musa telah menambahkan penjelasannya supaya Firaun mengetahui martabatnya dalam ilmu ilahi , kerana dia mengetahui bahawa Firaun mengetahui demikian , dengan berkata: Rabb masyriq dan maghrib . () Iaitu dia telah datangkan apa yang zahir dan apa yang tersembunyi atau batin dan apa yang antara keduanya . FirmanNya : *Dia maha mengetahui tentang segala sesuatu* . Dan : *jika kamu beraqal* ; iaitu jika kamu sahib taqyid , kerana aqal adalah untuk taqyid . ()

() ARK : *sesungguhnya masyriq adalah untuk penzahiran al Haq , yang zahir , yang menentukan segala apa yang zahir dengan isyraq nurNya dan semata2 penzahiranNya daripada alam ajsam dan khalq . Maghrib adalah untuk kebatinan , yang batin , yang menentukan segala apa yang batin dalam ghaib ainNya dan ain kehadiranNya dengan ilmuNya daripada alam arwah dan amar . Apa yang antara keduanya adalah ta'yin dan shuun yang menghimpunkan arwah dengan ajsam .*
() ARK : *iaitu pengekaitan dengan tasybih dengan arwah dan uqul atau tanzih wahmi .*

Jawab Musa yang pertama adalah jawapan orang yang yaqin iaitu ahli kasyaf dan wujud . Dia telah berkata kepada Firaun : jika kamu orang yang yaqin ; iaitu ahli kasyaf dan wujud , maka sesungguhnya aku telah memberitahu kamu apa yang kamu meyaqininya dalam syuhud kamu dan wujud kamu .

Dan jika kamu buka daripada golongan ini maka aku telah menjawab kamu dalam jawapan kedua : jika kamu ahli aqal dan taqyid . Iaitu dengan pembatasan kamu akan al Haq dalam apa yang dalil aqal kamu keluarkan .

Musa telah zahirkan dua wajah untuk memberitahu Firaun tentang soalnya dan tentang kebenarannya . Musa mengetahui bahawa Firaun telah mengetahui demikian atau memahami demikian kerana dia telah menyoal tentang mahiyah . Dia mengetahui bahawa soalnya bukan mengikut istilah orang purba dalam bersoal dengan apakah.

Kerana demikian Musa telah menjawab . Jika dia mengetahui daripada Firaun selain demikian nescaya dia menyalahkannya dalam soalnya . Apabila Musa menjadikan apa yang disoalkan tentangnya ain alam , Firaun telah berkata kepadanya dengan lisan ini sedangkan kaum/orang ramai tidak sedar .

Firaun telah berkata kepada Musa : *Jika kamu mengambil selain daripada aku sebagai tuhan nescaya aku akan memenjarakan kamu* .(26/29) Huruf sin dalam sajjana (memenjarakan) adalah huruf tambahan , iaitu nescaya aku akan menyembunyikan kamu . Kerana kamu telah menjawab dengan apa yang menyokong aku , dalam berkata kepada kamu dengan seumpama ucapan ini .

() ARK: *Firaun adalah muwahid yang melampau batas , menyeru manusia kepada dirinya dengan tauhid ilmiahnya bukan tauhid syuhudi dan zauqi .*

Jika kamu berkata kepada aku (ini, wahai Musa) : Wahai Firaun , kamu telah jahil dengan ancaman kamu kepada aku , ain adalah satu maka bagaimana kamu memisahkan .

() ARK : *ini lisan hal dalam Musa apabila mendengar ucapan Firaun*

Maka berkata Firaun : Sesungguhnya martabat berpisah tetapi tidak berpisah pada ain dan tidak terbahagi pada zatnya . Martabat aku sekarang adalah penghukuman atas kamu , wahai Musa secara benar . Aku kamu pada ain tetapi lain daripada kamu pada martabat . Apabila Musa memahami demikian daripadanya , dia telah memberitahu Firaun haknya dengan mengucap : Kamu tidak akan berkuasa atas demikian .

Martabat Firaun memberinya kuasa atas Musa dan penzahiran kesan atasnya kerana al Haq dalam martabat Firaun pada suwar zahir adalah penghukuman atas martabat yang padanya zahir Musa dalam demikian majlis . Musa telah berkata kepada Firaun bahawa akan zahir baginya satu halangan atas permusuhannya terhadap dia dengan ucapan : Jikalau aku datangkan sesuatu yang amat nyata .

Firaun tidak berpeluang melainkan berkata kepadanya : Datangkanlah ia jika kamu seorang yang benar . Tujuannya supaya dia tidak zahir di sisi orang yang lemah pandangan daripada kaumnya bahawa dia seorang yang tidak adil , kerana mereka memang meragukannya . Mereka satu kumpulan yang Firaun telah memperlekehkan namun mereka mentaatinya ; sesungguhnya mereka satu kaum yang fasiq . Iaitu terkeluar daripada apa yang diberi aqal yang sejahtera (seperti mengingkari apa yang didakwah Firaun dengan lisan yang zahir dalam aqal) .

Sesungguhnya bagi aqal ada satu hadd yang ia berhenti padanya , hanya sahib kasyaf dan yaqin mampu melangkahi hadd ini . Inilah sebab Musa mendatangkan jawab yang boleh diterima ahli yaqin kemudian ahli aqal .

Kemudian dia mencampakkan tongkatnya (26/32) Ia adalah suwar apa yang Firaun durhakai terhadap Musa dalam keengganannya menerima dakwah Musa . Tiba2 ia menjadi ular nyata2 , iaitu ular pada zahirnya , maka bertukarlah maksiat yang adalah kejahatan kepada taat yang adalah kebaikan . Firman Allah Taala : Allah akan menggantikan kejahatan mereka dengan kebaikan (25/70) pada hukum .

() *ARK: Tongkat mencontohi nafs natiqah Musa yang muthmaninah dan taat kepada qalb yang dilunakkan nur qudus dengan bantuan al Haq . Pada Firaun nafs mentaati hawa menjadi nafs ammarah , enggan dan ingkar al Haq dengan rekaan quwwah mutakhayal dan waham .*

Zahir hukum di sini adalah perbezaan ain dalam satu jauhar , iaitu ia sebagai tongkat , ular dan ular raksasa yang nyata , kemudian ia menelan seumpamanya daripada ular dalam keadaan ia ular , dan menelan tongkat dalam keadaan ia tongkat . Maka zahirilah hujjah Musa atas hujjah Firaun dalam suwar tongkat , ular dan tali . Para sihir mempunyai tali tetapi Musa tidak . Habl (/tali) juga bermakna bukit yang kecil . Iaitu daya dan upaya mereka berbanding dengan Musa pada kedudukan bukit dengan gunung .

Apabila para sihir melihat demikian mereka mengetahui martabat Musa dalam ilmu kerana apa yang mereka melihat bukan dalam kemampuan basyar . Dan jika ia dalam kemampuan basyar maka ia tidak melainkan pada orang yang mampu membezakan ilmu yang benar daripada khayal dan waham . Mereka beriman dengan Rabb sekalian alam , Rabb Musa dan Harun . Iaitu Rabb yang Musa dan Harun menyeru kepadanya . Mereka mengetahui bahawa kaum Firaun mengetahui Musa tidak menyeru kepada Firaun .

Oleh kerana Firaun berperanan menghukum , sahib waktu dan dia khalifah pedang , dan harus dalam uruf penghukuman , maka dia telah mendakwa : Aku rabb kamu yang tertinggi . Iaitu jika sekalipun ada banyak rabb namun akulah tertinggi daripada sekalian mereka , dengan kerana diberi kepadanya pada zahir daripada penghukuman atas mereka .

Para sihir mengetahui kebenarannya pada apa yang dia katakan dan mereka tidak mengingkarinya , bahkan menetakannya bagi dia . Berkata mereka : Qadhakanlah apa yang dalam kuasa qadha kamu . Sesungguhnya kamu hanya berkuasa atas hayat dunia ini dan daulat adalah pada kamu . Maka sah katanya : Aku rabb kamu yang tertinggi . Jika sekalipun (Rabb Tertinggi) adalah ain al Haq namun suwar ada pada Firaun . Dan dia telah memotong tangan , kaki dan mensalibkan dengan ain haq dalam suwar yang batil dan dengannya mencapai satu martabat yang tidak dapat dicapai melainkan dengan demikian tindakan .

Sesungguhnya tidak ada jalan untuk mengabaikan asbab kerana ayan tsabit menuntutinya . Tidak zahir dalam wujud melainkan dengan suwarnya dalam tsubut kerana : *tidak ada perubahan dalam kalimat Allah (10/64)*. Kalimat Allah bukan lain daripada ayan maujudat yang dinisbahkan kepada qidam dari segi tsubutnya dan dinisbahkan kepada hadas dari segi wujud zahirnya .

Sepertimana kamu berkata : Hadas di sisi kami hari ini seorang manusia atau tetamu . Tidak lazim daripada hadasnya bahawa dia tidak mempunyai wujud sebelum hadas ini . Kerana ini Allah telah berfirman dalam KalamNya yang Maha Perkasa mengenai kedatanganNya bersama qidam KalamNya : *Tidak datang kepada mereka sebarang peringatan dari Rabb mereka secara beransuran melainkan mereka mendengarnya sambil bermain2 . (21/2)* dan : *tidak datang kepada mereka peringatan dari al Rahman yang baru melainkan mereka berpaling mengingkarinya . (26/5)* Al Rahman tidak mendatangkan melainkan rahmat , maka sesiapa berpaling daripada al Rahman menghadap azab iaitu adam rahmat .

Adapun firmanNya : *Iman (yang mereka ucapkan) semasa melihat azab Kami tidak memanfaatkan mereka . Demikian kerana ia adalah sunnatullah yang berlaku atas hambaNya dari dahulu lagi .(40/85)* Demikian tidak bermakna ia tidak bermanfaat kepada mereka dalam akhirat kerana firmanNya dalam pengecualian : *melainkan kaum Yunus .()* Apa yang dikehendaki adalah bahawa demikian tidak mengangkat daripada mereka balasan di dunia . Kerana itu dibalaskan Firaun bersama wujud iman daripadanya . Ini (adalah benar) jika sekalipun urusannya adalah urusan orang yang yaqin akan mati demikian saat .
() **ARK : sambungannya : apabila mereka beriman , Kami kasyafkan daripada mereka azab yang hina dalam hayat dunia .**

Namun qarinah hal menunjuk bahawa dia tidak yaqin dia segera mati kerana dia telah melihat orang mukmin berlalu atas thariq yang kering yang zahir dengan pukulan Musa as dengan tongkatnya atas laut . Firaun belum yaqin kebinasaannya ketika beriman , berbanding dengan orang yang menghadiri maut , maka dia tidak tergolong bersamanya . Dia beriman dengan apa yang Bani Israil beriman atas keyakinan mendapat keselamatan .

Terjadi sepertimana diyaqininya tetapi atas suwar lain dari apa yang dikehendakinya . Diselamatkannya daripada azab akhirat dan badannya diselamatkan sepertimana dalam firmanNya : *Pada hari ini Kami menyelamatkan badan kamu supaya kamu menjadi ayat kepada orang yang kemudian daripada kamu .(10/92)* Ini kerana jika suwarnya ghaib mungkin kaumnya akan berkata dia terselindung dalam ghaib . Dia zahir dalam suwarnya yang terkenal sebagai mayit supaya diketahui ia memang dia . Sesungguhnya penyelamatan telah meratainya pada indera dan makna .

Barangsiapa terbenar atasnya kalimat azab akhirat tidak akan beriman jika sekalipun didatangkan kepadanya dengan segala ayat sehingga dia melihat azab yang menyakitkan itu , iaitu merasai azab akhirat . Firaun terkeluar daripada golongan ini . Ini adalah apa yang zahir daripada nas al Quran . Kemudian kami hendak berkata , dan segala urusan ini terpulang kepada Allah , tentang apa yang bertetapan dalam fahaman umum berkenaan kesengsaraannya , tidak bagi mereka nas pada demikian yang mereka boleh mensandarkan kesengsaraan kepadanya . Adapun ahlinya maka bagi mereka hukum yang lain dan sini bukanlah tempat menyebutnya .

Kemudian ketahuilah bahawa Allah tidak mencabut nyawa seseorang melainkan dia mukmin iaitu membenarkan apa yang didatangkan khabar ilahi semasa menghadiri maut . Kerana ini makruh mati tiba2 dan pembunuhan lalai tanpa kesedaran si mati . Adapun **mati tiba2** maka haddnya bahawa keluar nafas yang dalam dan tidak masuk nafas yang luar . Ini mati tiba2 dan tidak menghadiri maut . Seperti itu juga pembunuhan lalai dengan ditetak leher dari belakang tanpa kesedaran . Maka dicabut nyawa dalam keadaan iman atau kufur mengikut keadaan ketika maut .

Kerana ini Nabi saw bersabda : Dihimpunkan seseorang dalam keadaan dia mati atasnya sepertimana dicabutnya nyawanya mengikut keadaan ketika maut .(Hadis) Sedangkan seorang yang menghadiri maut tidak melainkan orang yang bersaksi . Dia beriman dengan apa yang berlaku di sana , maka tidak dicabut nyawanya melainkan atas apa yang dia mengalami . Maka ada perpisahan antara kafir yang menghadiri maut dan kafir yang terbunuh lalai atau mati tiba2 , sepertimana kami sebutkan dalam mati tiba2 .

Adapun hikmah tajalli dan kalam dalam suwar api , maka ia adalah kerana api adalah objek tuntutan Musa . Maka ditajalli kepadanya dalamuntutannya supaya dia menghadapNya dan tidak berpaling daripadanya . Jika ditajalli kepadanya dalam suwar selain tuntutan nescaya dia akan berpaling daripadanya kerana telah terhimpun himmahnya atas satu tuntutan khas . Jika dia berpaling amalannya akan kembali kepadanya dan al Haq akan berpaling daripadanya . Sedangkan dia terpilih dan diperdekatkan . Antara qurbahNya bahawa Dia tajalli kepadanya dalam tuntutan sedangkan dia tidak sedar .

Seperti api Musa , dia melihatnya ain hajatnya

Bahkan ia adalah Tuhan tetapi dia tidak menyedarinya

Permata Hikmah Samad dalam Kalimat Khalid

Adapun hikmah Khalid ibn Sinan , maka sesungguhnya dia menzahirkan dakwah nubuwah barzakh . Dia tidak mendakwah pengkhabaran apa yang ada di sana melainkan selepas maut . Dia suruh supaya digali kuburnya dan disoal , untuk mengkhabarkan bahawa hukum dalam barzakh berlaku atas suwar kehidupan dunia . Dengan demikian diketahui kebenaran rasul kesemua mereka , pada apa yang mereka khabarkan semasa kehidupan mereka di dunia .

Tujuan Khalid as adalah keimanan alam seluruhnya dengan apa yang didatangkan rasul supaya ia menjadi rahmat untuk semua . Sesungguhnya dia dimuliakan dengan nubuwah yang dekat dengan nubuwah Nabi saw . Dia mengetahui bahawa Allah mengutus Nabi saw sebagai rahmat untuk sekalian alam tetapi Khalid bukan seorang rasul . Dia berkehendak bahawa terhasil baginya limpahan rahmat dalam risalah Muhammadiyah ini .

Dia tidak disuruh tabligh tetapi dia berkehendak mendapat pahala demikian dalam barzakh , supaya ilmu ini menjadi kuat di kalangan khalq tetapi kaumnya telah mensia2kannya .

() *ARK: Khalid seorang yang kuat himmah dan ghalib atasnya syuhud ahadiyah . Dia dan kaumnya tinggal di negeri Aden . Telah zahir di kalangan mereka api besar yang keluar daripada satu gua kemudian membinasakan tanaman dan ternakan . Khalid telah memukul api itu dari belakang dengan tongkatnya seraya berkata : Pergi , pergi . sehingga api itu menjadi sejuk dan kembali ke dalam gua itu .Dia telah berkata kepada qaumnya bahawa dia akan masuk gua itu untuk memadam api itu . Dia suruh mereka memanggilnya selepas tiga hari lengkap kerana jika mereka memanggilnya sebelum itu dan dia keluar dia akan mati . Jika mereka sabar dia akan keluar sejahtera . Mereka telah sabar dua hari kemudian syaithan telah menggelisahkan mereka dan mereka bimbang dia telah binasa . Mereka menyerunya dan dia telah keluar daripada gua dengan dua tangan atas kepalanya kerana sakit daripada seruan mereka seraya berkata : Kamu telah mensia2kan aku dan meninggalkan kata2 aku dan janji aku . Dia telah khabarkan mereka tentang kematiannya dan suruh mereka supaya menguburkannya dan tunggu empat puluh hari . Akan datang kepada mereka satu kumpulan kambing didahului seekor keldai dengan telinga yang terpotong dan ekor yang terputus . Apabila ia menepati kuburnya dan berhenti hendaklah mereka menggali kuburnya . Dia akan bangun dan mengkhabarkan mereka tentang perkara2 selepas maut dengan sejelas2nya . Kemudian dia telah mati dan dikuburkan . Selepas berlalu empat puluh hari kumpulan kambing itu datang didahului seekor keldai dan berhenti pada kuburnya . Mereka yang beriman bercita2 menggali kuburnya namun anak2nya yang tua enggan kerana malu diberi gelaran anak orang yang digali kuburnya . Kekerasan jahiliah telah membawa mereka kepada mensia2kan wasiatnya dan membinasakannya . Selepas kebangkitan Nabi saw , anak perempuan Khalid telah mendatangnya . Nabi saw telah bersabda: Marhaban , wahai anak nabi yang disia2kannya kaumnya .*

Sesungguhnya Nabi saw mewasafkan mereka sebagai mensia2kan nabi mereka kerana mereka tidak menyampaikannya kehendaknya . Apakah Allah

menyampaikannya balasan cita2nya . Tidak ada syak dan khilaf bahawa dia mendapati balasan bercita2 . Hanya sanya syak dan khilaf adalah pada balasan apa yang dituntut (iaitu nubuwwah barzakh) . Apakah sama cita2 dengan berlakunya cita2 itu kepadanya , dan tidak berlakunya dalam wujud akhirat , ataupun tidak .

Sesungguhnya dalam syariat tidak ada sokongan kesamaan dalam banyak tempat . Seperti orang yang mendatangi solat jamaah tetapi luput jamaah , maka baginya pahala orang yang menghadiri jamaah . Dan seperti orang yang berangan2 , sedangkan dia faqir , apa yang dilakukan mereka yang berkesenangan dan berharta dari perbuatan kebajikan , apakah baginya pahala yang sama . Apakah ia pahala yang sama dalam niat atau dalam amal .

Sesungguhnya mereka menghimpunkan niat dengan amal dan Nabi saw tidak menaskan atas keduanya atau atas satu2nya . Pada zahir tidak sama antara keduanya . Kerana ini Khalid ibn Sinan telah menuntut peranan menyampaikan sehingga sah baginya maqam jamak antara kedua urusan dan terhasil baginya dua pahala . Allah juga yang lebih mengetahui .

Permata Hikmah Fardiah dalam Kalimat Muhammadiyah

Hikmahnya adalah fardiah/keunikan kerana **dia sepaling sempurna maujud dalam spesis insan ini , dan kerana ini urusan (spesis ini) bermula dengannya dan berakhir dengannya** . Dia seorang nabi sedangkan Adam masih antara air dan liat . Kemudian dalam perkembangan anasir dia menjadi khatam anbiya .

Ifrad pertama adalah tiga . Ifrad yang lebih atas daripada awalan ini adalah daripadanya . Nabi saw adalah dalil yang paling menunjuk kepada Rabbnya . Sesungguhnya dia telah diberi **jawami kalim** yang adalah segala yang dinamakan asma Adam .

Dia menyerupai dalil dalam ketigaannya . Sesuatu dalil itu adalah dalil bagi dirinya juga . () Haqiqatnya menjanakan fardiah yang pertama kerana pembinaannya yang bertiga . Kerana demikian dia telah bersabda dalam bab mahabbah yang adalah asal wujud : Dijadikan aku kasih kepada dunia kamu dalam tiga perkara : perempuan , thibb dan dijadikan sejuk mata aku dalam solat . (Hadis)

() *ARK : kedalilannya termasuk zat dalil , sepertimana Nabi saw adalah seorang hadi dan mahdi .*

Dia telah mula dengan menyebut perempuan dan berakhir dengan solat . Demikian adalah kerana perempuan adalah sebahagian daripada lelaki pada asal penzahiran ainnya . Marifat insan tentang dirinya adalah terdahulu daripada marifatnya tentang Rabbnya kerana marifatnya tentang Rabbnya adalah natijah marifatnya tentang dirinya .

Kerana demikian Nabi saw telah bersabda : Sesiapa mengenali dirinya nescaya dia mengenali Rabbnya . (Hadis) Jika kamu kehendaki kamu boleh berkata khabar ini mencegah marifat dan menunjukkan kelemahan daripada sampai kepadaNya dan ini adalah dibenarkan . Jika kamu kehendaki kamu kata dengan sabit marifat .

Yang pertama adalah bahwa kamu mengetahui bahawa kamu tidak akan mengenali nafs kamu maka kamu tidak akan mengenali Rabb kamu . Yang kedua bahawa kamu mengenalinya maka kamu akan mengenali Rabb kamu . Muhammad adalah sejelas2 dalil kepada Rabbnya . Sesungguhnya setiap juzuk alam adalah dalil kepada asalnya yang adalah Rabbnya , maka fahamilah .

() *ARK : wanita adalah suwar nafs dan lelaki adalah suwar ruh*

Sesungguhnya dikasihkan kepadanya perempuan justeru itu dia merindui mereka dan ini adalah daripada kerinduan yang kull kepada juzuknya . Demikian menjelaskan apa yang sebenarnya pada pihak al Haq dalam firmanNya berkenaan kejadian insan anasiri : *dan Aku meniupkan dalamnya daripada Ruh Aku . (15/29)* . Dia telah wasafkan diriNya dengan kuat rindu kepada pertemuan dengan mereka yang merinduiNya dalam firmanNya : *Wahai Daud , sesungguhnya Aku sangat rindu kepada mereka , iaitu yang merinduiNya* . Dan ini satu pertemuan khas mengikut sabda Nabi saw dalam hadis Dajjal : *sesungguhnya seorang kamu tidak akan melihat Rabbnya sehingga dia mati* . (Hadis)

Al Haq rindu kepada para muqarabun ini bersama keadaanNya melihat mereka dan Dia kasih bahawa mereka melihatNya , namun maqam (hidup mereka) menghalang demikian . Ini menyerupai firmanNya : *sehingga Kami mengetahui* , bersama keadaanNya Maha Mengetahui . Dia merindui sifat khas ini () yang tidak akan wujud melainkan di sisi maut .

() *ARK : terangkat hijab anniyah hamba*

Dia menguji mereka dengan (maut) mengenai rindu mereka kepadaNya sepertimana firmanNya dalam hadis bolak-balik : Aku tidak berbolak-balik dalam sesuatu yang Aku akan melakukannya seperti berbolak-balik Aku dalam mencabut nyawa hambaKu yang mukmin yang benci maut dan Aku membenci kematiannya , sedangkan semestinya baginya pertemuan dengan Aku . (Hadis)

Dia membawa khabar gembira kepadanya dan tidak berfirman kepadanya bahawa semestinya dia mati , supaya dia tidak bimbang dengan peringatan maut . Manusia tidak akan bertemu Allah melainkan selepas maut sepertimana sabda Nabi saw : Sesungguhnya seorang kamu tidak akan melihat Rabbnya sehingga dia mati . (Hadis) Kerana demikian Dia telah berfirman : semestinya baginya pertemuan dengan Aku ; kerana al Haq rindu supaya wujud nisbah ini .

Dia telah menjelaskan bahawa Dia meniup dalamnya daripada ruhNya , maka dia tidak merindu melainkan kepadaNya . Tidakkah kamu melihat bahawa Dia menciptakannya atas suwarNya kerana dia adalah daripada ruhNya . Pertumbuhannya adalah daripada rukun empat ini yang dinamakan dalam jasadnya sebagai akhlath . ()

() *ARK : rukun yang tidak menjadi akhlath tidak akan menjadi anggota*

Dengan tiupan (ruh) bernyalalah benda basah yang ada dalam jasadnya . Ruh insan bertindak sebagai api dalam operasi sistemnya . Kerana ini Allah tidak berkata2 dengan Musa melainkan dalam suwar api dan Dia menjadikan hajatnya pada api . Jika sistemnya adalah mengikut tabiat (alam qudus) nescaya ruhnya daripada nur .

Dikinayahkan tentangnya dengan tiupan untuk menunjukkan bahawa ia adalah daripada nafs al Rahman . Sesungguhnya dengan nafs ini , yang adalah tiupan itu , zahirlah manusia daripadaNya . Dengan kerana persediaan pihak yang ditiupkan ke dalamnya jadilah nyalaan itu api bukan nur .

() *ARK : tempat tiupan adalah maddah jasad . Persediaannya adalah benda basah tabii yang asalnya adalah mani yang direka dengan mizaj yang berseimbangan . Persediaan haqiqi adalah demikian keseimbangan yang menjadikan tempat menerima pengaruh ruh dan takluk tadbir ruh , sehingga dengan kerana ruh bernyala dalamnya api , iaitu kepanasan tabii yang dijadikan daripadanya ruh haiwan ataupun nafs . Maka zahirlah jauhar nurani iaitu ruh insan mujarrad (akibat tiupan ruh ilahi) dalamnya dengan suwar api . Jika bukan kerana tabiat nyalaan ini dalam benda basah tabii dengan kerana keseimbangan itu , nescaya tidak zahir nur ini dengan suwar api .*

Kemudian Dia terbitkan baginya daripadanya seorang individu atas suwarNya dan menamakannya perempuan . Perempuan zahir dengan suwar lelaki maka lelaki rindu kepada perempuan kerinduan sesuatu kepada dirinya . Dan perempuan rindu kepada lelaki kerinduan sesuatu kepada wathannya . Allah menjadikan lelaki kasih kepada perempuan .

Sesungguhnya Allah kasih kepada orang yang Dia telah ciptakan atas suwarNya . Dia telah menyuruh malaikatNya yang nurani bersama keagungan qadar mereka , kedudukan mereka dan ketinggian binaan tabii mereka supaya sujud kepadanya . Dari ini berlakulah munasabah , iaitu dengan kerana suwar itu antara lelaki dan perempuan , sepertimana antara al Haq dengan lelaki .

Suwar itu adalah munasabah yang paling agung , paling jelas dan sempurna kerana ia menjodohkan . Iaitu mengenakan wujud al Haq sepertimana perempuan dengan wujudnya mengenakan lelaki dengan menjadikannya berjodoh . Maka zahirilah yang tiga : Haq , lelaki dan perempuan . Lelaki merindui Rabbnya yang adalah asalanya kerinduan perempuan kepadanya .

Rabbnya menjadikannya kasih kepada perempuan sepertimana Allah kasih kepada orang yang berada pada suwarNya . Tidak berlaku kasih melainkan kepada pihak yang daripadanya dijadikan . Maka kasihnya adalah kepada pihak yang daripadanya dijadikan iaitu al Haq . Kerana ini dikatakan : dijadikan aku berkasih ; dia tidak berkata : aku berkasih , dengan sendirinya . Kasihnya bergantung kepada Rabbnya , yang dia (tercipta) atas suwarNya , sehingga pada kasihnya kepada perempuannya dia mengasihinya dengan kerana kasih Allah kepadanya dari segi akhlak ilahi .

Apabila seorang lelaki kasih kepada perempuan dia akan menuntut perhubungan . iaitu tujuan perhubungan yang terdapat dalam kasih . Tidak ada dalam suwar anasir perempuan perhubungan yang lebih agung daripada nikah . Dengannya syahwat meratai seluruh jujuknya , dan disuruh mandi selepas nikah untuk meratakan thaharah sepertimana fana dalam syahwat meratai ketika terhasil syahwat .

Sesungguhnya al Haq sangat cemburu terhadap hambaNya dan tidak mahu dia berikhtiqad bahawa dia telah berlazatan dengan selainNya . Maka dibersihkannya dengan mandi supaya dia kembali memandang kepadaNya dalam orang dia fana dalamnya , kerana tidak ada melainkan demikian .

Apabila seorang lelaki menyaksikan al Haq dalam perempuan , penyaksiannya adalah pasif . Apabila dia menyaksikanNya dalam dirinya dari segi penzahiran perempuan daripadanya , penyaksiannya adalah aktif . Apabila dia saksikanNya daripada dirinya tanpa menghadirkan apa2 suwar daripadanya , maka penyaksiannya adalah secara pasif daripada al Haq tanpa wasithah . Penyaksiannya terhadap al Haq dalam perempuan lebih lengkap dan sempurna kerana dia menyaksikan al Haq dari segi dia aktif dan pasif dan juga dari segi dirinya secara pasif khas .

Nabi saw kasih kepada perempuan kerana kesempurnaan penyaksian al Haq dalam mereka . **Tidak disaksikan al Haq mujarrad daripada maddah selama2nya** . Sesungguhnya Allah Taala pada zatNya adalah terkaya daripada segala alam . Dan kerana wajah ini tertegah , dan tidak ada penyaksian melainkan dalam maddah , maka penyaksian al Haq dalam perempuan adalah penyaksian yang paling agung dan sempurna .

Perhubungan yang paling agung adalah nikah . Bandingannya adalah tawajuh iradat atas orang yang Dia menciptakan atas suwarNya untuk menciptakannya . Kemudian melihat dalamnya suwarNya bahkan diriNya , kemudian membentukkannya dan menseimbangkan ciptaannya kemudian meniupkan dalamnya daripada ruhNya yang adalah nafasNya . Maka zahirnya adalah khalq dan batinnya adalah haq .

Kerana ini Dia mewasafkan diri dengan tadbir atas haikal ini . Sesungguhnya Allah Taala mentadbirkan segala urusan daripada langit iaitu ketinggian kepada bumi iaitu serendah2 yang rendah , kerana ia adalah rukun yang paling rendah .

Dia telah menamakan mereka sebagai nisaa iaitu satu perkataan jamak , tidak ada bentuk tunggal baginya dalam lafaz . Kerana demikian dikatakan : Diperkasihkan kepada aku daripada dunia kamu tiga perkara iaitu nisaa ; dia tidak menggunakan : mar'atu iaitu seorang perempuan . Bentuk nisaa memelihara ketundaaan mereka dalam wujud daripada lelaki , kerana nisaa bermakna ketundaaan juga . Firman Allah Taala : *Sesungguhnya penundaan bulan adalah satu tambahan pada kufur .(9/37)* Penjualan dengan nasia' digunakan bagi jualan kredit . Kerana demikian disebutkan nisaa .

Dia tidak kasih mereka melainkan atas martabat . Sesungguhnya mereka adalah tempat tindakbalas dan mereka kepadanya seperti tabiat kepada al Haq , yang Allah telah meniupkan ke dalamnya suwar alam dengan tawajuh iradat . Suruhan ilahi iaitu nikah adalah dalam alam suwar anasir tetapi himmah adalah dalam alam arwah nurani . Tertib dua muqadimah dalam proposisi adalah untuk menjanakan natijah . Segala demikian adalah nikah fardiah pertama dalam setiap wajah daripada wajah2 ini .

Sesiapa kasih kepada perempuan mengikut hadd ini maka ia adalah kasih ilahi . Sesiapa kasih kepada perempuan kerana syahwat tabii sahaja , ilmunya tentang syahwat ini adalah kurang . Nikahnya adalah suwar tanpa ruh di sisinya , jika sekalipun suwar itu sebenarnya mempunyai ruh . Akan tetapi ia tidak disaksikan oleh orang yang mendatangi isterinya atau perempuan semata2 untuk kelazatan sedangkan dia tidak tahu untuk siapa . Dia jahil tentang dirinya pada apa orang lain jahil tentangnya , selagi dia tidak menamakan dirinya dengan lisan sendiri sehingga dikenalnya .

Sah di sisi manusia bahawa aku seorang asyik
Melainkan mereka belum mengenali keasyikan aku untuk siapa

Seperti demikian orang yang kasih kepada lazat dia kasih tempat yang padanya berlaku kelazatan iaitu perempuan . Namun ghaib daripadanya ruh masaalah . Jika dia mengetahui masalah itu nescaya dia mengetahui dengan siapa dia berlazatan dengannya dan siapa yang berlazatan dan dia akan menjadi sempurna .

Sepertimana perempuan di bawah daripada darjat lelaki mengikut firmanNya : *orang lelaki mempunyai satu darjat kelebihan atas perempuan (2/228)* , maka apa yang diciptakan atas satu suwar di bawah darjat pihak yang membinanya atas suwar itu . Bersama keadaan dia (dibina) atas suwarNya , maka demikian darjat yang dengannya Dia terbeza daripadanya , dengannya Dia terkaya daripada sekalian alam iaitu sebagai pelaku yang pertama . Suwar adalah pelaku kedua dan ia tidak mempunyai keawalan kepunyaan al Haq . Ayan terbeza mengikut martabat . FirmanNya : *Dia memberi setiap sesuatu , kejadian tabiinya (20/50)* ; sepertimana setiap arif memberi setiap yang mempunyai hak akan haknya .

Kasih Muhammad saw kepada perempuan adalah atas pengkasihan ilahi . Allah memang memberi setiap sesuatu kejadian tabiinya , dan ia adalah ain haknya . Maka tidak diberikannya melainkan kerana dia berhak , yang dia berhak atasnya daripada yang dinamakan , iaitu zat demikian yang diberhakkan .

Sesungguhnya didahulukan perempuan kerana mereka tempat tindakbalas sepertimana terdahulu tabiat atas sesuatu yang wujud daripadanya melalui suwar . **Tabiat pada haqiqat bukan melainkan nafas al Rahman . Sesungguhnya dalamnya tertiu suwar alam yang tinggi dan rendah kerana aliran tiupan itu dalam jauh hayulani dalam alam jirim secara khas . Adapun alirannya (pada) arwah nurani dan aradh maka demikian adalah aliran lain .**

Sesungguhnya dalam khabar ini Nabi saw telah memenangkan lafaz muannats atas muzakkar kerana meletakkan keutamaan pada perempuan dengan bersabda : tsalatsa , bukan tsalatsatu yang adalah untuk bilangan muzakkar . Ia adalah yang sepatut kerana dalam khabar ada menyebut thibb yang adalah muzakkar . Adat Arab bahawa termenang muzakkar atas muannats , jika sekalipun hanya ada satu muzakkar dan ramai muannats , sedangkan Nabi saw adalah orang Arab .

Nabi saw memelihara makna yang dia qasad dengannya dalam menyatakan kasihnya kepadaNya dengan tidak memilih kasihnya sendiri . Allah telah memberitahunya apa yang dia tidak pernah mengetahui ; sungguh kurniaan Allah amat besar . Maka termenanglah muannats atas muzakkar dengan kata : tsalatsa . Siapakah yang lebih mengetahui tentang haqaiq daripada Nabi saw . Betapa sungguh pemeliharaannya terhadap huquq .

Kemudian dia telah menjadikan yang terakhir sebanding dengan yang pertama dalam muannats . Antara keduanya ditempatkan muzakkar , iaitu dia bermula dengan perempuan dan berakhir dengan solat , dan keduanya adalah muannats . Thibb yang berada antara keduanya adalah seperti dia dalam wujudnya . Sesungguhnya lelaki bertempat antara zat yang dia zahir daripadanya dan perempuan yang zahir daripadanya .

Maka lelaki adalah antara dua muannats , muannats zat dan muannats haqiqi . Seperti demikian perempuan adalah muannats haqiqi sedangkan solat adalah muannats yang bukan haqiqi , dengan thibb sebagai muzakkar antara keduanya . Seperti Adam adalah antara zat yang dia wujud daripadanya dan Hawa yang wujud daripadanya .

Jika kamu kehendaki kamu boleh kata sifat yang adalah muannats , dan jika kamu kehendaki kamu boleh kata qudrat yang adalah muannats juga . Maka ambillah mana satu mazhab kamu sukai . Kerana sesungguhnya kamu tidak akan mendapati melainkan muannats mendahului sehingga pada sisi ahli illat pun . Mereka menjadikan al Haq sebagai illat untuk wujud alam , bersama illat adalah muannats .

Adapun hikmah thibb dan dijadikannya selepas perempuan adalah kerana dalam perempuan ada bau takwin . Sesungguhnya thibb yang paling harum adalah pelukan habib , sepertimana dikatakan dalam perumpamaan umum .

Kerana pada asalnya dia dijadikan sebagai hamba , dia tidak pernah mengangkat kepalanya sekalipun sebagai penghulu bahkan dia tidak berhenti sujud , khuduk dan waqaf pada keadaannya . Keadaannya pasif sehingga Allah membentuk daripada apa yang dikehendaki dan memberikannya martabat yang aktif dalam alam anfas iaitu keharuman yang tayyib . Kemudian diperkasihkan kepadanya thibb dan kerana inilah dia meletakkannya selepas perempuan .

Dengan ini dia telah memelihara darjat yang patut bagi al Haq dalam firmanNya : *Dialah yang Maha Tinggi darjatNya yang pemilik Arshy (40/15)* kerana bersemayamNya atas Arshy dengan nama al Rahman . Tidak berkekalan pada orang yang diliputi Arshy seorang pun yang tidak disentuh rahmat ilahi . FirmanNya : Rahmat Aku meliputi segala sesuatu . Arshy meluasi segala sesuatu dan yang bersemayam atasnya adalah al Rahman . Maka rahmat mengalir dengan sebenarnya dalam alam sepertimana kami telah menjelaskan dalam banyak tempat dalam kitab ini dan juga dalam al Futuhat al Makkiah .

Allah telah menjadikan thibb dalam pertemuan nikah dalam peristiwa kesucian Aisyah ra dengan firmanNya : *Perempuan2 jahat adalah untuk lelaki2 yang jahat , dan lelaki2 jahat adalah untuk perempuan2 yang jahat , dan perempuan2 yang baik adalah untuk lelaki2 yang baik , dan lelaki2 yang baik adalah untuk perempuan2 yang baik . Mereka (yang baik) adalah bersih daripada (tuduhan) orang jahat . (24/26)* Dia menjadikan bau mereka baik , kerana percakapan adalah nafas . Ia adalah ain bau dan keluar dengan baik atau buruk mengikut apa yang zahir dalam percakapan .

Dari segi ia pada asalnya jenis ilahi yang segalanya baik , maka ia adalah baik . Dari segi ia memuji atau mencela maka ia adalah baik atau buruk . Bersabda Nabi saw berkenaan bawang putih : Ia satu pokok yang aku benci baunya (Hadis) ; dia tidak berkata aku bencinya . Iaitu ain tidak dibenci , hanyasanya dibenci adalah apa yang zahir daripadanya . Kebencian terhadap demikian adakala kerana uruf , tabii yang tercela , aradh , syariat atau kekurangan daripada kesempurnaan yang dituntut . Tidak ada di sana selain daripada apa yang kami telah sebutkan .

Apabila terbahagi urusan kepada baik dan jahat , diperkasihkan kepadanya yang baik bukan yang jahat . Diwasafkan malaikat bahawa mereka tersinggung dengan bau busuk , kerana terdapat dalam pembinaan anasir ini kereputan . Sesungguhnya ia tercipta daripada tanah liat kering yang berasal daripada lumpur yang berubah bau .

Malaikat benci pada zat , sepertimana mizaj kumbang tahi terganggu dengan bau mawar yang adalah antara bau harum . Bau mawar di sisi kumbang tahi bukan bau baik . Sesiapa terbina atas mizaj seumpama ini pada makna dan suwar , dia akan terganggu dengan al Haq apabila mendengarNya dan dia bergembira dengan yang batil . FirmanNya : *mereka yang beriman dengan yang batil dan kufur terhadap Allah (29//52) diwasafkan mereka dengan kerugian . FirmanNya : mereka adalah orang yang rugi* ; iaitu mereka yang merugikan diri mereka . Sesungguhnya barangsiapa tidak dapat membezakan yang baik daripada yang buruk tidak mempunyai **idrak** .

Tidak diperkasihkan kepada Nabi saw melainkan apa yang baik daripada segala sesuatu dan tidak di sana melainkan ia .() Apakah dapat digambarkan dalam alam satu mizaj yang tidak menjumpai melainkan yang baik sahaja daripada setiap sesuatu dan tidak mengenal yang jahat , ataupun tidak . Kata kami : ini tidak berlaku . Sesungguhnya kami mendapatinya dalam asal yang darinya zahir alam , dan ia adalah al Haq . Kami mendapatiNya benci dan kasih .

() *ARK : tidak ada di hadratnya melainkan yang baik*

Kejahatan adalah apa yang dibenci dan kebaikan adalah apa yang dikasihi . Alam terbina atas suwar al Haq , manusia atas dua suwar . Maka tidak ada di sana satu mizaj yang tidak mencapai melainkan satu pihak sahaja daripada setiap sesuatu . **Bahkan di sana ada mizaj yang membezakan yang baik daripada yang jahat bersama ilmunya bahawa ia jahat dari segi zauq dan baik dengan selain zauq . Kemudian pencapaian yang baik menyibukkannya daripada mengecam yang jahat dengan indera dan ini kadang2 berlaku .**

Adapun mengangkat yang jahat daripada alam iaitu daripada fenomena , maka ini tidak sah . Rahmat Allah meluasi yang baik dan yang jahat . Yang jahat pada dirinya adalah baik , sedangkan yang baik di sisi yang jahat (dianggap) jahat . Maka di sana tidak ada sesuatu yang baik melainkan ia mempunyai wajah yang jahat pada hak mana satu mizaj . Dan sedemikian sebaliknya .

Adapun yang ketiga , yang dengannya sempurna fardiah maka ia adalah solat . Sabda Nabi saw : Dijadikan sejuk mata aku dalam solat . (Hadis) Ini kerana **solat adalah musyahadah** dan demikian adalah kerana ia satu munajat antara Allah dengan hambaNya seperti firmanNya : *Ingatilah Aku nescaya Aku mengingati kamu . (2/152)* Ia satu ibadat yang terbahagi antara Allah dan hambaNya , setengahnya untuk Allah dan setengahnya untuk hamba .

Sepertimana datang dalam khabar sahih daripada Allah Taala bahawa Dia berfirman : Aku telah membahagikan solat antara Aku dan hambaKu kepada dua bahagian . Setengahnya bagi Aku dan setengahnya bagi hambaKu . Dan bagi hambaKu apa yang dia minta . Apabila hamba berkata : Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang ; Allah berfirman : HambaKu mengingatiKu . Apabila hamba berkata : Segala puji bagi Allah Rabb sekalian alam ; Allah berfirman : HambaKu memuji Aku . Apabila hamba berkata : Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang ; Allah berfirman : HambaKu telah mengagungkan Aku . Apabila hamba berkata : Yang menguasai pemerintahan Hari Akhirat ; Allah berfirman: HambaKu telah

memuliakan Aku . Dia telah menyerahkan kesemuanya kepada Aku . Bahagian ini segalanya adalah untuk Allah sahaja .

Kemudian hamba berkata : Kepada Kamu sahaja kami bersembah dan kepada Kamu sahaja kami meminta pertolongan ; Allah berfirman: Ini antara Aku dengan hambaKu. Bagi hambaKu apa yang dia minta . Berlaku kesekutuan dalam ayat ini . Apabila hamba berkata : Tunjukilah kami jalan yang lurus . Jalan orang2 yang Kamu telah kurniakan nikmat atas mereka , bukan jalan orang2 yang dimurkai Kamu dan bukan jalan orang2 yang sesat ; Allah berfirman : Kesemua ini untuk hambaKu dan bagi hambaKu apa yang dia minta . (Hadis)

Diasingkan yang ini untuk hambaNya sepertimana diasingkan yang pertama untuk Allah Taala . Diketahui daripada ini kewajiban membaca al Fatihah . Barangsiapa tidak membacanya maka dia tidak bersolat solat yang dibahagikan antara Allah dengan hambaNya .

Kerana solat adalah munajat maka ia satu peringatan . Sesiapa mengingati al Haq sesungguhnya dia duduk bersama al Haq . Dan al Haq duduk bersamanya . Sesungguhnya sah dalam khabar ilahi bahawa Dia berfirman : Aku duduk bersama orang yang mengingati Aku . (Hadis) Sesiapa duduk bersama pihak yang dia mengingati sedangkan dia mempunyai penglihatan nescaya dia melihat pihak yang duduk bersamanya , dan inilah **musyahadah dan rukyah** .

Jika dia tidak mempunyai penglihatan dia tidak akan melihatNya . Dari sini ketahuilah setiap mushalli martabatnya , apakah dia melihat al Haq dengan rukyah ini dalam solatnya atau tidak . Jika dia tidak melihatNya maka hendaklah dia menyembahNya dengan iman seolah2 dia melihatNya dengan mengkhayalkanNya pada pihak qiblatnya ketika munajatnya . Dan menumpukan pendengarannya kepada apa yang datang (**melalui pendengaran**) kepadanya daripada al Haq .

Sesungguhnya setiap mushalli adalah imam tanpa syak kerana malaikat bersolat belakang hamba apabila dia bersolat seorang diri , sepertimana datang dalam khabar . Maka jika dia menjadi imam dalam alamnya yang khas kepadanya dan kepada malaikat yang solat bersamanya maka sesungguhnya telah berhasil baginya **martabat rasul dalam solat** , iaitu sebagai naib daripada Allah Taala .

Apabila dia berkata : Allah mendengar sesiapa yang memujinya ; dia mengkhabarkan kepada dirinya dan sesiapa di belakangnya bahawa Allah telah mendengarnya . Maka malaikat dan para hadirin akan berkata : Rabb kami bagi Kamu segala puji . Sesungguhnya Allah telah berfirman melalui ucapan hambaNya : Allah telah mendengar sesiapa yang menujiNya . Renungilah ketinggian martabat solat dan ke hujung mana ia membawa sahib solat .

Sesiapa yang belum menghasilkan darjat **rukya dalam solat** belum lagi sampai penghujungnya . Tidak baginya pada solat sejuk mata kerana dia belum melihat siapa yang dia munajat . Dan jika dia tidak mendengar apa yang datang kepadanya daripada al Haq dalam solat maka dia tidak dikira orang yang menumpukan pendengaran . Sesiapa yang tidak hadir dalam solat bersama Rabbnya sedangkan dia tidak mendengar dan tidak melihat maka dia bukan mushalli langsung . Dia bukan daripada : **mereka yang mendengar baik2 bersama menjadi saksi . ()**

Tidak ada di sana satu ibadat yang melarang tasaruf pada selainnya selagi mengerjakannya melainkan solat . Peringatan Allah dalamnya adalah perkara yang terbesar sekali dalamnya kerana ia melengkapi sebutan dan tindakan . Kami telah menyebut sifat seorang yang sempurna dalam solat dalam al Futuhat al Makkiyah bagaimananya , kerana Allah berfirman : *Sesungguhnya solat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar .(29/45)*

Adalah disyariatkan dalam solat bahawa tidak ditasaruf pada selain ibadat ini selama dalamnya . Ini supaya dikatakan kepada pelakunya : Dia mushalli . Dan peringatan Allah adalah paling besar dalam solat , iaitu sebutan daripada Allah kepada hambaNya ketika menjawabnya dalam soalnya . Mengagungkan Allah adalah lebih besar daripada ingatan hamba akan Rabbnya dalam solat . Ini kerana kebesaran hanya bagi Allah . Kerana demikian firmanNya : *dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan .()* dan firmanNya : *mereka yang mendengar baik2 bersama menjadi saksi* Mendengar baik2 adalah mengenai apa yang terdiri daripada peringatan Allah kepadanya dalam solat .

Wujud boleh difahamkan sebagai harakah pindaan alam daripada adam ke wujud . Kerana demikian (iaitu harakah solat untuk mewujudkan peringatan Allah) maka solat melibatkan segala harakah yang tiga: harakah tegak , iaitu keadaan mendirikan solat ; harakah ufuk , iaitu keadaan rukuk mushalli dan harakah ke bawah iaitu keadaan sujud . Harakah manusia adalah tegak . Harakah binatang adalah berufuk . Harakat tumbuhan adalah ke bawah . Benda mati tidak mempunyai harakah pada zatnya dan apabila batu bergerak sesungguhnya ia bergerak dengan kerana selainnya .

Adapun sabda Nabi saw : dijadikan sejuk mataku dalam solat ; maka dia tidak menisbahkan penjadiannya kepada dirinya . Sesungguhnya tajalli Allah kepada mushalli kembali kepadaNya tidak kepada mushalli . Sesungguhnya jika dia tidak menyebut sifat ini dengan sendirinya nescaya penglibatannya dengan solat bukan tajalli daripadaNya untuknya . Justeru demikian adalah daripadaNya dengan thariq kurniaan , maka musyahadah juga dengan thariq kurniaan .

Sabdanya : dijadikan sejuk mataku dalam solat ; bukan selain musyahadah mahbub yang mata muhib mendekatinya dengan ketetapan . Mata berketetapan ketika rukyahNya dan tidak menilik bersamaNya kepada sesuatu selainNya apakah dalam objek atau tanpa objek . Inilah sebab dilarang berpaling dalam solat .

Berpaling adalah sesuatu yang syaithan mencuri daripada solat hamba kemudian diharamkan kepadanya musyahadah mahbubnya . Bahkan jika al Haq adalah mahbub orang yang berpaling ini nescaya dia tidak berpaling dalam solatnya kepada selain qiblatNya dengan wajahnya .

Manusia mengetahui hal dalam dirinya , apakah dia berada pada sekian keadaan dalam ibadat yang khas ini ataupun tidak . FirmanNya : *Sesungguhnya manusia menjadi saksi atas dirinya sendiri , walaupun dia memberi alasan (75/14)* Dia mengenali kebohongannya daripada kebenarannya dalam dirinya , kerana manusia tidak jahil tentang hal diri kerana hal melibatkan zauq .

Yang dinamakan solat mempunyai pembahagian yang lain . Sesungguhnya Allah Taala telah menyuruh kami supaya solat kepadaNya dan mengkhabarkan kami bahawa Dia bersolat atas kami , maka solat adalah daripada kami dan Dia . Dia sebagai mushalli adalah dengan namaNya al Akhir dan ini terakhir daripada wujud hamba . Ia ain al Haq yang hamba menciptakan dalam qiblatnya dengan pandangan fikiran atau dengan taqlidnya , iaitu Tuhan yang diiktihadkan . Ia berbeza mengikut persediaan yang terdiri pada demikian tempat .

Sepertimana berkata Junaid apabila ditanya berkenaan marifat tentang Allah di sisi si arif . Jawabnya : Warna air adalah warna bekasnya . Ini satu jawab yang matang , yang mengkhabarkan apa yang sebenarnya . Inilah Allah yang bersolat atas kami .

Apabila kami bersolat , bagi kami nama al Akhir , dan kami dalamNya sepertimana telah disebutkan berkenaan hal pihak yang mempunyai nama ini . Kami di sisiNya mengikut hal kami , dan Dia tidak melihat kepada kami melainkan dengan suwar yang kami datangkanNya dengannya . Sesungguhnya mushalli adalah yang terkemudian daripada apa yang terdahulu , pada kelengkapan .

FirmanNya : *Setiap makhluk mengetahui solatnya dan tasbihnya (24/41)* iaitu mengetahui martabatnya dalam keterakhiran (wujud) dalam ibadat kepada Rabbnya dan tasbihnya , yang persediaannya memberikannya daripada tanzih . *Tidak ada sesuatu melainkan ia bertasbih memuji Rabbnya()* al Halim al Ghafur . Kerana demikian kami tidak akan tafaquh tasbih alam satu persatu secara tafsil .

Kemudian satu martabat di mana kembali gantinama kepada hamba yang memuji pada martabat itu dalam firmanNya : *tidak ada sesuatu melainkan ia bertasbih dengan pujiannya ()* iaitu dengan pujian yang sesuai dengan demikian sesuatu .

Sepertimana kami kata pada orang yang beriktihad , sesungguhnya dia hanya memuji Tuhan dalam iktihadnya dan mengikatkan diri dengan Tuhan itu . Apa2 amalannya kembali kepadanya , maka dia tidak puji melainkan atas diri sendiri . Sesungguhnya ia adalah daripada pujian rekaan . Sesungguhnya para pereka dipuji tanpa syak . Sesungguhnya keelokan rekaan dan ketidak-elokannya kembali kepada pereka .

Tuhan orang yang beriktihad adalah rekaan untuk pelihat dalamnya , iaitu ia satu rekaannya . Maka pujinya atas apa yang diiktihadkannya adalah pujinya atas dirinya . Kerana ini dia mencela apa yang diiktihadkan orang lain . Jika dia insaf dia tidak akan berbuat demikian . Ini kerana sahib apa yang disembah ini yang khas adalah jahil tanpa syak pada demikian kerana dia menentang orang lain pada apa yang dia beriktihad tentang Allah . Jika dia mengenali apa yang Junaid telah berkata : Warna air adalah warna bekasnya ; nescaya dia akan menyerah kepada setiap orang yang mempunyai iktihad apa yang dia iktihadkan . Dan dia akan mengenali Allah dalam setiap suwar dan dalam setiap orang yang beriktihad .

(Sebenarnya) dia penyangka bukan alim . Kerana demikian firman Taala : Aku pada sangkaan hambaKu terhadap Aku . Iaitu Aku tidak zahir kepadanya melainkan dalam suwar apa yang diiktihadkannya . Jika dia berkehendak dia memutlakkan , dan jika dia kehendaki dia mengaitkan . Maka Tuhan2 yang diiktihadkan dipegangi hudud . Ia adalah Tuhan yang hati hamba meluasi .

Sesungguhnya Tuhan yang Mutlak tidak diluasi sesuatu kerana Dia ain segala sesuatu dan ain diriNya , sedangkan sesuatu itu tidak dikatakan tentangnya bahawa ia meluasi diri sendiri dan tidak juga tidak meluasi diri sendiri . Fahamilah . *Allah menerangkan yang benar dan Dia memberi petunjuk jalan .(33/4)*